

**PROSIDING SEMINAR PENYELIDIKAN TINDAKAN
PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN DENGAN KEPUJIAN
(PENDIDIKAN SENI VISUAL PENDIDIKAN RENDAH)**

22 – 23 September 2010

**Jabatan Sains Sosial
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak
Miri, Sarawak**

**PROSIDING SEMINAR PENYELIDIKAN TINDAKAN 2010
PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN DENGAN KEPUJIAN
(PENDIDIKAN SENI VISUAL PENDIDIKAN RENDAH)**

© Jabatan Sains Sosial, IPG Kampus Sarawak
Cetakan 2010

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Jabatan Sains Sosial, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri, Sarawak.

ISBN 978-983-43330-9-6

Reka Bentuk Kulit: Rozaidi Bin Salim

Diatur Huruf: Azizee Bin Amin, Nursuhaida Binti Suhaili & Zuriatina Binti Johari

Dicetak oleh Ricmaco Sdn. Bhd., Miri, Sarawak, Malaysia

Jabatan Sains Sosial
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak
Jalan Bakam
98009 Miri
Sarawak
Malaysia
Tel: 085-421201
Faks: 085-434178

PRAKATA

Tema Seminar Penyelidikan Tindakan 2010 ialah “Guru Sebagai Pengamal Reflektif”. Ia berhasrat untuk membudayakan penyelidikan dalam bidang pendidikan. Sesungguhnya, ilmu pengetahuan yang dianuti merupakan sesuatu yang bersifat dinamik. Justeru, usaha peningkatan kecemerlangan proses pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan kita adalah berterusan dan ia boleh dilakukan melalui penyelidikan tindakan. Penglibatan secara langsung dalam penyelidikan tindakan akan menjadikan kita sebagai pengamal reflektif untuk memahirkan diri kita dengan amalan dan praktis yang berkesan.

Penerbitan prosiding ini bukan sahaja untuk memenuhi syarat pengijazahan, malah ia juga membuka ruang perkongsian ilmu hasil penyelidikan dalam kalangan bakal pendidik. Ia boleh dijadikan bahan rujukan oleh pihak yang berminat dalam penyelidikan tindakan khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Prosiding ini bukan saja memberi pengenalan kepada cara melaksanakan aktiviti seni visual tetapi juga membantu pembaca memahami proses pelaksanaan penyelidikan tindakan secara mudah. Ini secara tidak langsung menggalakkan budaya penyelidikan tindakan dalam kalangan para pendidik di tempat kerja masing-masing.

Ucapan setinggi tahniah dan syabas kepada 20 orang guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) bagi major Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah di atas segala usaha, komitmen dan dedikasi yang ditunjukkan dalam menyempurnakan Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan 2010. Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan semasa Praktikum dan Internship pada tahun 2010. Kesemuanya dilaksanakan dengan lancar atas sokongan dan bimbingan yang diberikan oleh penyelia, pensyarah, guru pembimbing serta pihak pengurusan dari Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak dan juga sekolah-sekolah rendah di sekitar bandaraya Miri, Sarawak. Kesempatan ini saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung untuk menjayakan pelaksanaan penyelidikan tindakan, seminar pembentangan dan juga pelaporan kertas kerja ini.

Semoga penerbitan prosiding kali ini permulaan perjalanan dan penglibatan dalam penyelidikan tindakan berterusan bagi setiap bakal pendidik. Majukan ilmu demi bangsa dan negara. Teruskan usaha yang baik ini dan wujudkan budaya ilmu melalui penulisan.

LING PIK KUONG

Unit Seni Visual

Jabatan Sains Sosial

IPG Kampus Sarawak, Miri.

KANDUNGAN

| | Muka Surat |
|--|-------------------|
| PRAKATA | iii |
| KANDUNGAN | iv |
| PENGGUNAAN AUDIO DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL BIDANG MENGGAMBAR | 1 |
| <i>Abdul Manan Bin Abdul Kadir & Zabidi Bin Abdul Wahab</i> | |
| PELAKSANAAN AKTIVITI LUAR BILIK DARJAH DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH RENDAH | 12 |
| <i>Ahmad Ashfaq Bin Mohammad & Zabidi Bin Abdul Wahab</i> | |
| PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN: KAEDAH BAHAN MAJU SEBAGAI BAHAN BANTU MENGAJAR DALAM PENDIDIKAN SENI VISUAL BIDANG MENGGAMBAR TAHUN 3 | 23 |
| <i>Azizee Bin Amin & Gumbang Anak Pura</i> | |
| PENGINTEGRASIAN SENI PERGERAKAN KREATIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL DI SEKOLAH RENDAH | 37 |
| <i>Dayang Nurkhadijah Binti Abang Saini & Ling Pik Kuong</i> | |
| PELAKSANAAN AKTIVITI SENI VISUAL UNTUK PEMBELAJARAN KREATIVITI DI SEKOLAH RENDAH | 52 |
| <i>Grace Ling Ei Hung & Ling Pik Kuong</i> | |
| PENGINTEGRASIAN SENI MUZIK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL DI SEKOLAH RENDAH | 73 |
| <i>Hairena Lidya Binti Hatta & Ling Pik Kuong</i> | |
| PENGGUNAAN BOTOL PLASTIK TERBUANG DALAM AKTIVITI SENI VISUAL BAGI BIDANG MEMBENTUK DAN MEMBUAT BINAAN | 87 |
| <i>Lineika John Fabian & Ting Hie Ping</i> | |
| PENGGUNAAN BAHAN TERPAKAI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL | 98 |
| <i>Marlia Binti Marshid & Nelson Tandang Anak Edwin Unting</i> | |

| | |
|---|-----|
| PELAKSANAAN KAEDAH TUTOR RAKAN SEBAYA (BERPASANGAN) DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL | 108 |
| <i>Mohammad Faizal Bin Wahab & Gumbang Anak Pura</i> | |
| PELAKSANAAN PORTFOLIO DALAM BIDANG MENGGAMBAR PENDIDIKAN SENI VISUAL | 121 |
| <i>Mohammad Hafizi Bin Zaini & Selina Liew Phaik Guat</i> | |
| PELAKSANAAN PEMBELAJARAN KOPERATIF DENGAN KONSEP PERMAINAN PUZZLE DALAM PENGHASILAN GAMBAR DENGAN TEKNIK KOLAJ | 132 |
| <i>Nursuhaida Binti Suhaili & Nelson Tandang Anak Edwin Unting</i> | |
| PENGGUNAAN PENDEKATAN PEMBELAJARAN KONTEKSTUAL DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH RENDAH | 143 |
| <i>Nurul Hidayu Binti Suhaili & Chua Leong Chee</i> | |
| PELAKSANAAN AKTIVITI NYANYIAN LAGU KANAK-KANAK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH RENDAH | 154 |
| <i>Nurulsima Binti Othman & Chua Leong Chee</i> | |
| PELAKSANAAN PROGRAM EKONOMI TOKEN BAGI MENGURANGKAN TINGKAH LAKU BERMASALAH DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL | 166 |
| <i>Rebecca Anak Mangkam & Ting Hie Ping</i> | |
| PENGGUNAAN HASIL KERJA MURID YANG LEPAS DALAM AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH RENDAH | 175 |
| <i>Rozaidi Bin Salim & Gumbang Anak Pura</i> | |
| PELAKSANAAN AKTIVITI MEWARNA DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL | 189 |
| <i>Rozziana Binti Ismaili & Nelson Tandang Anak Edwin Unting</i> | |
| PENGGUNAAN SENI BUDAYA KOMUNITI IBAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL BIDANG KRAF TRADISIONAL | 199 |
| <i>Timothy Dylan Anak Frankie & Chua Leong Chee</i> | |
| PENERAPAN NILAI KEBERSIHAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH RENDAH | 208 |
| <i>Triswandi Bin Basri & Zabidi Bin Abdul Wahab</i> | |

| | |
|---|-----|
| PENGGUNAAN TEKNIK PENCERITAAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL | 219 |
| <i>Zulfikar Fariz Bin Ahmad & Selina Liew Phaik Guat</i> | |
| KONSTRUKTIVISME DALAM PENDIDIKAN SENI VISUAL (BIDANG MEMBENTUK DAN MEMBUAT BINAAN) | 230 |
| <i>Zuriatina Binti Johari & Ting Hie Ping</i> | |

PENGUNAAN AUDIO DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL BIDANG MENGGAMBAR

Abdul Manan Bin Abdul Kadir

Zabidi Bin Abdul Wahab

ABSTRAK – Kajian tindakan ini dijalankan untuk mengenalpasti sejauh manakah penggunaan audio dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual mampu mendorong minat murid serta mengesan kelebihan pelaksanaan ini dalam membantu memperbaiki amalan profesional guru di sekolah. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 30 orang murid dari kelas Tahun Tiga. Responden dari kelas ini mempunyai latar belakang akademik yang baik dan cemerlang. Data kajian dikumpul dengan menggunakan soal selidik, boring pemerhatian dan proses temubual untuk mengukur hasil dapatan kajian. Berdasarkan hasil dapatan, kajian ini berjaya mengubah tingkah laku murid dari aspek minat, motivasi, tumpuan dan perasaan dalam penghasilan karya semasa proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

ABSTRACT – This action research was conducted to identify the use of audio in the teaching and learning of Visual Art Education in encouraging students' interest and identify the advantages of this practice to improve the professional practices of teachers in schools. Respondents in this study consisted of 30 students from the class of Year Three. Respondents of this class were very excellent academic pupils. Data were collected using a questionnaire, observation form and interview process to measure the results. Based on the findings, this study successfully changes students' behavior in terms of interest, motivation, focus and sense of art during the process of teaching and learning of Visual Art Education.

Keyword : audio, bunyi, kesan audio.

Paper Type : Research Paper.

PENGENALAN

Senario yang terdapat di sekolah-sekolah pada masa kini ialah murid-murid tidak dapat menghayati sepenuhnya semasa menghasilkan sesuatu karya. Ini kerana pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru di sekolah terlalu biasa dan menyebabkan daya kreativiti murid-murid tidak berkembang di samping minat murid-murid semakin luntur untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran ini. Murid-murid menghasilkan sesuatu karya hanya sekadar menurut arahan gurunya sahaja.

Mewujudkan unsur audio semasa aktiviti penghasilan karya boleh membantu memperkembangkan imaginasi pengkarya di samping meningkatkan penghayatan si pengkarya di dalam situasi tertentu. Mewujudkan audio dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga sedikit sebanyak akan membantu menarik minat murid-murid di dalam

Pendidikan Seni Visual. Sebagai contoh, pengkaji melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam sesebuah kelas Tahun 4 dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Tajuk yang dipilih pengkaji ialah 'Suasana Di Tepi Pantai' untuk kitaran satu dan "Keindahan Air Terjun" untuk kitaran kedua.

Relevan kajian ini dijalankan di sekolah ini adalah kerana berdasarkan pengalaman pengkaji sendiri, sekolah tersebut menitikberatkan matapelajaran UPSR. Pengkaji berpendapat bahawa murid-murid kurang minat matapelajaran Pendidikan Seni Visual kerana mereka mungkin beranggapan matapelajaran ini tidak penting. Jadi pengkaji berpendapat adalah relevan kajian ini dijalankan bagi memupuk semula minat murid-murid ini. Selain itu, kajian ini akan menjadi rujukan guru-guru lain bagi memantapkan dan memperbaiki cara mengajar mereka.

Menurut Mokhtar Affandi Amran(1996), audio boleh menimbulkan *mood* untuk memberi tumpuan. Sesuatu kesan simpati, empati kejutan, ketegangan, atau kesedihan dapat dikeluarkan daripada perasaan individu melalui penataan audio yang bersesuaian. Menurutnya lagi, audio mempunyai pelbagai fungsi :

Jadual 1 Kepelbagaian fungsi audio

| Bil | Fungsi | Huraian |
|-----|----------------------------|---|
| 1 | menjelaskan tempat | iaitu menggambarkan lokasi di mana insiden tersebut berlaku. Umpamanya bunyi air terjun, aliran sungai, burung-burung, cengkerik dan monyet menjelaskan lokasi hutan. |
| 2 | menjelaskan ukuran jarak | iaitu menggambarkan kedudukan, pergerakan arah dan ukuran. Ini boleh dilakukan dengan menggabungkan dua kesan bunyi atau dengan kewujudan bersendirian. Contohnya ketukan pintu dengan bunyi tapak kaki mendekati, bunyi ombak dengan bunyi enjin bot, bunyi telefon dengan mesin taip. Kombinasi dua kesan bunyi ini haruslah diadun secara tinggi-rendah. |
| 3 | Mengenalpasti pergerakan | ia boleh dikaitkan dengan bunyi yang menunjukkan sesuatu objek itu bergerak, umpamanya bunyi desiran angin dengan pelepah kelapa jatuh, pergeseran benda-benda, bunyi-bunyian kesutan, objek jatuh, bunyi brek dan pertembungan dua objek. |
| 4 | Mengenalpasti persekitaran | ia boleh menentukan keadaan sesuatu lokasi tertentu secara khusus, umpamanya persekitaran pejabat dengan bunyi mesin taip, telefon, tapak kaki kerusi dan sebagainya. |
| 5 | Menjelaskan insiden | ia boleh dibentuk melalui bunyi-bunyi berkaitan kecemasan, kegelisahan, ketakutan, seperti bunyi api, pelanggaran, peralatan jatuh, objek pecah, siren dan sebagainya. |
| 6 | Pelambangan | ia dijelaskan melalui suatu kelaziman bunyi yang boleh menunjukkan suasana atau waktu, umpamanya bunyi burung bersahutan (waktu petang), bunyi cengkerik dan riang-riang (waktu malam), bunyi burung hantu (waktu tengah malam), kokokan ayam (waktu pagi). |

OBJEKTIF KAJIAN

1. Meninjau minat murid-murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual melalui penerapan audio semasa melaksanakan aktiviti bidang menggambar
2. Memperbaiki amalan profesional guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual

PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah murid-murid lebih minat terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dengan berbantuan audio?
2. Apakah kelemahan dan kebaikan amalan profesional guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran melalui pengajaran berbantuan audio?

LOKASI KAJIAN

Pengkaji menjalankan kajian di bahagian Miri kerana pengkaji adalah salah seorang guru pelatih yang menuntut di Institut Pendidikan Guru di Miri. Pengkaji juga telah menjalankan latihan praktikum sebanyak 3 kali selama 6 bulan di sekolah-sekolah bahagian Miri. Jadi segala urusan kajian berjalan lancar kerana pengkaji boleh mendapatkan rujukan daripada penyelia dan pensyarah berkaitan. Kajian ini dijalankan selama hampir 4 bulan.

KUMPULAN SASARAN

Pengkaji telah menjalankan kajian kepada 33 murid-murid Tahun 3 di salah sebuah sekolah di sekitar Miri. Secara keseluruhan umur murid-murid tersebut ialah 9 tahun. Seramai 18 murid-murid perempuan dan 15 murid-murid lelaki.

Maklumat-maklumat murid-murid ini diperolehi daripada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid. Pengkaji mendapatkan maklumat daripada sumber sekunder ini adalah bertujuan mendapatkan data-data yang tepat berkenaan dengan murid-murid. Pengkaji berpendapat maklumat yang mungkin diperolehi daripada murid-murid kurang tepat dan tidak memenuhi kehendak pengkaji. Oleh itu, maklumat-maklumat yang diperolehi dari Penolong Kanan Hal Ehwal Murid sedikit sebanyak membantu pengkaji mendapatkan gambaran awal dan membuat perancangan rapi untuk pelaksanaan kajian.


Murid-murid di dalam kelas ini terdiri daripada kaum Melayu dan Melanau dan mereka 100% beragama Islam. Selain itu, mereka juga mempunyai latar belakang ekonomi yang baik kerana secara purata ibu bapa mereka berpendapatan RM4,000 ke atas untuk sebulan. Faktor ekonomi juga sedikit sebanyak telah mendorong tahap pendidikan mereka setaraf dengan sekolah-sekolah bandar yang lain.

Pengkaji memilih kelas ini kerana mereka mempunyai latar belakang yang amat cemerlang dalam akademik. Sebelum kajian dijalankan, pengkaji mengajar kumpulan ini untuk mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Mereka juga menunjukkan minat dalam mata pelajaran tersebut setelah diperhatikan secara umum oleh pengkaji sendiri semasa proses pengajaran dan pembelajaran semasa Praktikum Fasa 3. Pengkaji juga bekerjasama dengan guru kelas dan guru matapelajaran Pendidikan Seni Visual kelas tersebut bagi menambahkan input dan data mengenai murid-murid itu.

Sebilangan murid-murid di dalam kelas tersebut mempunyai bakat semula jadi dalam bidang seni visual. Ada di antara mereka mempunyai ciri-ciri istimewa yang telah diperhatikan sepanjang tempoh praktikum dijalankan dengan membuat anggaran ruang dan titik perspektif seperti mereka sudah begitu mahir dalam bidang menghasilkan lukisan landskap. Jadi pengkaji memilih kumpulan ini sebagai kumpulan sasaran untuk melihat keberkesanan pengajaran berbantuan audio.

REKA BENTUK KAJIAN

Pengkaji menggunakan model Kurt Lewin iaitu mempunyai empat proses utama dalam menjalankan kajian. Menurut Kurt Lewin dalam Mok Soon Sang (2010), masalah yang timbul pada proses pertama boleh diteruskan dikaji pada tahap kedua, ketiga dan seterusnya sehingga masalah tersebut telah diselesaikan secara optimum.



Rajah 1 Proses Penyelidikan Model Kurt Lewin

Kajian ini dijalankan sebanyak dua kitaran yang melalui proses-proses Penyelidikan Model Kurt Lewin yang di atas.

CARA PENGUMPULAN DATA

i) Instrumen Pemerhatian

Pemerhatian dilaksanakan sepanjang pengajaran dan pembelajaran untuk melihat secara terperinci pergerakan murid-murid melalui item-item yang dikaji iaitu minat, tumpuan, motivasi dan perasaan. Kemudian hasil keputusan direkod di dalam

bentuk yang sesuai mengikut kehendak kajian. Berikut merupakan item-item yang terdapat di dalam instrumen pemerhatian kajian.

Jadual 2 Item instrumen pemerhatian

| Perkara | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|---|----------|----------|----------|----------|----------|
| 1. Murid-murid kelihatan berminat dengan aktiviti | | | | | |
| 2. Murid-murid menumpukan perhatian semasa menjalankan aktiviti | | | | | |
| 3. Murid-murid bermotivasi apabila bunyi ombak dimainkan sepanjang aktiviti | | | | | |
| 4. Murid-murid kelihatan seronok menjalankan aktiviti berbantuan bunyi. | | | | | |

ii) Instrumen Soal Selidik

Soal selidik merangkumi siri-siri soalan yang dijawab oleh murid-murid berkaitan dengan minat serta keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat 4 item untuk instrumen soal selidik ini untuk mengukur minat, motivasi, tumpuan, dan perasaan. Pengkaji menghasilkan dua soalan berdasarkan item-item tersebut bertujuan untuk memperincikan lagi data-data. Setiap data yang dikumpul kemudian dianalisis bagi mendapatkan rumusan awal kajian. Berikut merupakan sebahagian item-item yang terdapat di dalam instrumen soal selidik kajian.

Jadual 3 Item instrumen soal selidik

| Bil | Item | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|------------|--|----------|----------|----------|----------|----------|
| 1. | Minat saya terhadap Pendidikan Seni Visual bertambah setelah diperdengarkan bunyi ombak | | | | | |
| 2. | Saya suka melukis dengan bunyi suasana sebenar | | | | | |
| 3. | Kesan bunyi amat memotivasikan saya menyiapkan kerja | | | | | |
| 4. | Saya bersemangat menjalankan aktiviti menggambar berbantuan audio | | | | | |
| 5. | Saya lebih menumpukan perhatian semasa pengajaran dan pembelajaran dengan adanya bantuan audio | | | | | |
| 6. | Saya dapat berimajinasi dengan baik semasa melaksanakan aktiviti | | | | | |
| 7. | Aktiviti yang dijalankan sangat menyeronokkan | | | | | |
| 8. | Saya sungguh gembira melukis dengan adanya bunyi ombak dan pantai | | | | | |
| 9. | Bunyi ombak mengganggu tumpuan saya untuk melukis | | | | | |
| 10. | Saya lebih suka melukis dalam keadaan sunyi dan senyap | | | | | |

iii) Instrumen Temubual

Temubual dilakukan dengan cara pengkaji berkomunikasi secara dua hala kepada Guru X iaitu guru yang bertanggungjawab untuk mengajar Pendidikan Seni Visual kelas tersebut. Temubual ini dilaksanakan selepas kajian dijalankan melalui pemerhatian guru tersebut. Secara tidak langsung, data yang didapati itu membantu mengukuhkan data dapatan yang lain. Soalan-soalan temubual dibina secara khusus bagi menjawab persoalan kajian. Data-data itu meliputi respon semasa dan selepas kajian dijalankan untuk mengetahui keberkesanan audio dalam pengajaran dan pembelajaran tersebut. Berikut merupakan sebahagian item-item yang terdapat di dalam instrumen temubual kajian.

1. Pertama sekali, saya ingin tahu pandangan puan tentang kelebihan yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran tadi.
2. Apakah kelemahan yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran tersebut?
3. Apakah cadangan puan untuk mengatasi kelemahan pengajaran tersebut?
4. Berdasarkan pemerhatian puan, apakah tahap minat yang ditunjukkan oleh murid-murid?
5. Adakah murid-murid menumpukan perhatian semasa menjalankan aktiviti melukis?
6. Adakah murid-murid seronok dan berminat dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan bantuan unsur bunyi?
7. Adakah murid-murid bermotivasi semasa aktiviti dijalankan?
8. Melalui pemerhatian, adakah pengajaran tersebut sesuai diserap di dalam amalan guru?
9. Akhir sekali, melalui pengalaman puan sebagai salah seorang guru Pendidikan Seni Visual, apakah pendapat puan mengenai aktiviti pengajaran dan pembelajaran seperti ini? Cadangan?

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian adalah berdasarkan kaedah pengumpulan data secara kualitatif dan kuantitatif. Data kualitatif adalah hasil daripada instrumen yang telah dihasilkan oleh pengkaji. Segala data-data dikumpul melalui instrumen dan dianalisis untuk mendapatkan dapatan kajian yang berikut:

i) Dapatan Kajian Pemerhatian

Hasil pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji dan Guru X, pengkaji mendapati dengan wujudnya unsur audio di dalam sesuatu pengajaran boleh merangsang minat murid-murid. Pengkaji mendapatkan skor min daripada rumus yang berikut;

Jadual 4 Min pemerhatian aspek minat

$$\frac{(\text{skala kitaran 1} + \text{skala kitaran 2})}{2} = \text{Min}$$

| | |
|---------------|---|
| Sumber data : | Skor Min Pemerhatian Kitaran Satu dan Kitaran 2 Aspek Minat |
| Pengkaji | $(4+5)/2 = 4.5$ |
| Guru X | $(4+5)/2 = 4.5$ |

Min yang diperolehi bagi aspek minat dalam kitaran satu dan kitara dua ialah 4.5. Data yang dikumpul melalui pemerhatian ini memperkukuhkan hasil dapatan temubual dan soal selidik yang menyatakan murid-murid lebih terangsang dan minat dengan wujudnya audio di dalam pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 5 Min pemerhatian aspek tumpuan

| | |
|---------------|---|
| Sumber data : | Skor Min Pemerhatian Kitaran Satu dan Kitaran 2 Aspek Tumpuan |
| Pengkaji | $(4+4)/2 = 4$ |
| Guru X | $(4+4)/2 = 4$ |

Min yang diperolehi bagi aspek tumpuan dalam kitaran satu dan kitara dua ialah 4. Hasil dapatan pemerhatian juga menunjukkan ditafsirkan bahawa murid-murid menumpukan pemerhatian semasa menjalankan aktiviti.

Jadual 6 Min pemerhatian aspek motivasi

| | |
|---------------|--|
| Sumber data : | Skor Min Pemerhatian Kitaran Satu dan Kitaran 2 Aspek Motivasi |
| Pengkaji | $(4+4)/2 = 4$ |
| Guru X | $(5+5)/2 = 5$ |

Min yang diperolehi pada jadual di atas menunjukkan min yang diperolehi oleh data pengkaji ialah 4 manakalan min yang diperolehi oleh Guru X ialah 5. Min tersebut menunjukkan dengan adanya kesan audio, murid-murid lebih bermotivasi dalam menghasilkan karya mereka. Secara tidak langsung dengan menggunakan audio, para pendidik tidak harus gusar tentang kawalan kelas kerana penggunaan I.C.T sedikit sebanyak akan membantu guru dalam masalah tersebut.

Jadual 7 Min pemerhatian aspek perasaan

| | |
|---------------|--|
| Sumber data : | Skor Min Pemerhatian Kitaran Satu dan Kitaran 2 Aspek Perasaan |
| Pengkaji | $(5+5)/2 = 5$ |
| Guru X | $(4+5)/2 = 4.5$ |

Jadual di atas menunjukkan keputusan min yang diperolehi daripada analisis data kitaran satu dan kitaran dua bagi aspek perasaan. Min dari sumber data pengkaji untuk kitaran satu dan dua ialan 5, manakala min yang diperolehi melalui Guru X pula ialah 4.5

bagi aspek perasaan. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid-murid seronok dan gembira untuk melakukan aktiviti dengan berbantuan audio di dalam pengajaran dan pembelajaran.

ii) Dapatan Kajian Soal Selidik

Data yang dikumpul melalui soal selidik selepas melalui kitaran satu dan kitaran dua menunjukkan beberapa perkembangan positif di dalam kajian ini. Penggunaan audio dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual secara keseluruhan membantu murid-murid untuk lebih melibatkan diri secara aktif di dalam sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran.

Dari aspek minat, skor min untuk kitaran satu dan kitaran dua masing-masing ialah 4.80 dan 4.85. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid-murid setuju bahawa minat mereka terhadap Pendidikan Seni Visual bertambah dengan bantuan audio semasa pengajaran dan pembelajaran.

Aspek motivasi pula, skor min untuk kitaran satu dan kitaran dua masing-masing ialah 4.72 dan 4.56. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa murid-murid setuju bahawa mereka dapat dimotivasikan dalam melaksanakan aktiviti melukis dengan wujudnya audio dalam pengajaran dan pembelajaran.

Bagi aspek tumpuan, skor min untuk kedua-dua kitaran masing-masing ialah 4.36 dan 4.60 yang menunjukkan bahawa murid-murid menumpukan perhatian semasa proses pelaksanaan aktiviti melukis dengan bantuan audio dalam pembelajaran dan pengajaran.

Begitu juga dengan aspek perasaan keseronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan audio dalam aktiviti melukis. Skor min untuk kitaran satu dan dua ialah 4.82 dan 4.75 yang menunjukkan murid-murid seronok dan suka melukis dengan bantuan audio.

iii) Dapatan Kajian Temubual

Hasil temubual yang dijalankan kepada Guru X selaku guru Pendidikan Seni Visual, terdapat beberapa aspek yang dinilai dan diperhatikan. Dari aspek minat, hasil temubual menunjukkan minat murid-murid bermotivasi dengan adanya kesan audio semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Guru X, murid-murid kelihatan aktif dan menumpukan fokus semasa aktiviti dijalankan. Ini selaras dengan pendapat Muhammad Hasan Abdul Rahman (2000) yang menyatakan audio adalah satu kaedah penyampaian pengajaran dan pembelajaran mudah dan berkesan. Audio secara tidak langsung menarik minat murid-murid terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini juga disokong dengan pendapat Vygotsky (1978) yang menyatakan proses interaktif berjaya memperkembangkan minat murid untuk belajar.

Di samping itu, murid-murid juga lebih menumpukan perhatian terhadap penghasilan karya semasa audio dimainkan sepanjang aktiviti. Selain itu, murid-murid mampu berimajinasi dengan lebih baik dalam menghasilkan karya, kerana rangsangan deria pendengaran juga membantu mereka untuk menghasilkan sesuatu yang kreatif. Dapatan ini juga disokong oleh Muhammad Hasan Abdul Rahman (2000) yang menyatakan bahan audio boleh memberi gambaran visual dengan lebih berkesan berbanding menerusi pembacaan sahaja. Murid-murid dibantu dengan audio untuk berimajinasi berbanding dengan paparan visual atau gambar sahaja. Kesan audio juga boleh membantu murid-murid untuk merasai suasana sebenar keindahan pantai dan air terjun.

Dari aspek perasaan pula, murid-murid kelihatan amat seronok dalam menjalankan aktiviti melukis dengan berbantuan audio. Menurut Guru X, melalui pengalaman beliau murid-murid akan memberikan respon positif semasa pengajaran dan pembelajaran berbantuan audio. Dalam kajian ini, ketika pengkaji memaparkan slaid gambar pantai pada layar skrin, sebilangan murid meluahkan ekspresi dengan melafazkan "Wow!" yang menunjukkan mereka kagum dengan paparan. Hasil dapatan ini disokong oleh Charles (1985) yang menyatakan bahawa pelajar tidak suka pengajaran dan pembelajaran yang diadakan secara kuliah tradisional.

Bagi aspek kelebihan, Guru X menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan baik dan proses pelaksanaan aktiviti berjalan dengan lancar. Ini kerana perancangan yang terperinci dilakukan sebelum melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Namun terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki oleh pengkaji. Menurut Guru X, pengkaji haruslah meningkatkan interaksi dua hala dengan murid-murid dan tidak bergantung kepada I.C.T semata-mata dengan mengadakan slot aktiviti lain yang boleh memperkembangkan kemahiran komunikasi murid-murid. Pendapat Guru X disokong oleh Brown, et al. (1991) iaitu pembelajaran interaktif adalah suatu kaedah yang melibatkan interaksi antara guru dengan murid, murid dengan murid atau murid dengan komputer. Pembelajaran berlaku semasa murid dan guru berkongsi idea dan saling memimpin dalam perbincangan.

Namun begitu, pada pendapat pengkaji, interaksi tidak dapat dilaksanakan secara aktif kerana pengkaji hanya bertindak sebagai fasilitator di dalam aktiviti melukis tersebut. Tambahan pula, pengkaji menjalankan proses pemerhatian terhadap perubahan tingkah laku murid-murid semasa kajian dijalankan. Jadi, adalah menjadi kesulitan kepada pengkaji untuk menjalankan pengajaran aktif dan melakukan pemerhatian secara aktif dalam jangka waktu yang sama.

Selain itu, Guru X mencadangkan kepada pengkaji untuk melaksanakan aktiviti melukis ini diruang yang lebih kondusif, seperti menjalankan aktiviti di atas meja yang rendah, dan meja yang besar dan luas untuk memudahkan pergerakan dan memberikan keselesaan kepada murid-murid.

PERBINCANGAN

Hasil dapatan ketiga-tiga instrumen, pengkaji mendapati penggunaan audio di dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual bidang menggambar menjawab kedua-dua soalan kajian. Penggunaan audio berjaya dari segi memupuk minat murid-murid dalam sesuatu sesi aktiviti seni serta dapat memperbaiki amalan profesional guru di sekolah.

Melalui instrumen temubual, pengkaji mendapatkan maklumat daripada Guru X berkaitan dengan penggunaan audio di dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual bidang menggambar. Menurut beliau minat seseorang murid itu berjaya ditimbulkan dengan menggunakan pengajaran interaksi iaitu audio. Perubahan tingkah laku ini secara tidak langsung menjadikan suasana pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan aktif. Guru X juga berpendapat bahawa amalan ini perlu diteruskan untuk memperbaiki amalan profesional guru-guru di sekolah bagi menjamin mutu kualiti perkhidmatan yang diberi oleh kita sebagai warga pendidik.

Hasil dapatan instrumen soal selidik menunjukkan skor min yang memberangsangkan. Dapatan min tersebut menunjukkan aspek minat murid meningkat dengan adanya penggunaan audio di dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Hasil dapatan berjaya menjawab persoalan kajian ini iaitu murid-murid lebih meminati Pendidikan Seni Visual dengan penggunaan audio di dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana hasil dapatan menunjukkan keputusan positif dan memberangsangkan.

Dengan wujudnya penerapan unsur I.C.T di dalam suatu pengajaran dan pembelajaran, dorongan minat murid-murid tidak dinafikan meningkat. Dapatan ini disokong oleh Vygotsky (1978) yang menyatakan bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran interaktif boleh meningkatkan minat murid-murid. Begitu juga dengan aspek tumpuan, motivasi dan perasaan murid-murid semasa menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual, yang mana hasil dapatan kajian menunjukkan perkembangan positif murid-murid.

Hasil dapatan instrumen pemerhatian menunjukkan secara jelas bahawa penggunaan audio di dalam pengajaran dan pembelajaran berpotensi meningkatkan minat murid-murid. Dapatan ini disokong oleh Agnew, P.W & Killerman (1996) yang menyatakan bahawa kombinasi dua atau lebih jenis media untuk mewujudkan satu cara yang lebih berkesan dalam menyampaikan sesuatu idea.

Dalam memperbaiki amalan profesional guru juga berjaya diperbaiki dengan penggunaan audio ini di dalam sesuatu pengajaran dan pembelajaran yang selaras dengan pendapat Charles (1985) yang mendapati murid-murid lebih suka strategi yang menggalakkan pembelajaran aktif seperti perbincangan kumpulan, pengajaran berasaskan audio visual.

RUMUSAN

Penggunaan kesan audio dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual bidang menggambar ini secara keseluruhan telah berjaya dalam meningkatkan minat murid terhadap aktiviti pembelajaran. Justeru, pengkaji bercadang untuk meneruskan kajian ini di sekolah pedalaman jika diberikan ruang untuk mengkaji sejauh manakah keberkesanan kesan audio ini di dalam memupuk minat murid-murid di kawasan pedalaman untuk belajar. Selain itu, pengkaji juga bercadang untuk melaksanakan kajian berkaitan tentang kesan baik buruk penggunaan I.C.T di sekolah

RUJUKAN

- Agnew, P. W & Kellerman, A. S. 1996. Distributed multimedia, technologies, application and opportunities in the digital information industry.t.tp.:Addison-Wesley.
- Britannica Concise Encyclopedia Diperolehi Julai 20 2010 dari:
<http://www.answers.com/topic/sound-effect>
- Brown, A.L., Campione, J.C., Reeve, R.A., Ferrara, R.A. & Palincsar, A.S.(1991). Interactive learning and individual understanding: The case of reading and mathematics. Dalam Landsmann, L.J. (Ed.). Culture, schooling and psychological development. Norwood, N.J.: Abex Publishing Co.Diperolehi April, 13 2010 dari
<http://mathforum.org/~sarah/Discussion.sessions/Brown.html>
- Charles, M. (1985). *Building classroom discipline*. (2nd Ed.). New York: Longman.
- Chickering,A.W. & Zelda, F.G., (1987). Seven principles for school practice. Dalam Active learning: Creating excitement in the classroom. Diperolehi Ogos, 15 2010 dari :
<http://www.ntlf.com/html/lib/bib/91-9dig.htm>
- Computer Technology Research (1993). Multimedia Technology.
Diperolehi Ogos, 15 2010 dari: <http://ppbkmohd.tripod.com/TUGASAN4.htm>
- Grinder, M. (1991). *Riding the information conveyor belt*. Portland: Metamorphus Press
- Mokhtar Affandi Amran (1996) *Pengurusan Sumber Pengajaran Pembelajaran 2: Sumber Teknologi*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Mok Soon Sang (2010) *Penyelidikan Dalam Pendidikan: Perancangan Dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mohd. Arif & Mohd. Jasmy. (2002). *Implikasi teknologi maklumat dan komunikasi ke atas gaya pengajaran pendidikan jasmani*. Fokus terhadap kemahiran permainan bola tampar.Prosiding Seminar Kebangsaan profesion perguruan 2002. Universiti Kebangsaan Malaysia: hlm. 375 – 391
- Muhammad Hasan Abdul Rahman (2000) *Media Pengajaran: Penghasilan Bahan Pengajaran Yang Berkesan*. Selangor: Universiti Putra Malaysia
- Ruhl, K.L., Hughes, C.A. & Schloss, P.J. (1987). Using the pause procedure to enhance lecture recall. *Teacher Education and Special Educatio*.
- Schroeder, C. (1993). New students-New learning styles. *Change*. September-October 1993: 21-26
- Teks Ucapan Y.A.B Musa Hj. Aman (2010) Kota Kinabalu Diperolehi Ogos 13, 2010 dari
<http://www.sabah.gov.my/press/docs/2010001614.htm>
- Vygotsky, L. (1978) *Mind in society*. Boston: Harvard University Press.

PELAKSANAAN AKTIVITI LUAR BILIK DARJAH DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH RENDAH

Ahmad Ashfaq Bin Mohammad

Zabidi Abdul Wahab

ABSTRAK – Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk meninjau sejauh manakah aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual luar bilik darjah dapat menggalakkan aspek sosial dan merangsang pembelajaran aktif murid-murid. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 33 orang murid dari Tahun 3 Amanah. Data dikumpulkan melalui kajian kitaran pertama dan kajian kitaran kedua. Hasil analisis data mendapati bahawa objektif dan persoalan kajian telah mencapai sasaran. Keputusan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual luar bilik darjah sangat berkesan didalam menggalakkan aspek sosial dan merangsang pembelajaran aktif murid-murid.

ABSTRACT – Action research was conducted to determine the extent of teaching and learning of Visual Arts Education outside the classroom to promote social and stimulate active learning of pupils. Respondents in this study consisted of 33 students from Year 3 Amanah. Data collected through the first cycle of review and study the second cycle. The analysis found that the objective data and research question has reached the target. The results showed that the implementation of teaching and learning of Visual Arts Education outside the classroom is very effective in promoting social and stimulate active learning of pupils.

PENGENALAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan bangsa Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan Negara selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, FPK.

Proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan menggabung jalin aktiviti di dalam dan aktiviti luar bilik darjah supaya murid dapat mengaitkan pelajaran yang disampaikan dengan pengalaman sebenar mereka. Guru seharusnya membawa murid-murid melawat ke luar bilik darjah agar kemahiran mereka dari aspek pemerhatian, merekod dan membuat pertimbangan mengenai sesuatu perkara atau keadaan secara langsung di luar bilik darjah dapat diasah dan diperkembangkan. (Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) Garis Panduan. Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005)

Kajian ini akan mengenalpasti sejauh manakah aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di luar bilik darjah dapat menggalakkan aspek sosial dan pembelajaran secara aktif murid-murid.

Pembelajaran luar bilik darjah adalah suatu program atau aktiviti luar bilik darjah yang terancang dan berstruktur. Aktiviti ini berpusatkan murid dan bertujuan untuk menyokong dan mengukuhkan pelaksanaan kurikulum sekolah. Ia juga merangkumi persekitaran pembelajaran yang progresif. (Garis Panduan Pembelajaran Luar Bilik Darjah, 2005)

Untuk memastikan kelicinan pelaksanaan aktiviti luar bilik darjah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah, kajian ini telah menyenaraikan beberapa objektif seperti berikut :

1. Meninjau sejauh manakah aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di luar bilik darjah dapat menggalakkan aspek sosial terutamanya komunikasi murid-murid.
2. Menghurai bagaimanakah aktiviti di luar bilik darjah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah dapat merangsang pembelajaran aktif murid-murid.

SOALAN KAJIAN


1. Adakah pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di luar bilik darjah dapat meningkatkan aspek sosial murid?
2. Adakah aktiviti di luar bilik darjah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah dapat menyediakan pembelajaran yang aktif kepada murid?

Matlamat utama dalam pelaksanaan penyelidikan tindakan ini adalah untuk menggalakkan aspek sosial terutamanya komunikasi murid-murid di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di luar bilik darjah. Dengan ini, ia akan dapat membentuk pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dan memberangsangkan untuk merealisasikan matlamat di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan individu yang berpotensi dari segala aspek dan juga dalam proses mempelbagaikan lagi kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah rendah.

TEORI PELAKSANAAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL LUAR BILIK DARJAH

Program Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) ialah satu pemikiran yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sejak tahun 2000. Kepadatan jadual waktu persekolahan perlu diimbangi dengan aktiviti kurikulum luar bilik darjah supaya proses pengajaran dan pembelajaran lebih menyeronokkan dan menyegarkan. (Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) Garis Panduan. Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005)

David K. Berlo mengemukakan empat elemen utama dalam proses komunikasi iaitu sumber, mesej, saluran dan penerima. Model SMCR memberi penekanan kepada hubungan antara sumber dan penerima sebagai pemboleh ubah penting dalam proses komunikasi. Keberkesanan proses komunikasi menurut model ini berlaku berdasarkan beberapa faktor yang terdapat pada sumber dan juga penerima seperti kemahiran berkomunikasi, sikap sumber dan penerima terhadap mesej yang disampaikan atau diterima, ilmu pengetahuan yang dimiliki, amalan budaya dan juga pengaruh sistem sosial.



Rajah 2.0 Model SMCR Berlo

Komunikasi merupakan proses penyampaian mesej, sama ada lisan atau bertulis. Sekiranya mesej yang dihantar oleh penyampai dapat difahami maksudnya oleh penerima, maka komunikasi berkesan telah pun berlaku. Sebagai seorang guru, komunikasi lisan berlaku apabila guru sedang menyampaikan pelajaran atau arahan untuk menjalankan sesuatu tugas amali. Ketika guru menulis sesuatu di papan hitam atau lutsinar untuk kegunaan murid-murid, maka komunikasi secara bertulis telah diamalkan. Dalam situasi berkenaan, nyata bahawa kemahiran berkomunikasi amat penting bagi seorang guru untuk mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Ee Ah Meng, 1996).

Menurut Feeney (1983) mengatakan bahawa komunikasi merupakan satu proses untuk menyampaikan maklumat, mesej atau isyarat kepada pihak lain. Proses komunikasi

dibina daripada pengalaman dan persefahaman antara kedua-dua belah pihak. Tindak balas atau reaksi yang lahir daripada proses komunikasi ini adalah berpunca daripada pengalaman dan persefahaman yang wujud antara mereka.

Pembelajaran secara aktif turut dikaji dalam kajian tindakan ini. Menurut Charles C. Bonwell & James A. Eison (1991) dalam artikel mereka yang bertajuk *Active learning: Creating excitement in the classroom*, pembelajaran aktif merupakan aktiviti pembelajaran yang melibatkan murid melakukan sesuatu dan memikirkan tentang apa yang mereka lakukan.

Center for Teaching and Learning, Stanford University (1993) berpendapat pembelajaran aktif ialah apabila murid terlibat dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran yang memerlukan mereka berfikir dan memberi respon tentang maklumat yang disampaikan serta berfikir cara mereka menggunakan maklumat tersebut.

Mel Siberman (1995, seperti dinyatakan dalam Pembelajaran Aktif Dalam Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan KBSR/KBSM Pusat Perkembangan Kurikulum, 2006) mengatakan untuk mempelajari sesuatu dengan baik, adalah dengan mendengar, melihat, bertanya soalan, berbincang dengan orang lain dan melakukan aktiviti yang diperlukan. Aktiviti-aktiviti seperti ini memerlukan murid mengambil kira pelbagai aspek dengan berfikir sendiri, memberi contoh, menggunakan kemahiran dan menjalankan amali dengan bergantung kepada pengetahuan yang dimiliki murid. Menurut Mel Siberman lagi murid belajar lebih baik dengan melakukan amali.

Wan Zah Wan Ali (1998) dalam artikelnya, Konsep Pengajaran Dan Pembelajaran Di Abad Ke 21 : Satu Perbincangan ; konsep pembelajaran berkualiti menjurus ke arah bekerja bersama murid untuk membantu mereka mengubah kefahaman dan menjadikan mereka berkebolehan untuk belajar. Oleh itu, murid yang terlibat dalam pembelajaran aktif akan lebih mudah untuk memahami apa yang dipelajari kerana aktiviti pembelajaran memerlukan penglibatan mereka.

PENGUMPULAN DATA

Mengikut perancangan yang telah dibuat, pengkaji telah menggunakan instrumen pemerhatian, soal selidik dan temu bual. Selain itu, pengkaji turut berhubung dengan guru pembimbing Pendidikan Seni Visual serta guru kelas 3 Amanah tersebut bagi mendapatkan maklumat tambahan yang berkaitan. Instrumen yang digunakan untuk menilai aspek sosial dan keaktifan responden ialah Borang Pemerhatian. Instrumen yang kedua pula ialah Borang Penilaian Soal Selidik yang diberikan kepada responden bagi menilai aspek sosial terutama komunikasi dan kerjasama serta keaktifan responden manakala instrumen yang ketiga ialah Protokol Temubual digunakan untuk menemubual guru pembimbing Pendidikan Seni Visual bagi mengetahui aspek sosial (komunikasi) responden serta kelemahan yang ada di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Kaedah Borang Pemerhatian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan 3 kaedah pengumpulan data iaitu kaedah pemerhatian, kaedah soal selidik dan kaedah temu bual. Kaedah pertama ialah kaedah pemerhatian.

Jadual 2.0 Borang Pemerhatian

| BIL | ITEM | SKALA | | | | | CATATAN |
|-----|---------------------------------|-------|---|---|---|---|---------|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | |
| 1. | Memupuk kerjasama | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | |
| 2. | Menerapkan hubungan dua hala | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | |
| 3. | Menggalakkan pembelajaran aktif | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | |
| 4. | Menggalakkan penerokaan | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | |

Berdasarkan Jadual 2.0, borang pemerhatian digunakan untuk mendapatkan hasil dapatan daripada kajian yang telah dijalankan. Hasil dapatan kajian adalah berdasarkan aspek sosial dan keaktifan responden. Bagi aspek sosial, item pertama dan kedua merupakan item yang terlibat bagi menilai aspek tersebut. Manakala, item ketiga dan keempat adalah berkaitan dengan pembelajaran aktif responden terhadap pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah. Untuk makluman, borang pemerhatian ini diisi oleh 3 orang individu yang terlibat iaitu, guru pembimbing Pendidikan Seni Visual, rakan kritikal dan pengkaji.

Kaedah Borang Soal Selidik

Kaedah kedua yang digunakan pengkaji adalah kaedah soal selidik. Kaedah ini merupakan satu kaedah yang menggunakan item-item soalan di mana responden hendaklah merekod maklum balas secara menulis. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah berkaitan dengan kesan tindakan yang dilaksanakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Responden akan memberikan jawapan mereka melalui skala likert yang telah disediakan.

Jadual 3.0 Borang Soal Selidik

| Bil | Pernyataan | Pilihan Jawapan | | | | |
|-----|--|-----------------|---|---|---|---|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 1 | Saya dapat berkerjasama bersama rakan lain semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2 | Guru menggalakkan saya berkomunikasi sesama rakan lain. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 3 | Saya dapat menjalankan aktiviti menggunakan contoh bahan alam sekitar dengan aktif dan berkesan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 4 | Saya dapat meneroka alam sekitar secara bebas dan menyeronokkan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

Berdasarkan Jadual 3.0, borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklum balas daripada responden terhadap kajian yang dijalankan. Asas utama pelaksanaan soal selidik ini adalah bertujuan untuk menilai aspek sosial terutama komunikasi dan kerjasama serta keaktifan responden terhadap kajian ini. Pernyataan item 1 dan 2 akan mengukur aspek sosial responden manakala item 3 dan 4 pula adalah berkaitan dengan keaktifan mereka.

Kaedah Temubual

Proses temubual dijalankan bersama guru Pendidikan Seni Visual di sekolah tersebut. Beliau menjalankan pemerhatian terhadap kajian yang dijalankan oleh pengkaji pada peringkat kitaran pertama dan kitaran kedua. Hasil dapatan kajian telah diterjemahkan ke dalam bentuk penulisan teks bagi memudahkan proses analisis dijalankan.

1. Pertama sekali, saya ingin tahu pandangan puan tentang kelebihan dan kelemahan yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran tadi?
2. Apakah cadangan puan untuk mengatasi kelemahan pengajaran tersebut?
3. Berdasarkan pemerhatian puan, bagaimanakah aspek sosial murid yang diperhatikan?
4. Adakah aspek sosial murid bertambah melalui pemerhatian puan?
5. Bagaimanakah keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan tadi?

Seperti yang telah dimaklumkan, protokol temubual yang dijalankan ini lebih memfokuskan aspek sosial murid ketika proses kajian dijalankan. Ini kerana, aspek ini merupakan objektif utama bagi kajian yang dilaksanakan. Hasil temubual akan dianalisis bagi menilai persoalan kajian berkenaan aspek sosial murid sama ada terjawab atau sebaliknya.

KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran yang dipilih adalah daripada peserta sekolah di sekitar Bandar Miri. Peserta adalah daripada tahap satu iaitu kelas 3 Amanah. Tujuan peserta daripada kelas 3 Amanah dipilih adalah disebabkan kelas ini mempunyai peserta yang matang dari segi pemikiran berbanding pada peserta kelas tahun 1 dan 2.

Kajian ini melibatkan 33 orang peserta iaitu terdiri daripada 15 orang lelaki dan 18 orang perempuan daripada kelas 3 Amanah. Untuk makluman, kelas ini merupakan kelas yang agak ke belakang prestasinya, tetapi masih mempunyai beberapa orang murid yang mempunyai potensi yang tinggi untuk digilap. Kebanyakan murid kelas ini agak aktif semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku. Terdapat beberapa orang murid yang dikenali pasti mempunyai minat yang tinggi dalam subjek Pendidikan Seni Visual. Hal ini

disebabkan kesungguhan, sikap bekerjasama serta komitmen yang tinggi dalam melaksanakan setiap aktiviti Pendidikan Seni Visual yang dijalankan.

Jadual 1.0 Demografi Peserta Tahun 3 Amanah

| Tahun 3 Amanah | Lelaki | Perempuan |
|----------------|--------|-----------|
| Jantina | 15 | 18 |
| Melayu | 15 | 16 |
| Cina | | 2 |
| Lain-lain | | |


DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian yang diperolehi telah dikumpulkan bersama-sama iaitu hasil dapatan pemerhatian, dapatan soal selidik dan maklumat berdasarkan temubual. Maklumat yang diperolehi ini merupakan dapatan yang penting untuk dinilai sama ada dapat menjawab persoalan atau sebaliknya.

Melalui dapatan pemerhatian, individu yang terlibat di dalam menjalankan pemerhatian ialah guru Pendidikan Seni Visual, rakan kritikal dan pengkaji sendiri. Bagi item pertama iaitu memupuk kerjasama, guru Pendidikan Seni Visual dan rakan kritikal telah memberikan skala 4 kepada penyelidik manakala pengkaji sendiri memberikan skala 3 bagi item pertama tersebut. Item kedua pula ialah menerapkan hubungan dua hala, guru Pendidikan Seni Visual memberikan skala 5 kepada pengkaji manakala rakan kritikal serta pengkaji sendiri memberikan skala 4 bagi item kedua ini.

Bagi item ketiga pula ialah menggalakkan pembelajaran aktif. Guru Pendidikan Seni Visual dan rakan kritikal memberikan skala 5 manakala pengkaji memberikan skala 4 bagi item tersebut. Item keempat iaitu item terakhir pula ialah menggalakkan penerokaan dimana, guru Pendidikan Seni Visual memberikan skala 4 dan rakan kritikal serta pengkaji pula memberikan skala 5 bagi item ini. Item pertama dan kedua merupakan item yang tergolong dalam aspek sosial manakala item ketiga dan keempat pula mengkaji aspek keaktifan.

Dapatan Soal Selidik



Rajah 4.0 Skor Min soal selidik kitaran pertama dan kitaran kedua

Ketiga-tiga item mencatatkan jumlah skala yang tinggi dan skor yang sangat baik. Item yang mencatatkan jumlah skala tertinggi ialah item aktif iaitu sebanyak 4.48 manakala item yang menduduki tempat kedua ialah item kerjasama iaitu sebanyak 4.27 skala. Bagi item komunikasi pula mencatatkan skala 3.93 serta merupakan jumlah skala yang paling rendah antara ketiga-tiga skala tersebut.

Secara keseluruhannya, skor min bagi item kerjasama, komunikasi dan aktif berada dalam skala sangat baik iaitu antara skala 3.70 – 5.00. Skala dan skor ditunjukkan pada jadual dibawah.

Jadual 4.0 Skor min dan skala

| SKOR | SKALA |
|-------------|-------------|
| Sangat Baik | 3.70 – 5.00 |
| Sederhana | 2.30 – 3.69 |
| Lemah | 1.00 – 2.29 |

Berdasarkan Jadual 4.0, skor min bagi sangat baik adalah berskala 3.70 – 5.00 manakala skor sederhana adalah berada dalam skala 2.30 – 3.69. Skor min dalam kedudukan lemah pula adalah berada dalam skala 1.00 – 2.29.

Dapatan Temubual

Melalui kelebihan dan kelemahan yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan, guru Pendidikan Seni Visual telah menyatakan bahawa secara umumnya beliau amat berpuas hati dengan sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh pengkaji.

Beliau berasa seronok serta teruja apabila melihat telatah responden yang menjalankan aktiviti dengan begitu menggalakkan serta berkesan. Bagi aspek kelemahan pula, beliau menyatakan bahawa sesi apresiasi ketika proses pengajaran dan pembelajaran terlalu ringkas dan sekejap. Beliau mencadangkan agar memberikan lebih perhatian semasa sesi apresiasi dijalankan. Ini bermaksud, pengkaji perlu menitikberatkan proses apresiasi terhadap murid dan karya setelah selesai menjalankan aktiviti yang dilaksanakan.

Berdasarkan aspek sosial yang diperhatikan, guru Pendidikan Seni Visual menyatakan bahawa beliau melihat aspek tersebut dari segi sikap kerjasama dan komunikasi sesama responden. Beliau juga tidak menolak bahawa hubungan dua hala sesama rakan dan pengkaji turut diambil perhatian. Kerjasama responden dapat dilihat semasa kajian dijalankan. Ini termasuklah komunikasi responden yang dilihat sangat menggalakkan. Menurut pemerhatian beliau, aspek sosial responden dapat dilihat jelas bertambah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran luar bilik darjah dilaksanakan. Beliau turut memaklumkan bahawa aspek sosial ini amat sukar dilihat sewaktu menjalankan aktiviti di dalam kelas. Aspek sosial yang diperhatikan mempunyai kualiti yang jelas, dimana komunikasi responden dilihat lebih terarah dan mempunyai kekuatan serta impak yang tinggi dalam menjalankan aktiviti. Beliau turut berpuas hati serta memuji keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh pengkaji. Beliau turut menambah bahawa aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan berjaya dilaksanakan dengan efektif dan sistematik.

RUMUSAN / REFLEKSI SELEPAS DAPATAN

Berdasarkan maklumat dapatan yang diperolehi, hampir semua dapatan menunjukkan keputusan yang positif dan menjawab persoalan kajian tindakan ini. Melalui dapatan yang diperolehi, dapatlah disimpulkan bahawa aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual luar bilik darjah dapat menggalakkan aspek sosial murid serta dapat merangsang pembelajaran aktif murid-murid.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual luar bilik darjah telah menunjukkan keputusan yang positif dan bersesuaian pada masa kini. Ini telah dibuktikan dengan dua kitaran kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Tambahan pula, kajian tindakan ini turut membuktikan keberkesanan aktiviti yang dijalankan berdasarkan persoalan yang timbul dalam kajian

tindakan ini. Aspek-aspek yang dinilai menampakkan perubahan yang ketara dan sangat diperlukan didalam proses penambahbaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran khususnya Pendidikan Seni Visual.

PENUTUP

Kesimpulannya, pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual luar bilik darjah mendatangkan banyak manfaat kepada sistem pendidikan kini lebih-lebih lagi kajian yang dijalankan ini sedikit sebanyak telah menunjukkan keberjayaan dan keberkesanan dalam proses pelaksanaan aktiviti. Konsep pelaksanaan aktiviti ini bukan sekadar sebagai kajian tindakan pengkaji semata-mata, tetapi sebagai wadah baru yang perlu diwujudkan dan diketengahkan dalam sistem pendidikan kini bagi mendapatkan pembelajaran yang optimum dan berkualiti. Untuk mencapai sistem pendidikan yang unggul, semua pihak seharusnya memainkan peranan masing-masing bagi menjana wawasan yang unggul khususnya meneliti setiap kesan dan cadangan yang diperlukan untuk menaiktaraf bidang pendidikan terutamanya matapelajaran Pendidikan Seni Visual.

Dengan rendah diri, pengkaji turut berharap agar pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual luar bilik darjah dapat diteruskan dan diguna pakai oleh pihak-pihak yang terlibat khususnya guru-guru Pendidikan Seni Visual. Diharap, pihak kerajaan dapat mewujudkan sistem pendidikan di luar bilik darjah bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual khasnya serta menerbitkan satu modul yang selaras untuk digunapakai oleh semua sistem pendidikan di sekolah. Dengan ini, insyaAllah kualiti serta intipati sistem pendidikan negara akan bergerak seiring mutu nilai pendidikan negara-negara yang telah berjaya serta kemungkinan dapat menjadi penanda aras bagi negara yang sedang membangun dari segi bidang pendidikan. Pengkaji berharap agar kelemahan yang ada boleh diatasi dan diperbaiki bagi meningkatkan lagi mutu pelaksanaan kajian ini.

RUJUKAN

- Abd. Rahim Abd. Rashid (1993), *Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Abd. Rahim Abd. Rashid (1999), *Profesionalisme Motivasi Pengurusan Bilik Darjah*, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur
- Atan Long Ph.D (1980), *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Charles C. Bonwell & James A. Eison (1991), *Active learning: Creating excitement in the classroom*.
- Ee Ah Meng (1996), *Pendidikan Di Malaysia 1*, Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd

- Mok Soon Sang (2010), *Penyelidikan Dalam Pendidikan, Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
..... : April 2005. Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) Garis Panduan. Pusat Perkembangan Kurikulum.
..... : 2006. Pembelajaran Aktif Dalam Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan KBSR/KBSM Pusat Perkembangan Kurikulum.
..... ; 2003. Pengenalan Kepada Seni Dalam Pendidikan. Bahagian Pendidikan Guru.
- Omardin Ashaari. (1999). *Pengajaran Kreatif Untuk Pembelajaran Aktif*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur
- Shahril @ Charil Marzuki, (1998). *Pengajaran Guru Yang Berkesan : Model Slavin : Satu Kajian di Sekolah Berkesan di Malaysia dalam Prosiding Seminar JPPG : Pendidikan Guru Untuk Sekolah Berkesan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Wan Zah Wan Ali (1998). *Konsep Pengajaran Dan Pembelajaran Di Abad Ke 21 : Satu Perbincangan dalam Masalah Pendidikan (Issues in Education), Jilid 21*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Wheatley. G.H. (1992). Pembelajaran aktif dapat mempertingkatkan pemikiran dan tindak balas pelajar. Diperoleh Mac 23, 2010 dari <http://www.ipbl.edu.my/inter/penyelidikan/seminarpapers/2005/leeMPRM.pdf>
- Menurut Feeney (1983) mengatakan bahawa komunikasi merupakan satu proses..Diperoleh Mac 23, 2010 dari <http://spailmiah.blogspot.com/2009/03/renungan-pendidikpengurusan-bilik.html>
- Menurut Thomas & Swartout (1963), hanya Bahan Bantu Mengajar... Diperoleh Mac 20, 2010 <http://www.scribd.com/doc/12807608/Definisi-ABM>
- Center for Teaching and Learning, Stanford University (1993) berpendapat pembelajaran aktif... <http://www.ryerson.ca/lt/resources/learningstrategies/activelearning/>
- David K. Berlo mengemukakan empat elemen utama.. Diperoleh Ogos 26 2010 11:35pm <http://fatekma.uthm.edu.my/zamri/TutorialIT/PengantarKomunikasi/BAB%2003%20MODEL-MODEL%20KOMUNIKASI.pdf>

PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN: KAEDAH BAHAN MAUJUD SEBAGAI BAHAN BANTU MENGAJAR DALAM PENDIDIKAN SENI VISUAL BIDANG MENGGAMBAR TAHUN 3

Azizee Bin Amin

Gumbang Anak Pura

ABSTRAK – Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti kelebihan dan kelemahan penggunaan kaedah bahan maujud (sebenar) sebagai bahan bantu mengajar Pendidikan Seni Visual untuk aktiviti lukisan dalam bidang menggambar. Peserta yang terlibat adalah murid dari tahap 1 iaitu kelas Tahun 3 seramai 36 orang. Kajian ini menggunakan tiga instrumen untuk mendapatkan data iaitu borang soal selidik, borang pemerhatian dan temubual. Pengkaji mengenalpasti tentang kefahaman murid terhadap penggunaan kaedah bahan maujud sebagai bahan bantu mengajar. Berdasarkan tinjauan awal pengkaji, didapati bahawa ramai guru Pendidikan Seni Visual hanya memberi tajuk tertentu kepada murid-murid tanpa menggunakan bahan maujud sebagai sokongan. Murid-murid menghasilkan karya tanpa melihat objek sebenar walaupun objek tersebut pernah dilihat ataupun tidak. Aspek ruang, struktur,imbangan dan komposisi dalam penghasilan karya tidak ditekankan. Pengkaji telah merancang untuk melaksanakan kaedah bahan maujud sebagai bahan bantu mengajar dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual untuk aktiviti lukisan dalam bidang menggambar Tahun 3. Melalui dapatan kajian, kelebihan menggunakan bahan maujud adalah dapat memberi pengalaman langsung, mengekalkan minat, membantu pemahaman, merangsang deria dan mewujudkan pemerhatian secara aktif murid-murid dalam aktiviti melukis. Manakala terdapat juga kelemahan yang dikenalpasti iaitu kekangan masa dalam penyediaan, kesesuaian saiz bahan perlu dipertimbangkan, kesesuaian jenis bahan yang digunakan dan aspek keselamatan sebelum dan semasa menggunakannya.

ABSTRACT – This study is carried out to identify the advantages and disadvantages of using concrete material method as a teaching aid for the Visual Art Education in drawing activities. This research involved a total of 36 Year 3 pupils. Three instruments were used to obtain data : questionnaires, observations and interviews. Researcher had identified pupils' understanding in using concrete material as a teaching aid for Year 3 in drawing activities. Based on the survey, the researcher had found out that instead of using concrete material, most of the Visual Art Education teachers only provided a specific topic to pupils and give instructions. Pupils had to use their own imagination to draw without relating their experiences visually with the actual object. As a result, the aspects of space, structure, balance and composition in producing pupils' drawing were not emphasized. The researcher had implemented the use of concrete material as teaching aids in drawing activities for Visual Art Education. Through this research, the advantages and disadvantages of using concrete material method in drawing activities for Visual Art Education was focused on. The advantages of using the concrete material are that the pupils will have the ongoing experience, lasting interest, proper understanding, stimulated senses and as well as to inculcate active observation by the pupils in drawing activities. The disadvantages observed is time constraint in preparation, the suitability of the size of

materials, types of concrete materials and the safety of materials use before and after each lesson.

PENDAHULUAN

Dalam bidang pendidikan sekarang, bahan bantu mengajar merupakan satu bahan peneguhan yang perlu ada di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Walaupun berbagai kaedah pengajaran digunakan oleh guru, ia perlulah disokong dengan menggunakan alat bantu mengajar (Mohd. Aris bin Othman, Siti Fatimah binti Abdullah dan Asmah binti Ahdul Rahman, 2004). Penggunaan bahan bantu mengajar tidak akan menghasilkan apa-apa faedah dengan sendirinya. Sebaliknya, bahan bantu mengajar perlu digunakan sebagai satu pendekatan ataupun sebagai 'bantuan' dalam erti kata sebenarnya. Bahan-bahan tersebut merupakan satu cara atau satu '*instrument*' yang dapat menolong guru untuk menyampaikan isi kandungan pengajaran dan pembelajaran kepada murid dengan lebih berkesan dan bermakna. Pengkaji telah mendapati kefahaman murid agak kurang dengan menggunakan kaedah biasa (*conventional*) berbanding kaedah bahan maujud (sebenar). Menurut Razali Nor, 1994 memang terdapat banyak kelemahan dan kekurangan semasa menggunakan alat bantu mengajar. Pengkaji berusaha untuk mencari kelebihan dan kelemahan dalam penggunaan kaedah bahan maujud ini dalam bidang menggambar bagi aktiviti melukis Tahun 3. Pengkaji juga cuba untuk mencari apakah kekangan-kekangan yang berlaku terhadap penyediaan bahan maujud semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Pelbagai cadangan yang telah dinyatakan hasil daripada dapatan kajian ini bagi penggunaan kaedah bahan maujud sebagai bahan bantu mengajar.

FOKUS KAJIAN

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa tahap kefahaman murid Tahun 3 masih kurang sekiranya tidak menggunakan kaedah bahan maujud (sebenar) sebagai bahan bantu mengajar terutamanya dalam aktiviti melukis. Hal ini disebabkan oleh pengalaman mereka terhadap apa yang mereka lihat dan alami masih kurang. Omardin Ashaari, 1990 berpendapat dengan penglibatan semua deria, bukan sahaja murid akan tertumpu kepada pengajaran dan pembelajaran guru malah mudah untuk mereka memahami dan mengingat bahan pengajaran yang disajikan. Peranan guru di sini adalah untuk mencari alternatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan terutamanya murid-murid dapat menghasilkan hasil kerja yang mencapai objektif pembelajaran. Penyediaan bahan maujud semasa dalam kelas dapat membantu deria-deria murid untuk merangsang otak mereka dalam memproses maklumat berdasarkan pengalaman yang dialami. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992 bahan merupakan satu faktor utama bagi mempelbagaikan rangsangan murid di samping mengalihkan tumpuan mereka kepada perkara-perkara menarik, bermakna dan penting dalam pembelajaran. Apa yang penting bahan yang digunakan haruslah selamat, mudah

diperolehi dan senang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Bahan bantu mengajar adalah faktor terpenting dalam menentukan kejayaan program pembelajaran, menimbulkan rangsangan keinginan pelajar-pelajar untuk menjadikan pembelajaran baik dan lebih menarik. Menurut Khairul Anuar bin Amran, 2004 pelajar digalakkan melihat sendiri sumber tersebut supaya pelajar akan dapat mengkaji rupa, bentuknya, dapat dirasai keberatannya dan dapat pula memahami subjek tersebut memiliki permukaan yang kasar atau halus. Diharap dengan menggunakan kaedah bahan maujud dapat membantu kefahaman murid-murid semasa mengikuti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual untuk aktiviti melukis dalam bidang menggambar.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Untuk mengenalpasti kelebihan dan kelemahan penggunaan kaedah bahan maujud (sebenar) dalam pengajaran dan pembelajaran Tahun 3 Pendidikan Seni Visual untuk bidang menggambar.
2. Mengemukakan cadangan penyelesaian yang dapat diambil untuk mengatasi masalah kelemahan menggunakan kaedah bahan maujud (sebenar) dalam pengajaran dan pembelajaran Tahun 3 Pendidikan Seni Visual bidang menggambar.

SOALAN KAJIAN

Soalan kajian adalah seperti berikut:


- 1) Apakah kelebihan dan kelemahan penggunaan kaedah bahan maujud (sebenar) dalam pengajaran dan pembelajaran Tahun 3 Pendidikan Seni Visual untuk bidang menggambar?
- 2) Apakah cadangan penyelesaian yang dapat diambil untuk mengatasi masalah kelemahan menggunakan kaedah bahan maujud (sebenar) dalam pengajaran dan pembelajaran Tahun 3 Pendidikan Seni Visual bidang menggambar?

KUMPULAN SASARAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih murid Tahun 3 Tekun di salah sebuah sekolah rendah bahagian Miri. Semua peserta kajian ini adalah berumur dalam lingkungan 9 tahun. Seramai 36 orang murid yang terlibat dalam kajian ini sebagai peserta kajian. Semua peserta tidak dipilih secara rawak tetapi menggunakan kelas yang sedia ada. Semua peserta kajian yang dipilih terlibat secara langsung dengan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sewaktu pengkaji menjalani proses pengajaran dan pembelajaran bagi bidang menggambar aktiviti melukis dengan menggunakan kaedah bahan maujud.


TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual bagi bidang menggambar aktiviti melukis kelas Tahun 3 Tekun. Pengajaran dan pembelajaran ini dijalankan sebanyak dua pusingan iaitu setiap pusingan selama satu jam (60 minit). Rajah 1 menunjukkan lingkaran penyelesaian masalah dalam kajian tindakan yang dijalankan.



Rajah 1 Lingkaran penyelesaian masalah dalam penyelidikan tindakan diubahsuai dari Model Kurt Lewin (1952, dinyatakan dalam Mok, 2010).

CARA PENGUMPULAN DATA



Rajah 2 Cara pengumpulan data

DAPATAN KAJIAN

Pengkaji telah menganalisis kajian berdasarkan tiga instrumen yang digunakan untuk mendapatkan maklum balas. Data daripada instrumen kajian ini telah dianalisis untuk mendapatkan dapatan kajian. Berikut merupakan hasil dapatan yang telah dibuat :

a) Pusingan Pertama

1) Soal Selidik

Jadual 1 Keputusan skor min terhadap penggunaan kaedah bahan maujud pusingan pertama

| Bil. | Item | Skor Min |
|------|--|----------|
| 1. | Saya tertarik dengan bahan maujud yang digunakan. | 4.24 |
| 2. | Bahan maujud membantu pemahaman saya. | 4.34 |
| 3. | Penggunaan bahan maujud merangsang saya untuk melukis. | 4.48 |
| 4. | Penggunaan bahan maujud mengekalkan minat saya. | 4.53 |
| 5. | Pemerhatian secara aktif. | 4.36 |

Jadual 1 menunjukkan keputusan skor min bagi penggunaan kaedah bahan maujud dalam pengajaran dan pembelajaran pusingan pertama. Daripada soal selidik yang dijalankan, didapati sebanyak 4.24 skor min bagi saya tertarik dengan bahan maujud yang digunakan. Murid berasa seronok kerana guru menunjukkan bahan maujud dalam pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Dengan menyediakan bahan maujud sebagai bahan bantu mengajar murid dapat mendekati, memegang serta merasai sendiri struktur yang ada pada bahan maujud tersebut serta membuat perbandingan dengan bahan maujud yang ditunjukkan dengan apa yang mereka pernah lihat sebelum ini. Manakala bagi bahan maujud membantu pemahaman saya mencatat skor min sebanyak 4.34. Hal ini kerana, murid boleh melihat sendiri struktur atau bahagian bahan maujud yang ditunjukkan dan membolehkan mereka mengenali ciri-ciri yang terdapat pada bahan maujud sebelum mereka menjalankan aktiviti melukis. Daripada analisa soal selidik juga

didapati bahawa penggunaan bahan maujud merangsang saya untuk melukis mendapat skor min sebanyak 4.48. Ini menunjukkan bahawa dengan penggunaan kaedah bahan maujud murid dapat melihat dengan jelas objek yang ditunjukkan bagi merangsang deria mereka. Sementara itu, penggunaan bahan maujud mengekalkan minat saya mencatat 4.53. Murid-murid gemar bertanya soalan kepada guru terhadap bahan maujud yang ditunjukkan. Tumpuan yang sepenuhnya diberikan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan dengan menggunakan bahan maujud. Skor min bagi pemerhatian secara aktif pula ialah 4.36. Murid dapat melihat dengan jelas bahan maujud yang ditunjukkan oleh guru serta dapat melukis bentuk bahan maujud tersebut.

2) Pemerhatian

Berdasarkan pusingan pertama pemerhatian telah dijalankan oleh pengkaji sendiri, guru mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan rakan kritikal, maka purata skala telah menunjukkan bahawa penggunaan kaedah bahan maujud (sebenar) di dalam kelas Pendidikan Seni Visual untuk aktiviti melukis dalam bidang menggambar Tahun 3 adalah di tahap sederhana. Murid kurang berminat dengan bahan maujud yang ditunjukkan. Selain itu, murid juga mengambil masa yang lama untuk memulakan aktiviti melukis kerana kurang faham untuk melukis. Walaubagaimanapun, murid boleh melihat bahan maujud tetapi kurang jelas dengan bentuknya dan cuba untuk melihatnya lebih dekat. Kadang-kadang murid memberi tumpuan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dan berusaha untuk melukis mengikut bahan maujud yang ditunjukkan. Anggapan dari murid-murid bagi bahan maujud yang ditunjukkan tidak sesuai dan kurang faham adalah merujuk kepada murid-murid yang duduk di bahagian belakang iaitu jauh dari bahan maujud. Bahan maujud yang digunakan adalah mudah diperolehi dalam pusingan pertama. Hal ini kerana, pada pusingan pertama pengkaji hanya menggunakan satu set bahan maujud iaitu sayur-sayuran di mana saiznya kecil.

b) Pusingan Kedua

1) Soal Selidik

Jadual 2 Keputusan skor min terhadap penggunaan kaedah bahan maujud pusingan kedua


| Bil. | Item | Skor Min |
|------|--|----------|
| 1. | Saya tertarik dengan bahan maujud yang digunakan. | 4.33 |
| 2. | Bahan maujud membantu pemahaman saya. | 4.46 |
| 3. | Penggunaan bahan maujud merangsang saya untuk melukis. | 4.56 |
| 4. | Penggunaan bahan maujud mengekalkan minat saya. | 4.53 |
| 5. | Pemerhatian secara aktif. | 4.46 |

Berdasarkan Jadual 2, sebanyak 4.33 skor min bagi saya tertarik dengan bahan maujud yang digunakan manakala 4.46 skor min bagi bahan maujud membantu pemahaman saya. Sebanyak 4.56 skor min bagi penggunaan bahan maujud merangsang saya untuk melukis. Bagi penggunaan bahan maujud mengekalkan minat saya pula mencatat skor min sebanyak 4.53. Pemerhatian secara aktif mengumpul skor min sebanyak 4.46. Ini menunjukkan terdapat peningkatan dalam pusingan yang kedua berdasarkan item yang dinyatakan dalam borang soal selidik. Dengan ini, penggunaan kaedah bahan maujud ini dapat membangkitkan keseronokan murid dalam aktiviti melukis serta mereka diberi peluang untuk mendekati, memegang dan merasai sendiri dengan deria mereka. Mereka juga berupaya membuat perbandingan dengan bahan maujud yang ditunjukkan dengan bahan maujud yang mereka pernah lihat sebelum ini. Selain itu, bahan maujud yang ditunjukkan juga memberi peluang kepada mereka untuk melihat sendiri ciri-ciri yang terdapat pada bahan tersebut untuk memudahkan kefahaman mereka sebelum melukis.

2) Pemerhatian

Dalam pusingan kedua pengkaji, guru Pendidikan Seni Visual dan rakan kritikal telah membuat pemerhatian terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung. Setelah memperbaiki kelemahan pada pusingan pertama keputusan bagi penggunaan kaedah bahan maujud dalam proses pengajaran dan pembelajaran pusingan kedua adalah di tahap baik sahaja. Ianya belum mencapai tahap yang cemerlang. Ini kerana pengkaji telah menggunakan empat set sayur-sayuran sebagai bahan bantu mengajar di mana setiap set sayur-sayuran itu diletakkan pada empat sudut yang berbeza di dalam kelas. Murid-murid telah dibahagikan kepada empat kumpulan untuk mewakili setiap set bahan maujud tersebut. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, murid seronok melihat bahan maujud dan memegang sendiri bahan maujud tersebut serta melukis dengan tekun. Mereka dapat melihat dengan jelas dan teliti bahan maujud yang ditunjukkan. Mereka juga memberikan tumpuan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dan bertanya soalan kepada guru semasa bahan maujud ditunjukkan serta berusaha menyiapkan lukisan mereka. Keseluruhan murid menyatakan bahawa bahan maujud yang digunakan iaitu sayur-sayuran bersesuaian dengan tajuk pelajaran dan tahap kefahaman murid. Walaubagaimanapun, bahan maujud yang disediakan sebanyak 4 set mungkin sukar diperolehi kerana jumlahnya yang terlalu banyak untuk disediakan.

Berdasarkan analisis soal selidik terhadap kedua-dua pusingan tersebut, maka min hasil dapatan dapat dijelaskan melalui Rajah 3 :



Rajah 3 Perbezaan min penggunaan kaedah bahan maujud bagi soal selidik pusingan pertama dan pusingan kedua

Bagi item saya tertarik dengan bahan maujud yang digunakan dalam aktiviti melukis didapati skor min adalah sebanyak 4.24 bagi pusingan pertama manakala skor min bagi pusingan kedua adalah 4.33. Bagi item bahan maujud membantu pemahaman murid telah mencatat 4.34 bagi pusingan pertama dan 4.46 pusingan kedua. Seterusnya, item bahan maujud dapat merangsang murid untuk melukis mencatat skor min sebanyak 4.48 bagi pusingan pertama berbanding pusingan kedua iaitu sebanyak 4.56. Item bahan maujud mengekalkan minat saya semasa aktiviti melukis tidak mempunyai perbezaan skor min bagi kedua-dua pusingan iaitu masing-masing mencatat 4.53. Bagi pusingan pertama iainya mencatat skor 4.36 dan 4.47 pada pusingan kedua bagi penggunaan kaedah bahan maujud ini membantu pemerhatian secara aktif para murid.

Terdapat perubahan yang ketara melalui penggunaan kaedah bahan maujud bagi dua pusingan kajian ini kerana pengkaji telah mengenalpasti kelemahan pada pusingan pertama. Kelemahan yang didapati pada pusingan pertama adalah pengkaji hanya menggunakan satu set bahan maujud sedangkan bilangan peserta kajian ramai. Memandangkan bahan maujud 'sayur-sayuran' yang digunakan adalah saiznya kecil maka pengkaji menggunakan empat set bahan maujud pada pusingan kedua. Peserta diminta untuk melukis mengikut bahan maujud yang ditunjukkan dalam 4 kumpulan yang diberikan bersama setiap set bahan maujud yang telah ditetapkan.

Format yang digunakan dalam soal selidik berdasarkan skala likert 5 mata. Skala likert dipilih dalam kajian ini kerana nilai kebolehpercayaannya tinggi dan memberi ruang pilihan yang banyak kepada peserta untuk membuat pilihan yang tepat (Wiersma, 2000). Menurut Alias Baba, 1999 bagi skala pengukuran bagi skor min 1.00 hingga 2.00 mewakili skala rendah, skor 2.01 hingga 3.00 mewakili skala sederhana rendah, skor min

3.01 hingga 4.00 mewakili skala sederhana tinggi dan skor min bagi 4.01 hingga 5.00 mewakili skala tinggi.

Secara keseluruhannya, berdasarkan analisis yang telah dibuat maka ke semua item bagi pusingan pertama dan pusingan kedua yang dipaparkan telah mencapai skala tinggi iaitu berada pada skor min 4.01 hingga 5.00.

Ini menunjukkan dengan menggunakan kaedah bahan maujud sebagai bahan bantu mengajar dalam Pendidikan Seni Visual bidang menggambar Tahun 3 mampu merangsang murid untuk melukis dan menarik perhatian murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992 bahan merupakan satu faktor utama bagi mempelbagaikan rangsangan murid di samping mengalihkan tumpuan mereka kepada perkara-perkara menarik, bermakna dan penting dalam pembelajaran.

Selain itu ia juga dapat menarik minat, pemerhatian secara aktif murid dengan menggunakan kaedah bahan maujud dan membantu murid dalam memahami sesuatu tajuk yang diajar. Berdasarkan pendapat Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub dan Mohd. Zohir Ahmad (2008) menyatakan penggunaan bahan bantu mengajar dengan baik akan membantu mengekalkan minat dan tumpuan murid, boleh mengaktifkan murid melalui perbincangan yang berkaitan dengan bahan dan akhirnya meningkatkan kefahaman murid berkenaan perkara yang ingin disampaikan.

Berdasarkan analisis borang pemerhatian pula terhadap kedua-dua pusingan, skala pengukuran bagi borang pemerhatian pusingan satu adalah 4.05, manakala pusingan kedua adalah 4.33. Ini bermakna semua item yang dijawab oleh peserta adalah berada di tahap yang 'Baik'.

Memang tidak dapat dinafikan kelemahan dan kelebihan memang terdapat dalam penggunaan kaedah bahan maujud ini. Melalui soal selidik yang telah dijalankan tahap penggunaan kaedah bahan maujud mampu mencatat skor yang tinggi terutamanya melalui analisis setiap item yang telah dijalankan. Ini menunjukkan penggunaan kaedah bahan maujud adalah berkesan atau sesuai digunakan dalam kajian ini.

3) Temubual

Penyelidik telah menganalisis setiap jawapan yang diberikan oleh dua orang guru Pendidikan Seni Visual (PSV) bagi membantu penyelidik mengenalpasti jawapan yang diberikan samada ianya dapat menjawab soalan yang dikehendaki bagi kajian ini. Seorang daripada guru tersebut merupakan Guru Panitia PSV dan seorang lagi guru mata pelajaran PSV. Masing-masing mempunyai pengalaman mengajar PSV selama 4 tahun.

Jadual 5 Analisis temubual

| Bil. | Soalan | Guru Panitia PSV | Guru PSV |
|------|---|---|---|
| 1. | Kelebihan menggunakan bahan maujud dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. | <ul style="list-style-type: none"> • Dipegang atau disentuh dan dilihat. • Memberi pengalaman langsung. | <ul style="list-style-type: none"> • Boleh pegang dan rasa. |
| 2. | Kelemahan menggunakan bahan maujud dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. | <ul style="list-style-type: none"> • Tidak tahan lama • Boleh rosak. • Kos yang tinggi • Sukar untuk diperolehi. | <ul style="list-style-type: none"> • Sukar untuk menyediakannya • Sukar untuk dicari • Bahan yang besar dan berbahaya. |
| 3. | Kekangan dalam proses penyediaan bahan maujud sebagai bahan bantu mengajar dalam Pendidikan Seni Visual. | <ul style="list-style-type: none"> • Agak mahal dan tidak mampu untuk disediakan.. • Mudah rosak. • Bahan yang besar sukar untuk dibawa. | <ul style="list-style-type: none"> • Mengambil masa dalam penyediaan • Perlu dirancang dengan teliti untuk memastikan kesesuaian bahan. |
| 4. | Kekangan semasa menggunakan bahan maujud sebagai bahan bantu mengajar dalam Pendidikan Seni Visual. | <ul style="list-style-type: none"> • Kesukaran untuk membawa bahan. • Tidak dapat digunakan dengan kerap. • Membahayakan guru-guru dan murid-murid. • Mengeluarkan bau. | <ul style="list-style-type: none"> • Bau yang kurang menyenangkan. • Boleh mengganggu murid untuk belajar. |
| 5. | Cadangan penyelesaian yang dapat diambil untuk mengatasi masalah kelemahan yang dihadapi semasa menggunakan kaedah bahan maujud dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. | <ul style="list-style-type: none"> • Mencari barang yang tahan lama. • Fleksibiliti. • Rakaman video. | <ul style="list-style-type: none"> • Tayangan video. • Bahan-bahan yang tidak membahayakan. |

Berdasarkan hasil daripada temubual yang telah dijalankan terdapat kelebihan dalam penggunaan kaedah bahan maujud iaitu dapat merangsang deria murid di mana ianya dapat dipegang, dirasa dan dilihat. Selain itu, dengan menggunakan bahan maujud ianya dapat memberi pengalaman langsung kepada murid-murid semasa sesuatu aktiviti dijalankan.

Memang tidak dinafikan bahawa terdapat kelemahan dalam penggunaan kaedah bahan maujud ini seperti tidak tahan lama, mudah rosak, kos yang tinggi dalam penyediaannya, sukar diperolehi, mengambil masa dalam penyediaan dan perlu perancangan yang teliti untuk kesesuaian tajuk. Selain itu terdapat juga bahan maujud yang kurang sesuai seperti berbahaya, mengeluarkan bau yang kurang menyenangkan dan faktor saiz yang agak besar sukar dibawa masuk ke dalam kelas.

Dalam analisis temubual yang dijalankan, pengkaji telah mengenalpasti cadangan yang diberikan oleh kedua-dua orang guru PSV bagi menyelesaikan masalah kelemahan penggunaan kaedah bahan maujud ini. Cadangan yang disarankan adalah supaya guru menggunakan bahan maujud yang tahan lama. Ini dapat memastikan tiada gangguan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Selain itu, bahan maujud yang fleksibiliti juga dapat digunakan. Tidak perlulah guru tersebut sentiasa menukar bahan maujud kerap kali dalam proses pengajaran dan pembelajarannya. Bahan maujud yang sama juga boleh digunakan agar tidak menyukarkan guru untuk mencari bahan yang lain. Rakaman video atau tayangan gambar juga boleh ditunjukkan sekiranya bahan maujud yang ingin dicari benar-benar sukar untuk diperolehi. Rakaman video atau tayangan gambar ini perlulah mewakili bahan maujud yang sebenar. Ianya tidak lari dari konsep yang ingin didedahkan kepada murid-murid. Guru perlulah mengambil kira keselamatan murid-murid di dalam kelas. Jadi guru tidak perlu bersusah payah untuk menyediakan bahan maujud yang boleh mencederakan guru ataupun murid khususnya. Guru boleh menyediakan bahan maujud yang senang diperolehi dan tidak mendatangkan kecederaan kepada murid-murid.

REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji telah memperoleh kebaikan dan kebaikan dalam menggunakan kaedah bahan maujud bagi sesi pengajaran dan pembelajaran bidang menggambar aktiviti melukis.

Jadual 6 Kelebihan dan kelemahan penggunaan kaedah bahan maujud

| | Pusingan 1 | Pusingan 2 |
|------------------|--|--|
| Kelebihan | <ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan bahan sebenar. • Mampu merangsang murid untuk melukis. | <ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan bahan sebenar. • Melihat lebih dekat objek yang ingin dilukis kerana tidak perlu berebut setelah pengkaji mengagihkan kepada 4 kumpulan bagi 4 set bahan maujud. • Mampu merangsang murid untuk melukis Walaupun saiz kecil • tetapi pengkaji menyediakan banyak bahan maujud kerana peserta ramai. |
| Kelemahan | <ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan satu set bahan maujud sahaja. • Peserta yang berhampiran dengan bahan maujud mempunyai banyak peluang untuk mendekati bahan | <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan banyak bahan maujud (4 set). • Bahan maujud mudah rosak. • Pengkaji perlu mengawasi setiap gerak geri peserta supaya bahan maujud yang disediakan tidak |

| | | |
|--|--|-----------------------|
| | maujud. <ul style="list-style-type: none">• Murid terpaksa berebut-rebut untuk melihatnya lebih dekat.• Bahan maujud mudah rosak.• Saiz kecil. | mencederakan peserta. |
|--|--|-----------------------|

Melalui soal selidik dan pemerhatian yang dibuat peserta menyatakan bahawa kaedah bahan maujud dapat menarik minat mereka semasa proses pengajaran dan pembelajaran bagi aktiviti melukis selain membantu pemahaman mereka. Penggunaan bahan maujud juga mampu merangsang mereka dalam aktiviti melukis sekaligus mengekalkan minat mereka terhadap aktiviti yang dijalankan. Apa yang penting adalah mereka telah menunjukkan minat mereka terhadap bahan maujud yang ditunjukkan melalui pemerhatian secara aktif semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Selain itu, terdapat kelemahan yang dapat dikenalpasti berdasarkan penggunaan kaedah bahan maujud yang digunakan. Kelemahannya adalah seperti melalui kos penyediaan, kesukaran bahan untuk diperolehi, bahan tidak tahan lama dan mudah rosak, berbahaya dan saiz terlalu besar dapat dikenalpasti melalui analisis temubual yang diperolehi.

Bagi mengatasi kelemahan yang dihadapi, guru-guru perlulah mencari alternatif lain untuk mengelakkan proses pengajaran dan pembelajaran tidak mampu menarik minat murid-murid dalam sesuatu topik yang diajar. Adalah disarankan kepada guru untuk menggunakan bahan maujud yang tahan lama. Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan set sayur-sayuran. Sayur-sayuran contohnya merupakan bahan maujud yang bersaiz kecil. Pemerhatian perlu dilaksanakan oleh guru terutamanya kepada bilangan murid di dalam kelas. Sekiranya bahan yang digunakan adalah bersaiz kecil jadi guru perlulah menyediakan beberapa set bahan maujud agar keseluruhan murid dapat melihat dengan jelas dengan membahagikan murid-murid kepada kumpulan kecil. Guru juga perlulah menggunakan bahan maujud yang tahan lama. Ini bagi menjamin kualiti bahan maujud tersebut dapat digunakan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Gangguan seperti bau busuk, bahan maujud rosak dan berbahaya boleh membantutkan pengajaran dan pembelajaran. Bahan maujud yang fleksibiliti juga dapat digunakan agar guru tidak sentiasa menukar bahan maujud kerap kali. Penggunaan bahan maujud yang sama boleh digunakan sekiranya dalam proses mencari bahan maujud tersebut adalah sukar dan perlulah bersesuaian dengan tajuk yang ingin diajar.

Penggunaan teknologi pada masa kini merupakan salah satu kaedah yang dapat menggantikan penggunaan kaedah bahan maujud. Melalui rakaman video atau tayangan gambar juga boleh ditunjukkan sekiranya bahan maujud yang ingin dicari sukar diperolehi. Untuk menggunakan media ini tayangan perlulah mewakili bahan maujud yang sebenar. Hal ini kerana ianya perlulah selari dengan konsep yang ingin didedahkan kepada murid-murid. Ciri-ciri bahan yang ingin ditunjukkan perlulah bahan yang memang sama dengan ciri sebenar.

Guru tidak perlu bersusah payah dalam menyediakan bahan maujud yang mempunyai sukar diperolehi dan tiada jaminan keselamatan. Tangjawab guru dalam menyediakan bahan maujud yang sesuai serta tidak mengganggu proses pengajaran perlulah diteliti sebelum penggunaannya di dalam kelas.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Daripada dapatan kajian ini, cadangan berikut dikemukakan bagi membantu guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Kajian ini boleh dilanjutkan kepada bidang Pendidikan Seni Visual yang lain seperti bidang membuat corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan dan mengenal kraf tradisional selain daripada bidang menggambar. Aktiviti yang dijalankan dengan menggunakan bahan maujud sebagai sokongan perlu disesuaikan dalam bidang-bidang yang dipilih. Walaupun murid-murid sekolah rendah terutamanya perlu dilaksanakan dengan kaedah seperti ini kerana mereka masih kurang dengan pengalaman berbanding dengan sekolah menengah. Adalah dicadangkan pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan kaedah bahan maujud ini dilaksanakan bagi tahap dua. Selain itu juga, para guru boleh mengaplikasikan kaedah ini di dalam matapelajaran lain seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik, Kemahiran Hidup dan sebagainya untuk melihat sejauhmana keberkesanan penggunaan kaedah ini dalam sesuatu topik yang diajar. Penggunaan kaedah ini juga boleh dicuba di sekolah rendah yang lain seperti Sekolah Jenis Kebangsaan, Sekolah Agama, Sekolah Swasta dan sebagainya. Cadangan yang dinyatakan adalah sebagai alternatif atau langkah penyelesaian kepada masalah dalam kajian tindakan ini. Cadangan yang dikemukakan adalah merangkumi pandangan atau cadangan untuk memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran oleh guru bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual atau mata pelajaran lain dengan menggunakan kaedah bahan maujud (sebenar) sebagai bahan bantu mengajar.

RUMUSAN

Walaupun kaedah bahan maujud yang digunakan ini memberi kesan yang positif terhadap murid-murid, tetapi terdapat juga beberapa kelemahan dalam penggunaan kaedah ini yang perlu kita renungkan bersama. Bagi pengkaji kaedah ini amat sesuai dijalankan bagi murid yang mempunyai latar belakang yang kurang mengenali atau tiada pengalaman

langsung dalam melihat, merasa dan menyentuh sesuatu bahan maujud yang ditunjukkan. Guru juga perlulah peka terutamanya mengetahui tahap keupayaan murid dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual memandangkan mata pelajaran ini tidak dimasukkan dalam peperiksaan umum di sekolah rendah. Jangan hanya kerana perkara tersebut, mata pelajaran ini terus diabaikan begitu saja. Sekiranya ia terus berlaku, tidak hairanlah negara akan kekurangan generasi yang mempunyai bakat dalam bidang menggambar, membuat corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan dan kraf tradisional setaraf dengan negara asing. Akhir sekali, bagi setiap masalah atau kelemahan yang dikenalpasti ada jalan penyelesaiannya. Semoga dengan penggunaan kaedah bahan maujud dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dapat memberi sedikit panduan kepada guru-guru untuk memperbaiki amalan pengajaran dan pembelajaran mereka. Dengan harapan agar lebih banyak kajian tindakan yang dijalankan, dapat mengatasi kekurangan atau kelemahan murid-murid dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual supaya generasi muda akan mahir dalam sesuatu bidang atau lebih membanggakan bagi semua bidang.

RUJUKAN

- Alias Baba. (1999). *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dewan Bahasa & Pustaka. (1992). *Pengurusan bilik darjah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Anuar b. Amran. (2004). *Maktab Perguruan Perlis : Pendidikan seni dan kanak-kanak*. Makalah ilmiah. Cetusan minda Maktab Perguruan Perlis, 2004, 49-56.
- Mohd. Aris b. Othman, Siti Fatimah bt. Abdullah & Asmah bt. Abd. Rahman. (2004) Maktab Perguruan Raja Melewar : Penyelidikan menjana kecemerlangan pendidikan. *Prosiding seminar penyelidikan MPRM, 2004, 185-2003*.
- Mok, S. S. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan : Perancangan dan pelaksanaan penyelidikan tindakan*. Perak : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Omardin Ashaari. (1999). *Pengajaran kreatif untuk pembelajaran aktif*. Kuala Lumpur : Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Razali Nor. (1994). *Teknologi pendidikan 1 : media bukan unjuran*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd. Zohir Ahmad (2008). *Pedagogi strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. Kuala Lumpur : PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Wiersma, W. (2000). *Research methods in education : An introduction*. Boston : Allyn & Bacon.

PENGINTEGRASIAN SENI PERGERAKAN KREATIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL DI SEKOLAH RENDAH

Dayang Nurkhadijah Binti Abang Saini

Ling Pik Kuong

ABSTRAK – Pengintegrasian seni pergerakan kreatif merupakan salah satu teknik mempelbagaikan corak pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Fokus kajian ini ialah untuk mengenalpasti kelebihan dan kelemahan pelaksanaan aktiviti seni pergerakan kreatif yang membantu perkembangan domain kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah rendah. Seramai 43 orang murid dari Tahun 5 Putra yang terlibat dalam kajian ini. Kaedah pengumpulan data merangkumi data kualitatif dan data kuantitatif iaitu melalui pemerhatian, temubual, soal selidik, rakaman video dan foto serta hasil kerja murid. Dapatan soal selidik menunjukkan bahawa sebanyak 72.2% murid bersetuju dengan item kreatif, imaginasi, idea, minat, yakin, penghayatan dan luahan yang dinyatakan dalam soal selidik. Dapatan pemerhatian menunjukkan murid lebih berani melakukan pergerakan secara berkumpulan daripada individu. Pemarkahan hasil kerja murid dianalisis dalam bentuk skor min yang mana dalam pusingan pertama ialah 76.45 manakala pusingan kedua ialah 81.35. Rumusannya, seni pergerakan kreatif membekalkan ruang dan peluang kepada murid untuk meneroka, mengolah serta meluahkan perasaan. Ini membantu perkembangan menyeluruh murid mengikut Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

ABSTRACT – *The integration of creative arts movement is one of the techniques to diversify the teaching and in the Visual Art Education subject. The focus of this study was to identify the strengths and weaknesses of the implementation of the activities creative art movement that promotes creativity in the domain of teaching and learning of visual art education in primary schools. 43 students from 5 Putra were participated in this study. The data collection method consists of qualitative data and quantitative data through observations, interviews, questionnaires, video recordings and photos and student work. From the questionnaires findings showed that only 72.2 percent students agree with the creativity, imagination, ideas, interest, confidence, appreciation and expression that had been mentioned in the questionnaires form. Observation findings indicate that more students dare to move in a group than individual. Students' work scoring had been analyze in mean which for the first round was 76.45 while for the second round was 81.35. This summarize that creative arts movement provides space and opportunities for students to explore, cultivate and express their feelings. This helped the development of students according to the National Education Philosophy.*

Key words : Seni pergerakan kreatif, kreativiti, minat

PENGENALAN

Kanak-kanak sejak dilahirkan suka bergerak bebas. Hal ini disokong oleh teori keinginan asas kanak-kanak oleh Dauer dan Pangrazi (1975) yang mana mereka telah menyenaraikan 9 keinginan asas kanak-kanak termasuklah keinginan kanak-kanak yang suka bergerak. Selain itu, mereka juga berpandangan bahawa kanak-kanak meluahkan perasaan melalui pergerakan.

Mengikut pandangan Dauer dan Pragrazi (1983, seperti dinyatakan dalam Olan, 2008), kanak-kanak mempunyai keinginan-keinginan untuk bergerak, berlakon dan sentiasa aktif yang tidak boleh dipuaskan. Kanak-kanak juga mempunyai naluri terhadap rentak dan irama, pergerakan yang berirama dan kemampuan kreativiti yang semulajadi. Dengan ini, kanak-kanak dikenali sebagai individu yang suka bermain. Oleh itu, aktiviti pergerakan kreatif hendaklah disusun berdasarkan ciri-ciri bermain, kreatif, ritma serta kebebasan mencurahkan perasaan dan idea untuk memberikan keseronokan dan kepuasan.

Pandangan Piaget dan Vygotsky (seperti dinyatakan dalam Ani, 2010) selaras dengan Dauer dan Pragrazi (1975) yang mana mereka percaya bahawa melalui aktiviti bermain, kreativiti kanak-kanak boleh dirangsang. Mereka berpendapat bahawa masa bermain merupakan saat yang penuh keseronokan dan cabaran bagi kanak-kanak. Semasa mereka bermain, kanak-kanak akan bebas menunjukkan pelbagai pergerakan anggota badan bagi meluahkan perasaan mereka. Justeru itu, rangsangan melalui permainan berbentuk akademik perlu diwujudkan.

Pandangan Hajah Maznah Harith (2009 dalam Norhasliza Yusoff, 2009) menjelaskan bahawa kanak-kanak dapat meningkatkan dan meluaskan pengalaman pembelajaran melalui cara bermain untuk perkembangan secara menyeluruh dan bersepadu dari aspek intelektual, kerohanian, emosi, sosial dan jasmani. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mana turut menitikberatkan pentingnya seorang kanak-kanak berkembang secara seimbang dari aspek jasmani selain daripada aspek emosi, rohani dan intelek. Bersepadu membawa makna guru perlu menggabungkan aspek perkembangan kanak-kanak dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (dalam Zulkipli Yaakob, 2009).

Dalam buku penyelidikan terpilih UPSI 2001 – 2006, Abu Bakar Nordin (2007), dinyatakan juga bahawa peranan utama guru Pendidikan Seni Visual ialah memperkembangkan dan mempertingkatkan prestasi murid-murid dalam ketiga-tiga domain kognitif, afektif dan psikomotor yang mana potensi tersebut dapat berfungsi dengan baik dan produktif. Justeru itu, melalui kajian ini, domain psikomotor dilihat sebagai satu proses gabungan latihan dan pengalaman yang menjana perubahan tingkah laku atau pergerakan kekal iaitu pembelajaran yang telah berlaku berdasarkan maklum balas mengikut prestasi pengetahuan dan pengetahuan keputusan. Domain psikomotor

boleh dibahagikan kepada dua iaitu motor kasar dan motor halus (Schmidt 1982, seperti dinyatakan dalam Khairul, Siti Khatijah, Siti Hidayu, Ridhuan dan Muniroh, 2010).

KAJIAN LITERATUR

Pergerakan merupakan perantaraan sejagat bagi kanak-kanak lelaki dan perempuan yang menggunakannya untuk melahirkan reaksi kepada kita, sesama sendiri, alam, keadaan dan objek. (Salmah Ayob, 1996). Menurut Salmah Ayob (1998) pula, pergerakan kreatif ialah suatu seni yang tulen mengenai pergerakan tubuh badan, penciptaan atau gubahan bentuk – bentuk pergerakan yang tidak semestinya berguna dari segi tujuan praktikalnya, tetapi boleh mendatangkan rasa kepuasan dan rasa kejayaan.

Selain itu, pergerakan kreatif menggalakkan kanak-kanak bertindak balas dalam aktiviti Pendidikan Seni Visual dengan keunikan masing-masing. (Rebecca T. Isbell and Shirley C. Raines, 2003). Justeru itu, dalam konteks kajian ini, seni pergerakan kreatif merujuk kepada gubahan pergerakan tubuh badan kanak-kanak dalam menyampaikan idea tertentu atau perasaan berasaskan kepada pengalaman sedia ada mereka.

Marcia L. Llyod (1990) telah merumuskan bahawa pergerakan kreatif merupakan sesuatu bentuk yang unik dalam mengekspresikan diri untuk menjalankan aktiviti yang melibatkan peserta memilih pergerakan dalam melahirkan idea, pendapat mahupun perasaan. Pergerakan kreatif diwujudkan melalui pengalaman dan bukannya langkah-langkah yang berturutan atau rutin yang diajar oleh guru. Maka, melalui kajian ini, penyelidik menggunakan keaktifan murid dalam kelas untuk melakukan pergerakan kreatif yang melibatkan semua anggota badan dalam meluahkan idea, pendapat serta imaginasi mereka terhadap sesuatu perkara.

Selain itu, dalam kajian ini juga menghubungkan Teori Kecerdasan Pelbagai dengan pengintegrasian seni pergerakan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual iaitu melalui kecerdasan kinestetik. Menurut Gardner dalam Pusat Perkembangan Kurikulum (2001), kecerdasan kinestetik ialah kebolehan menggunakan badan untuk menyatakan idea, perasaan dan menyelesaikan masalah termasuklah kemahiran fizikal seperti koordinasi, keanjalan, kepantasan dan keseimbangan. Keaktifan murid semasa pengajaran dan pembelajaran digunakan untuk melaksanakan seni pergerakan kreatif ini.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Menenalpasti tingkah laku murid sepanjang aktiviti seni pergerakan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

2. Mengenalpasti kelebihan dan kelemahan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual yang mengintegrasikan seni pergerakan kreatif.
3. Mengemukakan cadangan penambahbaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual yang mengintegrasikan seni pergerakan kreatif.

SOALAN KAJIAN

1. Apakah tingkah laku murid sepanjang aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan dengan mengintegrasikan seni pergerakan kreatif?
2. Apakah kelebihan dan kelemahan yang terdapat dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual yang mengintegrasikan pergerakan kreatif ini?
3. Apakah cadangan penambahbaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual yang mengintegrasikan seni pergerakan kreatif untuk masa akan datang?

DEMOGRAFI KAJIAN

Kajian ini melibatkan 43 orang murid Tahun 5 Putra yang terdiri daripada 19 orang murid Melayu, 13 orang murid Iban, 5 orang murid Kayan, 3 orang murid Kenyah, 2 orang murid Penan dan seorang murid Kelabit. Kelas ini terdiri daripada 23 orang murid perempuan dan 20 orang murid lelaki. Mereka berusia 11 tahun.

Jadual 1 Demografi murid Tahun 5 Putra


| Perkara | Bangsa | Lelaki | Perempuan | Jumlah |
|---------|------------------------------|----------------|-----------|-----------|
| | Melayu | 9 | 10 | 19 |
| | Iban | 5 | 8 | 13 |
| | Kayan | 2 | 3 | 5 |
| | Kenyah | 3 | - | 3 |
| | Penan | - | 2 | 2 |
| | Kelabit | 1 | - | 1 |
| | Jumlah | 20 | 23 | 43 |
| Perkara | Kecenderungan | Bilangan Murid | | |
| Bidang | Menggambar | 10 | | |
| | Membuat corak dan rekaan | 9 | | |
| | Membentuk dan membuat binaan | 15 | | |
| | Mengenal kraf tradisional | 9 | | |
| | Jumlah | 43 | | |

PROSEDUR KAJIAN

Menurut Kurt Lewin (1952, seperti dinyatakan dalam Mok. S.S., 2010), proses penyelidikan tindakan ditinjau sebagai sesuatu kitaran tindakan kajian berlingkaran yang merangkumi empat peringkat iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi. Beliau juga menjelaskan bahawa masalah yang dikaji dalam tahap pertama boleh disambung dan diteruskan di dalam tahap kedua dan tahap ketiga.


Carl Kemmis (1986, seperti dinyatakan dalam Haniza Mahmood, 1998), mengutarakan konsep pelaksanaan tindakan secara kolaboratif. Dalam kajian ini, penyelidik telah menjalankan dua pusingan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Aktiviti pengajaran dilaksanakan oleh guru Pendidikan Seni Visual yang lain. Penyelidik berperanan sebagai pemerhati semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Penyelidik juga dibantu oleh rakan kritikal sebagai pemerhati kedua.

Dalam pusingan pertama, aktiviti pengajaran dan pembelajaran ialah membuat topeng haiwan dan makhluk asing dalam bidang membentuk dan membuat binaan. Dalam pusingan yang kedua pula, tajuk pelajaran ialah pokok impian dalam bidang menggambar. Penambahbaikan dalam pusingan kedua ini ialah aktiviti pembelajaran dijalankan secara berkumpulan dan murid berbincang bentuk pergerakan yang hendak dibuat. Hal yang demikian adalah untuk memberi peluang kepada semua murid dalam membuat pergerakan semasa pengajaran dan pembelajaran. Penyelidik menjalankan kedua-dua pusingan tersebut mengikut proses penyelidikan yang dinyatakan dalam Model Kurt Lewin dan Carl Kemmis.



Rajah 1 Proses penyelidikan kajian tindakan Model Kurt Lewin dan Carl Kemmis (ubahsuai daripada Mok S.S, 2010 dan Hasniza Mahmood, 1998)

KAEDAH PENGUMPULAN DATA / ANALISIS



Rajah 2 Cara pengumpulan data

Data yang dikumpul merangkumi data kualitatif dan data kuantitatif. Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik, temubual, pemerhatian, rakaman video/foto dan hasil kerja murid.

1. Dapatan Temubual

Sesi temubual telah dijalankan bersama rakan sejawat iaitu guru Pendidikan Seni Visual lain yang melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bagi penyelidik. Guru tersebut telah menjawab setiap soalan yang dinyatakan oleh penyelidik.

Beliau merumuskan bahawa seni pergerakan kreatif ini dapat menambahkan daya ingatan murid terhadap isi pelajaran serta memberi peluang kepada murid untuk mengeksplorasi kandungan pengajaran dan pembelajaran melalui pengalaman sendiri. Tambahan pula, pengintegrasian seni pergerakan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan daya tarikan agar murid tidak bosan, malah mereka berasa seronok. Namun begitu, masih terdapat segelintir murid yang masih berasa malu dan kurang pasif dalam aktiviti pergerakan.

Selain itu, beliau juga berpandangan bahawa pengintegrasian seni pergerakan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan seni visual dapat membantu murid berdaya kreatif terutamanya murid yang berani. Dengan ini, ruang pembelajaran yang lebih luas diperlukan serta mengintegrasikan seni pergerakan kreatif sepenuhnya sepanjang pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

2. Dapatan Pemerhatian

Pemerhatian dibuat semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Penyelidik membuat catatan dalam borang pemerhatian berkaitan dengan kelebihan dan kelemahan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pemerhatian tersebut merangkumi keseluruhan pengajaran daripada set induksi sehinggalah penutup.

Dalam pusingan pertama, seni pergerakan kreatif telah diintegrasikan dalam set induksi dan penutup serta aktiviti yang dijalankan adalah secara individu. Murid diminta untuk membuat pergerakan topeng yang dipakai oleh mereka. Murid melakukan pergerakan haiwan dan makhluk asing dengan bimbingan guru. Pada pusingan ini, ia terhad kepada 6 murid sahaja untuk membuat pergerakan. Dalam pusingan kedua pula, pelaksanaan aktiviti dijalankan secara berkumpulan dan pergerakan yang dihasilkan merupakan hasil perbincangan dalam kumpulan.

Secara keseluruhannya, penyelidik yang telah bertindak sebagai pemerhati mendapati bahawa murid 5 Putra sememangnya aktif dan hanya sebahagian sahaja yang masih malu terutamanya murid perempuan. Namun, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar seperti yang dirancang. Seni pergerakan kreatif telah diintegrasikan dalam set induksi yang mana murid diminta untuk melakonkan atau berimajinasi mengikut tajuk yang telah diberikan kepada mereka.

Penglibatan murid dalam aktiviti berkumpulan pula dapat memupuk nilai interpersonal sesama rakan semasa perbincangan dalam kumpulan. Maka, pergerakan yang dihasilkan lebih dinamik serta semua murid berpeluang untuk bergerak. Selain itu, kerjasama dan interaksi yang baik di antara mereka memudahkan kelancaran pengajaran dan pembelajaran untuk kajian ini. Malahan, aktiviti berkumpulan ini akan menjimatkan masa untuk menyiapkan tugas yang diberikan. Pembahagian tugas sesama ahli kumpulan menunjukkan sikap kepimpinan dalam kumpulan kecil tersebut.

3. Dapatan Rakaman Video/ Foto


Penyelidik telah menyenaraikan isi-isi penting daripada rakaman video yang telah dilihat berulang-ulang untuk melihat semula perjalanan pengajaran dan pembelajaran ketika itu. Murid melibatkan diri secara aktif dalam pelajaran dan mereka berani mencuba apabila diminta oleh guru untuk membuat pergerakan.

Semasa mereka menghasilkan pergerakan tersebut, mereka berimajinasi berada dalam situasi yang diberi. Dengan ini, mereka meneroka situasi tersebut dalam pemikiran mereka sendiri. Tambahan juga, ia merupakan situasi yang biasa dilihat, didengar atau mereka alami sendiri. Dengan ini, mereka meneroka dengan lebih mendalam dan berkongsi idea tersebut dengan rakan-rakan yang lain sebelum membuat pergerakan.



Rajah 3 Dapatan foto

4. Dapatan Soal Selidik



Rajah 4 Jumlah kekerapan item-item soal selidik

Berdasarkan kepada graf yang ditunjukkan itu, kebanyakan murid telah bersetuju bahawa Pendidikan Seni Visual telah membantu mereka berkreaitif. Jumlah kekerapan murid yang bersetuju dengan item ini ialah seramai 32 orang. Jumlah kekerapan murid yang kurang setuju pula ialah seramai 4 orang manakala hanya seorang murid sahaja yang tidak bersetuju bahawa Pendidikan Seni Visual ini membantunya berkreaitif.

Jumlah kekerapan yang kedua terbanyak ialah aktiviti seni merangsang mereka untuk berimajinasi yang mana seramai 31 orang murid bersetuju dengan item tersebut. Bagi murid yang kurang setuju dan tidak bersetuju pula mempunyai jumlah kekerapan yang sama iaitu 3 orang murid bagi setiap pilihan item.

Item yang mendapat jumlah kekerapan yang terendah ialah penghayatan karya dapat ditingkatkan melalui pergerakan kreatif. Jumlah murid yang bersetuju dengan pernyataan ini adalah seramai 18 orang sahaja. Namun begitu, item 6 ini menunjukkan jumlah kekerapan yang tertinggi bagi pilihan kurang setuju dan tidak setuju untuk pilihan

yang lain. Jumlah kekerapan murid yang kurang bersetuju ialah 11 orang manakala bagi murid yang tidak bersetuju pula adalah seramai 8 orang.

5. Dapatan Hasil Kerja Murid

Selepas aktiviti pengajaran dan pembelajaran, hasil kerja murid akan dinilai oleh penyelidik. Penyelidik akan memberikan markah kepada persembahan karya murid berpandukan kepada rubrik pemarkahan yang telah dibuat. Penyelidik juga menggunakan borang pemarkahan bagi setiap murid berdasarkan kepada dua pusingan kajian.

Jadual 3 : Nilai min, mod dan median

| | Min | Mod | Median |
|------------|-------|-----|--------|
| Pusingan 1 | 76.45 | 76 | 76 |
| Pusingan 2 | 81.35 | 85 | 82 |

Jadual 3 menunjukkan hasil dapatan daripada pengiraan nilai min, mod dan median. Pusingan pertama merujuk kepada aktiviti membuat topeng manakala pusingan kedua pula merujuk kepada aktiviti membuat pokok impian. Nilai min bagi pusingan pertama ialah 76.45 manakala nilai min bagi pusingan kedua ialah 81.35. Perbezaan nilai min ialah sebanyak 4.9.

Bagi nilai mod pula, dalam pusingan yang pertama, nilai mod ialah 76 manakala dalam pusingan kedua ialah 85. Kedua-dua pusingan ini hanya berbeza sebanyak 9. Dalam rajah tersebut menunjukkan nilai bagi median untuk pusingan kedua adalah tertinggi berbanding dengan nilai median untuk pusingan yang pertama. Nilai median yang tertinggi ialah 82 dan hanya dibezakan oleh 6 sahaja. Ini menunjukkan nilai median bagi pusingan pertama ialah 76.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

1. Perubahan Tingkah Laku Murid

Keaktifan murid merupakan komponen penting dalam seni pergerakan kreatif. Hasil dapatan daripada rakaman video dan foto membuktikan bahawa murid yang aktif dan berani telah berjaya menghasilkan satu gubahan pergerakan yang menarik. Justeru itu, pernyataan ini disokong oleh Mat Desa (1999) yang menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang terarah kepada suasana riang dan meriah akan mengundang minat serta membangkitkan semangat ingin melakukan sebarang kegiatan pembelajaran dengan baik.

Selain itu, tingkah laku murid juga dapat dikenalpasti melalui borang pemerhatian. Penyelidik mencatatkan keadaan kelas serta tingkah laku murid sepanjang melaksanakan

aktiviti seni. Mereka kelihatan bersungguh-sungguh dan teliti dengan kerja. Hal yang demikian dapat dilihat dalam aktiviti membuat topeng dan pokok impian. Kerjasama yang diberikan juga sangat baik dalam memastikan kelancaran pengajaran dan pembelajaran ini. Maka, merujuk kepada nota topik 10 (2007), salah satu kelebihan seni pergerakan kreatif ialah pembentukan hubungan baru dengan diri sendiri dan orang lain. Maka, aktiviti secara berkumpulan ini dapat memupuk nilai kerjasama dan kepimpinan dalam diri mereka.

2. Kelebihan Pengintegrasian Seni Pergerakan Kreatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Jadual 4 Kelebihan seni pergerakan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran

| Bil. | Kelebihan Seni Pergerakan Kreatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran |
|-------------|--|
| 1. | Aktiviti seni pergerakan kreatif memberikan keseronokan dan keyakinan. |
| 2. | Aktiviti seni pergerakan kreatif menggalakkan murid berimajinasi. |
| 3. | Aktiviti seni pergerakan kreatif dapat melahirkan perasaan murid. |
| 4. | Aktiviti seni pergerakan kreatif dapat menanamkan nilai-nilai positif. |

Melalui dapatan rakaman video juga, murid membuat pergerakan dengan penuh keyakinan dan keseronokan. Antara pergerakan yang dilakukan ialah murid yang berdiri menggunakan satu kaki dan tangan didepankan, murid yang tunduk kemudian perlahan-lahan berdiri tegak dan bergoyang seakan-akan ditiup angin. Pergerakan ini menunjukkan mereka berkomunikasi sesama sendiri dan mengekspresif bentuk gubahan pergerakan itu. Data dapatan ini disokong oleh Zainab (2009) yang mana murid menggunakan keseluruhan anggota badan mereka untuk menghasilkan gerakan fizikal serta membantu mereka menyelesaikan masalah dan meluahkan idea mahupun perasaan masing-masing.

Melalui aktiviti seni pergerakan kreatif ini, ia membantu meningkatkan tahap psikomotor murid. Aktiviti seni pergerakan kreatif yang dilaksanakan melibatkan motor halus dan motor kasar. Dapatan rakaman video dan foto menunjukkan murid bergerak menggunakan anggota badan sepenuhnya. Antara pergerakan yang melibatkan motor kasar ialah murid menggunakan anggota badan sepenuhnya untuk membuat pergerakan sepertiimbangan, berlari dan perbuatan memotong. Dalam Syaza (2008), perkembangan motor kasar merupakan perkembangan kemahiran yang membantu seorang murid untuk bergerak di sekelilingnya.

3. Kelemahan Pengintegrasian Seni Pergerakan Kreatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Jadual 5 Kelemahan seni pergerakan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran

| Bil. | Kelemahan Seni Pergerakan Kreatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran |
|-------------|--|
| 1. | Murid yang pasif dan malu. |
| 2. | Aktiviti seni pergerakan kreatif yang terhad. |
| 3. | Persediaan pengajaran yang kurang dari segi bahan rangsangan. |

Kelemahan yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran yang mengintegrasikan seni pergerakan kreatif ini ialah sebahagian murid yang masih malu dan pasif. Semasa penyelidikan membuat pemerhatian, penyelidik mendapati beberapa orang murid yang kelihatan bosan dan berada di "dunia sendiri". Murid yang pasif ini ialah murid perempuan. Dapatan rakaman video dan foto juga membuktikan bahawa terdapat sebuah kumpulan yang dianggotai oleh semua perempuan telah mengambil masa yang lama untuk membuat pergerakan. Mereka masih berbincang dan berdiri sahaja walaupun sudah berada di hadapan. Akhirnya, mereka mengambil masa yang lama untuk bersiap sedia.

Kelemahan dalam pengajaran dan pembelajaran ini juga ialah persediaan pengajaran yang kurang dari segi bahan rangsangan. Murid-murid kurang didedahkan dengan bahan-bahan rangsangan yang dapat membantu mereka untuk berimajinasi dan meneroka pergerakan-pergerakan kreatif. Setiap pengajaran hanya meminta murid melakukan pergerakan berdasarkan tajuk yang diberi tetapi tidak diberikan pendedahan terlebih dahulu sebelum mereka melakukan pergerakan itu. Hal yang demikian kurang membantu mereka untuk bergerak. Dengan ini, dapatan soal selidik juga menunjukkan beberapa murid tidak bersetuju bahawa pergerakan kreatif dapat membantu mereka berimajinasi mahupun melahirkan idea baru.

4. Cadangan Penambahbaikan Aktiviti Seni Pergerakan Kreatif

Jadual 6 Cadangan penambahbaikan aktiviti seni pergerakan kreatif

| Bil. | Cadangan Penambahbaikan Aktiviti Seni Pergerakan Kreatif |
|------|--|
| 1. | Suasana pengajaran dan pembelajaran yang berbeza. |
| 2. | Pelbagaikan bentuk bahan rangsangan. |
| 3. | Aktiviti seni pergerakan kreatif yang berterusan. |

Cadangan penambahbaikan untuk pengajaran dan pembelajaran yang diintegrasikan seni pergerakan kreatif untuk masa akan datang ialah suasana pengajaran dan pembelajaran yang berbeza. Pernyataan ini bermaksud bahawa guru boleh mengadakan pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah. Cadangan ini juga turut dinyatakan oleh guru Pendidikan Seni Visual lain dalam sesi temubual. Hal ini kerana aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pergerakan memerlukan ruang yang lebih luas untuk memudahkan murid bergerak. Keadaan ini akan memberikan keselesaan kepada mereka untuk mengolah bentuk pergerakan yang lebih dinamik. Dengan ini, murid akan merasa lebih seronok dan mendapatkan kepuasan.

Cadangan yang kedua ialah mempelbagaikan bahan rangsangan dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini dapat membantu murid untuk lebih berimajinasi dan meneroka sesuatu tajuk dengan lebih jauh. Guru boleh menggunakan tayangan video pergerakan ataupun guru menunjukkan pergerakan yang pelbagai kepada murid. Selain itu, guru boleh mengintegrasikan seni muzik ke dalam seni pergerakan kreatif ini supaya

murid merasa lebih seronok dan yakin untuk bergerak. Zainab Haji Wahab (2009) telah menyenaraikan ciri-ciri pergerakan kreatif iaitu perasaan, muzik dan pergerakan. Maka, seni muzik berkesinambungan dengan seni pergerakan kreatif serta perasaan untuk menghasilkan gubahan pergerakan yang kreatif dan unik.

CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Cadangan saya untuk kajian seterusnya ialah melaksanakan kajian ini bagi murid tahap satu. Hal yang demikian kerana pelaksanaannya pada tahap dua agak berjaya. Tambahan pula, murid tahap satu masih sebatian dengan sifat mereka yang ingin bergerak. Selain itu, laksanakan kajian ini di luar bilik darjah. Hal yang demikian kerana aktiviti yang melibatkan pergerakan memerlukan ruang yang lebih besar seperti padang sekolah atau gelanggang. Maka, guru boleh merancang aktiviti yang lebih menarik dan menyeronokkan.

Kajian yang telah saya jalankan ini adalah dalam sebuah sekolah di kawasan bandar. Dengan ini, saya mencadangkan untuk kajian seterusnya, ia dilaksanakan di sekolah kawasan luar bandar pula. Hal yang demikian dapatlah dikenalpasti perbezaan murid yang bersekolah di bandar dengan luar bandar.

Selain itu, perancangan aktiviti yang telah saya jalankan tidak diintegrasikan dengan seni muzik. Maka, saya sarankan supaya untuk masa akan datang, pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual ini diintegrasikan dengan seni pergerakan kreatif dan seni muzik. Selain itu, saya juga mencadangkan penggunaan bahan bantu mengajar yang pelbagai dan teknik pengajaran yang menarik seperti penggunaan teknologi maklumat.

Bidang yang telah saya laksanakan kajian ini hanya dua daripada empat bidang. Maka, saya menyarankan supaya melaksanakan pengintegrasian seni pergerakan kreatif dalam dua bidang yang lain iaitu bidang membuat corak dan rekaan serta mengenal kraf tradisional. Dengan ini, guru boleh meneroka kelebihan dan kelemahan lain melalui pengajaran dan pembelajaran tersebut.

KESIMPULAN

Melalui Pendidikan Seni Visual yang diintegrasikan dengan seni pergerakan kreatif, ia dapat membantu dalam merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan secara bersepadu dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Pengintegrasian seni pergerakan kreatif merupakan salah satu komponen dalam teknik pengajaran yang boleh digunakan oleh para guru dalam menarik minat murid untuk belajar. Pengajaran yang melibatkan murid sepenuhnya akan lebih berjaya dan ditambah

pula dengan aktiviti-aktiviti yang menarik. Hal yang demikian juga untuk membangunkan mereka daripada “tidur”.

Secara tidak langsung juga, murid boleh menjalani kehidupan yang sihat dengan mempraktikkan pergerakan-pergerakan kecil dalam kehidupan seharian. Selain itu, dengan adanya nilai-nilai positif melalui pengintegrasian seni pergerakan kreatif ini, maka ia membantu membina hubungan murid dengan ibu bapa, para guru, rakan-rakan serta persekitaran. Seterusnya, ia mampu merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan secara menyeluruh dan bersepadu.

RUJUKAN

- Abu Bakar Nordin. (2007). Penyelidikan Terpilih UPSI 2001 – 2006. *Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual KBSR*. Kuala Lumpur : Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Ani . (2010). Perkembangan Kreativiti dan Pembelajaran Kanak-kanak. Diperoleh Sept 9, 2010 dari <http://cikguani.blogspot.com/2010/06/teori-jean-piaget.html>
- Dauer, V.P. & Pangrazi, R.P. (1975). *Dynamic physical education for elementary school children*. Ed. Ke-5. Minnesota, USA: Burgess Publishing Company.
- Haniza Mahmood. (2008). Kajian Tindakan 2008. *Perkembangan Terkini dalam Kajian Tindakan* diperoleh Sept 11, 2010 dari <http://www.scribd.com/doc/7929700/Kajian-Tindakan-2008-BPPDP>
- Mat Desa Mat Rodzi. (1999). Prosiding Isu-isu Pendidikan Negara. *Pendidikan Seni Alat Penting Merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Menghadapi Cabaran Abad Ke – 21*. Selangor : Fakulti Pendidikan.
- Marcia L. Llyod. (1990). Adventure In Creative Movement Activities : A Guide For Teaching. *The First Step*. Selangor Darul Ehsan : Federal Publications Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang. (2010). Penyelidikan Dalam Pendidikan : Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan. *Kaedah Pengumpulan Data*. Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Norhasliza Yusoff. (2009). *Makmal Taska i – Play i – Learn beri input cara bermain*. Pa&Ma, 98-99.
- Modul OUM Nota Topik 10. (2007). *Pergerakan Kreatif*. Diperoleh Sep 14, 2010 dari <http://pjk.ipti.edu.my/nota/Pergerakan%20Kreatif.pdf>
- Olan. (2008). Pentingnya Pergerakan Kreatif Kepada Murid Berkeperluan Khas. Diperoleh Sep 16, 2010 dari <http://olanzah.blogspot.com/2008/02/pentingnya-pergerakan-kreatif-kepada.html>
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rebecca T. Isbell and Shirley C. Raines. 2003. Creativity and the Arts With Young Children. *Creative Movement : More Than the Hokey Pokey*. Canada : Delmar Learning.
- Salmah Ayob. (1996). Strategi, Teknik Dan Perancangan Pendidikan Pergerakan. *Merancang Pelajaran Pergerakan Kreatif*. Petaling Jaya : Flo Enterprise Sdn. Bhd.

- Salmah Ayob. (1998). Pergerakan Kreatif dan Pendidikan. *Pendidikan Melalui Pergerakan Kreatif*. Petaling Jaya : Flo Enterprise Sdn. Bhd.
- Syaza Yasmin. (2008). PF4K Motor Halus dan Motor Kasar diperoleh Ogos 15, 2010 dari <http://www.scribd.com/doc/4853518/PF4K-motor-halus-kasar>
- Zainab Haji Wahab Khan. 2009. *Pergerakan Kreatif* diperoleh April 25, 2010 dari <http://www.scribd.com/doc/14100138/PERGERAKAN-KREATIF>.
- Zulkipli Yaakob. (2009). *Implikasi Dalam Pembelajaran*. Teori Kecerdasan Kinestetik. Diperoleh September 18, 2010 dari <http://www.scribd.com/doc/12898147/Teori-Perkembangan-Fizikal>
- Khairul, Siti Khatijah, Siti Hidayu, Ridhzuan & Muniroh. (2010). Model dan Teori Perkembangan Awal Kanak-kanak. Aspek Perkembangan Fizikal. Diperoleh September 18, 2010 dari <http://webcache.googleusercontent.com/search?q=cache:WmwI99Q2Id8J:images.shv4193.multiply.multiplycontent.com>

PELAKSANAAN AKTIVITI SENI VISUAL UNTUK PEMBELAJARAN KREATIVITI DI SEKOLAH RENDAH

Grace Ling Ei Hung

Ling Pik Kuong

ABSTRAK – Perkembangan domain kreativiti semakin dititikberatkan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Fokus kajian ini adalah untuk membekalkan pengalaman pembelajaran kreativiti untuk murid sekolah rendah melalui pelaksanaan aktiviti seni visual. Aktiviti kreativiti direkacipta berasaskan proses kreativiti lima langkah dalam buku aktiviti *Star Mind* iaitu kesensitifan, kelancaran, imaginatif, inovatif, dan inventif. Empat kitaran kajian tindakan telah dilaksanakan bersama 44 orang pelajar daripada kelas tahun 3. Data kualitatif dikumpul melalui temu bual, dan rakaman video. Manakala data kuantitatif dikumpul melalui borang soal selidik, data pemerhatian, dan juga pemarkahan hasil karya pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa skor min kemahiran kriteria kreativiti adalah memuaskan (75%-83%). Dapatan temu bual guru selaras dengan dapatan soal selidik pelajar juga menunjukkan perkembangan domain kreativiti yang dibuktikan melalui penghasilan karya pelajar yang kreatif. Rumusannya, peluang eksplorasi dan imaginatif berjaya diwujudkan di mana pelajar lebih agresif dan minat dalam penerokaan idea masing-masing melalui aktiviti *Star Mind*. Manakala, kelemahan yang dikesan adalah berkaitan cara pelaksanaan kelas yang masih kurang mantap. Walau bagaimanapun, tindakan penambahbaikan telah diambil untuk memantapkan lagi buku aktiviti *Star Mind* bagi setiap pusingan pelaksanaan bagi keempat-empat bidang seni iaitu bidang menggambar, membuat corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan serta bidang mengenal kraf tradisional. Pelaksanaan aktiviti seni visual dapat memajukan proses perkembangan domain kreativiti pelajar dan ia harus diteruskan untuk penyepaduan dan pengintegrasian dengan kurikulum sekolah rendah yang lain demi memenuhi kehendak semasa dan masa depan negara.

ABSTRACT – Creativity Domain development were increasingly being emphasized in Malaysian educational system. The focus of this study is to provide creative learning experiences for primary school students through the implementation of visual arts activities. Creative activities designed based on the Five Steps of the learning creativity process in the *Star Mind* activities book which is sensitivity, fluency, imaginative, innovative, and inventive. Four cycles of action research were conducted with 44 students from a year 3 class. Qualitative data was collected through interviews, and video recording. While the quantitative data was collected through questionnaires, observation, and scoring of students' work. The results showed that the mean score for the various criteria in creativity skills are satisfactory (75% -83%). The findings of teachers' interviews in line with the findings of the questionnaire also showed that students demonstrated growth in creativity domain through the creative work of students. To summarise, opportunities for imaginative exploration were successfully established in which students are more aggressive and interested in exploring their own ideas through *Star Mind*. Meanwhile, the weakness in this research lies in the implementation of the activities in the class which is very much less established. However, improvement actions have been taken to improve the *Star Mind* activity book for each round of execution of the four areas in visual art, i.e., picturing; pattern making and design; forming and shape building; and identifying traditional crafts. Implementation of the visual art activities to promote the

creative domain development should be continued for the integration with other primary school curriculum to meet current and future needs of the country.

PENGENALAN

Senario dunia hari ini telah memberi penekanan terhadap perkembangan kurikulum pendidikan ke arah perkembangan domain kreativiti, khususnya pada peringkat awal kanak-kanak (Edwards, 2006) turut disedari di Malaysia.

Menurut Rebecca & Shirley (2003), seni merupakan sejenis hak individu untuk berkomunikasi dan membekalkan kanak-kanak cara untuk mengekspresikan idea yang unik. Selain itu, Gardner dalam Cornett (2003) berpendapat bahawa seni dapat mengembang otak dan memberi peluang kepada pelajar untuk “menjadi celik dalam tahap yang berbeza.” Jika kanak-kanak diberi peluang untuk mengeksplorasi, mereka mampu mencipta sesuatu di luar jangkaan guru.

Menurut White dalam Craft (2000) pula, seni bukan diaplikasi dalam bentuk konteks seperti mata pelajaran Matematik. Di sebaliknya, seni kreatif merupakan seni di mana pelajar bebas meneroka melalui imaginasi mereka. Namun, panduan pelaksanaan untuk seni kreatif amat berkurangan di pasaran.

Dalam teras strategik ke-6 yang digariskan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), iaitu membangunkan modal insan berhasrat untuk melahirkan rakyat jelata yang berupaya untuk berfikir kreatif dan kritis, berkemahiran menyelesaikan masalah. Ia juga merupakan persediaan untuk berhadapan dunia global yang sering berubah-ubah. (PIPP, 2007).

Sehubungan itu, Cameron dalam Craft (2000) menyatakan bahawa setiap individu adalah kreatif di mana ia merupakan potensi “semula jadi” dalam kehidupan manusia. Zaman kanak-kanak merupakan satu tempoh perkembangan dan pertumbuhan yang penuh dengan ciri artistik, penerokaan dan juga kesedaran sendiri. (Lowenfeld & Brittain, 1975) Justeru, pelaksanaan aktiviti seni visual dalam pengajaran dan pembelajaran secara tidak langsung dapat membantu perkembangan kanak-kanak secara lebih menyeluruh.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Membangunkan buku aktiviti *Star Mind* yang membangkitkan perkembangan domain kreativiti untuk kegunaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan seni visual sekolah rendah.
2. Mengenalpasti kelebihan dan kelemahan pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan menggunakan buku aktiviti *Star Mind* yang dibangunkan.
3. Mengemukakan cadangan penambahbaikan buku aktiviti *Star Mind*.

PERSOALAN KAJIAN

1. Bagaimanakah aktiviti-aktiviti seni yang dibangunkan dalam buku aktiviti *Star Mind* dapat memberi peluang pembelajaran ke arah pemupukan domain kreativiti?
2. Apakah kelebihan dan kelemahan pengajaran dan pembelajaran pendidikan seni visual yang menggunakan buku aktiviti *Star Mind*?
3. Apakah cadangan penambahbaikan buku aktiviti *Star Mind*?

TINJAUAN LITERATUR

Terdapat ramai ahli psikologi kognitif dan ahli teori konstruktivisme yang mengkaji tentang seni kreatif. Pelbagai kelebihan dan faedah boleh diperolehi melalui pembelajaran dan pengajaran seni kreatif. Sehubungan ini, pelaksanaan aktiviti seni kreatif berkonsep lima diperkenalkan melalui rujukan dalam bahagian ini. Ahli-ahli psikologi yang dirujuk adalah seperti berikut:-

Manakala menurut Edwards (2006), aktiviti seni kreatif merupakan satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran aspek kreativiti yang berasaskan proses. Beliau juga mentakrifkan kreativiti merupakan niat atau dorongan pro-aktif yang berarah sehingga terlanjutnya keadaan semasa. Ia mempunyai ciri keaslian, imaginasi dan fantasi. Proses kreativiti lebih penting daripada hasil terakhirnya.

Selain itu, menurut Craft (2000), seni kreatif membekalkan pengalaman ekspresi-kendiri (*self-expression*) dan penerokaan kreativiti. Kreativiti merupakan proses imaginasi dan penerokaan dalam menghasilkan sesuatu yang baru dan bernilai. Kreativiti akan merangsang kreativiti lanjutan.

Menurut Charlesworth (1992), kreativiti adalah aspek perlakuan yang memaparkan keaslian, eksperimentasi, imaginasi dan semangat menerokai. Ia sependapat dengan Craft (2000) di mana kreativiti merupakan proses imaginasi dan penerokaan dalam menghasilkan sesuatu yang baru dan bernilai. Craft juga berpendapat bahawa kreativiti akan merangsang kreativiti lanjutan.

Sehubungan itu, Lowenfeld & Brittain (1975) telah meneliti lukisan kanak-kanak mengikut peringkat perkembangan kanak-kanak. Jika kanak-kanak selalu dilatih minda untuk berfikir kreatif, mereka akan mengamalkan personaliti harian atau kehidupan secara kreatif. Justeru, dalam pelaksanaan aktiviti seni visual untuk pengajaran dan pembelajaran yang kreatif, buku aktiviti *Star Mind* telah digunapakai untuk melatih pemikiran kreatif pelajar.

Dalam teori Bandura (1963), tingkah laku kanak-kanak dipelajari melalui peniruan atau pemodelan. Orang atau objek yang diperhatikan akan dijadikan sebagai model. Proses pembelajaran melalui pemerhatian tingkah laku model dikenali sebagai permodelan (*modelling*).

Jadual 1.0 Jadual definisi konsep 5 langkah *Star Mind*

| Konsep lima langkah dalam <i>Star Mind</i> | Definisi konsep |
|--|---|
| Kesensitifan | kepekaan terhadap sesuatu perkara atau keadaan. |
| Kelancaran | kelicinan dalam mengusahakan atau membuat sesuatu. |
| Imaginatif | mempunyai imaginasi atau daya khayal terhadap sesuatu benda atau keadaan. |
| Inovatif | bersifat inovasi atau sesuatu yang baru diperkenalkan. |
| Inventif | bersifat unik, asli, dan istimewa. |

Cara pembelajaran kreatif biasanya berpusatkan pelajar. Mengikut kefahaman teori konstruktivisme Vygotsky (1978), aspek perkembangan kreativiti bukan dari konstruk kognitif sahaja tetapi merangkumi konstruk sosio-budaya. Proses pembelajaran menerangkan cara pengetahuan disusun dalam minda manusia. Pelajar membina pengetahuan atau konsep secara aktif berasaskan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Ilmu pengetahuan tidak boleh dipindahkan daripada guru kepada murid dalam bentuk yang serba sempurna. Murid perlu membina sesuatu pengetahuan berdasarkan pengalaman masing-masing.

KERANGKA KONSEPTUAL

Rajah 1.0 menunjukkan kerangka konseptual yang merangkumi konsep lima langkah dalam melaksanakan aktiviti seni visual iaitu kesensitifan, kelancaran, imaginatif, inovatif, dan inventif.

Konsep kesensitifan dibina daripada teori Bandura (1963) di mana tingkah laku kanak-kanak adalah dipelajari melalui peniruan atau pemodelan. Manakala, konsep kelancaran terbina daripada teori konstruktivisme di mana proses pembelajaran menerangkan cara pengetahuan disusun dalam minda manusia. (Media online anak muda, 2009) Seterusnya, konsep imaginatif terbina daripada teori Craft (2000), "kreativiti merupakan proses imaginasi" Konsep inovatif dibina daripada teori Charlesworth

(1992), "kreativiti adalah aspek perlakuan yang memaparkan ... eksperimentasi, semangat menerokai." Akhir sekali, konsep inventif terbina daripada teori Craft (2000) di mana kreativiti merupakan proses dalam menghasilkan sesuatu yang baru dan bernilai.


Bidang aktiviti seni kreatif yang dilaksanakan melibatkan empat bidang iaitu bidang menggambar, membuat corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan, dan mengenal kraf tradisional.

Melalui pembinaan buku aktiviti *Star Mind* ini, diharapkan ia dapat membantu pencapaian matlamat pendidikan seni visual dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, khususnya berkaitan dengan pemikiran kreatif pelajar. Matlamat pendidikan seni visual yang terdapat adalah melahirkan insan yang harmonis, kritis, kreatif dan produktif menerusi pemupukan asas seni visual. Manakala, matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu.


Rajah 2.0 menunjukkan prosedur kajian dalam dua peringkat. Peringkat pertama adalah mengenal pasti dan menganalisis masalah kelas 3 Putra lalu menetapkan objektif untuk kelas tersebut. Selepas itu, pembinaan konsep 5 langkah iaitu kesensitifan, kelancaran, imaginatif, inovatif, dan inventif akan dilakukan dalam penghasilan buku aktiviti *Star-Mind* untuk keempat-empat bidang seni visual iaitu bidang menggambar, membuat corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan, dan mengenal kraf tradisional.

Pada peringkat kedua, penyelidik telah menggunakan proses penyelidikan tindakan model Kurt Lewin (2010) dalam pelaksanaan kajian tindakan, iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian, dan refleksi dan model Carl Kemmis (2007) di mana kolaborasi dengan pasangan praktikum dilakukan. Proses yang terakhir adalah membuat pelaporan kajian.

Dalam pembangunan buku *Star Mind*, konsep buku aktiviti secara realitinya diwujudkan berlandaskan matlamat pembelajaran secara kreativiti dan diharapkan juga dapat membantu perkembangan domain kreativiti kanak-kanak melalui pelaksanaan aktiviti seni.




Rajah 1.0 Kerangka konseptual kajian




Rajah 2.0 Prosedur kajian

Di bawah merupakan satu modul untuk bidang membentuk dan membuat binaan. Satu rancangan pengajaran pembelajaran telah dirancang dengan objektif mengetahui dan meneroka kegunaan bahan kutipan, dan membentuk dan membuat binaan dengan menggunakan bahan dan teknik yang berbeza dalam penghasilan. Sesi pengajaran dan pembelajaran dimulakan dengan set induksi yang ditayangkan dengan pelbagai gambar rumah beraneka kepada para pelajar. Kemudian, tajuk pengajaran didedahkan dan penjelasan aktiviti-aktiviti dalam buku aktiviti *Star Mind* diperkenalkan kepada para pelajar.

Dalam langkah kesensitifan, pelajar dikehendaki mencari corak serangga yang serupa dalam rajah 3.0 dan membulatkannya. Hasil pelajar ditunjukkan seperti dalam rajah 3.1.




Rajah 3.0 Aktiviti kesensitifan untuk bidang membuat corak dan rekaan.



Rajah 3.1 Hasil pelajar untuk aktiviti kesensitifan untuk bidang membuat corak dan rekaan.

Aktiviti kelancaran seperti yang ditunjukkan dalam rajah 3.2, pelajar dikehendaki menyempurnakan corak yang terpedam mengikut corak yang sama seperti objek dalam petak. Hasil pelajar ditunjukkan seperti dalam rajah 3.3.



Rajah 3.2 Aktiviti kelancaran untuk bidang membuat corak dan rekaan.



Rajah 3.3 Hasil pelajar untuk aktiviti kelancaran untuk bidang membuat corak dan rekaan.

Seterusnya, dalam peringkat imaginatif, pelajar diminta meneliti garisan yang terdapat dalam petak untuk mewarnakan bentuk haiwan yang terdapat dalam rajah 3.4. Rajah 3.5 merupakan hasil pelajar dalam peringkat imaginatif.




Rajah 3.4 Aktiviti imaginatif dalam bidang membuat corak dan rekaan.




Rajah 3.5 Hasil pelajar untuk aktiviti imaginatif dalam bidang membuat corak dan rekaan.

Diteruskan dengan aktiviti dalam peringkat inovatif dalam rajah 3.6, pelajar boleh menghiaskan badan lembu dengan corak yang mereka inginkan. Peringkat ini menguji kreativiti pelajar untuk membuat ciptaan yang baru. Rajah 3.7 menunjukkan hasil pelajar untuk peringkat inovatif.




Rajah 3.6 Aktiviti inovatif dalam bidang membuat corak dan rekaan.




Rajah 3.7 Hasil pelajar untuk aktiviti inovatif dalam bidang membuat corak dan rekaan.

Peringkat inventif merupakan langkah terakhir dalam buku aktiviti *Star Mind* di mana pelajar dikehendaki mencipta sesuatu yang asli dan baru berdasarkan pengalaman penerokaan aktiviti-aktiviti sebelum ini.

Dalam rajah 3.8, pelajar diminta mencipta satu bentuk haiwan berdasarkan tujuh corak geometri yang telah diberikan. Rajah 3.9 merupakan hasil pelajar.



Rajah 3.8 Aktiviti inventif dalam bidang membuat corak dan rekaan.



Rajah 3.9 Hasil pelajar untuk aktiviti inventif dalam bidang membuat corak dan rekaan.

Selepas penerangan buku aktiviti *Star Mind*, pelajar akan melakukan aktiviti sepertimana yang telah diarahkan. Pemerhatian telah dibuat semasa proses tindakan tersebut dilakukan. Maklumat akan dikumpul untuk memerhati seperti hasil pelajar,


rakaman video, catatan guru, refleksi, dan sebagainya. Data-data yang dikutip akan dinilai dan membuat rumusan untuk laporan nanti.

Seterusnya, refleksi akan dibuat terhadap setiap proses yang telah dilakukan sebelum itu. Refleksi terdiri daripada refleksi sendiri, guru pelatih, dan juga rakan kritikal. Kelebihan atau kekurangan yang didapati akan digunapakaikan untuk pengubahsuaian rancangan pengajaran harian (RPH) untuk bidang yang seterusnya.

METODOLOGI

Penyelidik telah mengadaptasi proses penyelidikan tindakan model Kurt Lewin dengan Carl Kemmis seperti yang ditunjukkan dalam rajah 4.0.

Kitaran kajian tindakan penyelidik bermula dari bidang membuat corak dan rekaan, disambungi dengan bidang membentuk dan membuat binaan, bidang menggambar, dan akhir sekali bidang mengenal kraf tradisional.




Rajah 4.0 Kitaran Tindakan Yang Dijalankan

Langkah pertama dalam model Kurt Lewin adalah membuat perancangan terhadap aktiviti yang akan dilaksanakan berdasarkan tajuk penyelidikan tindakan yang telah ditetapkan. Langkah kedua adalah mengambil tindakan terhadap segala yang telah dirancang. Terdapat lima langkah dalam pembinaan buku aktiviti penyelidik iaitu

kesensitifan, kelancaran, imaginatif, inovatif, dan inventif. Langkah ketiga adalah membuat pemerhatian semasa proses tindakan tersebut. Maklumat seperti hasil pelajar, rakaman video, catatan guru, refleksi, dan sebagainya akan dikumpul untuk pemerhatian. Data-data yang dikutip akan dinilai dan membuat rumusan untuk laporan nanti. Dan langkah terakhir adalah membuat refleksi terhadap setiap proses yang telah dilakukan sebelum itu. Penambahbaikan selepas refleksi dibuat untuk kitaran penyelidikan tindakan yang seterusnya.

Kitaran model Kurt Lewin dalam rajah 4.0 akan dijalankan untuk empat bidang secara berkitaran. Model Carl Kemmis di mana pengajaran dan pembelajaran adalah dijalankan secara berpasangan digunakan bersama model Kurt Lewin dalam kitaran tindakan yang dijalankan.

Berdasarkan cara menganalisis data seperti yang ditunjukkan dalam rajah 5.0, terdapat lima jenis cara mengumpul data dengan cara kualitatif dan kuantitatif. Cara mengumpul data secara kualitatif adalah seperti rakaman video dan temu bual. Rakaman video dijalankan sepanjang pelaksanaan aktiviti *Star Mind*. Temu bual pula dijalankan bersama guru pembimbing, guru kritikal, dan guru berpasangan. Dari segi kuantitatif, borang pemerhatian domain kreativiti, hasil pelajar, catatan soal selidik pelajar dan nota lapangan dirancang.



Rajah 5.0 Kaedah mengumpul data.

Dalam jadual 2.0, demografi untuk kelas 3 Putra terdiri daripada 44 orang pelajar dengan 16 orang lelaki dan 28 orang perempuan. Terdapat bangsa Melayu, Kayan, Iban, dan Kelabit dalam kelas tersebut. Dari segi bahan asas seni, terdapat 3 orang perempuan tidak mempunyai warna pensil sendiri. Manakala bagi bahan kertas lukisan, terdapat 2 orang lelaki dan 6 orang perempuan tiada bahan tersebut.

Jadual 2.0 Demografi untuk kelas 3 Putra

| Kelas 3 Putra | Lelaki | Perempuan |
|-----------------------------------|--------|-----------|
| Jantina | 16 | 28 |
| Bangsa | | |
| Melayu | 7 | 15 |
| Kayan | 2 | 4 |
| Iban | 7 | 7 |
| Kelabit | - | 2 |
| Bidang yang disukai | | |
| Menggambar | 14 | 25 |
| Membuat corak dan rekaan | 16 | 21 |
| Membentuk dan membuat binaan | 16 | 26 |
| Mengenal kraf tradisional | 16 | 26 |
| Terdapat Komputer di rumah | 5 | 6 |
| Bahan asas seni | | |
| Ada warna pensil | 16 | 25 |
| Tiada warna pensil | - | 3 |
| Ada kertas lukisan | 14 | 22 |
| Tiada kertas lukisan | 2 | 6 |

DAPATAN KAJIAN




Rajah 6.0 Pemarkahan min karya pelajar berdasarkan 4 bidang seni.

Rajah 6.0 merupakan min pemarkahan karya pelajar mengikut kategori aktiviti untuk 4 bidang seni berdasarkan rubrik pemarkahan yang disediakan. Melalui rajah, terdapat empat kategori pentaksiran iaitu kelancaran, keluwesan, kejelasan, dan keaslian.

Secara keseluruhannya, markah min bagi kategori kelancaran dan kejelasan adalah lebih tinggi daripada kategori yang lain iaitu antara markah 19 hingga 24, dalam lingkungan markah cemerlang. Manakala, min bagi kategori yang lain dalam lingkungan 16 hingga 24 iaitu dalam kategori antara sederhana dengan cemerlang.

Rajah 6.1 merupakan jumlah min pemarkahan pelajar berdasarkan 4 bidang seni dengan rubrik pemarkahan. Markah untuk bidang menggambar, membuat corak dan rekaan serta mengenal kraf tradisional sekitar 81.45% hingga 83.8%. Manakala markah untuk bidang membentuk dan membuat binaan mendapat markah yang paling rendah antara keempat-empat bidang seni tersebut iaitu sebanyak 75.55%. Keadaan ini mungkin disebabkan masalah pelajar tiada membawa bahan seni. Ia membawa kesan kepada penurunan markah dalam bidang tersebut.




Rajah 6.1 Jumlah min pemarkahan karya pelajar

Sehubungan dengan min pentaksiran karya pelajar berdasarkan empat bidang seni, terdapat min bagi borang pemerhatian domain kreativiti bagi empat kategori kelancaran, keluwesan, kejelasan, dan keaslian bagi keempat-empat bidang seni yang diisi oleh penyelidik.

Rajah 7.0 di bawah menunjukkan skor min bagi pemerhatian domain kreativiti. Secara keseluruhan, bidang kelancaran mendapat min yang paling tinggi iaitu 4.1 hingga 4.7, kategori keluwesan yang mendapat min yang lebih kurang sama dengan kategori keaslian iaitu antara 3.3 hingga 3.7. Manakala kategori kejelasan mendapat min dari 3.4 hingga 3.7.

Dalam hasil temu bual antara tiga orang guru, secara keseluruhannya, hasil temu bual menyampaikan mesej tentang potensi kreativiti pelajar boleh dieksplorasikan melalui ruang penerokaan yang bebas serta pendedahan bahan rangsangan. Selain itu, kreativiti dalam aktiviti seni boleh ditunjukkan melalui hasil pelajar yang unik seperti penggunaan bahan kitar semula dalam penghasilan karya.



Rajah 7.0 Skor min bagi pemerhatian domain kreativiti.

Aktiviti kreatif seni boleh dilaksanakan dalam kelas seperti menghasilkan sesuatu baru daripada bahan kitar semula. Kelebihan yang diperhati melalui P&P dengan menggunakan *Star Mind* adalah aktiviti seni yang berkonsep 5 langkah yang berjaya membimbing pelajar menghasilkan karya yang amat kreatif.

Penambahbaikan yang perlu dilakukan adalah merekacipta aktiviti mengikut tahap pelajar serta mengelakkan melakukan aktiviti yang terlalu banyak dalam satu masa. Masa perlu dipertimbangkan semasa perancangan aktiviti *Star Mind*.

PERBINCANGAN

(A) Peluang Pembelajaran Ke Arah Pemupukan Domain Kreativiti.

Ketika pelajar melakukan aktiviti-aktiviti seni mengikut konsep lima langkah yang dicipta, pelajar telah diberi satu panduan untuk menghasilkan hasil karya kreatif mengikut langkah yang tersedia.

Secara tidak langsung, peluang pembelajaran ke arah pemupukan domain kreativiti dibekalkan di mana pentaksiran kreativiti bukan setakat 'produk' sahaja tetapi mementingkan 'proses'. Kenyataan ini disokong oleh Edwards (2006), di mana proses pembelajaran adalah lebih dipentingkan daripada produk yang dicapai sepertimana dalam aktiviti *Star Mind*. Kreativiti pelajar dapat diperhati melalui proses penerokaan aktiviti seni. Tajuk aktiviti yang diberi berdekatan dengan kehidupan harian dan pengalaman semasa pelajar dalam peringkat permulaan kajian ini.

Dalam pusingan *Star Mind* kedua bagi bidang membentuk dan membuat binaan dengan tema kediaman, bahan rangsangan yang ditunjukkan pada sesi induksi bermatlamat membuka minda pelajar untuk berfikir secara kreatif seperti rumah impian mereka boleh dibina dalam bentuk unik yang pelbagai. Ia juga boleh dinilai sebagai peluang pembelajaran ke arah pemupukan domain kreativiti.

Selain itu, teknik peneguhan positif digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran di mana pujian diberikan kepada pelajar yang kreatif dengan penghasilan rumah yang berbentuk haiwan, kereta, dan sebagainya. Tindakan ini boleh memberi galakkan kepada pelajar yang kekurangan keyakinan untuk beranikan diri dalam mencuba percubaan untuk meneroka domain kreativiti mereka. Ruang yang bebas dan luas diberikan kepada pelajar dalam pelaksanaan aktiviti *Star Mind*. Ia berselari dengan pandangan Reid et al, (2002), di mana kreativiti merupakan sesuatu yang bebas dari bantasan.

Pada pusingan *Star Mind* terakhir yang bertajuk kipas bagi bidang mengenal kraf tradisional, pelajar dapat melakukan aktiviti yang dicipta dengan cepat pada peringkat kesensitifan dan kelancaran. Namun, aktiviti dalam peringkat imaginasi, inovatif dan inventif amat mencabar minda kreativiti pelajar untuk mencipta suatu kipas yang mempunyai pelbagai fungsi. Keadaan ini selari dengan pendapat Starburk (2006) di mana prosedur dalam kelas seharusnya melibatkan proses meneroka sesuatu masalah dan mencari jalan penyelesaiannya. Walaupun aktiviti pada peringkat akhir ini mengambil masa pengajaran dan pembelajaran yang lama, namun, ia dianggap sebagai memberi ruang untuk pelajar memupuk domain kreativiti mereka.

Secara keseluruhannya, penyelidik telah menjalankan empat pusingan kajian penyelidikan dengan penggunaan buku aktiviti *Star Mind*. Terdapat banyak penambahbaikan yang perlu dilakukan untuk membimbing pelajar ke arah pemupukan domain kreativiti mereka. Antaranya seperti menerangkan cara kerja dengan arahan jelas, penggunaan ayat yang sesuai dengan taraf pelajar, dan sebagainya.

(B) Kelebihan Dan Kelemahan Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual Yang Menggunakan Yang Menggunakan Buku Aktiviti *Star Mind*.

Senarai kelebihan dan kelemahan pengajaran dan pembelajaran pendidikan seni visual yang menggunakan buku aktiviti *Star Mind* telah ditunjukkan sepertimana dalam jadual 3.0 di bawah.

Jadual 3.0 Kelebihan dan kelemahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual yang menggunakan Buku Aktiviti *Star Mind*.

| Kelebihan | Kelemahan |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> - Murid dirangsang menyual dan mencari jawapan - Membuat perkaitan dan melihat hubungkait. - Menjangka apa yang akan berlaku atau meramal. - Meneroka idea. - Membuat refleksi secara kritikal tentang idea, tindakan dan hasil pada akhir kelas. - Memupukan sikap dan personaliti kanak-kanak yang positif. - Perkembangan perasaan estetik, daya kreatif pelajar melalui penjanaaan daya, persepsi, konsepsi dan kesedaran terhadap bakat serta kemampuan diri pelajar. - Meningkatkan professional guru. - Mencipta suasana pengajaran dan pembelajaran yang berlainan. | <ul style="list-style-type: none"> - Kos percetakan agak tinggi. - Proses pembangunan buku aktiviti mengambil masa panjang. - Cabaran membimbing pelajar yang mempunyai pelbagai tahap dalam kelas. - Pengawalan masa dan pembelajaran menjadi rumit. - Kawalan kelas kurang mantap. |

Secara keseluruhannya, penyelidik telah melaksanakan empat kali penyelidikan dengan penggunaan buku aktiviti *Star Mind*. Terdapat banyak penambahbaikan yang perlu dilakukan untuk membimbing pelajar ke arah pemupukan domain kreativiti mereka.

(C) Penambahbaikan Buku Aktiviti *Star Mind*.

Melalui data temu bual dan soal selidik, beberapa cadangan untuk membuat penambahbaikan bagi buku aktiviti *Star Mind* seperti memberi arahan yang jelas kepada pelajar dengan penggunaan ayat yang setaraf dengan tahap pelajar. Hal ini disebabkan kerana pelajar yang tidak dapat melakukan kerja aktiviti seni yang diberikan mungkin disebabkan mereka tidak memahami arahan dengan jelas.

Selain itu, aktiviti yang direka perlu mengikut tahap pelajar dan tajuk yang pelbagai. Faktor masa pengajaran dan pembelajaran dan aktiviti pengukuhan serta tahap pelajar perlu dipertimbangkan dalam pereka cipta aras aktiviti-aktiviti dalam *Star Mind*.

Di samping itu, penguhan positif daripada penyelidik atau guru boleh dilakukan dalam proses penerokaan aktiviti seni. Ia juga boleh dianggap sebagai cabaran untuk proses perkembangan domain kreativiti pelajar dalam penciptaan sesuatu yang baru.

Walau bagaimanapun, semua aktiviti yang dicadangkan memerlukan kerjasama dengan perlakuan amalan profesional guru yang berinisiatif dan berpemikiran positif.

CADANGAN

Beberapa cadangan dikemukakan kepada pelbagai pihak untuk penambahbaikan pada penggunaan buku aktiviti *Star-Mind* dalam explorasi aktiviti seni untuk pembelajaran kreativiti di sekolah rendah.

Dari aspek penyelidik, aktiviti boleh direka mengikut tahap pelajar yang berlainan agar dapat merangsang tindak balas semula jadi setiap pelajar untuk meneroka, mereka cipta, berimajinasi, mengolah, dan mengaplikasikan idea seterusnya melahirkan idea baru atau karya seni yang asli. Ia adalah selari dengan pendapat Gardner (1993), di mana kanak-kanak mempunyai kecerdasan pelbagai dan keperluan individu yang berbeza.

Penglibatan murid untuk merancang buku aktiviti *Star-Mind* juga boleh dilakukan. Buku aktiviti dibina dalam tiga tahap berlainan untuk satu tema bagi memenuhi tahap pelajar yang berbeza. Antara kategori aras yang dibina adalah aras tinggi, aras sederhana, dan aras rendah. Pelajar boleh mereka cipta aktiviti dalam buku *Star Mind* mengikut tahap masing-masing. Aktiviti-aktiviti seni yang direka oleh pelajar boleh menjadi sebagai salah satu rujukan tambahan kepada para pendidik.

Selain itu, pihak pentadbir sekolah seperti guru besar, guru-guru dan guru seni sekalian boleh mengintegrasikan buku *Star-Mind* dalam pengajaran dan pembelajaran sekolah. Ia boleh dimulakan dari peringkat prasekolah, sekolah rendah hingga ke sekolah menengah. Buku *Star Mind* juga boleh memudahkan guru seni dalam membuat rancangan pengajaran harian seni harian dan juga membimbing murid tentang langkah-langkah untuk menuju tahap kreativiti dengan jelas serta mengaplikasikan ciri-ciri kreativiti dalam kehidupan harian.

Di samping itu, pertandingan penghasilan karya yang kreatif boleh dianjurkan untuk peringkat kelas, sekolah, daerah hingga ke peringkat kebangsaan. Melalui aktiviti sebegini, persepsi ibu bapa dan masyarakat terhadap kreativiti akan berubah di samping dapat mencabar pemikiran domain kreativiti pelajar.

Sehubungan itu, persepsi ibu bapa terhadap mata pelajaran bukan akademik akan dipandang penting seperti mata pelajaran akademik yang lain. Ia juga dapat memberi rangsangan kepada ibu bapa dan masyarakat bahawa seni kreativiti adalah tiada batasan. Setiap karya pelajar dipandang unik dan istimewa.

Bagi pihak swasta, kerjasama boleh diwujudkan bersama pihak kerajaan dalam penerbitan buku aktiviti seni seperti *Star Mind*. Selain itu, ahli-ahli pakar swasta juga boleh bekerjasama dengan kerajaan dalam membina buku aktiviti yang bersiri. Ia boleh dijadikan sumber rujukan kepada para pendidik. Pihak kerjasama kerajaan yang boleh terbabit seperti Bahagian Pembangunan Kurikulum, Bahagian Pendidikan Guru, Jabatan Jemaah Nazir dan juga Kementerian Pelajaran Malaysia.

Di samping itu, satu ahli jawatankuasa (AJK) pembangunan buku aktiviti *Star Mind* boleh dibangunkan oleh pihak kerajaan dalam memberi fokus terhadap pembangunan modul *Star Mind* secara menyeluruh. Modul tersebut boleh diedarkan ke seluruh Malaysia dalam perancangan pelaksanaan pembelajaran kreativiti.

Pihak kementerian pendidikan juga boleh mempertimbangkan pengintegrasian buku aktiviti *Star Mind* dalam kurikulum pendidikan seni sekolah rendah. Hal ini disebabkan pengenalan buku aktiviti *Star Mind* dalam kurikulum sekolah dapat menyenangkan guru seni dalam membuat rancangan pengajaran harian ke arah pencapaian pembelajaran kreativiti.

AJK tersebut juga boleh menganjurkan kursus pembangunan buku *Star Mind* untuk mendapat kerjasama di antara guru seni dari seluruh Malaysia atau luar negara agar kualitinya mencapai tahap antarabangsa. Aktiviti yang dirancang berpandu kepada matlamat pendidikan seni Malaysia.

PENUTUP

Penggunaan buku aktiviti *Star Mind* dalam pengajaran dan pembelajaran jelas memberi peluang pembelajaran ke arah pemupukan domain kreativiti. Pelaksanaan aktiviti seni yang dapat memajukan proses perkembangan domain kreativiti pelajar harus diteruskan untuk penyepaduan dan pengintegrasian dengan kurikulum sekolah rendah yang lain demi memenuhi kehendak semasa dan masa depan negara. Walaupun terdapat kelemahan semasa pelaksanaan buku aktiviti *Star Mind*, namun, penambahbaikan akan dilakukan untuk memantapkan konsep lima langkah *Star Mind* lagi.

Secara keseluruhannya, pengenalan pelaksanaan seni visual untuk pembelajaran kreativiti dapat melengkapkan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan matlamat Malaysia tahun 2020 dalam memenuhi matlamat jangka panjang serta melahirkan warganegara Malaysia yang baik dan berfungsi dalam arus globalisasi ini. Ia juga selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara dalam pembentukan modal insan yang boleh bersumbang kepada masyarakat dan negara.

RUJUKAN

- Ainon Mohd. Abdullah Hassan (2007), *KUASA Berfikir Kreatif Teknik Menyelesaikan Masalah Secara Kreatif*, Malindo Printers Sdn.Bhd, Selangor Darul Ehsan.
- Bresler L., Latta. M.M. (2009) *Critical Reflections Of Primary School Teachers In Australia, International Journal of Education & the Arts* volume 10 number 9, p.3, March 16, 2009 from <http://www.ijea.org/>
- Buku kompilasi inovasi, kreativiti (2010, Januari). *Mymetro*.
- Charlesworth, R. 1992. *Understanding child development: for adults who work with young children*. Ed. Ke-3. New York: Delman.
- Cornett C.E. (2003), *creating meaning through literature and the arts" upper saddle river, new jersey columbus, ohio*.
- Craft. A (2000), *Creativity Across the Primary Curriculum, Framing and developing practice*, Routledge Taylor & Francis Group, London and New York.
- D. Russell-Bowie (2009), Learning to Teach the Creative Arts in primary Schools Through Community Engagement, *International Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, volume 20, number 2, 298-306, 2009 from <http://www.isetl.org/ijthe/>
- David Starbuck (2006), *Creative Teaching Getting it Right*, Continuum International Publishing Group, New York.
- Edwards L. C. (2006). *The creative arts: a process approach for teachers and children*. Ed. Ke-4. New Jersey: Pearson.
- Gardner, H. (1993). *Multiple intelligences: The theory in practice*. New York: Basic Books.
- Garrisson, J.S. (1979). *Child arts: integrating curriculum through the arts*. USA: Addison-Wesley Publishing Company, Inc.
- Hajah Noresah bt. Bzharom. (1996). *Kamus Dewan Edisi Ke-3*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Jackman, H.L. (2001). *Early Education Curriculum.: A Child Connection to the World*. Ed ke-2. USA: Thomson Learning, Inc
- Jennifer Chu, Y.L. (2008). Early childhood music education in Taiwan: An ecological systems perspective. *Arts Education Policy Review*. 109(3);17-26. <http://proquest.umi.com.ezplib.ukm.my/pqdweb?did=1464309791&sid=12&Fmt=3&clientid=39290&RQT=309&VName=PQD>[30 Ogos 2008]
- Leo A.M. (2006), "*On, Creativity Awakening The Creative Mind*", Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
- Lim Nam-Hee & Chung Shunah. 2008. Enriching the context for musical learning. *Arts Education Policy Review*. 109(3);27 <http://proquest.umi.com.ezplib.ukm.my>. [28 Ogos 2008]
- Ling Pik Kuong & Hasnah Toran. (2008). *Implementations of creative activities in arts for early intervention of two basic skills (KIA2M) in one of the rural primary school in Bintulu district of Sarawak*. Proceedings International Conference on the Education of Learner Diversity. Hlm 303-306.
- Lowenfeld, V. & Brittain, W.L. 1975. *Creative and mental growth*. Ed. ke-6. New York: Macmilan.
- Media online anak muda (2009) *Teori Konstruktivisme dalam Cooperative Learning*, 13 September 2009 dari <http://xpresiriau.com/artikel-tulisan-pendidikan/teori-konstruktivisme-dalam-cooperative-learning/>
- Mohd. Yusof Hasan (2007), *Teori Pendidikan Pemikiran Global*, Percetakan Zainon Kassim Sdn.Berhad, Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

- Mok S.S (2010), *Penyelidikan dalam Pendidikan*, CIPTA Printing & Publishin (M) Sdn Bhd, Perak, Malaysia.
- Ng Aik Kwang. 2003. *Literating The Creawtive Spirit In Asian Students*. Singapore; Pearson Prentice Hall.
- Palaniappan A.K , Ph. D (2005), *Creativity And Academic Achievement: A Malaysian Perspective*, Karisma Publications Sdn Bhd, Shah Alam.
- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) , (2007)
<http://www.scribd.com/doc/432325/RINGKASAN-PELAN-INDUK-PEMBANGUNAN-PENDIDIKAN>
- Rebecca T.Isbell & Shirley C. Raines (2003), *Creativity and the Arts with Young Children*, Thomson Delmar Learning, Canada.
- Reid, M., Author, A. & Pakker, D. (2002), *Evaluation Report of the BECT a Digital Video Pilot project, BECCTa*, <http://www.becta.org.uk/research/digitalvideo/index.html> [22 January 2008]
- Rohaty Mohd. Majzub. (2003), Syarhaan Perdana – *Pendidikan Prasekoalh. Cabaran Kualiti*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahizan Hassan & Ahmad Shahabudin Che Noh. 2006. *Panduan merancang aktiviti prasekolah*. Ed. ke-2. KL: PTS Professional.
- SimonLaw (2009) *Pengenalan Konsep Dan Proses Kajian Tindakan*.
http://lawtuabeng.blogspot.com/2009_04_01_archive.html
- Schirmacher, R. (1993), *Art and creative development for young children*. Ed. ke-2. New York: Delmar.
- Siti Rodiah binti Hamran. (2010). *Kreativiti Dalam Pendidikan Visual*
<http://sss1042-ssl2012.blogspot.com/2010/03/kreativiti-dalam-pendidikan-seni-visual.html>. [27 March, 2010]
- Soon Seng Thah. (2007). *Perkembangan Terkini Dalam Kajian Tindakan*.
<http://www.arjpnj.com/ktindak/files/kertaskini.pdf>
- Stephen Bowkett (2005), *100 Ideas For Teaching Creativity*, Continuum International Publishing Group, New York.
- Strickland, A.W. 2006. ADDIE. Idaho State University College of Education Science, Math & Technology Education. [6 April. 2010]
- Vygotsky, L.1978. *Mind in society: the development of higher psychological processes*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Yew K.K. (2007), *Your Are Creative, Let Your Creativity BLOOM! Third Edition*, Advantage Quest Sdn. Bhd, Petaling Jaya, Malaysia.

PENGINTEGRASIAN SENI MUZIK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL DI SEKOLAH RENDAH

Hairena Lidya Binti Hatta

Ling Pik Kuong

ABSTRAK – Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk mengenal pasti kelebihan dan kelemahan yang akan diperolehi dalam pelaksanaan pengintegrasian seni muzik dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah rendah. Kajian ini telah dijalankan semasa praktikum Semester 7 bagi PISMP di salah sebuah sekolah di Miri. Peserta dalam kajian ini terdiri daripada 36 orang peserta iaitu peserta daripada kelas 4 Harmoni. Kelas ini terdiri daripada murid-murid yang mempunyai pencapaian akademik yang sederhana. Data kajian dikumpul dengan menggunakan soal selidik, borang pemerhatian, proses temubual, pemarkahan hasil karya dan gambar foto. Pelaksanaan kajian tindakan terhadap kelas yang dijalankan adalah sebanyak dua kitaran iaitu kitaran 1 dan kitaran 2. Kitaran 2 merupakan penambahbaikan yang telah dikenal pasti semasa pelaksanaan kitaran 1. Berdasarkan dapatan yang telah diperolehi, kajian ini telah menunjukkan peningkatan tingkah laku peserta iaitu dari aspek minat dan perhatian serta peningkatan daya kreativiti peserta dalam penghasilan karya semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Magnitud peningkatan ini adalah berbeza dari seorang murid dengan seorang murid yang lain. Walaupun dapatan data ini tidak bertujuan untuk membuat generalisasi tentang keberkesanan pengintegrasian seni muzik dalam P&P PSV, pengaruhnya tidak dapat dinafikan dan eksplorasi ini harus diteruskan oleh warga pendidik khususnya guru-guru Pendidikan Seni Visual membawa faedah kepada perkembangan menyeluruh murid-murid sekolah rendah.

ABSTRACT – This action research was carried out investigate the strengths and weaknesses of the implementation of integrating music in the teaching and learning of a Visual Arts Education in primary schools. This research was conducted during the Semester 7 PISMP practicum in a particular school in Miri. The subject consisted of 36 pupils of Year 4 Harmoni with average proficiency achievement. Data was collected using questionnaires, observation forms, interviews, works scores and photographs. This action research was carried out twice cycle 1 and cycle 2. Cycle 2 was carried out after much revision and improvement upon cycle 1. Based on the binding, the research has indicated an improvement in the behavior of participants in term of interest and attention as well as the an increase in creativity while participating in creative production during the teaching and learning of Visual Arts lesson. The magnitude of increase differs from one subject to another. Although these findings are not intended to generalize the effectiveness of the subject, its effect the influence is undeniable. Educators specifically teachers of Visual Arts should continue to explore this avenue towards the overall improvement of primary school pupils.

Keywords : Muzik, Kreatif, Minat, Perhatian
Paper Type : Action Research Paper (Kajian Tindakan)

PENGENALAN

Bidang Pendidikan Seni merupakan satu bidang yang boleh mengembangkan aspek estetika serta merangsang daya kreativiti seseorang individu. Jadi pengalaman seni merupakan satu aspek penting yang perlu dikembangkan dalam bidang pendidikan. (Edward, 2006).

Sehubungan dengan itu, guru memainkan peranan utama sebagai penyampai ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada murid-murid. penyampaian pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, daya tarikan dan rangsangan perlu dilakukan bagi menghasilkan pembelajaran yang optimum. Penggunaan pengintegrasian seni muzik dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu cara untuk menarik rangsangan di kalangan murid-murid dalam kelas. Menurut Johami Abdullah (1993), muzik merupakan sebahagian daripada budaya masyarakat. Kanak-kanak memberi respon secara semulajadi terhadap bunyi dan mereka merasa senang melahirkan ekspresi diri melalui seni muzik. Asas muzik seperti irama dan ton juga terdapat di dalam amalan pertuturan dan interaksi harian. Sifat cenderung kepada kepada muzik yang sedia ada pada kanak-kanak mempunyai peranan tertentu di dalam proses perkembangan diri dari segi kualiti dan sahsiah.

Guru yang kreatif hendaklah berupaya untuk mengaitkan banyak aspek atau dimensi kebolehannya untuk menyelenggarakan dan memanipulasikan aktiviti kreatif dalam pengajaran. Kreativiti dan kepelbagaian kaedah pengajaran ini di mana seni muzik diintegrasikan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di Sekolah Rendah selaras dengan Pendekatan Bersepadu dalam KBSR iaitu pengintegrasian atau penggabungjalinan mata pelajaran lain di dalam sesuatu mata pelajaran yang diajar untuk meningkatkan kemahiran dan mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk meningkatkan pencapaian dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Menurut Shahizan & Ahmad Shahabudin dalam Ling (2009) pula, kanak-kanak biasanya minat kepada muzik. Mereka berpendapat permainan berbentuk muzik dapat mempertajamkan minda dan deria kanak-kanak belajar mengesan dan membezakan irama atau nada muzik.

Rasionalnya dalam pemilihan seni muzik diintegrasikan di dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah rendah adalah ia bukan sahaja mampu merangsang deria pendengaran murid untuk berminat terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran, malah ia juga mampu mengembangkan daya kreativiti murid. Penyampaian yang tepat akan dapat merangsang kreativiti murid dengan adanya muzik dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dalam kelas selaras seperti pendapat yang dikemukakan oleh Guilfort (1967), di mana kreativiti boleh dipupuk oleh guru dengan memberikan arahan yang jelas, memikirkan kaedah-kaedah yang terbaik, menyelesaikan masalah pembelajaran melalui pelbagai cara, berkongsi idea dan mengembangkan idea.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama dalam pelaksanaan penyelidikan tindakan ini adalah seperti berikut :

1. Mengeksplorasikan satu pembelajaran yang optimum dari aspek minat, tumpuan dan perhatian terhadap isi pelajaran serta daya kreativiti dalam menghasilkan karya dengan adanya pengintegrasian muzik semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.
2. Mengesan kelebihan dan kelemahan pelaksanaan kajian tindakan iaitu pengintegrasian seni muzik dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah rendah.


PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian alam pelaksanaan tindakan ini adalah seperti berikut :

1. Apakah perubahan tingkah laku murid semasa pelaksanaan pengintegrasian Seni Muzik dalam pengajaran dan pembelajaran PSV?
2. Apakah kelebihan dan kelemahan pelaksanaan pengintegrasian Seni Muzik dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual?

KERANGKA KONSEPTUAL

Kerangka konseptual merupakan perancangan terhadap kajian yang dijalankan iaitu pelaksanaan pengintegrasian seni muzik dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah rendah. Kajian ini telah dijalankan untuk 2 bidang yang berbeza iaitu bagi bidang membauat corak dan rekaandijalankan pada kitaran pertama manakala bidang membentuk dan membuat binaan dijalankan pada kitaran kedua. Kitaran kedua dijalankan selepas kelemahan dan kekurangan kajian dikenal pasti semasa pelaksanaan kajian kitaran pertama. Ia bertujuan untuk meningkatkan aspek minat, perhatian atau daya tumpuan serta daya kreativiti peserta dalam karya semasa menjalankan aktiviti Pendidikan Sei Visual dengan adanya pengintegrasian seni muzik. Kajian ini merupakan antara langkah dalam mencapai objektif Pendidikan Seni Visual iaitu melahirkan insan yang harmonis, kritis, kreatif dan produktif menerusi pemupukan asas Seni Visual.



Rajah 1.0 Kerangka Konseptual Kajian Tindakan

Tujuan utama pembentukan kajian ini adalah untuk pembentukan pengajaran dan pembelajaran yang optimum di mana ia meliputi aspek kebolehan murid-murid menunjukkan minat terhadap pengajaran yang disampaikan serta daya tumpuan dan perhatian yang diberikan sepanjang pelaksanaan pengajaran. Selain itu, kajian ini juga bertujuan menilai sama ada dengan adanya muzik, kreativiti murid-murid dapat dibangkitkan semasa pengajaran dan pembelajaran. Atas pertimbangan masa dan tempoh kajian yang agak singkat, penyelidik hanya menjalankan kajian tindakan ini sebanyak dua kitaran sahaja.

HUJAH-HUJAH YANG MENYOKONG PELAKSANAAN PENGINTEGRASIAN SENI MUZIK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PSV

1. Guilfort (1967)

Pengintegrasian seni muzik dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual bukan sahaja mampu merangsang deria pendengaran murid untuk berminat terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran, malah ia juga mampu mengembangkan daya kreativiti murid. Penyampaian yang tepat akan dapat merangsang kreativiti murid dengan adanya muzik dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dalam kelas, di mana kreativiti boleh dipupuk oleh guru dengan memberikan arahan yang jelas, memikirkan kaedah-kaedah yang terbaik, menyelesaikan masalah pembelajaran melalui pelbagai cara, berkongsi idea dan mengembangkan idea.

2. Johami Abdullah (1993)

Muzik merupakan sebahagian daripada budaya masyarakat. Kanak-kanak memberi respon secara semulajadi terhadap bunyi dan mereka merasa senang melahirkan ekspresi diri melalui seni muzik. Asas muzik seperti irama dan ton juga terdapat di dalam amalan pertuturan dan interaksi harian. Sifat cenderung kepada muzik yang sedia ada pada kanak-kanak mempunyai peranan tertentu di dalam proses perkembangan diri dari segi kualiti dan sahsiah.

3. Swanwick & Taylor (1982)

Menyatakan muzik boleh dijadikan perantaraan untuk bersosial dan merenggangkan emosi yang tegang. Ia telah diperakui dapat menjadi daya tarikan dalam pengajaran dan pembelajaran yang lebih bermakna.

4. Dr. Frances Rauscher dan Dr. Gordon Shaw (1987)

Menunjukkan bahawa kanak-kanak sekolah yang mengambil pelajaran muzik menampilkan keupayaan pemikiran maju dan berkembang serta mampu membentuk daya kreativiti yang lebih baik dalam menjalankan tugas dibandingkan rakan mereka yang tidak mengambil pelajaran muzik, termasuk mereka yang mengambil pelajaran komputer dalam tempoh yang sama.

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan di Sekolah Kebangsaan Jalan Bintang Miri dan peserta yang terlibat dalam pelaksanaan kajian ini adalah terdiri daripada murid-murid Tahun 4 Harmoni. Jumlah peserta yang terlibat pila adalah sebanyak 36 orang. Kajian ini telah menggunakan dua cara pengumpulan data iaitu melalui cara kualitatif dan kuantitatif. Bagi

cara kualitatif, data yang dikumpul adalah menggunakan borang pemerhatian, temubual dan gambar-gambar foto semasa pelaksanaan kajian. Bagi cara kuantitatif pula, data yang digunakan adalah dengan menggunakan soal selidik dan pemarkahan karya peserta dengan menggunakan rubrik pemarkahan untuk menilai kreativiti peserta. Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan model Kurt Lewin serta penyelidik telah menjalankan kajian sebanyak dua kitaran. Kedua-dua kitaran ini telah dijalankan untuk dua bidang yang berbeza iaitu bidang membuat corak dan rekaan dan bidang membentuk dan membuat binaan. Penyelidik juga mengumpul data daripada rakan kritikal serta guru pembimbing semasa kajian dilaksanakan.

DEMOGRAFI KUMPULAN SASARAN

Kajian tindakan ini telah dijalankan ke atas peserta dari Tahun 4 Harmoni iaitu terdiri daripada 36 orang murid-murid. Demografi bagi kumpulan peserta adalah berdasarkan Jadual 1.0 di bawah.

Jadual 1.0 Demografi Kumpulan Sasaran

| JANTINA | LELAKI | PEREMPUAN | JUMLAH |
|---|--------|-----------|--------|
| | 17 | 19 | 36 |
| Kaum | | | |
| Melayu | 11 | 14 | 25 |
| India | - | - | - |
| Cina | 1 | - | 1 |
| Iban | 3 | 4 | 7 |
| Bidayuh | 1 | 1 | 2 |
| Lain-lain | 1 | - | 1 |
| Bidang Yang diminati | | | |
| Menggambar | 6 | 8 | 14 |
| Membuat corak Dan Rekaan | 3 | 7 | 10 |
| Membentuk & Membuat Binaan | 8 | 2 | 10 |
| Mengenal Kraf Tradisional | - | 2 | 2 |
| Hobi | | | |
| Menyanyi | 4 | 9 | 13 |
| Menari | 4 | 7 | 11 |
| Berlakon | 5 | 2 | 7 |
| Lain-lain | 4 | 1 | 5 |
| Kecenderungan/ Minat Terhadap PSV | | | |
| Beminat | 13 | 11 | 24 |
| Tidak Berminat | 4 | 8 | 12 |
| Gred Keputusan Ujian PSV Semester Yang Lepas | | | |
| Gred A | 3 | 5 | 8 |
| Gred B | 10 | 9 | 19 |
| Gred C | 2 | 4 | 6 |
| Gred D / Gagal | 2 | 1 | 3 |

DAPATAN KAJIAN

Data-data yang diperolehi dianalisis untuk mengenal pasti pelaksanaan pengintegrasian seni muzik dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah rendah mampu membentuk perubahan tingkah laku peserta dari aspek minat, perhatian dan daya kreativiti dalam penghasilan karya. Bagi kajian yang dikumpul secara kuantitatif, penyelidik menganalisis dengan menggunakan skor min, median dan mod iaitu soal selidik dan pemarkahan hasil karya. Dapatan daripada pemerhatian, temubual dan gambar-gambar foto pula akan dianalisis secara kualitatif (penerangan umum).


1. Dapatan Soal Selidik

Jadual 2.0 Rumusan Dapatan Soal Selidik Kitaran Pertama & Kitaran Kedua

| Skor | Min | | | Jum | Mod | | | Median | | |
|------------------------|------|------|------|-------------|-----|-----|------|--------|-----|------|
| | Mnt | Per | Kre | | Mnt | Per | Kre | Mnt | Per | Kre |
| Kitaran Pertama | 4.42 | 4.58 | 3.21 | 4.07 | 3.5 | 5 | 2.5 | 3.5 | 4 | 2.75 |
| Kitaran Kedua | 4.04 | 4.75 | 4.26 | 4.35 | 4 | 5 | 3.25 | 4 | 5 | 3.5 |

Jadual di atas menunjukkan skor yang telah diperolehi daripada setiap sampel iaitu melalui skor min, skor median dan skor mod yang telah diperolehi daripada data soal selidik skala likert 5 poin yang dijalankan pada kitaran pertama dan kitaran kedua. Secara keseluruhannya, skor min yang telah diperolehi dalam ketiga-tiga aspek pengukuran dalam soal selidik yang telah dijalankan iaitu dari segi minat, perhatian dan kreativiti berada pada skala antara 3.70-5.00. Ini menunjukkan ketiga-tiga aspek ini berada pada tahap sangat baik hasil daripada soal selidik peserta yang terlibat dalam kajian yang dijalankan seperti yang terdapat dalam jadual di bawah.

2. Dapatan Pemarkahan Hasil Karya (Kreativiti)



Rajah 3.0 Skor Min Pemarkahan Keseluruhan Hasil Karya Peserta (Kreativiti)

Berbanding analisis yang dipaparkan dalam Rajah 3.0, kitaran kedua telah mencatat skor min yang tinggi berbanding pada kitaran pertama iaitu sebanyak 54.48 berbanding pada kitaran pertama iaitu sebanyak 42.31. Semasa kitaran pertama, penyelidik telah menggabungkan 2 jenis muzik dalam P&P iaitu nyanyian dan penggunaan bunyian alam. Penyelidik hanya menggunakan dua unsur muzik ini pada tahap minima dan peluang untuk peserta berimajinasi adalah terhad. Ini menyebabkan peserta kurang untuk meningkatkan daya kreativiti mereka dalam menghasilkan karya dengan menggunakan unsur-unsur muzik tersebut. Jadi, penyelidik telah melakukan penambahbaikan pada kitaran yang kedua di mana hanya menggunakan satu unsur muzik sahaja secara maksima dalam proses mengembangkan daya kreativiti peserta khususnya dalam penghasilan karya. Pada kitaran kedua, unsur muzik bunyian haiwan digunakan dan penyelidik menggunakan penaruh muzik tersebut secara maksima untuk proses perkembangan daya kreativiti peserta dan hasilnya dapat dilihat iaitu berlakunya peningkatan berbanding pelaksanaan kitaran yang pertama. Kriteria kreativiti yang diukur adalah merangkumi aspek kelancaran, keluwesan, kejelasan dan keaslian.

3. Pemerhatian

Pemerhatian ini telah dijalankan oleh penyelidik, guru pembimbing Pendidikan Seni Visual dan rakan kritikal dengan menggunakan borang pemerhatian. Borang pemerhatian ini dijalankan adalah untuk mengukur perubahan tingkah laku peserta semasa pelaksanaan pengintegrasian seni muzik dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dari aspek peningkatan minat, daya tumpuan atau perhatian serta daya kreativiti dalam penghasilan karya. Berdasarkan dapatan yang telah diperolehi, didapati ketiga-tiga dapatan daripada ketiga-tiga individu tersebut mempunyai dapatan yang hampir sama. Bagi item pertama iaitu berkaitan dengan daya tumpuan yang diberikan oleh peserta semasa pelaksanaan kajian ini adalah berada pada tahap yang baik. Ketiga-tiga individu tersebut telah memberikan penilaian yang sama di mana dengan adanya pengintegrasian seni muzik dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual, daya tumpuan peserta terhadap aktiviti yang dijalankan lebih tertumpu daripada kitaran pertama dan kitaran kedua.

Dari aspek kreativiti pula, item yang menjelaskan aspek ini adalah daripada item 2, item 3, item 4, dan item 6. Berdasarkan penilaian daripada ketiga-tiga individu tersebut, daya kreativiti yang ditonjolkan oleh para peserta dalam penghasilan karya agak sederhana. Penguasaan daya kreativiti peserta agak kurang terselah terutama semasa kitaran yang pertama. Namun demikian, aspek kreativiti ini telah meningkat berbanding pelaksanaan kajian pada kitaran pertama iaitu masing-masing telah memberikan dapatan bahawa tahap kreativiti peserta telah meningkat pada tahap yang baik pada pelaksanaan kajian bagi kitaran yang kedua.

Dari aspek minat pula, item yang mengukur aspek ini adalah item 5 dan item 7. Pada kitaran yang pertama, guru Pendidikan Seni Visual dan penyelidik telah mengukur minat yang ditonjolkan oleh peserta adalah sangat baik manakala rakan kritikal mengukur

minat yang ditonjolkan peserta terhadap kajian yang dijalankan pada tahap baik sahaja. Pada kitaran kedua pula, minat peserta telah menurun berbanding pada kitaran pertama di mana guru Pendidikan seni Visual dan penyelidik mengukur minat peserta hanya pada tahap baik sahaja manakala rakan kritikal mengukur minat peserta pada kitaran ini hanya berada pada tahap sederhana.

Secara keseluruhannya, dapatan yang telah diperolehi daripada ketiga-tiga aspek pengukuran iaitu dari segi perhatian, kreativiti dan minat peserta telah dapat menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu pengukuran perubahan tingkah laku peserta terhadap pelaksanaan kajian pengintegrasian seni muzik dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah.

4. Temubual

Data temubual telah diperolehi daripada proses temubual bersama guru pembimbing Pendidikan Seni Visual bagi kitaran yang pertama dan kitaran kedua. Proses temubual yang telah dijalankan didapati telah membantu dalam proses dapatan kajian untuk pengukuran kajian yang dijalankan. Dapatan yang diperolehi hasil daripada temubual yang dijalankan adalah seperti berikut:

Jadual 3.0 Analisis Daripada Temubual Yang Dijalankan

| No. soalan | Tindak Balas Guru PSV Pada Kitaran Pertama | Tindak Balas Guru PSV Pada Kitaran Kedua |
|-------------------|--|---|
| 1. | <ul style="list-style-type: none">- Aktif- Seronok- Perjalanan P&P agak gopoh | <ul style="list-style-type: none">- Aktif- Seronok- Lebih tertumpu |
| 2. | <ul style="list-style-type: none">- Kreativiti kurang terserlah- Kebanyakan karya hampir serupa | <ul style="list-style-type: none">- Banyak karya yang menarik dihasilkan- Ada yang dapat hasilkan karya yang unik. |
| 3. | <ul style="list-style-type: none">- Minat dan tumpuan peserta meningkat | <ul style="list-style-type: none">- Perhatian peserta meningkat- Minat agak menurun |
| 4. | <ul style="list-style-type: none">- Elemen muzik yang kurang berfokus.- Kreativiti kurang terserlah | <ul style="list-style-type: none">- Cara penyampaian elemen muzik yang kurang pelbagai / variasi. |
| 5. | <ul style="list-style-type: none">- Guna elemen muzik yang lebih berfokus | <ul style="list-style-type: none">- Mempelbagaikan cara penyampaian. |

5. Gambar-gambar Foto

Dapatan yang telah diperolehi daripada analisis gambar-gambar foto menunjukkan pengintegrasian seni muzik telah membantu dalam proses perubahan tingkah laku peserta dari segi minat dan tumpuan yang lebih menggalakkan semasa pelaksanaan kajian bagi kitaran pertama dan kitaran kedua. Berbeza pula dengan daya kreativiti peserta. Pada kitaran pertama kajian ini kurang menyerlah dalam mengembangkan daya kreativiti peserta tetapi pada kitaran kedua ia mampu meningkatkan kreativiti peserta dalam penghasilan karya.



Rajah 4.0 Minat dan perhatian peserta terhadap aktiviti yang dijalankan



Rajah 5.0 Kreativiti peserta dalam penghasilan karya

PERBINCANGAN / RUMUSAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan yang diperolehi daripada soal selidik, pemarkahan hasil karya, gambar-gambar foto dan pemerhatian telah mampu menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu pengintegrasian seni muzik dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual membentuk perubahan tingkah laku peserta dari aspek minat, kebolehan memberi perhatian dan daya kreativiti dalam berkarya.

Dapatan yang diperolehi daripada temubual telah mampu menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu mengenal pasti kelebihan dan kelemahan kajian dan cadangan penambahbaikan juga dapat dihuraikan semasa proses temubual dilaksanakan. Kelemahan dan kekuatan kajian yang dapat di kenal pasti semasa proses temubual dilaksanakan pada kitaran pertama dan kitaran kedua adalah seperti berikut :

Jadual 4.0 Kelebihan Yang Terdapat Dalam Kajian Semasa Proses Temubual

| Kelebihan Kajian Yang Dilaksanakan | |
|---|--|
| 1. | Minat peserta meningkat terhadap aktiviti yang dijalankan |
| 2. | Peserta mampu memberikan tumpuan sepanjang pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan. |
| 3. | Peserta lebih aktif di dalam kelas. |
| 4. | Peserta berasa seronok dan terangsang terhadap elemen muzik yang digunakan. |

Jadual 5.0 Kelemahan Yang Terdapat Dalam Kajian Semasa Proses Temubual

| Kelemahan Kajian Yang Dilaksanakan | |
|---|---|
| 1. | Daya kreativiti peserta kurang dibangkitkan secara optimum. |
| 2. | Kebanyakan karya peserta sama dan idea tersendiri kurang menyerlah. |
| 3. | Minat peserta boleh menurun sekiranya penyampaian muzik yang digunakan adalah sama dan tidak mempunyai variasi. |

Justeru, berdasarkan kelebihan dan kelemahan yang telah dikenal pasti semasa proses temubual dijalankan pada kitaran pertama dan kitaran kedua, penyelidik juga telah mengenal pasti cadangan penambahbaikan yang boleh dijalankan pada masa akan datang untuk membentuk hasil pembelajaran yang optimum. Cadangan penambahbaik dapat dilihat seperti jadual di bawah:

Jadual 6.0 Cadangan Penambahbaikan Dalam Kajian Semasa Proses Temubual

| Cadangan Penambahbaikan Kajian Yang Dilaksanakan | |
|---|---|
| 1. | Cara penyampaian yang lebih bervariasi. |
| 2. | Elemen muzik yang pelbagai digunakan. |
| 3. | Beri tumpuan dalam peningkatan kreativiti peserta yang lebih optimum. |
| 4. | Boleh melaksanakan penilaian karya dalam aspek kreativiti secara menyeluruh di dalam kelas supaya peserta memahami konsep kreativiti yang diterapkan. |

CADANGAN / IMPLIKASI KAJIAN

Pada pandangan penyelidik, kajian ini amat sesuai jika dijalankan dan diteruskan pada masa akan datang. Kajian ini sesuai jika dilaksanakan oleh guru-guru Pendidikan Seni Visual sekolah rendah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Tambahan pula, kajian ini sesuai jika dijalankan kepada murid-murid Tahap 1 dan Tahap

2. Kesesuaian muzik dengan tema pembelajaran perlu diberi perhatian bagi pelaksanaan P&P yang berkesan.

Selain itu, kajian ini juga sesuai untuk dijadikan rujukan kepada pihak kementerian dalam usaha untuk meningkatkan pembelajaran yang menyeronokkan dan membentuk pembelajaran yang optimum dengan menggunakan elemen muzik selaras dengan matlamat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang seimbang dan berpotensi dari segi rohani, emosi, jasmani, intelek, sosial dan estetika.

Secara keseluruhannya, kajian yang telah dijalankan pada kitaran pertama mempunyai beberapa kelemahan iaitu daya kreativiti peserta kurang dibangkitkan semasa pelaksanaan pengintegrasian seni muzik dijalankan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di dalam kelas dan penyelidik telah mengenal pasti kelemahan tersebut serta melakukan kitaran kedua bagi memperbaiki kelemahan yang ada. Semasa kitaran pertama, dua unsur muzik digabungkan iaitu nyanyian dan bunyian alam manakala pada kitaran kedua, hanya menggunakan satu unsur muzik sahaja supaya muzik tersebut dapat digunakan secara optimum dalam membangkitkan daya kreativiti peserta. Justeru, elemen seni muzik disarankan boleh diintegrasikan dalam matapelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah rendah sebagai salah satu alat atau cara ataupun teknik untuk merangsang minat dan tumpuan murid-murid sekolah rendah dan mengembangkan potensi dan kreativiti mereka ke arah yang lebih cemerlang. Pengintegrasian seni muzik dalam pengajaran dan pembelajaran ini bukan sahaja dapat membuat perubahan tingkah laku di kalangan murid-murid tetapi ia juga mampu membentuk pembelajaran yang optimum ke arah pembangunan individu insan yang lebih seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Ia juga merupakan antara cara pelajar memperolehi kemahiran, mengembangkan bakat, nilai, pengetahuan, sikap dan amalan yang dikehendaki.

PENUTUP

Pendidikan Seni merupakan satu bidang yang boleh menyumbangkan pengalaman seni untuk proses perkembangan aspek estetika serta merangsang daya kreativiti seseorang individu. Jadi pengalaman seni merupakan satu aspek penting yang perlu dikembangkan dalam bidang pendidikan selaras dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Edward (2006) di mana beliau telah menyatakan bahawa Pendidikan Seni adalah wajib dikendalikan dalam pendidikan oleh warga pendidik. Pengintegrasian seni muzik dalam Pendidikan Seni Visual merupakan gabungan seni tampak (Seni Visual) dan deria pendengaran (Seni Muzik). Gabungan dua seni ini akan dapat membentuk pembelajaran yang lebih optimum dan perkembangan daya kreativiti murid yang menyeluruh khususnya dalam berkarya. Ia juga usaha untuk mengembangkan lagi daya kreativiti murid-murid sekolah rendah dengan menggunakan pancaindera pendengaran dalam pengajaran dan pembelajaran.

RUJUKAN

- Bennelt, R. (1970). *Philosply Of Music Education*. England Cliffs, N.J: Prentice. Hall
- Edwards L. C.2006. *The Creative Arts: a process approach for teacher and children*. Ed. Ke-4. New Jersey : Pearson
- Guilford, JP. 1967. *The Nature of Human Intelligence*. New York:McGraw-Hill
- Ling Pik Kuong & Hasnah Toran (.2009). *Pelaksanaan aktiviti seni kreatif (ASK) dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Prasekolah Malaysia*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru. Jilid 4, 2008/2009. Hlm. 143-158
- Md. Nasir Ibrahim & Prof Madya Iberahim Hassan. 2003. Pendidikan Seni Untuk Maktab & Universiti. PTS Publications & Distributor SDN. BHD
- Mok, S.S. (2010). '*Terapi Muzik dengan ASD*',*Bimbingan & Kaunseling Kanak-Kanak*, Jilid 291
- Mok, S.S. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan, Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Omardi Ashaari. (1999). *Pengajaran Kreatif untuk pembelajaran aktif Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur
- Swanwick. K. & Taylor.D. (1982). *Discovering Music : Developing The MusicCuriculum In Secondary Schools*. London: Batsford Academic and Educational Ltd. Johami
- Vygotsky,L.1978. *Mind in Society: the development of higher psychological prosesses*. Cambridge, MA : Harvard University Press.
- Johar B. Hj Jonid.(2006). *Integrasi Muzik Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Dalam Kelas Prasekolah*. *Jurnal Pendidikan. Penyelidikan Menjana Keilmuan*. Institut Perguruan Tun Hussein Onn

PENGGUNAAN BOTOL PLASTIK TERBUANG DALAM AKTIVITI SENI VISUAL BAGI BIDANG MEMBENTUK DAN MEMBUAT BINAAN

Lineika John Fabian

Ting Hie Ping

ABSTRAK – Penyelidikan tindakan ini dijalankan adalah bertujuan untuk menambahbaik pelaksanaan aktiviti seni visual dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh penyelidik. Tambahan pula, guru seni perlu peka terhadap keperluan dan kreativiti yang telah wujud di dalam diri setiap pelajar. Selain itu, melalui botol plastik yang terbuang ini diharap dapat meningkatkan amalan praktis guru terutamanya melalui aktiviti seni visual bagi merangsang daya kreativiti murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Responden kajian ini terdiri daripada 27 orang pelajar. Data dikumpulkan melalui borang soal selidik, rubrik pemarkahan, temu bual, dan juga catatan refleksi. Hasil analisis data mendapati pelajar dapat mengembangkan daya kreativiti mereka dengan mengolah botol plastik yang terbuang kepada sesuatu hasil yang baru. Namun begitu, penyelidik telah membuat penambahbaikan pada pusingan kedua di mana murid hanya menggunakan botol plastik yang bersaiz kecil sahaja iaitu 500ml. Ini kerana murid mempunyai masalah kerana sukar untuk digunting semasa mengolah botol plastik yang bersaiz besar iaitu 1.5 liter. Pada pusingan kedua, murid dapat mengolah botol yang bersaiz kecil (500ml) tanpa sebarang masalah.

ABSTRACT – This action research carried out is intended to enhance the visual arts in teaching and learning process conducted by the researchers. In addition, art teachers should be sensitive to the needs and creativity that exists in every student. In addition, the plastic bottle waste is expected to enhance the practice of teacher practice, particularly through visual arts activities to stimulate students' creativity in teaching and learning. Respondents in this study consisted of 27 students. Data were collected through a questionnaire, scoring rubrics, interviews, and also records the reflection. The results of data analysis found that students can develop their creativity by processing waste plastic bottles to a new result. However, researchers have made improvements in the second round in which students only use a small plastic bottle of 500ml only. This is because students have a problem because it is difficult to cut when treating a large plastic bottles of 1.5 liters. In the second round, students can process small bottle (500ml) without any problems.

Keyword : Kreativiti, bahan terbuang.

Paper Type : Research Paper.

PENGENALAN

Kreativiti merupakan salah satu keupayaan unik semula jadi manusia. Adalah dipercayai bahawa seseorang individu tidak dapat menggunakan potensi dirinya dengan sempurna tanpa kreativiti. Pendidikan seni merupakan salah satu mata pelajaran utama di sekolah yang penting untuk merangsang pemikiran kreatif para pelajar. Lowenfeld & Brittain (1975) berpendapat bahawa guru harus berminat dalam Pendidikan Seni dan meningkatkan keupayaan diri untuk mengendalikan aktiviti yang kreatif secara berterusan bagi melibatkan pelajarnya dalam ekspresi kreatif. Semua mempunyai desakan kreativiti dalaman yang dapat disalurkan melalui aktiviti-aktiviti seni. Pelajar harus didedahkan kepada sebanyak bentuk idea dan rangsangan yang mungkin, kerana proses kreatif adalah bukan hanya satu keseronokan bagi pelajar sendiri sahaja, ia merupakan latihan untuk menemui dan memahami diri sendiri dan dunia. Oleh itu, guru Pendidikan Seni harus membimbing murid untuk meningkatkan kreativiti mereka.

Pendidikan Seni Visual bertujuan memberi peluang kepada murid memupuk minat, memperkembang keperibadian, memberi kesedaran dan kepekaan terhadap nilai-nilai kesenian dan alam sekitar serta kaitannya dengan mata pelajaran lain. Murid di sekolah rendah pada keseluruhannya adalah kreatif, ekspresif dan aktif. Pendidikan Seni Visual memainkan peranan memperkembang sifat-sifat ini melalui persepsi visual, imaginasi dan daya pemikiran. Menurut Robizan & Badrul (2001), kegiatan pemikiran, penerokaan dan reka bentuk dalam pelbagai jenis seni visual akan membolehkan mereka menyatakan idea dan ekspresi diri. Pengalaman ini penting kerana ia membantu murid membina keyakinan diri, membuat penilaian dan mengenali cita rasanya sendiri. Dalam kajian tindakan yang dijalankan, penyelidik menggunakan botol plastik terbuang sebagai medium untuk meluahkan daya kreativiti murid.

Seni adalah hak individu untuk berkomunikasi dan membekalkan kanak-kanak cara untuk mengekspresikan idea yang unik. (Rebecca & Shirley, 2003). Jika kanak-kanak diberi peluang untuk mengeksploitasi, mereka mampu untuk mencipta sesuatu yang di luar jangkaan guru. Menurut Garder (seperti dinyatakan dalam Cornett (2003), seni dapat membantu perkembangan otak dan memberi peluang kepada pelajar untuk menjadi cerdik pada tahap yang berlainan. Sebagai contoh, semasa menjalankan eksplorasi dalam aktiviti seni, kanak-kanak akan menggunakan kreativiti yang mereka miliki untuk menghasilkan karya yang asli dan unik.

FOKUS KAJIAN

Kajian penyelidikan yang dijalankan ini melibatkan penggunaan bahan botol plastik terpakai dalam aktiviti seni kreatif bidang membentuk dan membuat binaan di sebuah sekolah rendah di bahagian Miri. Dengan penggunaan bahan terpakai dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual, adalah diharapkan dapat meningkatkan proses kreativiti di mana pelajar akan dapat meningkatkan daya kreativiti mereka melalui

penggunaan botol plastik yang terpakai. Murid haruslah dibimbing dengan langkah pengajaran dan pembelajaran yang betul untuk memastikan perkembangan kreativiti mereka adalah sempurna.

Empat bidang kegiatan Pendidikan Seni Visual sekolah rendah disusun sesuai dengan tahap kognitif dan pengalaman murid-murid bagi mencapai matlamat untuk melahirkan insan yang harmonis, kritis, kreatif dan produktif menerusi pemupukan asas seni visual. Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bergantung kepada guru untuk mengolah empat aspek utama di dalam organisasi kurikulum bagi mencapai objektif pengajaran. Penggunaan bahan terbuang seperti botol plastik juga merupakan salah satu aktiviti visual yang boleh diterapkan. Dalam aktiviti ini, murid telah mengolah botol plastik yang terbuang kepada suatu hasil yang baru.

PENYATAAN MASALAH

Setelah dua kali menjalani latihan mengajar, iaitu praktikum fasa 1 dan fasa 2, pengkaji telah mendapati beberapa aspek kelemahan yang sering dihadapi dalam menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Masalah yang sering dihadapi selama menjalankan latihan mengajar tersebut ialah ketika ingin menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dalam bidang membentuk dan membuat binaan.

Dalam menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual bidang membentuk dan membuat binaan, sesi pengajaran yang dijalankan kurang kreatif dalam membuatkan murid-murid menghasilkan sesuatu yang luar biasa. Malah, murid-murid juga seperti kurang berminat dengan sesi pengajaran yang disampaikan. Mereka kurang memberikan tumpuan yang penuh dan wujudnya suasana sesi pengajaran yang tidak kondusif. Oleh yang demikian, penyelidik ingin murid untuk keluar daripada pemikiran yang biasa kepada pemikiran yang lebih kreatif.

Melalui penyelidikan tindakan yang dijalankan sekarang ini, penyelidik ingin mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi setiap masalah yang wujud sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Oleh hal yang demikian, penyelidik memilih penggunaan bahan terpakai iaitu botol plastik dalam sesi pengajaran bidang membentuk dan membuat binaan. Penyelidikan tindakan yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan aktiviti yang kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh penyelidik. Tambahan pula, guru seni perlu peka terhadap keperluan dan kreativiti yang telah wujud di dalam diri setiap pelajar. Selain itu, melalui botol plastik yang terbuang ini diharap dapat membantu penyelidik bagi mempelbagaikan lagi sumber dan bahan yang digunakan dalam aktiviti seni.

Menurut Said (2001), penggunaan bahan terpakai ini secara khususnya dapat memberi satu alternatif baru dalam penggunaan bahan terpakai. Ini bersesuaian dengan

kaedah yang dijalankan dalam penyelidikan kali ini. Guru haruslah memilih alat bantu mengajar dari pelbagai sumber dan mengintegrasikannya mengikut keperluan dan kebolehan murid. Hussein & Rashid, (1989) turut menyatakan bahawa penggunaan alat bantu mengajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran mempunyai prinsip-prinsipnya yang tersendiri bagi meningkatkan daya komunikatif sesuatu alat bantu mengajar tersebut.

TINJAUAN LITERATUR

Kreativiti didefinisikan sebagai kemampuan untuk mencipta sesuatu yang unik, asli, berguna, bernilai dan ia berkait rapat dengan kemahiran membuat dan imaginasi. Untuk menghasilkan sesuatu yang kreatif, maka ianya harus mempunyai kecerdasan kreatif. Craft (2000) menyatakan bahawa kecergasan kreatif mengandungi empat gaya iaitu inovatif, imaginatif, intuitif, dan ilham bagi menghasilkan sesuatu yang baru dan berbeza terutama bagi penghasilan sesebuah karya seni. Ini kerana kanak-kanak harus diberi ruang untuk mengembangkan daya kreativiti mengikut pandangan mereka supaya mereka dapat mengekspresikan diri semasa menghasilkan karya. Penggunaan bahan terbuang seperti botol plastik juga merupakan salah satu aktiviti seni visual yang boleh diterapkan. Dalam kajian ini, murid telah mengolah botol plastik yang terbuang kepada suatu hasil yang baru. Botol plastik dapat menjadi salah satu medium bagi pelajar untuk meluahkan daya kreativiti mereka semasa mengolah bahan tersebut.

Menurut Ariningsih (2009), barang-barang yang sudah tidak berguna dan terbuang di tempat sampah boleh dijadikan hasil tangan yang menarik. Dengan sentuhan kesabaran dan kreativiti, barang-barang terpakai ini dapat dibuat produk baru yang berdaya guna. Kegiatan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kreativiti seseorang selain memanfaatkan barang-barang terbuang menjadi barang yang bermanfaat dan mempunyai nilai ilmiah dan bernilai ekonomi. Dengan ini, adanya kreativiti pelajar, mereka diharapkan mampu menciptakan karya baru.

Menurut Ainon dan Abdullah (1994), istilah reka cipta pula difahami sebagai rekaan (invention), benda-benda yang dibuat dengan tangan, ciptaan luar biasa dan seumpamanya. Dengan adanya penggunaan botol plastik dalam aktiviti seni kreatif bidang membentuk dan membuat binaan, pelajar akan mencipta sesuatu yang baru. de Bono (1970), berfikir secara kreatif adalah suatu seni. Seni berfikir kreatif melibatkan keupayaan manusia memusatkan tumpuan dan usaha ke atas sebarang penyelesaian kreatif. Ringkasnya, seni berfikir kreatif adalah suatu kemahiran yang dibina menerusi pembelajaran dan pengalaman. Seni berfikir kreatif berlaku boleh diperoleh secara tiba-tiba ketika seseorang sedang memberi tumpuan bagi menyelesaikan masalah.

OBJEKTIF KAJIAN

Penyelidikan tindakan yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk menambahbaik pelaksanaan aktiviti seni visual dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh penyelidik. Tambahan pula, guru seni perlu peka terhadap keperluan dan keunikan kreativiti yang telah wujud di dalam diri setiap pelajar. Selain itu, melalui botol plastik yang terbuang ini diharap dapat meningkatkan amalan praktis guru terutamanya melalui aktiviti seni visual bagi merangsang daya kreativiti murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

- I. Menambahbaik pelaksanaan aktiviti seni visual yang dijalankan untuk meningkatkan kreativiti murid dalam penggunaan bahan terpakai (botol plastik) terhadap proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dalam bidang membentuk dan membuat binaan.
- II. Membantu untuk meningkatkan amalan praktis guru terutamanya melalui aktiviti seni visual bagi merangsang daya kreativiti murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

PERSOALAN KAJIAN

- I. Bagaimanakah aktiviti-aktiviti seni dalam penggunaan botol plastik yang terbuang dapat meningkatkan kreativiti dalam bidang membentuk dan membuat binaan?
- II. Adakah aktiviti yang dijalankan oleh penyelidik dapat merangsang daya kreativiti murid?

LOKASI KUMPULAN

Daerah Miri merupakan lokasi kajian yang dipilih oleh penyelidik. Sekolah yang dipilih juga merupakan sekolah kebangsaan yang dibantu penuh oleh kerajaan. Lokasi kajian juga merupakan sekolah yang berdekatan dengan gereja Katolik dan pada mulanya diasaskan oleh pihak gereja tersebut pada 1932. Kebanyakan pelajar disekolah tersebut terdiri daripada kaum Cina, Melayu serta kaum Bumiputera yang lain.

KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan 27 orang responden yang terdiri daripada murid-murid Tahun 4 di sebuah sekolah rendah yang terletak di Miri. Jadual 1.0 dan 2.0 merupakan profil latar belakang responden.

Jadual 1.0 Bilangan murid Tahun 4A mengikut jantina

| Perkara | Profil | Bilangan |
|----------------|---------------|-----------------|
| Jantina | Lelaki | 15 |
| | Perempuan | 12 |
| Jumlah | | 27 |


Jadual 2.0 Bilangan murid Tahun 4A mengikut kaum

| Perkara | Profil | Bilangan |
|----------------|---------------|-----------------|
| Kaum | India | 1 |
| | Melayu | 3 |
| | Cina | 5 |
| | Iban | 11 |
| | Melanau | 1 |
| | Kelabit | 2 |
| | Bidayuh | 2 |
| | Kayan | 2 |
| Jumlah | | 27 |

PROSEDUR KAJIAN

Beberapa langkah telah diambil oleh penyelidik dalam melaksanakan pelaksanaan kajian ini. Antaranya ialah seperti tinjauan masalah bagi memastikan masalah yang dihadapi oleh penyelidik dalam pengajaran dan pembelajaran sehingga menjejaskan prestasi guru dan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kemudian penyelidik telah menganalisis masalah yang dihadapi dan diikuti oleh tindakan serta perancangan pelaksanaan yang akan dilakukan.

Dalam membuat pelaporan langkah-langkah tindakan, penyelidik telah menggunakan model daripada Kurt Lewin untuk menjalankan kajian. Penyelidik menjalankan sebanyak dua pusingan berdasarkan pelaporan langkah-langkah tindakan yang diambil melalui model Kurt Lewin (1952). Selain itu juga, penyelidik mengadaptasi proses penyelidikan tindakan model Kurt Lewin seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1.0.



Rajah 1.0 Pelaporan langkah-langkah tindakan menurut Model Kurt Lewin 1952

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada kaedah pengumpulan data secara kualitatif dan kuantitatif. Bagi data kualitatif, kaedah pengumpulan data adalah secara temubual dan catatan refleksi guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran sedang berjalan. Bagi data kuantitatif pula, kaedah pengumpulan data adalah secara borang senarai semak murid dan penilaian hasil kerja murid.

- i. Temubual
- ii. Catatan Refleksi
- iii. Penilaian Hasil Kerja Murid
- iv. Borang Soal Selidik

I. Temubual

Hasil daripada temubual bersama dengan guru Pendidikan Seni (juga selaku Guru Pembimbing), penyelidik bersama dengan guru tersebut telah merumuskan bahawa murid dapat mengolah botol plastik dalam aktiviti seni visual kepada hasil seni yang berguna dengan menggunakan kreativiti masing-masing. Melalui temubual tersebut juga, penyelidik mendapati pelajar dapat menghasilkan hasil karya dengan baik.


II. Catatan Refleksi

Melalui catatan refleksi yang dibuat sepanjang sesi pengajaran, penyelidik mendapati hasil yang yang diperolehi adalah bersifat positif. Peserta memberikan kerjasama serta respon yang baik terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan oleh penyelidik. Melalui catatan refleksi tersebut juga, penyelidik dapat mengetahui akan kelebihan serta kelemahan setiap aspek semasa sesi pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan.

Catatan refleksi dibuat oleh penyelidik sebaik sahaja sesi pengajaran dan pembelajaran selesai dijalankan. Setiap langkah yang dijalankan dalam sesi pengajaran bermula daripada langkah set induksi sehinggalah kepada langkah penutup sentiasa diperhatikan dan kemudiannya dicatatkan. Catatan yang dibuat adalah merangkumi kelebihan sesi pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan, kelemahan yang wujud dan cadangan penambahbaikan hasil pengajaran dan pembelajaran.

Pada pusingan pertama, penyelidik mendapati kesemua pelajar yang membawa botol plastik bersaiz 1.5liter mempunyai masalah terutamanya semasa hendak memotong botol tersebut. Oleh yang demikian, penyelidik telah menetapkan bahawa murid hanya menggunakan botol plastik kecil yang bersaiz 500ml pada pusingan kedua. Pada pusingan kedua, murid dapat menghasilkan bakul kreatif tanpa sebarang masalah.

III. Hasil Kerja Pelajar



Rajah 2.0 Min penilaian hasil kerja pelajar

Jadual 4.0 Skala Permarkahan


| Markah (%) | Tahap |
|------------|-----------|
| 1-39 | Lemah |
| 40-59 | Sederhana |
| 60-79 | Baik |
| 80-100 | Cemerlang |

Rajah 2.0 merupakan min penilaian hasil kerja peserta dalam enam aspek yang dinilai oleh penyelidik berdasarkan rubrik pemarkahan yang telah dibina. Berdasarkan rajah di atas, terdapat enam aspek yang dinilai iaitu rupa dan bentuk, warna, penggunaan alat dan bahan, kreativiti, kekemasan serta sikap dan sahsiah. Terdapat 6 item yang dinilai berdasarkan kepada penilaian hasil kerja tersebut. Item tersebut adalah seperti:

- i. Rupa dan Bentuk
- ii. Warna
- iii. Penggunaan Alat dan Bahan
- iv. Kreativiti
- v. Kekemasan
- vi. Sikap dan Sahsia

Hasil daripada min penilaian hasil kerja peserta tersebut, penyelidik mendapati hampir semua peserta dapat mengolah botol plastik kepada bekas menyimpan pensel serta bakul kreatif dengan baik. Selain itu, melalui kedua-dua pusingan yang telah dijalankan juga, penyelidik mendapati tidak banyak perbezaan min hasil penilaian hasil kerja peserta yang dapat dilihat di antara keenam-enam item yang telah diuji.

IV. Dapatan Soal Selidik



Rajah 3.0 Penggunaan Botol Plastik Terbuang

Jadual 5.0 Skala Pengukuran

| Skala | Tahap |
|-----------|------------------|
| 1.00-2.00 | Rendah |
| 2.01-3.00 | Sederhana Rendah |
| 3.01-4.00 | Sederhana Tinggi |
| 4.01-5.00 | Tinggi |

Rajah 3.0 merupakan min penggunaan botol plastik terbuang dalam lima aspek yang dinilai oleh penyelidik berdasarkan item soal selidik yang telah dibina. Berdasarkan rajah di atas, terdapat lima aspek yang dinilai iaitu kreativiti, minat, gubahan, kemahiran, dan pengolahan. Berdasarkan rajah 3.0 dan jadual 5.0, pelajar dapat meluahkan idea serta kreativiti mereka semasa menghasilkan karya seni. Pelajar juga berminat dengan aktiviti yang dijalankan oleh penyelidik iaitu mengubah botol plastik terbuang kepada bekas menyimpan pensel serta bakul kreatif.

Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan pelajar bermotivasi untuk menghasilkan karya mereka dengan lebih menarik. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa pelajar dapat meningkatkan kemahiran seni mereka seperti menggantung serta menampal semasa menghasilkan karya dan botol plastik yang digunakan semasa menghasilkan karya juga mudah untuk diolah.

RUMUSAN KAJIAN

Pelajar dapat meningkatkan kreativiti dalam bidang membentuk dan membuat binaan melalui kajian yang dijalankan dengan mengolah botol plastik yang terbuang kepada hasil seni yang baru. Ini telah disokong oleh Rand (1990), yang merangkumkan konsep kreativiti sebagai kreativiti adalah proses di mana seorang individu, sebagai hasil dari kemampuan dan kesempatan peribadinya serta dalam interaksinya dengan lingkungannya akan mencari produk baru atau asli yang memadai untuk situasi yang bersangkutan. Produk ini dapat bersifat konkrit ataupun abstrak.

Selain itu juga, aktiviti yang dijalankan oleh penyelidik dapat merangsang daya reka cipta murid. Ini kerana, semasa menjalankan aktiviti, murid telah menunjukkan daya kreativiti mereka dengan mencipta sesuatu yang menarik daripada botol yang terbuang. Mereka telah berfikir luar daripada kotak pemikiran biasa di mana mereka dapat idea untuk mengolah botol terbuang kepada hasil yang baru. Ini disokong dengan kreativiti didefinisikan sebagai potensi semulajadi yang dimiliki oleh semua individu (Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 2009). Ia boleh dilihat melalui hasil produk, proses, kemahiran, ciri-ciri seseorang individu dalam penampilan diri dan juga situasi persekitaran. Secara tidak langsung, melalui pengolahan botol plastik yang terbuang ini, daya kreativiti murid dapat dikembangkan dengan adanya hasil yang baru daripada bahan yang terbuang. Namun begitu, guru haruslah memberikan rangsangan kepada pelajar bagi menjana kreativiti mereka dengan mempelbagaikan rangsangan kepada murid.

KESIMPULAN

Banyak usaha yang perlu diambil oleh guru untuk meningkatkan daya kreativiti murid terutamanya dalam pelaksanaan aktiviti seni visual. Pelajar perlu didedahkan dengan pemikiran yang kreatif supaya mereka dapat berfikir daripada kotak pemikiran yang biasa. Ini dapat dilakukan dengan menggalakkan pelajar untuk meluahkan idea mereka semasa menghasilkan karya masing-masing. Penggunaan botol plastik dalam aktiviti seni visual bagi bidang membentuk dan membuat binaan boleh diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk mengoptimalkan perkembangan kreativiti dan estetika pelajar.

RUJUKAN

- Ainon & Abdullah (1995). Kursus berfikir tinggi. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Craft, A (2000), *Creativity across the primary curriculum, Framing Developing Practice*, London And New York : Routledge Taylor & Francis Group.
- Cornett C.E. (2003), *Creating meaning through literature and the arts "upper saddle river*, Ohio : New Jersey Columbus.
- Edward de Bono (200). *Children solve problems*, New Zealand: New Zealand Association of Art Educators Publication.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2009). Kuala Lumpur : Dokumen standard kurikulum standard prasekolah kebangsaan.
- Lowenfeld, V. & Brittain, W.L (1975). *Creative and mental growth*. Ed. Ke-6. Macmilan: New York.
- Mat Nor Hussein & Abdul Rahman Rashid (1989). Peringkat perkembangan kreativiti, Selangor Darul Ehsan : Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd.
- Norwegia Gunvor Rand (2000). *Different theoretical views of creativity*. Reston, Canada: NAEA Publications.
- Rebecca T.Isbell & Shirley C. Raines (2003), *Creativity and the arts with young children*, Canada : Thompson Delmar Learning.
- Robizan bt. Salim & Badrul Zaman b. Mohd Razali (2001). Forum penyelidikan, Institut Bahasa Melayu Malaysia.
- Tajul Said (2001). Forum penyelidikan, Institut Bahasa Melayu Malaysia.
- Welmin Sunyi Ariningsih(2009). Karya kreatif barang bekas (KKBB). Bandung: Katalog PIMNAS XXII 2009.

PENGUNAAN BAHAN TERPAKAI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL

Marlia Binti Marshid

Nelson Tandang Anak Edwin Unting

ABSTRAK – Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk menggalakkan kreativiti murid melalui penggunaan bahan terpakai dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Peserta yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 35 orang murid dari tahun 4 Bestari. Data kajian telah dikumpulkan melalui borang soal selidik, dan rubrik pemarkahan domain kreativiti. Selain itu, kajian ini juga telah disokong oleh temubual dan pemerhatian yang telah dijalankan bersama dengan guru seni di sekolah kajian. Berdasarkan tinjauan awal penyelidik, didapati bahawa murid-murid kurang didedahkan dengan penggunaan bahan terpakai kerana guru-guru jarang menggunakan bahan tersebut dalam sesi pengajaran dan pembelajaran mereka. Justeru itu, penyelidik telah merancang untuk melaksanakan penggunaan bahan terpakai dalam menghasilkan karya seni iaitu arca berfungsi. Keputusan kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahan terpakai dalam penghasilan arca berfungsi telah dapat membangkitkan dan menggalakkan kreativiti murid sekaligus membantu kempen kitar semula dengan memaksimumkan penggunaan bahan terpakai.

ABSTRACT – Action research was conducted to encourage students creativity through the use of used materials in teaching and learning of Visual Arts. The participants involved in this study consist of 35 students from 4 Bestari. Data was collected through questionnaires, as well as scoring rubrics creativity domain. In addition, this study reliability has been supported by the interviews and observations which were conducted with the art teacher at the school. Based on the initial survey, researcher found that students are less exposed to the use of used materials because the teachers rarely use it in their teaching and learning session. Therefore, researcher was planning to implement the use of used materials in producing sculpture art. Results showed that the use of used materials can arouse and encourage the creativity of the students as well as assisting the campaign to maximize the use of recycled materials.

Keyword : Kreativiti, seni, arca berfungsi

Paper Type : Research Paper

PENGENALAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) memberi tumpuan utama kepada usaha memperkembangkan potensi individu secara holistik dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Perkembangan aspek intelek yang menyeluruh merangkumi pemikiran kritis dan kreatif murid-murid (PPK 2001).

Mohd. Johari (2004) berpendapat bahawa Pendidikan Seni Visual merupakan satu mata pelajaran yang menitikberatkan kaedah. Pelbagai kaedah telah dikemukakan

oleh para sarjana bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pendidikan seni visual. Sebelum guru memilih sesuatu kaedah, guru perlu mempunyai pertimbangan-pertimbangan tertentu tentang pelajar, kandungan pelajaran, objektif pelajaran dan persekitarannya. Kesemua elemen ini penting dan amat mempengaruhi dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Dalam kajiannya, penyelidik akan menerapkan kesemua elemen ini agar murid dapat berkarya dengan selesa dan hal ini sekaligus akan membantu menggalakkan kreativiti mereka.

Untuk memastikan kelicinan pelaksanaan aktiviti seni menggunakan bahan terpakai dalam penghasilan arca berfungsi, kajian ini telah menyenaraikan beberapa objektif seperti berikut :


1. Penggunaan bahan terpakai dapat menggalakkan kreativiti dalam menghasilkan arca berfungsi.
2. Mengenalpasti kelebihan penggunaan bahan terpakai dalam penghasilan arca berfungsi.

Persoalan kajian :

1. Adakah penggunaan bahan terpakai dapat menggalakkan kreativiti peserta dalam menghasilkan arca berfungsi?
2. Apakah kelebihan penggunaan bahan terpakai dalam penghasilan arca berfungsi?

KERANGKA KONSEPTUAL

Kerangka konseptual ini adalah berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (seperti dinyatakan dalam Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah, 2002) yang menekankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Untuk mencapai matlamat ini, kajian terhadap penggunaan bahan terpakai dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dijalankan bagi menggalakkan kreativiti murid dalam berkarya. Kerangka konseptual dibentuk seperti yang ditunjukkan pada rajah 1.



Rajah 1 Kerangka konseptual kajian

DEFINISI OPERASIONAL

Pendidikan Seni Visual

Menurut Khairul (2004), pendidikan seni visual dapat diertikan sebagai pendidikan aliran baharu. Ia lebih menekankan kepada pembentukan jiwa kanak-kanak ke arah aktif dan kreatif, agar kanak-kanak tersebut suka berbuat sesuatu dan suka mencipta sesuatu yang baharu. Aspek kreativiti inilah yang akan dibangkitkan oleh penyelidik di dalam kajian kerana merasakan murid-murid harus diberi peluang untuk mengemukakan idea mereka melalui penghasilan karya masing-masing.

Bahan

Secara umumnya, bahan ialah apa-apa sahaja yang digunakan bagi membantu atau menyokong pengajaran guru dan membantu pembelajaran pelajar (Lambert dan Balderstone, 2002, seperti dinyatakan dalam Shahabuddin, Dr. Rohizani, dan Mohd.

Zohir, 2007). Bahan yang dimaksudkan di dalam kajian ialah bahan terpakai iaitu botol plastik.

Kreativiti

Menurut Kamus Dewan (2005), kreativiti ditakrifkan sebagai satu kemampuan atau kebolehan mencipta, menghasilkan dan mengembangkan sesuatu idea baru dan asli.

Kreativiti didefinisikan sebagai potensi semula jadi yang dimiliki oleh semua individu (Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 2009). Istilah kreativiti boleh ditaksir melalui hasil atau produk, proses, kemahiran, ciri-ciri seseorang individu dalam penampilan diri dan juga situasi persekitaran.

Menurut McFee J. K. (1990), kreativiti ditakrifkan sebagai keupayaan seseorang untuk mencipta sesuatu yang baru dan mampu mengolah idea baru yang lebih bermakna. Seni ini tidak terhad kepada hasil karya sahaja tetapi turut melibatkan pengalaman estetika pengkarya.

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian tindakan di mana penyelidik akan menjalankan kajian dan tindakan di sebuah sekolah di kawasan Miri. Untuk menjalankan kajian ini, beberapa set instrumen berbentuk soal selidik, pemerhatian, temu bual dan rubrik pemarkahan telah digunakan untuk mendapatkan data yang dikehendaki. Instrumen tersebut telah diadaptasi daripada pakar dan mendapat pengesahan pakar rujuk sebelum ia ditadbir.

LOKASI KAJIAN

Bandaraya Miri merupakan lokasi kajian yang dipilih oleh penyelidik kerana penyelidik menuntut di bandar tersebut. Penyelidik telah menjalankan kajian di salah sebuah sekolah di kawasan miri mengikut penempatan yang telah diaturkan oleh Unit Praktikum Institut. Pemilihan sekolah ini dibuat sebagai kawasan kajian adalah bertujuan untuk memudahkan penyelidik menjalankan kajian memandangkan penyelidik menjalani praktikum selama 3 bulan di sekolah tersebut.

DEMOGRAFI PESERTA KAJIAN


Dalam kajian ini, seramai 35 orang murid tahun 4 telah dipilih sebagai peserta kajian. Jadual 1 merupakan profil latar belakang peserta.

Jadual 1 Profil latar belakang peserta

| ASPEK | JUMLAH PESERTA |
|---------------------------------|----------------|
| A) UMUR | 10 Tahun |
| B) JANTINA | |
| 1) LELAKI | 16 ORANG |
| 2) PEREMPUAN | 19 ORANG |
| C) BANGSA | |
| 1) MELAYU | 28 ORANG |
| 2) IBAN | 2 ORANG |
| 3) KEDAYAN | 4 ORANG |
| 4) KENYAH | 1 ORANG |
| D) MATA PELAJARAN YANG DIMINATI | |
| 1) PENDIDIKAN SENI | 23 ORANG |
| 2) BAHASA MELAYU | 2 ORANG |
| 3) BI | 3 ORANG |
| 4) MATEMATIK | 3 ORANG |
| 5) MUZIK | 1 ORANG |
| 6) PENDIDIKAN JASMANI | 2 ORANG |
| 7) SIVIK | 1 ORANG |
| E) BIDANG PSV YANG DIMINATI | |
| 1) MENGGAMBAR | 4 ORANG |
| 2) MEMBUAT CORAK DAN REKAAN | 9 ORANG |
| 3) MEMBENTUK DAN MEMBUAT BINAAN | 14 ORANG |
| 4) MENGENAL KRAF TRADISIONAL | 8 ORANG |

DAPATAN KAJIAN

Untuk mendapatkan dapatan kajian, analisis data kuantitatif telah dibuat menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)*, manakala data kualitatif dianalisis menggunakan *keyword*. Hasil dapatan kajian adalah seperti yang dipaparkan pada rajah di bawah.



Rajah 2 Skor min analisis data soal selidik bagi kitaran 1 dan 2

Berdasarkan rajah 2, hasil keseluruhan kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa aktiviti seni yang telah dijalankan sememangnya dapat menggalakkan kreativiti peserta dalam menghasilkan arca berfungsi menggunakan botol plastik. Berdasarkan skor

min daripada soal selidik yang telah dilakukan menunjukkan bahawa peserta telah dapat mengemukakan idea mereka dengan lancar dan berterusan semasa menghasilkan karya arca berfungsi.

Selain itu, mereka juga telah dapat mengubahsuai sekaligus menghasilkan arca berfungsi menggunakan bahan terpakai mengikut idea mereka sendiri. Berpandukan empat aspek penilaian kreativiti iaitu kelancaran, keluwesan, kejelasan dan keaslian jelas menunjukkan bahawa peserta telah dapat menghasilkan karya mereka dengan kreatif semasa menjalankan aktiviti seni.

Di samping itu, dapatan kajian juga telah menunjukkan bahawa kelebihan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam menghasilkan arca berfungsi menggunakan botol plastik ini terletak kepada media utama arca itu sendiri iaitu penggunaan botol plastik yang mudah untuk didapati. Skor min yang berada pada skala 4.0 ke atas yang diperolehi daripada soal selidik ini menunjukkan peserta bersetuju bahawa botol plastik merupakan salah satu bahan yang murah dan mudah untuk didapati oleh mereka.

Dapatan hasil kajian ini selaras dengan pandangan Lambert dan Balderstone (2002) (seperti dinyatakan dalam Shahabuddin, Dr. Rohizani, dan Mohd. Zohir, 2007) iaitu pemilihan bahan yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran amat penting bagi membantu atau menyokong pengajaran guru dalam membantu pembelajaran pelajar.

Seterusnya, melalui hasil analisis soal selidik jelas memperlihatkan peserta amat berminat untuk mengikut aktiviti menghasilkan arca berfungsi menggunakan bahan terpakai. Dapatan ini turut disokong oleh hasil pemerhatian oleh pakar (guru seni) yang menyatakan bahawa peserta menunjukkan minat yang tinggi dan mereka juga melibatkan diri dengan aktif semasa menjalankan aktiviti seni.

Jadual 2 dapatan pemerhatian

| Pemerhatian | | | | | | |
|---|-------|---|---|---|---|--|
| Item | Skala | | | | | Catatan |
| 1. Murid-murid melibatkan diri dengan aktif dalam aktiviti pembelajaran. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | <i>...hampir kesemua murid menjalankan aktiviti dengan komited semasa p&p...</i> |
| 2. Murid-murid dapat mengemukakan idea yang banyak sepanjang menyiapkan aktiviti menghasilkan arca berfungsi. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | |
| 3. Murid dapat mengubahsuai botol plastik menjadi sesuatu karya arca berfungsi. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | <i>.....saya kagum dan teruja melihat murid mengubah botol plastik menjadi bekas lilin yang pelbagai rupa.....</i> |

| | | |
|---|-----------|---|
| 4. Murid berminat mengikut aktiviti menghasilkan arca berfungsi menggunakan bahan terpakai (botol plastik). | 1 2 3 4 5 | |
| 5. Murid dapat menghasilkan arca berfungsi menggunakan botol seperti yang diminta oleh guru. | 1 2 3 4 5 | <i>.. murid dapat menghasilkan arca daripada botol plastik namun guru boleh juga menggunakan bahan terpakai yang lebih selamat dan tidak tajam seperti surat khabar untuk sesi p&p yang lain...</i> |

Hasil dapatan daripada pemerhatian yang telah dilakukan oleh guru seni di atas memberikan gambaran yang positif kepada kajian. Di samping itu, jawapan yang diberikan oleh pakar seni berdasarkan soalan temubual yang dikemukakan, menunjukkan bahawa peserta telah menunjukkan kreativiti mereka dalam berkarya semasa menjalankan aktiviti menghasilkan arca berfungsi. Jadual di bawah menunjukkan serba sedikit maklumat yang diperoleh semasa temubual bersama guru seni dijalankan.

Jadual 3 Maklumat temubual bersama guru seni

| SOALAN TEMUBUAL | JAWAPAN GURU SENI |
|--|--|
| 1. Pertama sekali, saya ingin tahu pandangan tuan/puan tentang kekuatan yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran tadi. | |
| 2. Adakah pula pandangan tuan/puan tentang kelemahan yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran tadi? | |
| 3. Bagaimanakah penglibatan murid dalam aktiviti tersebut? | <i>.....kesemua murid menjalankan aktiviti semasa p&p.....</i> |
| 4. Adakah murid dapat mengemukakan idea yang banyak sepanjang menyiapkan aktiviti menghasilkan arca berfungsi tadi? | <i>.....ramai murid yang telah menghasilkan bekas lilin menggunakan idea mereka sendiri.....</i> |
| 5. Adakah murid dapat mengubahsui botol plastik menjadi sesuatu karya arca berfungsi. | <i>.....saya kagum dan teruja melihat murid mengubah botol plastik menjadi bekas lilin yang pelbagai rupa.....</i> |
| 6. Adakah murid berminat mengikut aktiviti menghasilkan arca berfungsi menggunakan bahan terpakai (botol plastik). | |
| 7. Adakah murid-murid dapat menghasilkan karya dengan menggunakan bahan terpakai? | <i>...rata-rata murid telah dapat menghasilkan bekas lilin menggunakan botol plastik ...</i> |
| 8. Pada pandangan tuan/puan, apakah kelebihan yang boleh didapati melalui penggunaan bahan terpakai dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. | <i>...botol plastik ni murah, senang nak dapat...</i> |
| 9. Pada pandangan tuan/puan, apakah pula kelemahan yang boleh didapati melalui penggunaan bahan terpakai dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. | |

Dapatan kajian ini, iaitu penggunaan bahan terpakai dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dapat menggalakkan kreativiti peserta dalam menghasilkan arca berfungsi selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang memberi tumpuan utama kepada usaha memperkembangkan potensi individu secara holistik dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Bermula daripada perkembangan potensi individu, peserta sekaligus akan dapat membangkit serta mengembangkan aspek intelek mereka merangkumi pemikiran kritis dan kreatif.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Secara tuntasnya, penyelidikan yang dijalankan oleh saya telah berjaya mencapai objektifnya. Kajian ini sedikit sebanyak telah membantu peserta dalam memberi peluang kepada mereka untuk menonjolkan kreativiti sekaligus menyahut seruan Kempen kitar semula. Penggunaan bahan terpakai dalam aktiviti seni juga telah membantu murid mengurangkan kos dalam penghasilan karya mereka. Justeru itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu menggalakkan penggunaan bahan-bahan terpakai dengan semaksimum mungkin dan membantu program kitar semula yang sering dihebah-hebahkan oleh Menteri Alam Sekitar kita.

PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian yang dinyatakan di atas, beberapa perkara dapat dirumuskan bahawa penggunaan bahan terpakai dalam aktiviti seni membantu murid mengurangkan kos dalam penghasilan karya. Bahan terpakai bukan sahaja memerlukan kos yang murah, tetapi sebaliknya juga mudah untuk didapati. Melalui bahan terpakai, peserta (murid) akan dapat mempelbagaikan karya mereka dan sekaligus memaksimumkan penggunaan bahan ini dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini selaras dengan kata-kata yang diucapkan oleh bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Kong Cho Ha yang meminta agar masyarakat Malaysia berganding bahu bagi memastikan visi kitar semula menjadi realiti, sekaligus melihat kitar semula sebagai amalan dalam kehidupan harian (Ayu, Harian Metro, Ogos 2009).

Selain itu, terdapat beberapa kelemahan yang telah dikenal pasti daripada analisis dapatan kajian. Antaranya ialah botol plastik yang telah dipotong mungkin akan menjadi tajam dan mencederakan peserta. Hal ini akan membahayakan mereka sekiranya tidak dipantau dengan baik. Di samping itu, botol plastik yang digunakan ini sekiranya dibakar akan mengeluarkan asap beracun. Asap ini akan membahayakan peserta sekiranya dihidu dengan kerap dan banyak.

Menurut Saleki Januri (2010), masyarakat memandang sampah atau sisa pepejal itu sebagai sesuatu yang tidak dapat digunakan lagi dan tidak mempunyai nilai ekonomi buat mereka. Justeru itu, dengan adanya aktiviti seni yang menggunakan bahan terpakai

seperti ini sedikit sebanyak dapat menyokong dan menyahut seruan ini dengan mengitar semula botol plastik menjadi sesuatu arca yang berfungsi.

Kepelbagaian aktiviti seni yang dijalankan dapat membantu menggalakkan kreativiti murid. Kreativiti murid tidak akan dapat terserlah dan ditonjolkan sekiranya tidak mendapat galakan dan sokongan daripada guru mahupun orang sekeliling mereka. Dengan adanya aktiviti seni yang pelbagai dijalankan oleh guru, sedikit sebanyak akan dapat menggalakkan murid untuk berfikir dengan kreatif. Hal ini selaras dengan pendapat Guilford (1967) Seperti dinyatakan dalam Jawatankuasa Penyelidikan Maktab Perguruan Batu Pahat, (1998) yang menyatakan bahawa kreativiti boleh diajar oleh guru dengan memberikan arahan yang jelas, memikirkan kaedah-kaedah yang terbaik, menyelesaikan masalah pembelajaran melalui pelbagai cara, berkongsi idea dan mengembangkan idea.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Hasil daripada refleksi serta dapatan kajian yang telah diperolehi, penyelidik telah mengemukakan beberapa cadangan untuk digunakan bagi penambahbaikan mahupun kajian yang akan dijalankan seterusnya. Cadangan kepada kajian seterusnya adalah seperti berikut :

- a) Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa kreativiti murid dapat dibangkit dan digalakkan dengan adanya aktiviti pelbagai dalam penghasilan sesuatu karya. Peserta dapat menghasilkan pelbagai karya dengan menggunakan bahan terpakai sekaligus telah memaksimumkan penggunaan bahan tersebut dalam pembelajaran mereka. Justeru itu, penyelidik berpendapat agar kajian ini boleh diperluaskan di sekolah-sekolah yang lain.
- b) Kajian ini telah dijalankan terhadap sekumpulan murid tahun 4 disebuah sekolah di Miri. Maka dapatan kajian ini hanya dapat digunakan kepada murid tahun 4 yang terlibat sahaja. Sehubungan dengan itu, dicadangkan populasi kajian ini meliputi semua murid di sekolah kajian. Ini untuk membolehkan dapatan kajian ini mewakili fenomena sebenarnya yang dialami oleh semua murid.
- c) Di samping itu, kajian ini hanya memilih satu jenis bahan terpakai sahaja iaitu botol plastik. Maka dapatan kajian ini hanya mewakili penggunaan botol plastik sahaja. Justeru itu, dicadangkan agar penggunaan bahan terpakai dalam aktiviti seni ini juga boleh dipelbagaikan dengan menggunakan bahan yang lain seperti surat khabar dan kotak. Dengan adanya penggunaan bahan yang lain bagi aktiviti ini akan dapat mempelbagaikan lagi keputusan dan kesan kepada aktiviti ini.
- d) Kajian ini hanya dijalankan untuk bidang membentuk dan membuat binaan sahaja. Justeru itu, kajian ini perlu diperluaskan lagi kepada bidang pendidikan seni yang lain seperti bidang menggambar, membuat corak dan rekaan serta mengenal kraf tradisional.
- e) Pendidikan yang diberikan di sekolah seharusnya tidak melibatkan akademik semata-mata. Pendedahan kepada pentingnya menjaga alam sekitar dan

mengitar semula bahan terpakai juga harus ditekankan. Di sini, peranan guru adalah sangat penting dalam merancang dan mengaplikasikan instrumen-instrumen berkaitan dengan alam sekitar di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Guru juga perlu mendidik dan menyedarkan murid akan kepentingan alam sekitar untuk kesejahteraan bersama.

PENUTUP

Secara tuntasnya, kajian tindakan yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk membantu menggalakkan lagi kreativiti murid-murid di samping melatih mereka untuk belajar mencipta sesuatu yang baru dengan idea yang asli. Hasil dapatan kajian yang telah diperoleh melalui instrumen soal selidik, temubual, pemerhatian dan pemarkahan karya murid menunjukkan bahawa kajian ini telah dapat mencapai objektif dengan jayanya. Peserta telah dapat menunjukkan kreativiti mereka dalam berkarya dan mereka telah berjaya menghasilkan arca berfungsi dengan menggunakan bahan terpakai. Penggunaan bahan terpakai dalam aktiviti seni juga telah membantu murid mengurangkan kos dalam penghasilan karya mereka. Bahan terpakai bukan sahaja mudah untuk didapati malah kos untuk mendapatkannya juga murah. Justeru itu, kajian ini juga diharap dapat membantu menggalakkan penggunaan bahan-bahan terpakai dengan semaksimum mungkin dan membantu program kitar semula yang sering dihebah-hebahkan oleh Menteri Alam Sekitar kita.

RUJUKAN

- Ayu (2009, Ogos 31). Ramai pandang sepi kitar semula. *Harian Metro*, hlm. 38.
- Huraian Sukatan Pelajaran PSV SR. (2002). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyelidikan Maktab Perguruan Batu Pahat. (1998). *Tinjauan terhadap tahap kreativiti guru pelatih dalam pengajaran dan pembelajaran muzik di beberapa buah Sekolah Rendah*. : Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia. (2009). Dokumen standard kurikulum standard prasekolah kebangsaan.
- Mohd. Johari Ab. Hamid. (2007). *Falsafah dan kritikan seni*. Perak : Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Saleki Januri (2010, Jun 16-30). Sisa pepejal dan kempen kitar semula. *Warta Wilayah*, hlm. 9.
- Shahabuddin Hashim, Dr. Rohizani Yaakub & Mohd. Zohir Ahmad. (2007). *Strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd

PELAKSANAAN KAEDAH TUTOR RAKAN SEBAYA (BERPASANGAN) DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL

Mohammad Faizal Bin Wahab

Gumbang Anak Pura

ABSTRAK – Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk mengkaji Pelaksanaan Kaedah Tutor Rakan Sebaya (berpasangan) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Fokus kajian ini adalah untuk membantu pelajar mencapai kejayaan bersama. Disamping itu kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti kaedah ini membantu dalam hubungan aspek sosialisasi pelajar dan aspek kawalan kelas guru. Peserta kajian ini adalah pelajar-pelajar di salah sebuah sekolah di bandaraya Miri. Jumlah peserta adalah 42 orang iaitu terdiri daripada pelajar tahun 5 berusia 11 tahun. Data kajian ini dikumpulkan dengan menggunakan borang soal selidik, borang pemerhatian dan penilaian hasil karya pelajar. Hasil dapatan penilaian karya menunjukkan bahawa kaedah ini membantu dalam mengatasi masalah pelajar ketinggalan dalam pengajaran dan pembelajaran iaitu fokus utama kajian ini. Seterusnya dapatan penilaian hasil karya ini disokong oleh soal selidik dan pemerhatian. Hasil dapatan soal selidik dan pemerhatian juga menunjukkan bahawa kaedah ini membantu mengatasi masalah pelajar ketinggalan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni, dan seterusnya membantu dalam membentuk hubungan sosialisasi yang baik antara pelajar dan juga membantu guru dalam aspek pengawalan bilik darjah.

ABSTRACT – Action research was conducted to investigate the Peer Tutor Implementation Methodology (pairs) in Teaching and Learning of Visual Arts. The focus of this study is to help students achieve success together. This study is also aimed at identifying methods to help in the socialization aspect of the relationship of students and teachers' classroom control aspects. Participants of this study were students at one school in the city of Miri. The number of participants is 42 people which consists of students aged 11 years and 5 years. Data were collected using questionnaires, observation forms, and evaluation of student work. The findings of evaluation work shows that this method helps in overcoming the problem of lagging students in teaching and learning is the main focus of this study. Further evaluation of the findings of this work was supported by questionnaires and observation. The findings of the questionnaires and observations also suggest that the dissemination of good relations established between the students and assist teachers in classroom control aspects.

PENDAHULUAN

Pendidikan Seni Visual Pendidikan merupakan salah satu mata pelajaran yang ditawarkan di setiap sekolah rendah dan juga menengah di Malaysia. Matapelajaran Pendidikan Seni Visual ini pada satu ketika dahulu hanyalah dianggap sebagai matapelajaran yang kurang penting dan seringkali di anakt tirikan di sekolah. Mohd Johari Abd Hamid (2007) menyatakan bahawa Pendidikan Seni Visual dianggap sebagai matapelajaran sampingan oleh sesetengah ibu bapa. Pandangan negatif ini sebenarnya adalah disebabkan oleh pengalaman cetek daripada sumber rujukan dan maklumat yang tidak tepat terhadap kepentingan Pendidikan Seni Visual. Tetapi kesedaran dikalangan masyarakat Malaysia amnya mengenai faedah-faedah Pendidikan Seni Visual menjadikan matapelajaran ini telah menjadi antara matapelajaran yang penting disekolah.

Menurut Ehly & Larsen (1980), tutor rakan sebaya adalah kanak-kanak mengajar kanak-kanak yang lain, iaitu seorang kanak-kanak dengan seorang kanak-kanak yang lain. Goodlad and Hirst (1989), kaedah tutor rakan sebaya adalah satu sistem pengajaran dimana individu belajar membantu antara satu sama lain melalui proses mengajar.

Tutor rakan sebaya merupakan satu konsep lama. Pada peringkat kanak-kanak, kita dapati kanak-kanak dengan semulajadi membantu rakan-rakan mereka secara spontan. Zuraidah Abdul Rahman (2006) menyatakan, dalam sistem ini, tidak wujud persaingan antara kanak-kanak dengan kanak-kanak yang menjadi tutee malahan mereka akan bekerjasama untuk mencapai satu matlamat yang sama dan ingin mencapai kejayaan bersama. Proses bantu membantu ini sebenarnya membawa kepada peningkatan sendiri seperti rasa tanggungjawab, bertolak ansur, semangat harga diri dan membina keyakinan di kalangan pelajar.

Kaedah tutor rakan sebaya ini juga memenuhi fitrah manusia iaitu untuk mendapat tunjuk ajar dan pembelajaran dari orang lain. Menurut Kamarudin Hj Husin (1997), menyatakan bahawa kanak-kanak adalah bergantung sepenuhnya kepada orang lain. Mereka tidak berupaya memperkembangkan sahsiah mereka tanpa mendapat bantuan samada secara langsung ataupun tidak. Ini bermakna kaedah ini adalah amat sesuai untuk dilaksanakan semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah memandangkan usia pelajar yang masih dalam proses perkembangan dan peneguhan konsep.

Tutor rakan sebaya di lihat kepada satu kaedah yang mampu untuk membantu guru dalam menjana keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajarannya. Guru hendaklah sentiasa peka dan sentiasa memainkan peranan utama dalam pengajaran dan pembelajarannya.

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian ini adalah mengkaji pelaksanaan kaedah tutor rakan sebaya semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di adakan. Guru akan menghadapi pelbagai masalah semasa menjalankan proses pengajaran dan pembelajarannya. Menurut Mohamad A. Rahman (1999), masalah bermaksud unsur-unsur yang wujud atau lahir dalam sesuatu situasi dan seterusnya menjadi unsur yang akan membantutkan kejayaan.

Pelajar yang ketinggalan semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan adalah masalah utama yang ingin diatasi berdasarkan kajian ini. Pelajar ketinggalan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti kurang tumpuan dalam kelas, perbezaan individu dan juga masalah-masalah lain yang berlaku dalam bilik darjah. Pelajar ketinggalan ini pastinya akan memberikan masalah kepada guru semasa pengajaran dan pembelajaran berlaku. Sekiranya pelajar ketinggalan ini tidak dibantu pastinya lebih banyak kerumitan yang akan timbul seperti pelajar tidak berminat untuk mengikuti pelajaran Pendidikan Seni Visual, pelajar membuat gangguan semasa pengajaran dan pembelajaran berlansung dan sebagainya.

Kajian ini juga menekankan kepada hubungan sosialisasi pelajar semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Hubungan sosialisasi yang baik antara pelajar akan mempengaruhi minat dan kecenderungan mereka. Hubungan sosialisasi yang baik antara pelajar akan membantu pelajar dalam matapelajaran Pendidikan Seni Visual ini. Zuraidah Abdul Rahman (1996) menyatakan bahawa interaksi fizikal tinggi apabila rakan sebaya ada bersama-sama menjalankan sesuatu aktiviti. Interaksi fizikal yang baik ini akan menjamin komunikasi berkesan dan interaksisyang baik antara tutor/tutee. Kaedah tutor rakan sebaya (berpasangan) ini dilihat sangat relevan dalam pemupukan kepada hubungan sosialisasi yang baik antara pelajar. Goodlad (1989) mengatakan bahawa tutor rakan sebaya adalah 'humanly rewarding'. Pelajar menjadi tutor akan belajar membina rasa tanggungjawab, mengambil berat dan kasih sayang, membina rasa harga diri dan pencapaian. Pelajar mampu membina hubungan sosialisasi yang baik sekiranya belajar secara berpasangan walaupun mempunyai latarbelakang yang berbeza kerana matlamat mereka adalah sama iaitu untuk menghasilkan karya yang baik dan ditunjukkan kepada guru dan juga rakan sekelas semasa langkah apresiasi dijalankan di dalam kelas.

Pendidikan Seni Visual adalah satu matapelajaran yang menuntut pelajar untuk aktif semasa pengajaran dan pembelajaran agar pelajar mampu mencapai kesan yang optimum. Keadaan pembelajaran yang aktif ini seringkali menimbulkan bunyi bising yang keterlaluan, murid-murid merayau semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan dan juga terdapat murid yang mengganggu rakan yang lain semasa pengajaran dijalankan. Kajian ini akan membantu memberi gambaran adakah kaedah tutor rakan sebaya ini mampu membantu guru untuk mengatasi masalah pengawalan kelas semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dijalankan.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenalpasti kaedah ini mengatasi masalah pelajar ketinggalan semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual berlangsung
- ii. Mengenalpasti kaedah ini mampu membina hubungan sosialisasi yang lebih baik antara pelajar.
- iii. Mengenalpasti samada kaedah ini membantu guru dalam aspek pengawalan kelas.

SOALAN KAJIAN

- i. Apakah kaedah ini mampu mengatasi masalah pelajar ketinggalan semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual Berlangsung?
- ii. Apakah kaedah ini mampu membentuk hubungan sosialisasi yang baik antara pelajar?
- iii. Apakah kaedah ini mampu membantu guru dalam pengawalan kelas?

KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran untuk penyelidikan tindakan ini adalah pelajar-pelajar SK Anchi, Miri seramai 42 orang. Pelajar lelaki dan perempuan berusia 11 tahun akan terlibat sebagai peserta. Pelajar-pelajar ini adalah pelajar yang mempunyai pencapaian yang baik.

KAJIAN LITERATUR

Andrew Miller (2002) mendefinisikan tutor rakan sebaya sebagai individu daripada umur yang sama atau status yang sama mengambil peranan sebagai mentor/mentee. Termasuklah sokongan akademik menerusi pertemuan bersama pelajar yang pintar dan pelajar yang kurang pintar.

Sinclair Goodland (1985) mendefinisikan tutor rakan sebaya sebagai individu daripada kumpulan sosial yang sama yang mana bukanlah guru profesional membantu individu lain dengan cara mengajarnya.

Elizabeth A. Jordan dan Marion J. Pirath (2000) menjelaskan bahawa perhubungan rakan sebaya yang sihat amat penting dan membantu dalam pencapaian akademik dan hubungan sosialisasi yang positif di kalangan pelajar. Ini menunjukkan bahawa pelajar amat bergantung kepada rakan sebayanya ataupun rakan sekelasnya dalam menghadapi cabaran dan mendapatkan ilmu setiap hari.

Menurut Catherine Twomey Fosnot (2004) menyatakan bahawa, seorang pelajar yang mempunyai kelebihan ataupun lebih pintar dari pelajar yang lain, pelajar tersebut boleh membimbing pelajar yang lain bagi meningkatkan kefahaman ataupun kemahiran mengenai sesuatu topik. Ini jelas menunjukkan bahawa, seseorang pelajar yang lebih

berketerampilan atau lebih pintar boleh menjadi tutor atau pembimbing kepada pelajar yang lemah agar pelajar yang lemah ini tidak ketinggalan semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual berlangsung.

Sinclair Goodlad (1995) menjelaskan bahawa kaedah tutor rakan sebaya ini boleh dijalankan dalam banyak waktu yang sesuai seperti waktu pengajaran dan pembelajaran, waktu cuti, waktu rehat dan waktu selepas persekolahan. Sandler (1979) menyatakan bahawa kaedah tutor rakan sebaya akan membantu pelajar yang menjadi tutee iaitu pelajar yang lemah untuk memperbaiki kemahiran komunikasi, pemahaman yang lebih dalam dan juga motivasi diri. Pelajar yang menjadi tutee ini akan berjaya untuk mempercepatkan kefahaman kerana tumpuan tutornya adalah kecil iaitu terhadapnya seorang sahaja


Keith Topping (1988) menyatakan bahawa, interaksi antara tutor/tutee sebaya mempunyai nilai yang tinggi. Beliau juga berpendapat bahawa, tutor/tutee akan saling melengkapi antara satu sama lain.

Thomas C. Good (2003) menjelaskan bahawa kaedah tutor/tutee ini hendaklah dikendalikan dengan berhati-hati kerana sesetengah pelajar mungkin tidak menyukai kaedah ini kerana mereka tidak mahukan pertolongan daripada orang lain.

KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran untuk penyelidikan tindakan ini adalah pelajar-pelajar SK Anchi, Miri seramai 42 orang. Pelajar lelaki dan perempuan berusia 11 tahun akan terlibat sebagai peserta. Pelajar-pelajar ini adalah pelajar yang mempunyai pencapaian yang baik.

PROSEDUR KAJIAN



Rajah 1 Tindakan yang dijalankan

Pada pusingan pertama, pelajar tutor/tutee diberikan pilihan untuk memilih sendiri tutor/tutee mereka. Pelajar diminta untuk bersama-sama tutor/tutee mereka sepanjang pengajaran dijalankan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa masih terdapat kelemahan pada kaedah ini dimana masih terdapat pelajar yang ketinggalan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Masalah ini dikesan dan seterusnya pada pusingan kedua penyelidik telah memadamkan tutor/tutee berdasarkan prestasi mereka dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan hasilnya adalah positif.

CARA PENGUMPULAN DATA

Borang Soal selidik

Borang soal selidik yang diagihkan kepada peserta adalah Borang Soal Selidik Mengkaji Pelaksanaan Kaedah Tutor Rakan Sebaya (berpasangan) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Borang soal selidik ini mengandungi 2 bahagian iaitu bahagian A menunjukkan tarikh, kelas, dan juga demografi ringkas peserta iaitu jantina, bangsa dan umur peserta. Manakala bahagian B adalah mengenai item-item soal selidik yang akan diukur menggunakan skala likert 5.

Jadual 1 Skala Likert Soal Selidik

| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|---------------------|--------------|----------------|--------|---------------|
| Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Sedikit Setuju | Setuju | Sangat Setuju |

Borang Pemerhatian

Borang pemerhatian ini diisi oleh penyelidik sendiri, rakan guru pelatih yang bersama-sama menjalani praktikum disekolah yang sama (rakan kritikal) dan juga guru pembimbing praktikum. Pemerhati akan berada didalam kelas semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Borang pemerhatian yang dibina ini berdasarkan 3 aspek iaitu aspek penguasaan murid, aspek hubungan sosialisasi murid dan aspek kawalan kelas. Pemerhatian dijalankan sekali untuk pusingan pertama dan sekali lagi untuk pusingan kedua. Pemerhatian yang diberikan adalah dinilai berdasarkan skala likert melalui rubrik yang telah dihasilkan. (rujuk jadual 1)

Penilaian Hasil Karya


Hasil kerja atau sesuatu produk yang dihasilkan oleh pelajar lazimnya dikenali sebagai hasil karya pelajar. Aspek-aspek yang dinilai dalam rubrik pemarkahan ini ialah kreativiti, asas seni reka/unsur seni, penghasilan karya, teknik penghasilan karya dan sahsiah pelajar.

HASIL DAPATAN

Hasil Dapatan Soal Selidik

Jadual 2 Rumusan Skor Min Berdasarkan Pusingan Bagi Setiap Aspek

| Aspek | Pusingan Pertama | Rumusan Min | Pusingan Kedua | Rumusan Min |
|--|------------------|------------------|----------------|-------------|
| Tiada pelajar ketinggalan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual | 3.64 | Kurang Memuaskan | 4.48 | Memuaskan |
| Hubugan Sosialisali pelajar | 4.21 | Memuaskan | 4.26 | Memuaskan |
| Kawalan Kelas guru | 4.35 | Memuaskan | 4.5 | Memuaskan |



Rajah 2 Skor Min Kedua-dua Pusingan

Pusingan pertama adalah untuk pelaksanaan kaedah tutor/tutee pilihan sendiri. Bagi bahagian B pada soal selidik ini yang mengandungi 3 aspek dan disertakan dengan 3 item untuk setiap aspek tersebut. Min bagi aspek pertama iaitu tiada pelajar ketinggalan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual ialah 3.64. Aspek kedua pula ialah hubungan sosialisasi pelajar mencatatkan min 4.21 dan min bagi aspek yang ketiga iaitu aspek kawalan kelas guru ialah 4.35.

Bagi pusingan kedua pula, iaitu pelaksanaan kaedah tutor/tutee berdasarkan prestasi. Min bagi aspek pertama iaitu aspek tiada murid ketinggalan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual adalah 4.48. Manakala aspek kedua iaitu

hubungan sosialisasi pelajar adalah 4.26. Seterusnya aspek ketiga iaitu kawalan kelas guru mencatatkan min 4.5.

Hasil Dapatan Data Pemerhatian


Pada pusingan pertama, bagi aspek pertama ialah berada pada tahap yang sedikit setuju. Melalui rubrik pemerhatian tahap ini menunjukkan murid meminta guru mengulangi isi pada langkah demonstrasi sahaja. Sebanyak 9 - 13 pasangan menghantar karya pada masa ditetapkan dan murid membuat kerja sendiri dan bermain tetapi tidak menghasilkan bunyi bising. Pada pusingan kedua, aspek ini menunjukkan peningkatan kepada purata penilaian iaitu pada tahap sangat setuju. Perkara ini dijelaskan berdasarkan rubrik, Murid memberi tidak mengajukan soalan kepada guru dan boleh membimbing murid lain semasa membuat aktiviti, Seramai 17– 21 pasangan menghantar karya pada masa ditetapkan dan Murid terlibat dengan aktif semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung .

Bagi aspek kedua, purata penilaian pemerhatian pada kedua-dua pusingan adalah adalah pada tahap sangat setuju, menunjukkan bahawa murid memberikan atau menerima pertolongan daripada rakan (tutor/tutee) serta memberi bimbingan kepada rakannya (tutor/tutee) sekiranya memerlukan, murid saling berkongsi apa-apa sahaja alat dan bahan kepada rakan (tutor/tutee) dan Murid saling memberi dan menerima pendapat daripada rakan (tutor/tutee)

Seterusnya bagi aspek ketiga, purata penilaian pemerhatian pada kedua-dua pusingan adalah iaitu sangat setuju, berdasarkan rubrik adalah murid senyap dan tidak membuat apa-apa bunyi yang tidak diperlukan semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung, murid duduk ditempat sendiri dan membuat aktiviti yang diarahkan oleh guru dan murid tidak mengganggu rakan yang lain dan tidak menimbulkan sebarang gangguan kepada rakan yang lain.

Hasil Dapatan Penilaian Hasil Karya

Hasil Dapatan Penilaian Hasil Karya Pusingan Pertama




Rajah 2 Rumusan Keseluruhan Rubrik Penilaian Pemarkahan Pusingan Pertama

Pusingan pertama iaitu penyelidik memberi kebebasan kepada pelajar untuk memilih sendiri tutor/tutee mereka. Pada pusingan pertama ini, jumlah karya (Sejambak Bunga Mawar) yang dihantar adalah sebanyak 11 karya sahaja menunjukkan bahawa hanya 11 pasangan yang terlibat menghantar karya mereka manakala sejumlah 10 mewakili 48 %, pasangan lagi tidak menghantar karya mereka.

Melalui analisis karya yang dihantar ini, sebanyak 4 karya berada pada tahap cemerlang iaitu pada gred A iaitu 19%. Manakala 5 karya berada pada tahap baik iaitu pada gred B mewakili 24 %. Seterusnya 2 karya pada tahap lemah iaitu pada gred C sahaja iaitu 9% sahaja.

Hasil Dapatan Penilaian Hasil Karya Pusingan Kedua



Rajah 3 Rumusan Keseluruhan Rubrik Penilaian Pemarkahan Pusingan Kedua

Pada pusingan kedua penyelidik memadankan tutor/tutee berdasarkan prestasi semasa bagi Matapelajaran Pendidikan Seni Visual. Tajuk pelajaran bagi pusingan kedua ini adalah Kucing Comel.

Hasil karya dikutip setelah sesi pengajaran dan pembelajaran tamat. Sebanyak 18 karya telah dihantar, ini menunjukkan bahawa sebanyak 18 pasangan telah menghantar karya mereka. manakala 3 pasangan lagi tidak menghantar karya iaitu sebanyak 14 %. Sebanyak 10 karya telah menunjukkan prestasi cemerlang iaitu tahap cemerlang atau gred A mewakili 48%. Seterusnya bagi karya yang mendapat gred B atau berada pada tahap baik ialah sebanyak 7 karya mewakili 33%.. Seterusnya sebanyak 1 karya mendapat gred C atau pada tahap lemah iaitu mewakili 5%.

REFLEKSI KAJIAN

Berdasarkan rubrik pemarkahan hasil karya pelajar menunjukkan bahawa karya pelajar adalah berada pada tahap yang baik setelah belajar bersama rakan tutor/tutee berdasarkan prestasi. jumlah pelajar yang menghantar karya juga meningkat. Ini menunjukkan bahawa kaedah ini telah membantu pelajar untuk bersama-sama

menguasai kemahiran dan isi pelajaran serentak semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Seterusnya berdasarkan kepada dapatan soal selidik dan pemerhatian, bagi aspek pertama iaitu tiada pelajar ketinggalan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual, pada pusingan pertama menunjukkan aspek ini berada pada tahap yang sederhana pada analisis soal selidik dan sedikit setuju pada borang pemerhatian sahaja kerana pelajar secara dasarnya memilih tutor/tutee daripada rakan yang karib dengan mereka dan seterusnya pelajar akan menyebabkan pelajar lebih banyak bermain dan membincangkan perkara-perkara yang tiada kaitan dengan pelajaran daripada menumpukan perhatian terhadap pelajaran mereka. Mereka juga selalu berbual-bual mengenai minat dan kecenderungan bersama sahaja semasa pengajaran dijalankan. Apabila disuruh untuk melaksanakan sesuatu tugas, mereka gagal untuk memenuhi tugas tersebut dan seterusnya mereka akan gagal untuk menyiapkan karya mereka mengikut masa yang ditetapkan oleh guru. Tetapi aspek ini menunjukkan peningkatan pada pusingan kedua apabila tutor/tutee ini digandingkan berdasarkan prestasi. Pelajar yang menjadi tutor ini akan membimbing tutee mereka dalam pelajaran dan membantu tutee mereka sekiranya menghadapi masalah. Pelajar yang menjadi tutee menumpukan sepenuh perhatian semasa pengajaran kerana takut dimarahi oleh rakan tutornya. Jumlah karya yang dihantar juga adalah banyak, ini menunjukkan pelajar tidak membuang masa semasa pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Pelajar-pelajar yang menumpukan perhatian ini adalah aktif semasa pengajaran dan pembelajaran dengan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan guru.

Bagi aspek kedua iaitu hubungan sosialisasi pelajar pada pusingan pertama dengan memadankan tutor/tutee mengikut pilihan mereka sendiri hasil analisis data menunjukkan aspek ini telah berjaya berada pada tahap memuaskan pada borang soal selidik dan tahap setuju pada borang pemerhatian. Mereka juga akan bersifat saling melengkapi sekiranya tutor/tutee mereka tidak mempunyai alat dan bahan yang diperlukan. Tutor/tutee pilihan sendiri ini juga mudah untuk bekerjasama dalam penghasilan karya mereka. Seterusnya pada pusingan kedua pula, keputusannya tetap sama seperti diperolehi pada pusingan pertama. Tutor/tutee akan berkongsi bahan/alat untuk menghasilkan karya atas dasar rasa tanggungjawab bersama dalam penghasilan karya. Mereka juga akan sentiasa bekerjasama kerana tutor adalah pelajar yang mempunyai sikap yang positif dan akan membantu tuteenya. Tutor / tutee berdasarkan prestasi ini juga mampu untuk berkongsi samada menerima dan member pendapat dalam penghasilan karya memandangkan mereka akan berkongsi hak untuk mendapat gred yang baik dalam penghasilan karya mereka.

Seterusnya ialah aspek kawalan kelas. Pada pusingan pertama, aspek kawalan kelas telahpun berada pada tahap memuaskan pada borang soal selidik dan tahap setuju pada borang pemerhatian. Aspek kawalan kelas yang digariskan ialah pelajar tidak membuat bising yang tidak diperlukan semasa pengajaran dan pembelajaran. Walaupun dalam pusingan pertama ini tutor/tutee adalah pilihan sendiri, pelajar tidak membuat bising

secara keterlaluan kerana kawan karib mereka telahpun berada di sisi mereka. Seterusnya adalah murid tidak perlu merayau-rayau semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan memandangkan segala peralatan dan bahan untuk menghasilkan karya boleh dikongsi bersama rakan karib mereka. Mereka juga tidak perlu merayau untuk meminta pendapat daripada kawan mereka atau guru kerana rakan mereka akan memberikan pendapat kepada mereka. Pada pusingan kedua pula, aspek kawalan kelas ini tetap mencatatkan skor min memuaskan pada soal selidik dan juga setuju pada borang pemerhatian berdasarkan pelajar tidak membuat bising semasa pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan kerana khuatir guru akan memarahi mereka memandangkan mereka berbual-bual perkara yang tiada kaitan dengan pelajaran. Jumlah pelajar yang merayau adalah sangat rendah berdasarkan pemerhatian kerana pelajar selesa duduk ditempat sendiri dan seterusnya mereka tidak mengganggu rakan yang lain kerana rakan tutor/tutee telahpun bersama mereka.

RUMUSAN KAJIAN

Kesimpulan yang dapat dibuat daripada kajian ini adalah pelaksanaan kaedah tutor rakan sebaya ini telah menunjukkan jawapan positif terhadap soalan-soalan kajian yang dikemukakan. Pelaksanaan kaedah tutor rakan sebaya ini mampu untuk mengatasi masalah pelajar yang ketinggalan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual, kaedah ini juga mampu untuk membina atau membentuk hubungan sosialisasi yang lebih baik antara pelajar dan seterusnya membantu guru dalam aspek pengawalan kelas.

CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Penyelidik memberikan cadangan kajian seterusnya untuk pelaksanaan kaedah tutor rakan sebaya ini memandangkan kaedah ini dilihat relevan dengan tuntutan matapelajaran Pendidikan Seni itu sendiri. Cadangan penyelidik untuk kajian seterusnya ialah:

1. Pelaksanaan kaedah tutor rakan sebaya (berpasangan) ini dijalankan pada pelajar tahap 1.
2. Pelaksanaan tutor rakan sebaya (berpasangan) dijalankan untuk matapelajaran lain.
3. Pelaksanaan kaedah tutor rakan sebaya (berpasangan) kepada penuntut institusi pengajian tinggi.
4. Pelaksanaan kaedah tutor rakan sebaya (berkumpulan) dalam Pendidikan Seni Visual.
5. Pelaksanaan kaedah tutor rakan sebaya (berpasangan) dalam kegiatan kokurikulum di sekolah.

RUJUKAN

- Andrew Miller. (2002). *Mentoring Student & Young People*. London. Kogan Page
- Catherine Twomey Fosnot. (2004). *Constructivism, Theory, Perspectives and Practice*.
Ney York and London. Teacher College, Columbia University.
- Ehly, S. W dan Larsen, SC.(1980). *Peer Tutoring for Individualized Instruction*. Boston.
Allyn & Bacon Inc.
- Elizabeth A. Jordan dan Marion J. Pirath. (2000). *Edu Psychology (problem-based
approach)*. USA. Pearson Education Inch.
- Goodlad, S. & Hirst, B. (1989). *Peer Tutoring*. London. Kogan Page.
- Kamarudin Hj Husin. (1997). *Psikologi Bilik Darjah*. Kuala Lumpur. Utusan Publication &
Distributor Sdn Bhd.
- Topping, k.j. (1988) *The Peer Tutoring Handbook*. London. Croom Helm
- Mohamad A. Rahman. (1999). *Cermin Pengurusan Pendidikan*. Selangor. Pustaka Ilmi.
- Mohd Johari Abd Hamid. (2007). *Falsafah dan Kritikan Seni*. Tanjung Malim. Penerbit
Univesiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sandler, I.N., Reich, J, W & Doctolero, J (1979) 'Utilization of collage to improve inner-city
school children behaviour', *Journal of Psychology*, 17, 3, 283-290.
- Sinclair, S. (1985). 'Putting Science Into Context', *Educational Research*. 27,1
- Sinclair Goodlad. (1995). *Stundets as Tutoring and Mentoring*. London. Kogan Page.
- Stewart, M.F. (1990) 'Peer Tutoring : Whats in it for you', *School Science Preview* 71, 257,
140-142.
- Zuraidah Abdul Rahman. (1996). *Pembimbing Rakan Sebaya, Langkah Seterusnya
(Langkah Pendekatan Afektif Kaunseling dan Psikologi dalam Menghasilkan
Generasi Cemerlang)*. Selangor Darul Ehsan. IBS Buku.

PELAKSANAAN PORTFOLIO PENDIDIKAN SENI VISUAL DALAM BIDANG MENGGAMBAR PENDIDIKAN SENI VISUAL

Mohammad Hafizi Bin Zaini

Selina Liew Phaik Guat

ABSTRAK – Penyelidikan ini bertujuan untuk meningkatkan minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dalam bidang menggambar. Dalam penyelidikan ini, ia menilai sejauhmanakah keberkesanan Pelaksanaan Portfolio Pendidikan Seni Visual dalam bidang menggambar dapat menarik minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 43 orang murid daripada Tahun 5 Aspirasi. Segala maklumat yang diperlukan telah dianalisis dengan menggunakan soal selidik dan pemerhatian. Dapatan kajian daripada soal selidik menunjukkan responden bersetuju bahawa pelaksanaan portfolio Pendidikan Seni Visual mampu meningkatkan minat mereka terhadap pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dalam bidang menggambar. Manakala dapatan daripada pemerhatian pula menunjukkan peningkatan penghasilan karya responden dalam beberapa aspek iaitu pemikiran dan isi, perhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran, kerjasama dan sahsiah. Keputusan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan portfolio Pendidikan Seni Visual dalam bidang menggambar dapat meningkatkan minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

ABSTRACT – *This research aims to increase students' interest in teaching and learning in the field of Visual Arts Education picture making. In this research, they assess to what extent the effectiveness of the implementation of Visual Art Education Portfolio in picture making in attracting students to the teaching and learning of Visual Art Education. Respondents in this study consisted of 43 students from Year 5 aspirations. All necessary information has been analyzed by using questionnaires and observation. The findings from the questionnaire showed that the respondents agreed that the implementation of Visual Art Education portfolio could increase their interest in teaching and learning in the field of Visual Arts Education picture making. While the results of observations showed that the increase in the production of the respondents work in some aspect of thought and content, focusing on the teaching and learning, collaboration and character. The results showed that the implementation of the portfolio in the field of Visual Arts Education picture making increase student interest in teaching and learning of Visual Art Education.*

PENDAHULUAN

Pendidikan Seni Visual merupakan salah satu mata pelajaran yang terdapat di sekolah rendah. Pendidikan Seni Visual adalah bidang ilmu yang menjelaskan konsep pendidikan menyeluruh memenuhi domain kognitif, afektif dan psikomotor. Pendidikan Seni Visual dapat memenuhi keperluan murid dalam pembentukan sahsiah melalui beberapa perkara.

Antaranya ialah melalui penerapan nilai murni. Dalam mata pelajaran ini, pelbagai nilai murni yang dapat diketengahkan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Contohnya adalah seperti bertanggungjawab, kebersihan, kerjasama dan sebagainya. Pendidikan Seni Visual juga mampu mengasah bakat dan potensi murid-murid. Dengan adanya aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam kelas Pendidikan Seni Visual, ia mampu memberikan galakan kepada murid untuk menunjukkan bakat dan potensi masing-masing dalam bidang yang diceburi. Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual mampu merancang kreativiti murid. Murid dapat meluahkan kreativiti mereka semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Hal ini berlaku semasa murid menghasilkan karya-karya mengikut tajuk yang diajar.

FOKUS KAJIAN

Pengkaji menjalankan pelaksanaan portfolio Pendidikan Seni Visual di sekolah rendah bagi membantu dalam meningkatkan minat murid dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Pelaksanaan portfolio Pendidikan Seni Visual yang dijalankan adalah tertumpu kepada bidang menggambar. Melalui pelaksanaan portfolio dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, ia diharapkan dapat membantu murid dalam meningkatkan minat terhadap mata pelajaran tersebut. Portfolio yang dimaksudkan adalah berkaitan dengan proses-proses yang dijalankan secara berperingkat dalam menghasilkan sebuah karya. Ianya bertujuan untuk menunjukkan usaha, kemajuan dan pencapaian murid dalam satu atau lebih bidang pembelajaran. Ia akan menjadi rekod simpanan bagi setiap proses yang telah dijalankan dalam penghasilan karya seni. Menurut Arter dan Spandel (1991) mendefinisikan portfolio sebagai satu koleksi hasil kerja kanak-kanak yang bermatlamat yang menunjukkan usaha, kemajuan dan pencapaian kanak dalam satu atau lebih bidang pembelajaran.

OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

Tujuan penyelidikan ini dilaksanakan adalah untuk mempertingkatkan minat murid dalam pengajaran Pendidikan Seni Visual terutamanya bidang menggambar melalui pelaksanaan portfolio. Saya menjalankan kajian ini di salah sebuah sekolah yang terletak di Bandar Miri. Dengan adanya pelaksanaan portfolio dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, ia membantu guru untuk menilai tahap penguasaan murid dalam menghasilkan karya mereka. Karya murid yang disimpan akan menjadi bahan untuk menunjukkan perkembangan murid secara sistematik. Penilaian akan dijalankan melalui pengumpulan hasil kerja murid yang disimpan dalam portfolio setiap murid. Menurut Meisels (1993) portfolio merupakan satu bentuk penilaian autentik kerana kanak-kanak dinilai berdasarkan pengalaman yang sedang dialami iaitu menerusi hasil kerja yang dihasilkan oleh kanak-kanak dalam konteks sebenar kanak-kanak berada.

Objektif Kajian

1. Meningkatkan minat murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah dalam bidang menggambar dengan menjalankan pelaksanaan portfolio di salah sebuah sekolah di Bandar Miri.
2. Membantu murid untuk menghasilkan karya secara sistematik terutamanya dalam bidang menggambar melalui pelaksanaan portfolio.


Soalan Kajian

1. Adakah pelaksanaan portfolio dapat membantu dalam meningkatkan minat murid terhadap pengajaran Pendidikan Seni Visual dalam bidang menggambar?
2. Adakah pelaksanaan portfolio dapat membantu murid untuk menghasilkan karya secara sistematik terutamanya dalam bidang menggambar Pendidikan Seni Visual?

KUMPULAN SASARAN

Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah menetapkan Tahun 5 Aspirasi di salah sebuah sekolah di Bandar Miri sebagai kumpulan sasaran. Sasaran penyelidikan ini adalah menyeluruh kepada semua murid dalam kelas tersebut. Dalam kelas tersebut terdapat seramai 43 orang murid. Murid-murid dalam kelas Tahun 5 Aspirasi terdiri daripada 30 orang murid lelaki dan 13 orang murid perempuan. Tahun 5 Aspirasi adalah merupakan sebuah kelas PROTIM yang terdapat di sekolah tersebut. Kelas PROTIM merupakan kelas yang mempunyai tahap pencapaian yang agak rendah dalam bidang akademik. Kelas seperti ini memerlukan bimbingan yang lebih terhadap pengajaran dan pembelajaran. Tahap disiplin murid-murid dalam kelas ini juga adalah antara yang terendah di sekolah tersebut berbanding dengan kelas lain.

PROSEDUR TINDAKAN



Rajah 1 Kitaran kajian.

Rajah 1 menunjukkan kitaran pelaksanaan kajian yang telah dijalankan. Kitaran kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji telah dijalankan sebanyak 2 kali. Maklumat yang diperolehi pada kitaran pertama telah diambil dan dianalisis. Data yang dianalisis pada kitaran pertama dijadikan sebagai panduan terhadap pelaksanaan kajian pada kitaran kedua. Data-data yang dikumpul dan dianalisis pada kedua-dua kitaran telah dibandingkan bagi melihat perbezaan terhadap tindak balas daripada responden.

Dalam setiap kitaran terdapat 5 peringkat yang dijalankan secara bersistematik dan mengikut peringkat-peringkat yang telah ditetapkan. Pada peringkat pertama, pengkaji telah mengumpul data yang berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran responden dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Data yang dikumpul pada peringkat ini adalah untuk mengenalpasti aspek amalan yang ingin ditambah baik dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

Peringkat kedua pula ialah peringkat merancang. Pada peringkat ini, pengkaji telah merancang pelan tindakan yang akan digunakan semasa penambahbaikan amalan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual terutamanya dalam bidang menggambar. Selain itu, pengkaji juga telah merancang bagaimana hendak mengumpul data.

Seterusnya ialah peringkat implementasi. Pada peringkat ini, pengkaji telah melaksanakan pelan tindakan yang telah dirancang. Pengkaji telah menjalankan pelaksanaan portfolio Pendidikan Seni Visual dalam bidang menggambar semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Setelah selesai melaksanakan pelan tindakan,

pengkaji akan melihat kesan terhadap tindakan yang telah dijalankan. Pada peringkat ini, pengkaji telah mengumpul data tentang kesan tindakan. Data telah dikumpul dengan menggunakan instrumen soal selidik dan pemerhatian. Soal selidik dan pemerhatian digunakan pada kedua-dua kitaran yang dijalankan.

Setelah selesai menjalankan 4 peringkat tadi, pengkaji menjalankan refleksi terhadap dapatan kajian. Segala data yang dikumpul telah dianalisis dan dinilai untuk mendapat keputusan dapatan kajian pada setiap kitaran. Selain itu, refleksi juga dibuat terhadap keberkesanan pelaksanaan portfolio Pendidikan Seni Visual berdasarkan data yang dikumpul. Kitaran kedua dijalankan sebagai tindak balas terhadap kitaran pertama.

CARA PENGUMPULAN DATA

Soal Selidik

Dalam penggunaan Borang Soal Selidik, responden boleh menyatakan jawapan mereka mengikut tahap kesesuaian yang berkaitan dengan soalan dan jawapan mereka. Borang Soal Selidik adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran secara kasar terhadap pengukuran minat murid dalam matapelajaran Pendidikan Seni Visual terutamanya dalam pelaksanaan portfolio dalam bidang menggambar. Ia juga dapat memudahkan responden untuk menjawab soalan-soalan yang terdapat dalam borang tersebut dengan adanya skala-skala yang telah ditetapkan.

Dalam Borang Soal Selidik tersebut, pengkaji telah membahagikannya kepada 2 bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A adalah merujuk kepada maklumat tentang latar belakang murid tersebut. Ianya berkaitan dengan item seperti kelas, jantina, umur, bangsa, agama dan pendapatan ibubapa. Pada Bahagian B pula, ia lebih fokus kepada perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Selain itu, ia juga lebih merujuk kepada hal-hal yang berkaitan dengan pembelajaran di dalam bilik darjah. Soalan-soalan dalam Borang Soal Selidik diolah mengikut kesesuaian objektif kajian. Ia merupakan kaedah utama yang pengkaji gunakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Borang ini diedarkan kepada setiap responden yang telah ditetapkan.

Pemerhatian

Kaedah pemerhatian dijalankan semasa murid menjalankan aktiviti pelaksanaan portfolio semasa proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Pemerhatian yang dilakukan adalah untuk melihat sendiri tingkah laku murid sama ada menunjukkan peningkatan minat dan pencapaian dalam pengajaran Pendidikan Seni Visual. Kaedah pemerhatian yang pengkaji jalankan adalah berdasarkan kepada borang penilaian rubrik.

Dalam borang pemerhatian tersebut terdapat skala-skala yang telah ditetapkan dalam rubrik penilaian yang telah disediakan. Semua maklumat yang pengkaji tandakan adalah berdasarkan kepada rubrik tersebut.

ANALISIS DATA

Soal Selidik

Jadual 1 Dapatkan Soal Selidik

| Bil. | Perkara | Skala | Pusingan 1 | Pusingan 2 |
|------|--|---------|------------|------------|
| 1. | Anda seronok semasa menghasilkan Portfolio Pendidikan Seni Visual. | 1 (STS) | 9.1 (3) | - |
| | | 2 (TS) | 36.4 (12) | 8.3 (3) |
| | | 3 (TP) | 45.4 (15) | 27.8 (10) |
| | | 4 (S) | 9.1 (3) | 41.7 (15) |
| | | 5 (SS) | - | 22.2 (8) |
| 2. | Anda suka menghasilkan Portfolio Pendidikan Seni Visual secara berkumpulan. | 1 (STS) | - | - |
| | | 2 (TS) | 18.2 (6) | 8.8 (3) |
| | | 3 (TP) | 24.2 (8) | 20.6 (7) |
| | | 4 (S) | 48.5 (16) | 47.1 (16) |
| | | 5 (SS) | 9.1 (3) | 23.5 (8) |
| 3. | Pelaksanaan Portfolio Pendidikan Seni Visual mendatangkan manfaat kepada anda. | 1 (STS) | - | - |
| | | 2 (TS) | 17.1 (6) | 9.4 (3) |
| | | 3 (TP) | 54.3 (19) | 37.5 (12) |
| | | 4 (S) | 28.6 (10) | 34.4 (11) |
| | | 5 (SS) | - | 18.7 (6) |
| 4. | Anda memahami konsep penghasilan Portfolio Pendidikan Seni Visual. | 1 (STS) | - | - |
| | | 2 (TS) | 25 (9) | 13.9 (5) |
| | | 3 (TP) | 41.7 (15) | 33.3 (12) |
| | | 4 (S) | 19.4 (7) | 30.6 (11) |
| | | 5 (SS) | 13.9 (5) | 22.2 (8) |
| 5. | Pelaksanaan Portfolio Pendidikan Seni Visual amat berkesan dalam menghasilkan karya yang baik. | 1 (STS) | 15.4 (6) | - |
| | | 2 (TS) | 20.5 (8) | 18.4 (7) |
| | | 3 (TP) | 46.2 (18) | 26.3 (10) |
| | | 4 (S) | 17.9 (7) | 42.1 (16) |
| | | 5 (SS) | - | 13.2 (5) |
| 6. | Pelaksanaan Portfolio Pendidikan Seni Visual amat menyulitkan anda. | 1 (STS) | 4.65 (2) | 21.1 (8) |
| | | 2 (TS) | 18.6 (8) | 26.3 (10) |
| | | 3 (TP) | 23.26 (10) | 36.8 (14) |
| | | 4 (S) | 37.21 (16) | 15.8 (6) |
| | | 5 (SS) | 16.28 (7) | - |

| | |
|---|---------------------------|
| 1 | Sangat tidak setuju (STS) |
| 2 | Tidak setuju (TS) |
| 3 | Tidak pasti (TP) |
| 4 | Setuju (S) |
| 5 | Sangat setuju (SS) |

Jadual 1 menunjukkan dapatan daripada soal selidik terhadap responden. Pada perkara pertama, responden bersetuju bahawa mereka seronok semasa menghasilkan portfolio Pendidikan Seni Visual. Seramai 23 orang responden yang bersetuju dengan pernyataan yang pertama. Majoriti dikalangan responden menyatakan mereka merasakan seronok

semasa menghasilkan portfolio Pendidikan Seni Visual. Dengan itu, ia menunjukkan bahawa pelaksanaan portfolio telah menarik minat murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Pada perkara kedua pula, responden telah menyatakan bahawa mereka suka menghasilkan portfolio Pendidikan Seni Visual secara berkumpulan. Seramai 24 orang respon setuju melaksanakan portfolio secara berkumpulan. Seterusnya ialah pada perkara ketiga, seramai 17 orang respon bersetuju bahawa pelaksanaan portfolio dapat memberikan manfaat kepada mereka. Pada perkara keempat pula, responden telah menyatakan bahawa mereka memahami tentang konsep penghasilan Pendidikan Seni Visual. Seramai 19 orang responden telah menyatakan bahawa mereka memahami tentang konsep penghasilan portfolio Pendidikan Seni Visual. Seramai 21 orang responden pula telah bersetuju bahawa pelaksanaan portfolio telah membantu mereka untuk menghasilkan karya yang baik. Dalam perkara yang terakhir pula, seramai 18 orang responden tidak setuju dengan pernyataan yang mengatakan bahawa pelaksanaan portfolio menyulitkan dalam penghasilan karya.

Pemerhatian

Pusingan Pertama

Jadual 2 Dapatan Pemerhatian (Pusingan Pertama)

| Perkara | Skala | | | |
|--------------------|-------|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 1. Susunan isi. | | √ | | |
| 2. Beri perhatian. | | | √ | |
| 3. Kerjasama. | | | √ | |
| 4. Sahsiah. | | √ | | |

| | |
|---|--------------|
| 1 | Sangat lemah |
| 2 | Lemah |
| 3 | Baik |
| 4 | Cemerlang |

Hasil dapatan daripada pemerhatian yang telah dijalankan pada pusingan pertama dapat dilihat pada Jadual 2 di atas. Pengkaji telah menjalankan satu pemerhatian semasa berjalannya pusingan pertama. Pada perkara pertama, keseluruhan responden telah menunjukkan prestasi yang lemah dalam konteks susunan isi portfolio. Berdasarkan kepada rubrik penilaian portfolio, responden belum dapat mengemukakan gaya persembahan isi tidak mengikut seperti kehendak yang telah ditetapkan. Ia dinilai dari segi lakaran awal, pengwujudan idea, pengembangan idea dan penghasilan karya. Susunan isi kandungan portfolio masih lagi belum menepati kehendak yang telah ditetapkan oleh guru pengkaji. Pada perkara kedua pula, responden telah menunjukkan dan memberikan perhatian yang baik semasa berjalannya proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Responden menunjukkan minat mereka terhadap penerangan pelaksanaan portfolio Pendidikan Seni Visual. Hal ini adalah kerana responden tidak pernah

menghasilkan portfolio untuk mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Tumpuan terhadap pelaksanaan portfolio juga amat menggalakkan daripada responden.

Pada perkara ketiga pula, responden telah menunjukkan kerjasama yang baik semasa proses penghasilan portfolio Pendidikan Seni Visual. Responden bekerjasama dalam kumpulan yang telah ditetapkan semasa menghasilkan portfolio tersebut. Ini merupakan salah satu nilai yang baik dalam usaha mereka menghasilkan sebuah portfolio. Aspek yang terakhir pula ialah berkaitan dengan sahsiah. Berdasarkan kepada pemerhatian yang telah dijalankan, responden mencatatkan purata 'lemah' dalam aspek sahsiah. Responden gagal menunjukkan komponen yang lengkap didalam portfolio mereka. Hal ini merupakan kali pertama mereka menjalankan pelaksanaan portfolio dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Tidak ada panduan atau model yang boleh dijadikan sebagai contoh terhadap proses penghasilan portfolio tersebut.

Pusingan Kedua

Jadual 3 Dapatan Pemerhatian (Pusingan Kedua)

| Perkara | Skala | | | |
|--------------------|-------|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 1. Susunan isi. | | | √ | |
| 2. Beri perhatian. | | | | √ |
| 3. Kerjasama. | | | | √ |
| 4. Sahsiah. | | | √ | |

| | |
|---|--------------|
| 1 | Sangat lemah |
| 2 | Lemah |
| 3 | Baik |
| 4 | Cemerlang |

Setelah selesai menjalankan pemerhatian pada pusingan pertama, pusingan kedua pula dijalankan. Pelaksanaan pusingan kedua adalah hasil daripada tindak balas yang dijalankan pada pusingan pertama melalui data-data yang telah dianalisis. Dalam aspek susunan isi, responden telah menunjukkan peningkatan yang baik dalam penghasilan portfolio Pendidikan Seni Visual. Dalam pusingan kedua, responden sudah mula memahami konsep penghasilan portfolio dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Isi kandungan yang terdapat dalam portfolio menunjukkan bahawa mereka telah memahami konsep penghasilan portfolio. Dimana didalam portfolio yang dihasilkan telah menepati ciri-ciri yang dikehendaki oleh pengkaji. Hal ini adalah kerana mereka telah melalui pengalaman pertama mereka sebelum ini. Dalam itu juga, pengkaji juga telah membantu responden dengan menjawab segala pertanyaan yang diajukan.

Dari aspek 'beri perhatian' pula, sememangnya responden menumpukan perhatian yang sepenuhnya terhadap penerangan oleh guru. Responden menunjukkan minat semasa guru memberikan penerangan terhadap penghasilan portfolio Pendidikan Seni Visual. Selain itu, mereka juga telah mengajukan beberapa soalan berkaitan dengan portfolio yang masih lagi belum difahami terutamanya tentang isi dan kehendak portfolio tersebut. Pada perkara ketiga pula, responden telah menunjukkan kerjasama yang mantap semasa menghasilkan portfolio. Dengan adanya kerjasama yang baik dan mantap daripada setiap responden, ia dapat memudahkan penghasilan sebuah portfolio. Responden saling bertukar idea semasa melaksanakan tugas yang telah diberikan. Dari segi aspek sahsiah pula, responden telah menunjukkan mereka mampu menghasilkan sebuah portfolio yang lengkap dan mantap mengikut kehendak yang ditetapkan. Komponen yang terdapat dalam portfolio telah disediakan mengikut arahan dan dipatuhi secara bersistematik untuk memudahkan persembahan portfolio.

DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada dapatan kajian, pengkaji berpandangan bahawa pelaksanaan Portfolio Pendidikan Seni Visual dalam bidang menggambar telah berjaya menarik minat murid terhadap proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah. Dalam pada itu juga, ia dapat membantu murid dalam menghasilkan sebuah karya yang baik secara bersistematik. Karya dihasilkan juga telah menunjukkan lebih kepada peningkatan dari segi mutu penghasilan karya terutamanya dalam bidang menggambar Pendidikan Seni Visual.

Pada mulanya responden agak kaku dengan pelaksanaan portfolio dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Namun dengan adanya bantuan daripada guru, akhirnya mereka dapat untuk menyesuaikan diri dengan penghasilan portfolio Pendidikan Seni Visual mengikut struktur yang telah ditetapkan. Dalam pada itu, responden dapat menunjukkan kesungguhan dan kerjasama semasa penghasilan portfolio. Dengan itu, minat responden semakin mendalam terhadap pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual kerana mereka mempunyai sifat ingin tahu yang begitu tinggi.

Oleh kerana responden adalah daripada kelas PROTIM, maka terdapat sedikit masalah dalam borang soal selidik. Terdapat beberapa orang responden yang tidak fasih membaca. Dengan itu, pengkaji mengambil langkah dengan membantu kesemua responden semasa melaksanakan borang soal selidik. Pengkaji membaca item demi item mengikut urutan. Walaupun pengkaji telah membantu dari segi bacaan terhadap borang soal selidik, namun ia tidak mempengaruhi responden semasa menanda jawapan pada borang tersebut.

Selain itu, pelaksanaan portfolio Pendidikan Seni Visual telah membantu responden untuk menghasilkan karya mereka secara sistematik. Sebelum menghasilkan

sebuah karya, responden akan melalui beberapa peringkat seperti lakaran awal, pengembangan idea dan penghasilan karya. Melalui peringkat-peringkat ini, responden dapat menghasilkan sebuah karya secara sistematik dan terancang. Pada peringkat awal, responden akan melukis lakaran awal tentang tajuk yang diberi. Lakaran tersebut adalah sebagai gambaran awal kepada karya mereka. Melalui lakaran awal ini, responden dapat meluahkan idea-idea yang ada.

Pada peringkat kedua, idea-idea yang terhasil akan dikembangkan. Salah satu daripada lakaran tadi akan dipilih dan akan dimurnikan. Lakaran tadi akan diolah supaya menjadi lebih baik berbanding dengan lakaran asal. Lakaran yang terpilih akan dijadikan sebagai karya pada akhir proses. Peringkat yang terakhir adalah penghasilan karya. Pada peringkat ini, responden akan menghasilkan karya berdasarkan proses yang telah dilalui tadi. Karya dihasilkan pada media yang lebih besar berbanding dengan lakaran-lakaran yang terdapat dalam peringkat 1 dan 2 tadi.

Kesimpulannya, dapatan kajian daripada soal selidik dan pemerhatian hanyalah terbatas kepada kumpulan responden yang dikaji sahaja iaitu murid Tahun 5 Aspirasi di sekolah tersebut. Walau bagaimanapun, pengkaji-pengkaji lain boleh memanfaatkan dapatan kajian ini jika situasi di bilik darjah mereka mempunyai persamaan dengan situasi bilik darjah pengkaji. Pengkaji-pengkaji lain juga boleh mengaplikasikan dapatan kajian ini dalam bilik darjah masing-masing dengan mengubah suai gaya pelaksanaan mengikut aras tertentu.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan, pengkaji ingin mencadangkan beberapa tindakan terhadap kajian seperti ini. Dalam melaksanakan kajian portfolio seperti ini, masa yang diperlukan hendaklah lebih panjang. Dengan adanya masa atau waktu yang lebih panjang, dapatan kajian mungkin lebih nampak atau ketara perubahannya. Pengkaji ingin mencadangkan untuk penambahan terhadap kitaran atau pusingan yang dijalankan semasa kajian. Dengan mengadakan lebih banyak kitaran, pelbagai tindak balas daripada responden berkaitan dengan kajian dapat diperolehi. Berdasarkan kepada kitaran sebanyak 2 kali yang telah dijalankan oleh pengkaji, ia tidak memadai untuk mendapatkan gambaran sepenuhnya terhadap pelaksanaan portfolio Pendidikan Seni Visual.

Pengkaji juga ingin mencadangkan kepada pengkaji-pengkaji lain untuk menjalankan kajian tentang pelaksanaan portfolio Pendidikan Seni Visual terhadap bidang-bidang seni yang lain. Antara bidang tersebut adalah seperti bidang Membuat Corak dan Rekaan, bidang Membentuk dan Membuat Binaan, dan Mengenal Kraf Tradisional. Dengan itu, hasil dapatan daripada kajian yang dilaksanakan nanti mungkin berbeza. Ia dapat membantu guru-guru Pendidikan Seni Visual di Sekolah Rendah dalam merancang gaya pengajaran yang boleh menarik minat murid. Selain itu juga, pengkaji mencadangkan kepada pengkaji-pengkaji lain untuk menambah instrumen kajian.

Pengkaji-pengkaji lain juga boleh menggunakan sesi temubual sebagai salah satu cara untuk mendapatkan maklumat daripada kajian pelaksanaan portfolio Pendidikan Seni Visual. Temubual boleh dilaksanakan bersama dengan pihak responden sendiri. Selain itu, pengkaji-pengkaji lain boleh menjalankan sesi temubual bersama dengan guru-guru yang mengajar matapelajaran Pendidikan Seni Visual. Soalan-soalan yang ditanyakan dalam temubual tersebut hendaklah berkaitan dengan pelaksanaan portfolio Pendidikan Seni Visual. Dengan adanya sesi temubual yang dilaksanakan, segala maklumat yang berkaitan dengan kajian boleh didapati melalui beberapa sumber yang terlibat dengan pelaksanaan kajian tersebut.

RUJUKAN

- Garis Panduan Pembinaan Portfolio. Diperoleh April 3, 2010 dari
[http://www.iptho.edu.my/upk/text/keperluan %20praktikum/gp%20portfolio.pdf](http://www.iptho.edu.my/upk/text/keperluan_%20praktikum/gp%20portfolio.pdf)
- Grace (1992). Portfolio. Diperoleh April 3, 2010 dari
<http://www.ncrel.org/sdrs/areas/issues/students/earlycld/ea5l143.htm>
- Judith A. Arter and Vicki Spandel (1991). Using Portfolios of Student Work in Instruction and Assessment. Diperoleh April 17, 2010 dari
<http://www.literacynet.org/icans/chapter02/portfolios.html>
- Judith H. Cohen & Roberta B. Wiener (1997). Literacy Portfolios Improving Assessment, Teaching, and Learning. (2nd ed.). United States of America. Pearson Education.
- Meisels (1993). Performance assessment in Early Childhood Education : The Work Sampling System. ERIC Digest. Diperoleh April 11, 2010 dari
<http://www.ericdigests.org/1996-1/early.htm>
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, Zuraidah A. Majid (2010). Guru Dan Cabaran Semasa. Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Oxford Fajar sdn. Bhd.
- Pengenalan Pendidikan Seni Visual. (n.d.). Diperoleh April 4, 2010 dari
<http://www.scribd.com/doc/17640975/Pengenalan-Pendidikan-Seni-Visual>
- Robin Fogarty (1996). Student Portfolios : A Collection of Articles. United States of America. IRI/Skylight Training and Publishing, Inc.
- Seldin, (1997). The Teaching Portfolio. Diperoleh April 21, 2010 dari
<http://apps.emoe.gov.my/ipba/ResearchPaper/journal/article11.pdf>
- Tan Eng Huat, Velloo Ragavan, Maznah bt. Saidin, Jaahaya b. Ahmad (2000), Pelaksanaan Kerja Kursus Berportfolio Ilmu Pendidikan. *Jurnal Penyelidikan*. Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim, Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia. p. 81-88.
- Zol Azlan Hamidin (2000). Strategi Pengajaran. Petaling Jaya, Selangor, Malaysia. Prentice Hall.
- (2009). Portfolio Pendidikan Seni Visual tingkatan 1-5. Diperoleh April 4, 2010 dari
<http://senivisual2.blogspot.com/2009/06/portfolio-pendidikan-seni-visual.html>

PELAKSANAAN PEMBELAJARAN KOPERATIF DENGAN KONSEP PERMAINAN PUZZLE DALAM PENGHASILAN GAMBAR DENGAN TEKNIK KOLAJ

Nursuhaida Binti Suhaili

Nelson Tandang Anak Edwin Unting

ABSTRAK – Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk menilai sejauhmanakah keberkesanan pelaksanaan pembelajaran koperatif dengan konsep permainan puzzle dalam penghasilan teknik kolaj dalam Pendidikan seni Visual. Kajian ini juga ingin mengenal pasti persepsi peserta terhadap gabungan pelaksanaan pembelajaran koperatif dan juga kaedah pendekatan bermain sambil belajar. Peserta dalam kajian ini terdiri daripada 27 orang murid dari tahun 2 Liberal yang menghadapi masalah dalam penghasilan karya kolaj. Data-data dipungut melalui soal selidik, pemerhatian dan hasil karya peserta bagi mengenalpasti minat, kekemasan karya dan juga ketepatan masa dalam menyiapkan karya kolaj. Hasil analisis data menunjukkan bahawa peserta telah menunjukkan peningkatan terutamanya pada hasil karya peserta. Keputusan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan pembelajaran koperatif dengan konsep permainan puzzle dalam penghasilan teknik kolaj sangat berkesan meningkatkan minat murid dalam mata Pelajaran Seni Visual. Selain itu, ia juga membantu dalam aspek kekemasan karya serta ketepatan masa dalam menyiapkan karya kolaj. Oleh itu, pelaksanaan pembelajaran koperatif dengan konsep permainan puzzle dalam penghasilan teknik kolaj perlu dieksplorasikan lagi untuk bidang lain dan boleh dilaksanakan pada kelas lain.

ABSTRACT – Action research was conducted to assess to what extent the effectiveness of the implementation of cooperative learning with the concept of puzzle games to produce a collage technique in visual art education. The study also wishes to identify participants' perceptions of the method in a combined implementation of cooperative learning and playing while learning. Participants in this study consisted of 27 primary school students from Two Liberal who have problems in the production of paper collage. Data were collected through questionnaires, observations and the works of participants to determine the interest, neatness in the final outcomes and punctuality in completing the paper collage. The result of the analysis showed that the participants have shown improvement, especially on their works. It proved that the implementation of cooperative learning with the concept of puzzle games to produce a collage technique works very effectively in instilling students' interest in Education Visual Arts subject. In addition, it also helps in terms of neatness and accuracy of the work in preparing the paper collage. Therefore, the implementation of cooperative learning with the concept of puzzle games to produce a collage technique needs further exploration in other areas which can be implemented in other classes.

PENGENALAN

Seiring dengan perkembangan era globalisasi dan keperluan semasa dalam abad ke-21, setiap negara mempunyai hala tuju masing-masing dalam agenda pendidikan untuk diwujudkan. Oleh itu, tugas sebagai seorang pendidik dalam era taknologi ini bukan


hanya menyampaikan fakta dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas sahaja tetapi juga harus menekankan aspek lain seperti perkembangan potensi dan bakat individu secara menyeluruh. Malah, perkembangan dan perubahan dalam arus pendidikan masa kini telah memberikan peluang kepada guru untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran melalui pelbagai pendekatan, strategi dan kaedah. Oleh itu, terdapat pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid, di antaranya ialah kaedah pembelajaran koperatif yang dirancang secara teratur dan sistematik. Antara kaedah yang boleh digunakan ialah kaedah belajar melalui bermain. Kaedah ini adalah salah satu teknik pengajaran dan pembelajaran yang turut memberikan kesan kepada murid-murid. Dijangka dengan penggunaan teknik ini, akan dapat mendatangkan keseronokan dan kepuasan kepada murid-murid di samping penyampaian isi pengajaran dan pembelajaran. Bermain juga akan dapat meningkatkan penguasaan dan perkembangan murid dari segi bahasa, sosial, kognitif dan emosi.

Menurut Caplan dan Caplan (1973, seperti dinyatakan dalam Saayah A, 2007) bermain adalah penentu penting perkembangan kekuatan sahsiah, daya cipta, kestabilan emosi, perkembangan sosial dan intelek di samping dapat memperkembangkan kekuatan fizikal, koordinasi dan ketangkasan murid. Oleh itu melalui bermain, murid-murid dapat mempertingkatkan lagi tahap perkembangan sosial mereka melalui daripada aktiviti bermain yang dilaksanakan secara berkumpulan. Melalui bermain, ianya dapat memberikan kebebasan kepada murid untuk beraktiviti dan juga meluahkan perasaan mereka dengan pelbagai cara tanpa sekatan. Oleh itu, sebagai menyokong pembelajaran bersepadu yang menyeluruh selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan keperluan murid, gabungan antara pendekatan bermain dan pembelajaran secara koperatif ini dapat memberikan peningkatan terhadap perkembangan pelbagai domain murid dalam proses pembelajaran.

Justeru, berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara yang menyarankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Maka, segala usaha dan langkah yang diambil dalam sistem pendidikan mestilah mengambil kira potensi dan keperluan setiap murid. Dengan adanya kepelbagaian kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran seperti pendekatan bermain dan kaedah pembelajaran koperatif ini akan dapat mempertingkatkan lagi tahap penguasaan murid di dalam pengajaran dan pembelajaran. Pendidikan mempunyai peranan penting dan tanggungjawab utama kepada Negara bagi mewujudkan sumber manusia yang berkemampuan bagi mengisi keperluan pembangunan negara. Selain ini, ia juga untuk memperkayakan kehidupan seseorang individu supaya berupaya mengambil bahagian sepenuhnya dalam kehidupan masyarakat dan kemanusiaan sejagat.

KERANGKA TEORITIKAL PELAKSANAAN AKTIVITI BELAJAR MELALUI BERMAIN MENGGUNAKAN PERMAINAN PUZZLE TEKNIK KOLAJ SECARA PEMBELAJARAN KOPERATIF

Rajah 1 di bawah menunjukkan kerangka karangan berkenaan dengan aktiviti belajar melalui bermain secara koperatif menggunakan permainan puzzle. Bidang aktiviti belajar melalui bermain ini dilaksanakan dalam bidang menggambar menggunakan teknik kolaj yang dilakukan secara berkumpulan. Melalui pendekatan bermain secara koperatif ini, murid dapat meningkatkan minat, kekemasan hasil karya dan juga ketepatan masa dalam menghasilkan karya kolaj. Melalui pendekatan ini mereka dapat mengaplikasikan teknik kolaj dalam bidang menggambar dan juga dapat meningkatkan motivasi mereka dalam berkarya serta dapat memupuk semangat kerjasama di kalangan murid bagi memenuhi matlamat Pendidikan Seni Visual serta Falsafah Pendidikan Kebangsaan.



Rajah 1 Kerangka Teoritikal Untuk Kajian Tindakan

TEORI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MELALUI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN KOPERATIF DENGAN KONSEP PERMAINAN PUZZLE TEKNIK KOLAJ

Teori Belajar Melalui Bermain

1. Piaget

Menurut Jean Piaget (1962) “main” ialah menggerakkan perkembangan kognitif kanak-kanak, di samping memperkukuh pembelajaran yang baru diadakan, sementara membenarkan pembelajaran baru dijalankan dalam suasana yang santai. Selain itu Piaget percaya bahawa permainan dapat menimbulkan perasaan gembira kepada murid yang seterusnya menggalakan interaksi positif dan menyatukan pelajar-pelajar yang mempunyai pengalaman dan potensi yang berlainan. Melalui daripada aktiviti bermain, peserta lebih merasa bebas dan selesa untuk bertanya kepada rakan mereka yang lain menjadikan mereka lebih senang untuk berkongsi maklumat dan berkongsi pengalaman. Selain itu juga, Jean Piaget turut menegaskan bahawa bermain dapat memperkembangkan domain kognitif, iaitu dengan cara melatih dan membina pengetahuan. Dalam kajian ini penyelidik telah melaksanakan proses pembelajaran penghasilan kolaj dengan teknik yang betul di samping menyampaikan isi pelajaran melalui aktiviti bermain.

2. Froebel

Menurut Froebel (1965) Belajar melalui bermain adalah salah satu teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada kanak-kanak. Menurut Froebel aktiviti bermain dapat mengembangkan banyak kemahiran belajar di kalangan murid. Melalui teknik ini juga, ianya akan mendatangkan keseronokan dan kepuasan kepada mereka dalam sesuatu pengajaran yang hendak disampaikan. Malahan, dengan bermain kanak-kanak akan dapat menguasai perkembangan dalam kemahiran fizikal, perkembangan bahasa dan kemahiran sosial.

3. Vygotsky

Menurut Vygotsky (1966, seperti dinyatakan dalam Saayah A., 2007) ‘main’ adalah merupakan satu cara kanak-kanak belajar apa yang tidak boleh diajar oleh orang lain. Mereka juga suka mencari dan mendapatkan maklumat dari diri mereka dan alam sekeliling. Mereka belajar dari tindakan mereka sendiri. Kanak-kanak juga suka mengikut contoh orang dewasa.

4. Imam Al-Ghazali

Menurut Imam Al-Ghazali H.L (1979) dengan bermain kanak-kanak boleh mengembangkan sifat semulajadi mereka di samping menyuburkan tubuh dan

menguatkan otot-otot. Beliau juga menyatakan bermain boleh mendatangkan kegembiraan, kerehatan bagi kanak-kanak selepas penat belajar. Oleh itu, dalam konteks kajian ini belajar melalui bermain bermaksud murid dapat menimba ilmu pengetahuan dan belajar berdasarkan daripada aktiviti bermain yang dilaksanakan. Aktiviti bermain yang dilaksanakan di dalam kajian ini adalah bermain puzzle teknik kolaj, di mana murid-murid dikehendaki untuk menyelesaikan kepingan puzzle membentuk imej yang lengkap. Oleh itu sebelum melengkapkan imej puzzle tersebut, mereka dikehendaki belajar teknik kolaj seperti teknik guntingan dan koyakan. Melalui daripada aktiviti tersebut murid-murid dapat menimba ilmu sambil bermain.

Teori Pembelajaran Koperatif

Koperatif bermaksud kerjasama. Maka, pembelajaran koperatif boleh diertikan sebagai kumpulan murid belajar secara kerjasama, di dalam bilik darjah. Di dalam pembelajaran koperatif, murid-murid berinteraksi dan saling bantu-membantu dalam aktiviti pembelajaran dengan tujuan mencapai kemajuan dan prestsai yang cemerlang (Mok, 2008)

Menurut Heinich (1996) pembelajaran koperatif merupakan strategi pengajaran yang melibatkan kumpulan-kumpulan kecil murid yang bekerjasama antara satu sama lain berdasarkan tugas pembelajaran yang diberikan oleh guru dan mereka tidak bersaing sesama sendiri sebagai individu, tetapi menyelesaikan masalah atau tugas secara berpasukan.

Manakala Johnson dan Anderson (1976) telah mendefinisikan pembelajaran koperatif sebagai satu kaedah yang mengkehendaki murid belajar bersama-sama dalam menyiapkan satu tugas bagi setiap kumpulan. Ahli kumpulan akan saling bantu membantu memberi penerangan sesama mereka dan tidak bergantung kepada guru. Guru akan memberikan pujian ke atas kumpulan yang menunjukkan hasil kerja yang cemerlang. Oleh itu, di dalam kajian ini penyelidik turut menggunakan pujian seperti penganugerahan kepada kumpulan yang cemerlang. Dengan adanya penanugerahan ini, murid-murid lebih bermotivasi dan bersemangat dalam menyiapkan tugas. Setiap ahli kumpulan akan memberikan hasil yang terbaik.

Antara kajian awal tentang pembelajaran koperatif termasuklah kajian yang telah dilakukan oleh Gan (1992) atas bilik darjah heterogenus untuk melihat faedah pembelajaran koperatif. Hasil kajiannya telah menunjukkan pembelajaran koperatif dapat meningkatkan pencapaian murid-murid khususnya murid yang berprestasi rendah kerana kumpulan ini menerima lebih bantuan yang bukan sahaja terbatas daripada guru tetapi juga rakan-rakan. Di samping itu, mereka yang berprestasi rendah ini juga dapat memerhati bagaimana cara murid berprestasi tinggi belajar dan menjadi lebih bermotivasi untuk belajar serta mencuba kerana rakan sekumpulan mahukan mereka berjaya. (Hashilah&Suria,2008)

Sejak 1920-an terdapat penyelidikan yang ekstensif ke atas teknik pembelajaran kerjasama. Hasil yang diperoleh jelas menunjukkan bahawa pembelajaran kerjasama menggalakkan pencapaian yang lebih tinggi bagi semua tahap gred dalam semua bidang subjek (Zol Azlan Hamidin, 2000).

Menurut Coelho,(1994 seperti dinyatakan dalam Suhaida A.K.) selain daripada pencapaian akademik, kaedah ini dikatakan memberi penekanan kepada pembangunan kemahiran sosial dan diasaskan mengikut pandangan humanistik mengikut yang berpendapat pendidikan sepatutnya berpusatkan pelajar dan di bawah kawalan pelajar. Manakala guru sebagai pemimbing dan pemudah cara.

KUMPULAN SASARAN

Kumpulan peserta adalah terdiri daripada murid-murid tahun dua di sebuah sekolah rendah bahagian Miri. Terdapat 27 orang murid iaitu 14 orang untuk murid perempuan dan 13 orang untuk murid lelaki. Kajian dijalankan pada tahap 1 iaitu tahun 2 Liberal. Kajian dijalankan dalam sebuah kelas yang mempunyai pelbagai tahap kebolehan. Umur peserta adalah dalam lingkungan 8 tahun.

Jadual 1 Demografi Untuk Kelas 2 Liberal

| Kelas 2 Liberal | Lelaki | Perempuan |
|-----------------|--------|-----------|
| Jantina | 13 | 14 |
| Bangsa | | |
| Melayu | 8 | 9 |
| Cina | 1 | 0 |
| Iban | 1 | 1 |
| Melanau | 1 | 2 |
| Kayan | 0 | 1 |
| Bisaya | 1 | 0 |
| Berawan | 0 | 1 |
| Bajau | 1 | 0 |

DAPATAN KAJIAN

1. Soal Selidik

Jadual 2 Analisis Data Bagi Skor Min Kitaran 1 dan 2

| PERKARA | BILANGAN PESERTA | MIN KITARAN SATU | MIN KITARAN 2 |
|----------------|------------------|------------------|---------------|
| MINAT | 27 | 4.92 | 4.96 |
| KEKEMASAN | 27 | 4.61 | 4.81 |
| KETEPATAN MASA | 27 | 4.88 | 4.96 |

Melalui pelaksanaan kitaran satu dan kitaran dua ini, didapati terdapat beberapa rumusan yang dapat disimpulkan oleh penyelidik. Berdasarkan daripada kedua-dua kitaran ini, dapatan hasil pelaksanaan aktiviti permainan puzzle teknik kolaj secara koperatif berjaya menarik minat keseluruhan peserta dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini dapat dibuktikan melalui dapatan min daripada soal selidik di mana min yang diperolehi pada kitaran pertama 4.92 dan pada kitaran kedua 4.96. Sungguhpun, aktiviti ini masih lagi dilaksanakan di dalam kedua-dua kitaran, respon peserta masih sama iaitu sangat setuju dengan pelaksanaan aktiviti tersebut dijalankan. Ini menunjukkan bahawa persoalan kajian penyelidik iaitu berkenaan minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran terhadap karya kolaj meningkat melalui penyerapan aktiviti bermain puzzle melalui pembelajaran koperatif adalah sangat berjaya.

Dapatan bagi kekemasan pula, menunjukkan bahawa min yang diperolehi bagi kedua-dua kitaran adalah sangat memberangsangkan. Pada kitaran satu min yang diperolehi adalah 4.61. Manakala bagi kitaran kedua, min yang diperolehi menunjukkan peningkatan ke 4.81. Pada kitaran satu ini, teknik yang digunakan ialah teknik koyakan. Oleh kerana, penggunaan teknik ini kurang menunjukkan kekemasan yang optimum disebabkan hasil koyakan kertas masih kelihatan besar dan cara penampalan cebisan kertas tidak ditindih dengan kemas sehingga masih menampakkan latar lukisan. Oleh itu, untuk meningkatkan lagi tahap kekemasan penghasilan gambar menggunakan teknik kolaj ini, penyelidik telah menukar dari aspek pengolahan iaitu daripada teknik koyakan kepada teknik guntingan. Walaubagaimanapun, konsep kolaj masih dikekalkan walaupun terdapatnya penukaran teknik.

Penggunaan teknik guntingan ini dapat menghasilkan kolaj yang lebih kemas daripada teknik koyakan. Selain itu, berdasarkan daripada pengalaman peserta melalui kitaran satu menyebabkan terdapatnya perubahan dari segi penampalan kertas juga lebih teratur dan kemas. Malahan, respon peserta juga sangat setuju kerana penggunaan teknik ini dapat membantu kumpulan mereka untuk menghasilkan kolaj yang lebih kemas berbanding kitaran satu. Justeru, dapat disimpulkan bahawa persoalan penyelidik berkenaan aktiviti permainan puzzle secara koperatif berjaya membimbing murid-murid untuk menghasilkan karya kolaj yang lebih kemas dan menarik.

Selain itu, respon peserta bagi kedua-dua kitaran yang mengatakan bahawa aktiviti ini bukan sahaja dapat memupuk kerjasama bahkan dapat membantu mereka menyiapkan aktiviti kolaj dengan cepat sangat disetujui oleh peserta. Ini dapat dibuktikan melalui hasil karya kolaj peserta yang dapat disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, peserta juga turut berjaya menyelesaikan kepingan puzzle berdasarkan daripada kolaj yang dihasilkan mereka. Kesimpulannya bahawa, dapatan hasil pelaksanaan aktiviti bermain puzzle teknik kolaj secara koperatif berjaya membantu murid-murid dalam menyiapkan karya kolaj dalam masa 60 minit.

2. Dapatan Pemerhatian

Berdasarkan daripada pemerhatian penyelidik berkenaan dengan tingkah laku murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung, dapatan yang dapat disimpulkan di sini ialah dalam aspek kerjasama masih lagi dikekalkan dengan baik. Peserta menunjukkan komitmen semasa melakukan aktiviti. Kemungkinan akibat daripada peneguhan yang diberikan di awal sesi pembelajaran menyebabkan peserta bermotivasi dalam melaksanakan tugas. Pembahagian tugas, lebih kelihatan sistematik kerana, terdapatnya pembahagian tugas.

Selain itu, dalam aspek kekemasan karya juga menunjukkan peningkatan yang amat ketara berbanding dengan kitaran pertama. Peserta sudah semakin mahir menggunakan teknik yang telah diajar dan berjaya menghasilkan kolaj yang lebih kemas dan teratur. Terdapat juga peningkatan dalam aspek kemahiran interpersonal murid. Murid-murid lebih berkeyakinan semasa berkarya dan interaksi peserta dengan rakan-rakan yang lain juga turut memuaskan. Pegurusan masa juga sangat cemerlang. Di mana, peserta dapat menyiapkan kolaj tepat pada masanya. Malah, aktiviti permainan puzzle juga berjaya dilaksanakan sebelum masa tamat.

Kesimpulannya berdasarkan daripada pemerhatian penyelidik sepanjang kitaran satu dan dua dijalankan, dapatan yang diperolehi di sini ialah dari segi tahap minat, kekemasan dan ketepatan masa peserta dalam aktiviti ini adalah sangat memuaskan dan berjaya dilaksanakan dengan cekap oleh penyelidik. Respon peserta juga, turut mengiyakan aktiviti ini berjaya dilaksanakan dengan cemerlang.

3. Hasil Karya Peserta (Rubrik Pemarkahan)

| Peserta | Markah(%) kitaran 1 | Markah (%) kitaran 2 |
|------------|------------------------|-------------------------|
| Kumpulan 1 | 72 | 93 |
| Kumpulan 2 | 82 | 94 |
| Kumpulan 3 | 73 | 94 |
| Kumpulan 4 | 88 | 94 |
| Kumpulan 5 | 78 | 95 |
| Kumpulan 6 | 81 | 93 |

Dapatan yang dapat disimpulkan oleh penyelidik dalam karya peserta adalah di bahagian kekemasan kolaj. Pada pusingan pertama karya yang dihasilkan masih menampakkan kelemahan. Namun setelah menggunakan teknik yang baru pada kitaran kedua telah menyebabkan berlakunya perubahan.

Terdapat perubahan yang sangat ketara. Ini kerana pada pusingan kedua ini, peserta sudah memahami konsep kolaj dengan lebih jelas lagi dan juga turut mementingkan kekemasan karya. Selain itu, kumpulan lain juga menunjukkan perubahan

yang begitu ketara sekali dalam karya masing-masing. Masing-masing cuba menghasilkan kolaj yang kemas dan memberikan 'outline' pada kolaj yang telah dihasilkan untuk menampakkkan lagi bentuknya.

Kesimpulannya berdasarkan daripada karya peserta bagi kitaran satu dan dua, terdapat berlakunya peningkatan terutama di bahagian kekemasan karya. Penukaran teknik koyakan pada kitaran 1 kepada teknik guntingan melalui kitaran 2 adalah wajar kerana terbukti melalui hasil karya peserta yang lebih kelihatan kemas. Selain itu, peserta juga semakin mahir menggunakan teknik kolaj.

RUMUSAN KAJIAN

Kesimpulannya, hasil dapatan kajian ini telah menunjukkan keberkesanan kaedah pembelajaran koperatif dan juga kaedah belajar sambil bermain dalam aktiviti penghasilan gambar menggunakan teknik kolaj. Hasil kajian juga telah berjaya menjawab persoalan kajian berkaitan dengan kaedah pembelajaran ini. Pembelajaran koperatif dan juga permainan puzzle ternyata memberikan perubahan yang sangat ketara dalam meningkatkan minat murid, kekemasan dan ketepatan masa dalam menghasilkan gambar menggunakan teknik kolaj.

PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini, penyelidik akan menjelaskan tentang dapatan kajian yang telah dijalankan. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan ia membawa faedah kepada perkembangan murid-murid melalui pelaksanaan pembelajaran koperatif dengan konsep permainan puzzle dalam penghasilan teknik kolaj. Tahap minat murid semakin meningkat dengan adanya pelaksanaan aktiviti permainan puzzle secara koperatif ini. Ini kerana melalui bermain, murid-murid akan merasa seronok dan tidak terkongkong. Berdasarkan kajian lepas (Froebel,1965; Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub, dan Mohd Zohir Ahmad, 2007) telah menyatakan teknik bermain akan mendatangkan keseronokan dan kepuasan kepada mereka dalam sesuatu pengajaran yang hendak disampaikan. Malahan, dengan bermain kanak-kanak akan dapat menguasai perkembangan dalam kemahiran fizikal, perkembangan bahasa dan kemahiran sosial.

Selain itu, dengan adanya pembelajaran koperatif ini, didapati murid-murid lebih bersedia untuk bekerjasama dan berkongsi pengetahuan antara satu sama lain. Malah, mereka memperlihatkan kesungguhan dan kerjasama untuk melaksanakan tugas. Oleh itu, hasil daripada kesungguhan mereka telah menunjukkan impilkasi yang positif seperti tahap kekemasan dalam penghasilan gambar menggunakan teknik kolaj telah meningkat serta mereka dapat meyiapkan kolaj mengikut masa yang telah ditetapkan. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui daripada kajian Gan (1992) di mana, berdasarkan kajiannya telah menunjukkan pembelajaran koperatif dapat meningkatkan pencapaian murid-murid

khasnya murid yang berprestasi rendah kerana kumpulan ini menerima lebih bantuan daripada rakan-rakan.

Justeru, usaha-usaha untuk mempelbagaikan kaedah, teknik dan strategi pengajaran dan pembelajaran perlulah dipertingkatkan bagi meningkatkan lagi minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran pendidikan seni. Selain itu, guru-guru mestilah bijak dan pandai dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran. Sepertimana Naomi Flynn (2007) dalam laporan penyelidikannya, pengetahuan subjek dan pengalaman pedagogi pasti membantu keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

PENUTUP

Guru memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan penglibatan yang aktif daripada murid-muridnya. Guru mestilah bijak dalam mengatur strategi, keadah dan teknik pengajaran dan pembelajaran supaya dapat menarik minat murid untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, salah satu kaedah yang dapat menarik minat murid adalah pendekatan belajar melalui bermain secara koperatif. Pengajaran dan pembelajaran yang bercorak tradisonal dan lebih berpusatkan kepada guru tidak dapat memperkembangkan potensi murid-murid secara menyeluruh. Berdasarkan daripada skor min yang diperolehi daripada dapatan kajian berkenaan dengan aktiviti ini sangat memberangsangkan dan jelas serta terbukti bahawa aktiviti ini boleh dilaksanakan untuk mata pelajaran lain.

RUJUKAN

- Abdul Rahim, A.R.(1993) *Pendidikan nilai merentasi kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Abdul Rahman,A.M.K (2008). *Guru sebagai penyelidik*. Selangor : PTS Professionaal Publishing Sdn. Bhd
- Alias Baba (1999). *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
- Chua Y.P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Selangor: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Choong L.K. (2008). *Murid dan alam belajar*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn.Bhd
- Gan T.H (2002): Jurnal penyelidikan Pendidikan MPS: *Menangani masalah penguasaan kemahiran asas matematik melalui pembelajaran koperatif*: Maktab Perguruan Sarawak, 1-9.
- Hashilah bt. Abd Rahman dan Suria bt. Baba.(2008) Jurnal Semarak Bahasa: *keberkesanan pendekatan pembelajaran koperatif dalam aktiviti menulis karangan bahasa melayu tahun 5*: Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Bahasa Melayu Kuala lumpur:79-91
- Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. (2003). "*Pendekatan Serta Pengelolaan Pengajaran dan Pembelajaran*". Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual. *Buku panduan guru*.
Selangor: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kharudin b.Mustafa, Hj. Ibrahim b. Ismail, Sabri b. Awg. Soh dan Hjh Zunariah bt.
Mohamad (2003). Seminar penyelidikan pendidikan: *sikap murid terhadap
kaedah think-pair-square pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan
pembelajaran matematik*.Maktab Perguruan Kota Bharu,29-43.
- Mok soon Sang. (2010). *Bimbingan dan kaunseling kanak-kanak Psikologi
Pendidikan dan Pedagogi*. Ipoh Perak: Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd
- Mok Soon Sang. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan perancangan dan
pelaksanaan penyelidikan tindakan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd
- Mok Soon Sang. (2008). *Pedagogi untuk pengajaran dan pembelajaran*.
Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.
- Prof. Dr.Khadijah Rohani Mohd.Yunus, Puan Mahani Razali, Puan Ramlah
Jantan. (2005). *HBEF2103 Psikologi pendidikan*. Selangor: Universiti
Terbuka Malaysia.
- Rozumah Baharuddin. (1997). *Perkembangan Kanak-kanak, Kanak-kanak
dan Permainan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saayah Abu. (2007). *Menjadi guru tadika*. Kuala Lumpur: PTS Professional
Publishing Sdn. Bhd.
- Saayah b. Abu. <http://www.ipislam.edu.my/uploaded/file/saayah.pdf> *Jurnal
Pelaksanaan aktiviti belajar melalui bermain di tadika-tadika kawasan Melaka
Tengah*: Jabatan ilmu Pendidikan Maktab Perguruan Islam. 83-119.
- Sharifah Alwiah Alsagof. (1985). *Ilmu Pendidikan Pedagogi, Bermain dan
Permainan*.Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Shahahbuddin Hashim, Dr. Rohizani Yaakub dan Mohd. Zohir Ahmad. (2007).
Pedagogi Strategi dan teknik mengajar dengan berkesan. Kuala Lumpur: PTS
Professional Publishing Sdn Bhd.
- Sufea,H. (1989). *Pengajaran nilai dalam kurikulum*. Selangor:Penerbitan Fajar
Bakti Sdn.Bhd
- Suhaida Abdul Kadir (2002). *Perbandingan pembelajaran koperatif dan tradisional
terhadap prestasi, atribusi pencapaian, konsep sendiri akademik dan hubungan
sosial dalam pendidikan perakaunan*. Universiti Putra Malaysia.
- Zol Azlan Hamidin(2000). *Strategi pengajaran*.Selangor: Prentice Hall
<http://pelangipetang89.blogspot.com/2009/07/pendekatan-belajar-sambil-bermain.html>
<http://www.teachersrock.net/pdkt.htm>. Diperoleh 1 Mac 2010
http://members.tripod.com/jpn_sem3/publish/Kae_tek.htm. Diperoleh Januari 2010
<http://www.scribd.com/doc/19207219/Kesan-Kaedah-Belajar-Sambil-Bermain-tarikh;21.8.2010> penyelidikan on9;oleh Hassan Mohd Ghazali
Selasa, 2009 Oktober 06

PENGUNAAN PENDEKATAN PEMBELAJARAN KONTEKSTUAL DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH RENDAH

Nurul Hidayu Binti Suhaili

Chua Leong Chee

ABSTRAK – Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk mengesan respon murid Tahun 4 Biru terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual yang menggunakan pendekatan pembelajaran kontekstual dalam penghasilan anyaman dua dimensi kelarai mata bilis dan mengesan sama ada murid Tahun 4 biru dapat menghasilkan anyaman dua dimensi kelarai mata bilis melalui pendekatan pembelajaran kontekstual. Kajian ini dijalankan dalam dua kitaran. Kelemahan dalam kitaran pertama ialah terdapat 4 orang murid masih tidak dapat menyilang kertas menjadi anyaman kelarai mata bilis dan kelemahan ini diperbaiki dalam kitaran kedua, hasilnya hanya dua orang murid sahaja yang masih tidak dapat menyilang kertas menjadi anyaman kelarai mata bilis. Peserta kajian terdiri daripada 40 orang murid daripada kelas 4 Biru di salah sebuah sekolah sekitar Miri yang mempunyai pencapaian sederhana dalam akademik. Data kajian dikumpul melalui soal selidik dan pemarkahan hasil karya peserta berdasarkan rubrik pemarkahan. Hasil analisis mendapati bahawa respon murid terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual yang menggunakan pendekatan kontekstual ialah kurang berminat tetapi pendekatan pembelajaran kontekstual dapat merangsang dan membantu serta mengukuhkan pengetahuan mereka dalam penghasilan anyaman dua dimensi kelarai mata bilis. Selain itu, keputusan markah untuk penghasilan anyaman dua dimensi kelarai mata bilis menunjukkan bahawa semua peserta dapat menghasilkan anyaman dua dimensi kelarai mata bilis melalui pendekatan pembelajaran kontekstual.

ABSTRACT – *The purposes of the study was to identify the responses of pupils in Year 4 Blue with regards to Art Visual Education teaching and learning activity which used contextual learning approach in two dimension weaving and to identify whether pupils in Year 4 Blue were able to produce two dimension weaving through contextual learning approach. The study was carried out in two cycles. Weakness in the first cycle was 4 pupils still could not weave the paper to make it into two dimension weaving and this weakness was improved in the second cycle, the result showed that only two pupils still could not weave the paper. The participants of the study consists of 40 pupils from Year 4 Blue who have moderate achievement in academic. The data for this study was collected using questionnaire and marks from students' work marked using scoring rubric. The results showed the responses of the pupils with regards to Art Visual Education teaching and learning activity which used contextual learning approach were less interested but contextual learning can stimulate, help and strengthen their knowledge in two dimension weaving activity. Besides, marks from the product of two dimension weaving activity showed that all participants were able to produce two dimension weaving through contextual learning approach.*

*Keywords : Kontekstual, Pendidikan Seni Visual, sekolah rendah
Paper type : Research paper*

PENGENALAN

Dalam melestarikan misi Kementerian Pelajaran Malaysia, Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) telah menyediakan modul pengajaran dan pembelajaran dan buku penerangan am tentang pengurusan dan pelaksanaan kurikulum. Ini bertujuan membantu guru mempelbagaikan kaedah yang berkesan di samping mewujudkan suasana yang menggalakkan pengajaran dan pembelajaran (Siti Ajar, 2006). Modul yang telah dihasilkan ialah pembelajaran secara kontekstual. Modul ini amat sesuai digunakan bagi mencapai matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan negara. Penyediaan sumber tenaga yang berkemahiran perlu menggabungkan teori dengan konteks sebenar kehidupan. Dalam hal ini, pembelajaran hanya berlaku apabila murid dapat memproses maklumat atau pengetahuan baru dengan cara yang bermakna dalam rangka minda mereka (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001).

Senario dunia masa kini iaitu dunia tanpa sempadan memerlukan kerajaan mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan bukan sekadar hanya menghafal teori semata-mata tetapi mereka perlu dapat mengaplikasikan teori dalam konteks dunia sebenar. Pernyataan ini selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran, keluarga, masyarakat dan Negara.

Kajian ini telah menyenaraikan dua objektif yang ingin dicapai dan dua persoalan kajian yang ingin dikupas melalui penggunaan pendekatan pembelajaran kontekstual dalam Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah seperti berikut :

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menenalpasti respon murid terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual yang menggunakan pendekatan pembelajaran kontekstual.
- ii. Menggalakkan murid mengaplikasikan pengalaman harian mereka semasa menghasilkan anyaman dua dimensi berasaskan kelalai mata bilis dalam bidang mengenal kraf tradisional melalui pendekatan pembelajaran kontekstual dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah respon murid terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual yang menggunakan pendekatan pembelajaran kontekstual?
- ii. Adakah murid dapat menghasilkan anyaman dua dimensi kelarai mata bilis dalam bidang mengenal kraf tradisional melalui pendekatan pembelajaran kontekstual?

FOKUS KAJIAN

Menurut Nasir (2005), pendekatan pembelajaran kontekstual di Malaysia sering digunakan bagi sekolah menengah teknik untuk mata pelajaran Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi. Berdasarkan pernyataan tersebut, didapati bahawa pendekatan pembelajaran kontekstual jarang dipraktikkan untuk mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Pendekatan pembelajaran kontekstual merupakan satu pendekatan pembelajaran yang menggabungkan isi kandungan dengan pengalaman harian individu, masyarakat dan alam pekerjaan (Pusat Perkembangann Kurikulum, 2001).

Menurut Mohd Razali (2008), apabila guru bertindak menghubungkaitkan aktiviti pembelajaran dengan pengalaman yang diperoleh pelajar sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran, guru berpeluang melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan lebih daripada satu domain. Kesannya pelajar akan merasakan pembelajaran adalah menyeronokkan kerana mereka berpeluang terlibat secara langsung sekaligus memberikan pengalaman yang berguna kepadanya.

Berdasarkan pengalaman semasa praktikum ketiga pada semester tujuh, apabila penyelidik meminta murid menghasilkan gambar ahli keluarga, murid akan meniru gambar ahli keluarga yang ditunjukkan oleh penyelidik di papan tulis. Cara yang digunakan oleh penyelidik seolah-olah telah membataskan daya kreativiti mereka untuk menghasilkan karya yang lain dari yang penyelidik hasilkan lebih-lebih lagi terdapat murid yang kurang mempunyai idea sendiri untuk melukis hal benda atau *subject matter* berkaitan dengan tema yang telah ditetapkan. Murid tersebut tidak mahu terlibat sepenuhnya dengan pelaksanaan aktiviti seni visual yang telah dirancang. Kadang-kadang, murid berkenaan hanya mengikut separuh langkah-langkah aktiviti sahaja, kemudiannya mereka akan berhenti dan hanya duduk sahaja di meja mereka sambil memerhatikan rakan-rakan yang lain membuat kerja. Berdasarkan situasi tersebut, maka penyelidik ingin menggunakan pendekatan pembelajaran kontekstual kerana penyelidik dapat mengaitkan isi pelajaran yang telah dirancang dengan pengalaman harian murid. Murid biasanya akan lebih faham dan lebih terbuka pemikiran mereka apabila mereka telah melihat atau mengalami sendiri sesuatu perkara itu.

Dalam kajian ini, penyelidik memfokuskan penggunaan pendekatan pembelajaran kontekstual terhadap aktiviti anyaman dua dimensi berasaskan kelarai mata bilis dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual tahun empat untuk

bidang mengenal kraf tradisional. Penyelidik mahu murid menghasilkan pelbagai jenis bentuk anyaman dua dimensi berasaskan kelarai mata bilis dengan menggunakan idea mereka sendiri melalui pendekatan pembelajaran kontekstual.

TINJAUAN LITERATUR

Pendekatan pengajaran guru dalam bilik darjah amat bergantung kepada bagaimana pelajar mempelajari kandungan sesuatu mata pelajaran. Pembelajaran kontekstual menggabungkan konsep yang diperolehi daripada teori tingkah laku (behavioral theories). Dalam kajian ini, tokoh yang dirujuk adalah seperti :

1. Gardner

Menurut pandangan Howard Gardner (1983), terdapat sekurang-kurangnya lapan jenis kecerdasan pelbagai. Setiap orang memiliki semua kecerdasan tersebut. Walau bagaimanapun, tahap dan kombinasi kecerdasan berbeza-beza di antara individu. Teori kecerdasan pelbagai memberi maklumat tentang apa yang perlu dipelajari tetapi lebih penting lagi, bagaimana mempelajarinya. Justeru, pendekatan pembelajaran kontekstual dapat mencungkil potensi kecerdasan pelajar dengan lebih berkesan.

2. Thorndike

Menurut Thorndike (1913, seperti dinyatakan dalam Prof. Dr. Khadijah Rohani, 2006), apabila seseorang telah bersedia untuk melakukan sesuatu tindakan, maka tindakan itu dapat memberi kepuasan kepadanya. Sekiranya dia dipaksa melakukan sesuatu perkara dan hasilnya mendukacitakannya, maka hasil pembelajaran yang dialami olehnya tidak sempurna. Pernyataan tersebut merujuk kepada Hukum Kesiediaan yang diutarakan oleh Thorndike dalam Teori Pelaziman Operan. Rumusannya, Hukum Kesiediaan merujuk kepada kesiediaan dan persiapan yang perlu ada sebelum individu itu bertindak yang meliputi kesiediaan psikomotor, afektif dan kognitif. Jadi, pendekatan pembelajaran kontekstual turut menekankan aspek kesiediaan pelajar sebelum sesuatu pembelajaran dimulakan iaitu pada peringkat motivasi yang ditekankan dalam keperluan strategi pengajaran dan pembelajaran kontekstual. Strategi motivasi bertujuan untuk menarik minat dan mencetuskan idea asas sebelum sesuatu pembelajaran dimulakan (PPK, 2001).

Merujuk kepada pakar pedagogi yang dinyatakan dalam Pusat Perkembangan Kurikulum 2001, beliau mengutarakan pandangannya mengenai pendekatan pembelajaran kontekstual.

“A curriculum and teaching methodology tied to the child’s experiences and interests.”-John Dewey.

Dalam proses pembelajaran secara kontekstual, murid akan melalui satu atau lebih daripada bentuk pembelajaran berikut (PPK, 2001):

- i. *Relating* (Menghubungkan) – Belajar dalam konteks menghubungkan pengetahuan baru dengan pengalaman hidup.
- ii. *Experiencing* (Mengalami) – Belajar dalam konteks pemerolehan, penemuan dan reka cipta.
- iii. *Applying* (Mengaplikasi) – Belajar dalam konteks bagaimana pengetahuan atau informasi boleh digunakan dalam situasi lain.
- iv. *Cooperating* (Bekerjasama) – belajar dalam konteks bekerjasama, memberi maklum balas dan berkomunikasi.
- v. *Transferring* (Memindahkan) – Belajar dalam konteks pengetahuan sedia ada dan menggunakan atau membina daripada apa yang telah diketahui.

Berdasarkan modul pembelajaran kontekstual mengikut PPK (2001), pengajaran dan pembelajaran mesti memenuhi keperluan strategi berikut:

| Strategi | Isi kandungan |
|-----------|---|
| Motivasi | <ul style="list-style-type: none">•Pengenalan•Isu perbincangan•Alat bantu mengajar |
| Pemahaman | <ul style="list-style-type: none">•Penerangan konsep dan perbincangan kelas•Bacaan dan melakukan contoh kajian |
| Kemahiran | <ul style="list-style-type: none">•Aktiviti <i>hands-on</i>•Penyelesaian masalah |
| Penilaian | <ul style="list-style-type: none">•Ingat kembali fakta utama•Penilaian kemajuan |

KUMPULAN SASARAN

Dalam menjalankan kajian tindakan ini, penyelidik telah memilih kelas 4 Biru di salah sebuah sekolah di kawasan sekitar Miri sebagai peserta yang terlibat dalam kajian tindakan ini. Kelas 4 Biru mempunyai seramai 40 orang murid yang terdiri daripada 20 orang murid lelaki dan 20 orang murid perempuan. Semua murid ini berumur 10 tahun dan mempunyai pencapaian akademik yang sederhana. Penyelidik memilih kelas 4 Biru sebagai peserta dalam kajian tindakan ini kerana pendekatan pembelajaran kontekstual akan memberi manfaat yang lebih kepada jenis kumpulan murid yang sederhana (Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia,2001). Jadual 1 di bawah menunjukkan jumlah murid mengikut bangsa dalam kelas 4 Biru.

Jadual 1 Bilangan peserta dalam kelas 4 Biru mengikut bangsa

| Bangsa | Jumlah |
|------------------|--------|
| Melayu | 18 |
| Melanau Islam | 2 |
| Iban | 7 |
| Kelabit | 5 |
| Kayan | 1 |
| Kadazan | 1 |
| Lun Bawang | 1 |
| Melanau Kristian | 1 |
| Suluk | 1 |
| Kedayan | 1 |
| Kenyah | 1 |
| Bidayuh | 1 |
| Jumlah | 40 |

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Kajian ini telah dilaksanakan mengikut model Kurt Lewin. Dalam model itu, terdapat empat langkah utama yang berbentuk lingkaran bermula dengan perancangan diikuti dengan tindakan, pemerhatian dan refleksi. Dalam kajian ini, penyelidik telah menjalankan kajian sebanyak dua pusingan mengikut kitaran penyelidikan tindakan oleh Kurt Lewin. Dalam kitaran pertama, kelemahan yang telah dikenalpasti ialah 4 orang murid masih tidak dapat menyilang kertas menjadi anyaman kelarai mata bilis kerana penyelidik kurang menitikberatkan cara yang betul untuk menyilang kertas tanpa tunjuk cara. Kelemahan ini telah diperbaiki pada pusingan kedua iaitu penyelidik telah menggunakan tunjuk cara di hadapan murid-murid untuk menunjukkan cara menyilang kertas dengan betul. Hasilnya daripada 4 orang murid yang tidak tahu menyilang kertas berkurang menjadi dua orang murid. Rajah 1 di bawah menggambarkan kitaran penyelidikan tindakan model Kurt Lewin (Mok Soon Sang, 2010).



Rajah 1 Kitaran Penyelidikan Tindakan Model Kurt Lewin

CARA PENGUMPULAN DATA

Penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik menggunakan pendekatan kuantitatif. Penyelidik memilih penyelidikan kuantitatif kerana ia dapat memberikan data secara kuantitatif dan dapat dianalisis dengan berkesan. Ia juga dapat menerangkan keadaan atau perhubungan atau interaksi antara pemboleh ubah (Mok Soon Sang, 2010). Bagi mengenalpasti respon peserta terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan pembelajaran kontekstual, penyelidik telah menggunakan instrumen borang soal selidik. Soal selidik yang digunakan mempunyai skala 3 poin untuk memudahkan proses menganalisis data. Dalam borang soal selidik tersebut, terdapat lima item berdasarkan strategi dalam modul pembelajaran secara kontekstual. Item yang dibina merujuk kepada rancangan pengajaran dan pembelajaran harian yang telah dihasilkan.

Hasil karya peserta digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang memerlukan peserta menghasilkan pelbagai bentuk anyaman dua dimensi berasaskan anyaman kelarai mata bilis. Pengumpulan hasil karya peserta sangat penting kerana penyelidik memerlukan markah untuk hasil karya peserta sebagai data yang ingin dianalisis. Markah yang diberikan akan dapat menjawab persoalan sama ada peserta dapat atau tidak menghasilkan pelbagai bentuk anyaman dua dimensi kelarai mata bilis. Oleh yang demikian, pembinaan rubrik pemarkahan adalah sebagai panduan kepada penyelidik semasa memberikan markah untuk karya peserta. Dalam rubrik pemarkahan ini, penyelidik telah menyenaraikan beberapa kemahiran yang menguji peserta dalam menghasilkan anyaman kelarai mata bilis dua dimensi dengan menggunakan pendekatan pembelajaran kontekstual.

DAPATAN KAJIAN

Bagi mendapatkan respon peserta terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan pembelajaran kontekstual untuk aktiviti anyaman dua dimensi, penyelidik telah menggunakan soal selidik. Bagi mengetahui sama ada peserta dapat menghasilkan pelbagai bentuk anyaman dua dimensi kelarai mata bilis, penyelidik telah mengumpul markah daripada hasil karya peserta. Dapatan data daripada soal selidik dan markah hasil karya peserta dipaparkan seperti jadual di bawah. Jadual 2 dan 3 menunjukkan dapatan kajian untuk kitaran pertama manakala jadual 4 dan 5 menunjukkan dapatan kajian untuk kitaran kedua.

Dapatan kajian kitaran pertama

Jadual 2 Respon murid terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual yang menggunakan pendekatan pembelajaran kontekstual

| Respon | Item | Skor min |
|-------------|---------|----------|
| Berminat | 1 dan 2 | 1.5 |
| Merangsang | 3 | 2.5 |
| Membantu | 4 | 2.5 |
| Mengukuhkan | 5 | 2.6 |

Petunjuk

Skala bagi skor min

1.00 – 1.60 (Tidak)

1.70 – 2.30 (Kadang-kadang)

2.40 – 3.00 (Ya)

Berdasarkan jadual 2 di atas, skor min peserta terhadap respon berminat ialah 1.5 yang berada pada skala Tidak. Jadi, respon peserta terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual yang menggunakan pendekatan kontekstual ialah tidak berminat. Walaupun begitu, skor min peserta terhadap respon merangsang, membantu dan mengukuhkan masing-masing berada pada skala Ya iaitu 2.5, 2.5 dan 2.6. Jadi, dapatan ini menunjukkan bahawa aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual yang menggunakan pendekatan kontekstual dapat merangsang, membantu dan mengukuhkan pengetahuan peserta terhadap aktiviti anyaman yang dilaksanakan.

Jadual 3 Bilangan peserta mengikut gred

| Gred | Bilangan peserta (orang) |
|-------------|--------------------------|
| A (80-100) | 4 |
| B (60-79) | 20 |
| C (40-59) | 16 |
| D (20-39) | 0 |
| E (0-19) | 0 |
| Jumlah = 40 | |

Berdasarkan dapatan data daripada jadual 3 di atas, terdapat 4 orang peserta mendapat gred A, 20 orang peserta mendapat gred B, 16 orang peserta mendapat gred C dan tiada peserta yang mendapat gred D dan E. Dapatan ini menunjukkan bahawa 40 orang peserta telah mendapat gred lulus.

Dapatan kajian kitaran kedua

Jadual 4 Respon murid terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual yang menggunakan pendekatan pembelajaran kontekstual

| Respon | Item | Skor min |
|-------------|---------|----------|
| Berminat | 1 dan 2 | 1.4 |
| Merangsang | 3 | 2.5 |
| Membantu | 4 | 2.7 |
| Mengukuhkan | 5 | 2.5 |

Petunjuk:

Skala bagi skor min

1.00 – 1.60 (Tidak)

1.70 – 2.30 (Kadang-kadang)

2.40 – 3.00 (Ya)

Berdasarkan jadual 4 di atas, skor min peserta terhadap respon berminat ialah 1.4 yang berada pada skala Tidak. Jadi, respon peserta terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual yang menggunakan pendekatan kontekstual ialah tidak berminat. Walaupun begitu, skor min peserta terhadap respon merangsang, membantu dan mengukuhkan masing-masing berada pada skala Ya iaitu 2.5, 2.7 dan 2.5. Jadi, dapatan ini menunjukkan bahawa aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual yang menggunakan pendekatan kontekstual dapat merangsang, membantu dan mengukuhkan pengetahuan peserta terhadap aktiviti anyaman yang dilaksanakan.

Jadual 5 Bilangan peserta mengikut gred

| Gred | Bilangan peserta (orang) |
|-------------|--------------------------|
| A (80-100) | 2 |
| B (60-79) | 27 |
| C (40-59) | 11 |
| D (20-39) | 0 |
| E (0-19) | 0 |
| Jumlah = 40 | |

Berdasarkan dapatan data daripada jadual 5 di atas, terdapat 2 orang peserta mendapat gred A, 27 orang peserta mendapat gred B, 11 orang peserta mendapat gred C dan tiada peserta yang mendapat gred D dan E. Dapatan ini menunjukkan bahawa 40 orang peserta telah mendapat gred lulus.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian, penyelidik mendapati bahawa respon peserta terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk aktiviti anyaman dua dimensi kelarai mata bilis melalui pendekatan pembelajaran kontekstual menunjukkan respon yang positif. Walaupun dapatan data menunjukkan bahawa dalam kedua-dua kitaran yang dijalankan oleh penyelidik, peserta tidak berminat, namun aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan pembelajaran kontekstual telah dapat merangsang dan membantu mereka dalam penghasilan anyaman dua dimensi kelarai mata bilis. Malahan, keputusan data turut menunjukkan pendekatan pembelajaran kontekstual dapat membantu mengukuhkan pengetahuan mereka terhadap aktiviti anyaman dua dimensi kelarai mata bilis. Keputusan ini tidak bercanggah dengan pendapat yang diutarakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (2001) iaitu dengan pendekatan pembelajaran kontekstual, individu dapat mengekalkan maklumat dengan lebih berkesan melalui pengalaman sendiri.

Dapatan data yang menunjukkan respon peserta tidak berminat dalam kedua-dua kitaran mungkin disebabkan masih terdapat kekurangan yang perlu diperbaiki oleh penyelidik untuk menarik minat peserta dalam pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan pembelajaran kontekstual. Hal ini kerana respon tidak minat itu timbul daripada bahan bantu mengajar yang penyelidik gunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dan pelaksanaan set induksi melalui pernyataan dalam soal selidik. Penyelidik perlu memperbaiki bahan bantu mengajar yang digunakan sepanjang aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dan pelaksanaan set induksi yang dapat menarik perhatian murid perlu dipertingkatkan.

Dapatan data daripada markah hasil karya peserta untuk kedua-dua kitaran menunjukkan bahawa semua peserta kajian telah mendapat gred lulus dalam penghasilan anyaman dua dimensi kelarai mata bilis. Peserta kajian ini merupakan kumpulan yang sederhana dalam pencapaian akademik dan pemilihan peserta tersebut selaras dengan pendapat Pusat Perkembangan Kurikulum (2001) iaitu pendekatan pembelajaran kontekstual sesuai untuk dilaksanakan terhadap kumpulan yang mempunyai pencapaian sederhana dalam akademik. Jadi, dalam kedua-dua kitaran penyelidikan ini, keputusan menunjukkan bahawa majoriti peserta mendapat gred B. Dengan itu, penyelidik dapatlah menyimpulkan bahawa pendekatan pembelajaran kontekstual dapat merangsang dan membantu peserta kajian untuk mengaplikasikan pengalaman harian mereka dalam penghasilan anyaman dua dimensi kelarai mata bilis.

PENUTUP

Menurut Zol Azlan (2000), kecemerlangan seseorang guru dalam mata pelajaran atau bidangnya tidak menjamin pengajarannya juga cemerlang dan efektif. Guru yang efektif ialah guru yang dapat membawa pelajarannya ke hasil pembelajaran di kalangan pelajarannya

lebih daripada perkara yang lain. Jadi, dengan adanya kaedah pengajaran seperti pembelajaran kontekstual, diharapkan hasil kajian mengenai penggunaan pendekatan pembelajaran kontekstual dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah ini dapat memberi kepentingan kepada pendidik yang lain kerana penggunaan pendekatan kontekstual ini dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat memberi manfaat kepada golongan murid khususnya.

RUJUKAN

- Abd. Rahim Rashid. (1993). *Pendidikan nilai merentasi kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar b. Wahid. (2007). *Sosiologi dan falsafah pendidikan Malaysia*. Selangor: UNITEM Sdn.Bhd.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan*. Selangor: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Doughlas, J.S. , Michael, J.B.J dan Judy, C.A. (2005). *John Dewey and the art of teaching*. California: Sage Publications.
- Hajah Noresah bt. Baharom. (2005). *Kamus dewan edisi keempat*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kathleen. (2006). *SPM fokus U pendidikan seni visual*. Selangor: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Mohd Fuad Razali. (2008). *Pendidik*. Selangor: Widad Publication Sdn. Bhd.
- Mohd Johari Ab.Hamid. (2006). *Asas seni visual*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Nashuha Jamidin. (1995). *Kemahiran berfikir dan belajar*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Mok, S.S. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Prof. Dr. Khadijah Rohani Mohd Yunus. (2007). *Psikologi pendidikan*. Kuala Lumpur: UITEM Sdn.Bhd.
- Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (2001). *Pembelajaran secara kontekstual*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Kuala Lumpur.
- Siti Ajar bt. Mohd Noh. (2006). *Penggunaan pendekatan pembelajaran secara kontekstual dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan jasmani*. Sabah: Bahagian Pendidikan Guru.
- Stanley Lajau. (2004). *Mengkaji minat dan sikap serta cara-cara meningkatkan minat murid-murid terhadap pembelajaran sains di Sekolah Kebangsaan Bandaran Nombor 3 Sibiu*.
- Sub Unit Penyelidikan Unit Dasar, Perancangan dan Pembangunan Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002). *Garis panduan kursus penyelidikan tindakan untuk maktab/institusi perguruan Malaysia*.

PELAKSANAAN AKTIVITI NYANYIAN LAGU KANAK-KANAK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH RENDAH

Nurulsima Binti Othman

Chua Leong Chee

ABSTRAK – Kajian ini menekankan kepada mengesan respons murid terhadap pelaksanaan aktiviti nyanyian lagu kanak-kanak dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah. Peserta yang terlibat dalam kajian ini adalah murid dari tahap 1 iaitu 31 orang murid dari kelas Tahun 3 Merah di sebuah sekolah rendah di Miri. Kajian ini dijalankan diatas keprihatinan penyelidik terhadap isu mata pelajaran Pendidikan Seni Visual yang dianggap sebagai *second class subject* oleh sebilangan murid. Tindakan yang dijalankan oleh penyelidik ialah dengan melaksanakan aktiviti nyanyian lagu kanak-kanak dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual yakni semasa langkah set induksi dan penutup. Selepas aktiviti ini dijalankan, penyelidik telah mengedarkan borang soal selidik kepada murid-murid yang terlibat di dalam pelaksanaan aktiviti tadi. Selain itu, penyelidik juga menggunakan instrumen pemerhatian untuk mengutip data dalam kajian ini. Rubrik pemarkahan hasil karya murid juga digunakan untuk menilai hasil karya murid. Melalui pelaksanaan aktiviti nyanyian lagu kanak-kanak ini, pelbagai respon murid telah dikenal pasti seperti minat, seronok dan tahu perkaitan lagu dengan aktiviti yang akan diajar oleh guru. Kesimpulannya, aktiviti nyanyian lagu kanak-kanak ini secara umumnya dapat memberi dorongan kepada murid-murid untuk meminati mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di peringkat sekolah rendah. Dicadangkan pada masa akan datang, aktiviti nyanyian lagu kanak-kanak ini dapat dipraktikkan dalam pengajaran untuk bidang-bidang lain dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

ABSTRACT – *This study focuses on pupils' responses towards the implementation of children's songs in the teaching and learning of Visual Arts Education in primary schools. About 31 level 1 pupils of year 3 Merah from a particular school in Miri participated in the study. The researcher was concerned with the pupils' perception of Visual Arts Education as a second class subject to counter this perception. The researcher had implemented the use of children's songs as part of the set induction and closure in the teaching and learning process. Questionnaires were distributed among pupils' who were involved in the study. Observation was also used to gather data. Besides that, working scoring rubrics were also used to assess pupils' works. By implementing children's songs in the lesson, the researcher was able to identify pupils' responses through their interest and sense of enjoyment. Besides, they were able to make connection the song with the topic being taught by teacher. As a conclusion, children's songs can be utilized to motivate pupils' interest in Visual Arts Education in the primary school level. It is recommended that children's songs be used in the teaching and learning of other topics in the Visual Arts Education lesson.*

PENGENALAN

Pendidikan sekolah rendah adalah merupakan satu asas pembelajaran. Pendidikan sekolah rendah merupakan kesinambungan kepada pendidikan prasekolah. Untuk tujuan ini satu kurikulum yang seragam telah diwujudkan untuk memastikan kurikulum pendidikan nasional merangkumi subjek-subjek asas dan penting. Salah satu mata pelajaran wajib yang terkandung dalam kurikulum tersebut yakni Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) ialah Pendidikan Seni visual.

Mata pelajaran Pendidikan Seni merupakan mata pelajaran teras dalam sistem persekolahan sekolah rendah di negara ini. Kurikulum pendidikan seni sekolah rendah mula di buat perubahan sejak tahun 1982, dengan nama Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). KBSR bertujuan untuk memberi peluang kepada murid supaya memupuk minat dan memperkembangkan bakat serta mengenali unsur-unsur kebudayaan kebangsaan dan mempunyai kepekaan terhadap alam sekitar (Kurikulum Pendidikan Seni KBSR, 1982). Selain itu, mata pelajaran ini juga boleh dijadikan sebagai salah satu tempat pengukuhan dan kemahiran asas membaca, melukis dan mengira dan menjadi tonggak kepada Kurikulum Baru Sekolah Rendah.

Kurikulum Pendidikan Seni KBSR telah disemak semula pada tahun 1999. Perkataan “baru” telah ditukar kepada “bersepadu” manakala mata pelajaran Pendidikan Seni ditukar kepada Pendidikan Seni Visual. Semakan ini adalah untuk memastikan kandungan mata pelajaran ini memenuhi kehendak alaf baru iaitu memenuhi harapan negara menuju Wawasan 2020. Penyemakan tidak melibatkan perubahan struktur yang besar. Hanya kandungannya sahaja ditokok tambah dan disesuaikan dengan keadaan semasa. Antara struktur kandungan Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual KBSR ialah :

- a. Menggambar
- b. Membuat corak dan rekaan
- c. Membentuk dan membuat binaan
- d. Mengenal Kraf Tradisional.

(Ibrahim Hassan, Md. Nasir Ibrahim, Mohd Zaihidee Arshad, Jamilah Omar, Penyelidikan Terpilih UPSI ,2001-2006).

Pendidikan Seni Visual lebih menjurus kepada seni tampak atau visual, dan tidak merujuk kepada seni lain seperti seni muzik, seni sastera, seni tari dan seni mempertahankan diri. Pendidikan Seni Visual bertujuan memberi peluang kepada murid memupuk minat, memperkembang keperibadian, memberi kesedaran dan kepekaan terhadap nilai-nilai kesenian dan alam sekitar serta kaitannya dengan mata pelajaran lain. Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah merangkumi tajuk-tajuk yang menegaskan penerokaan, proses penghasilan, pengertian seni secara menyeluruh dan aspek kritikan. Pendidikan Seni Visual sekolah rendah

menyarankan strategi pembelajaran yang bersepadu dalam mata pelajaran ini dan antara mata pelajaran lain. (Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Pendidikan Seni Visual,2000).

Walaupun mata pelajaran Pendidikan Seni Visual tidak berkaitan dengan mata pelajaran lain, namun guru boleh mengintegrasikan mata pelajaran ini dengan matapelajaran lain seperti mata pelajaran muzik melalui nyanyian. Ia bertujuan untuk mempelbagaikan teknik pengajaran guru Pendidikan Seni Visual.

FOKUS KAJIAN

Berdasarkan permasalahan yang dikenalpasti melalui refleksi pengajaran dan pembelajaran yang lalu, kajian ini difokuskan untuk mengenal pasti respons murid terhadap aktiviti nyanyian lagu kanak-kanak dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Di atas keprihatinan ini penyelidik telah melaksanakan aktiviti nyanyian lagu kanak-kanak dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual ini sebagai salah satu kaedah pengajaran guru dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual tahun tiga. Respons murid-murid adalah seperti berminat, seronok dan dapat menyatakan tentang perkaitan antara lagu yang dinyanyikan dengan hasil karya yang akan dihasilkan dalam aktiviti Pendidikan Seni Visual.

Penyelidik juga percaya bahawa pelaksanaan aktiviti nyanyian lagu kanak-kanak dalam langkah set induksi ini penting bagi merangsang minat murid untuk mengikuti langkah-langkah pengajaran guru seterusnya. Tambahan lagi, berdasarkan pemerhatian guru sebelum ini, murid-murid berminat dalam aktiviti nyanyian yang biasanya dikaitkan dengan kecerdasan muzikal dalam Teori Kecerdasan Pelbagai oleh Howard Gardner.

Berbicara tentang minat, sebenarnya pengalaman individu dalam kehidupan mempengaruhi minatnya. Minat pula mempunyai kaitan dengan pencapaian akademik pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran (Jurnal "Hubungan Antara Minat dan Demografi Pelajar dengan Pencapaian KOMSAS dalam Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Rendah Negeri Melaka",2003). Minat juga merupakan ciri penting bagi membentuk kandungan dan apabila kandungan diperolehi, dipercayai seseorang itu akan terus belajar semata-mata kerana minat dan bukan kerana terpaksa (White, 1967 dalam Jurnal "Hubungan Antara Minat dan Demografi Pelajar dengan Pencapaian KOMSAS dalam Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Rendah Negeri Melaka",2003). Menurut Tomkins (1962) dalam jurnal yang sama, minat ialah emosi yang dapat memberi bantuan kepada seseorang untuk menuju ke arah pelaksanaan sesuatu aktiviti yang berfaedah.

Kesimpulannya, faktor minat yang tinggi terhadap sesuatu mata pelajaran amat penting untuk dipupuk dalam diri murid supaya mereka menunjukkan prestasi yang baik dalam sesuatu mata pelajaran.

TINJAUAN LITERATUR BERKAITAN DENGAN FOKUS KAJIAN

Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (2001), kecerdasan muzik merupakan salah satu jenis kecerdasan dalam Teori Kecerdasan Pelbagai oleh Howard Gardner. Kecerdasan muzik ialah kebolehan mengesan irama dan lagu, termasuk kebolehan mengenal lagu mudah serta membeza atau mengubah rentak dan tempo dalam melodi mudah. Antara kepentingan Teori Kecerdasan Pelbagai untuk diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah untuk menerima persamaan dan perbezaan antara individu dengan mengakui bahawa setiap murid adalah unik dan belajar dengan cara yang berlainan. Ia juga penting untuk harga diri, kreativiti dan motivasi melalui pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan. Berdasarkan Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) Pendidikan Muzik (2000), hal ini adalah merangkumi aspek pengalaman muzikal melalui menyanyi pelbagai jenis lagu terdiri daripada daripada lagu kanak-kanak, lagu patriotik, lagu budaya masyarakat Malaysia.

Pendidikan Muzik bertujuan melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang asas tentang muzik, mempunyai kemahiran minimum dalam penghasilan muzik berpotensi dalam aspek kreativiti dan inovas, dapat menghargai dan menikmati estetika muzik dan dapat mengamalkan nilai murni. Kandungan Huraian Sukatan Pelajaran ini disusun mengikut aspek seperti Persepsi Estetik, Pengalaman muzikal, Ekspresi Kreatif, dan Penghargaan Estetik. (Huraian Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah Pendidikan Muzik, 2002). Berdasarkan kenyataan ini, ia menunjukkan betapa pentingnya pendidikan muzik dalam institusi pendidikan negara kita. Salah satu aspek yang terdapat di dalam kandungan Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik ini ialah pengalaman muzikal yang merangkumi aktiviti nyanyian.

Berdasarkan Falsafah dalam pendekatan Zoltan Kodaly yang dinyatakan oleh Abdul Latif dan Azhar bin Hussin, Jurnal Akademik tahun 2004 MPTAR, Nyanyian merupakan aktiviti semulajadi yang ada di kalangan kanak-kanak. Aktiviti muzik melalui nyanyian memberi peluang kepada pelajar menerokai bunyi, sepenuhnya dan seterusnya membantu mempertingkatkan penguasaan mereka dalam pengetahuan dan kemahiran. Kodaly juga pernah mengatakan bahawa:

*“ If one way to attempt to express the essence of this education
in one word, it could only be –singing “*

Menurut Kamus Dewan edisi Keempat (2005), nyanyian boleh diinterpretasikan sebagai gubahan muzik yang dilagukan dengan suara. Nyanyian merupakan salah satu elemen yang diajar dalam mata pelajaran muzik di sekolah yakni pada peringkat rendah dan menengah.

Prof. Madya Dr. Rohani Abdullah (2003) pula menyatakan bahawa nyanyian mempunyai rentak tertentu yang mudah menarik perhatian kanak-kanak.

Menurut (Hornby, 1982 seperti di nyatakan di dalam Ab. Rahman b. Kamaruddin, 2004) mendefinisikan lagu sebagai nyanyian ataupun muzik untuk suara (*music for the voice*). Ia lahir dalam bentuk puisi yang ringkas atau beberapa rangkap puisi yang dimasukkan unsur-unsur muzik dengan tujuan untuk dinyanyikan.

The New Webmaster International Encyclopedia, 1996 (dinyatakan dalam Ab. Rahman bin Kamaruddin, 2004) bahawa lagu adalah :

“musical setting of words, usually a short poem, often with instrumental accompaniment”

Zoltan Kodaly (dalam Jurnal Institut Perguruan Darul Aman, 2001) menyatakan bahawa tahap pencapaian murid di sekolah yang mempunyai muzik sebagai mata pelajaran utama adalah lebih baik daripada sekolah yang meluangkan masa yang sedikit untuk mata pelajaran muzik. Dengan itu, aktiviti berunsurkan muzik dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Unsur muzik yang dimaksudkan melibatkan nyanyian lagu kanak-kanak, lagu patriotik lagu rakyat, lagu yang sesuai dan berkaitan dengan pengajaran dalam bentuk sesuara dan pic yang tepat.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya, objektif kajian ini ialah;

- i. Mengenalpasti respons murid terhadap pelaksanaan aktiviti nyanyian lagu kanak-kanak dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual tahun tiga.
- ii. Merancang dan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dengan pelaksanaan aktiviti nyanyian lagu-lagu kanak-kanak.

SOALAN KAJIAN

Bertepatan dengan objektif yang dinyatakan, kajian ini cuba menjawab 2 soalan berikut :

- i. Apakah respons murid terhadap pelaksanaan aktiviti nyanyian lagu kanak-kanak dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual tahun tiga?
- ii. Adakah pelaksanaan aktiviti nyanyian lagu kanak-kanak dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual tahun tiga mempengaruhi penghasilan karya oleh murid?

KUMPULAN SASARAN

Jadual 1 Demografi Peserta Kajian

| Aspek | Profil | Kekerapan | Peratus (%) |
|---------|---------------|-----------|-------------|
| Jantina | Lelaki | 12 | 39 |
| | Perempuan | 19 | 61 |
| Kaum | Melayu | 15 | 48 |
| | Iban | 10 | 32 |
| | Kenyah | 3 | 10 |
| | Lain-lain | 3 | 10 |
| | Jumlah | 31 | 100 |

Kajian ini hanya dijalankan di sebuah sekolah rendah kerajaan di Bandaraya Miri. Kajian ini hanya dijalankan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di dalam sebuah kelas tahun 3 dan menekankan pelaksanaan aktiviti nyanyian lagu kanak-kanak di dalamnya. Kelas yang dipilih ialah kelas 3 Merah iaitu salah sebuah kelas yang diajar oleh penyelidik semasa pelaksanaan praktikum 3 yang lalu.

Kelas 3 Merah ini dipilih disebabkan murid-murid di kelas ini agak kurang berminat dengan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Namun demikian, murid-murid di kelas ini minat menyanyi semasa aktiviti nyanyian dilaksanakan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

Bilangan peserta ialah seramai 31 orang murid iaitu 12 orang murid lelaki (39%) dan 19 orang murid perempuan (61%). Kesemua peserta dalam kajian saya ini adalah murid-murid dari kelas 3 Merah di sekolah tempat saya menjalani praktikum 3. Pada keseluruhannya, prestasi kelas ini adalah berada pada tahap yang sederhana. Peserta dalam kajian ini adalah berumur dalam lingkungan 9 tahun dan mereka lahir pada tahun 2001.


Seramai 15 orang peserta adalah peserta berbangsa Melayu iaitu (48%), 10 orang peserta adalah berbangsa Iban iaitu (32%), 3 orang peserta berbangsa Kenyah iaitu (10%) dan 3 orang peserta adalah dari lain-lain bangsa iaitu (10%).

CARA PENGUMPULAN DATA

Borang soal selidik mengandungi soalan-soalan yang disusun secara teratur untuk ditadbir ke atas peserta kajian. Dalam kajian ini, soal selidik ini ditadbirkan oleh pengkaji secara bersemuka dengan peserta. Borang pemerhatian pula digunakan untuk membuat pemerhatian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran penyelidik bersama peserta kajian. Borang pemerhatian ini akan diisi oleh guru Pendidikan Seni Visual asal kelas


yang dikaji oleh penyelidik. Pemarkahan hasil karya murid yang berbentuk rubrik pemarkahan pula digunakan oleh penyelidik untuk menilai hasil karya yang telah dihasilkan oleh murid. Instrumen kajian yang digunakan dapat diringkaskan seperti rajah 1 di bawah.

Cara pengumpulan data dalam kajian ini boleh dilihat dalam rajah 1 di bawah:-



Rajah 1 Cara Pengumpulan Data

TINDAKAN YANG DIJALANKAN




Rajah 2 Model Kajian Tindakan Kurt Lewin (dua pusingan)

Elliot dan Adelman, 1976 menyatakan dalam (Chua Yan Piaw, 2006) kajian tindakan dalam bidang pendidikan sebagai satu pendekatan penyelidikan yang berusaha mempertingkatkan mutu profesionalisme para pendidik dengan cara menyelidik situasi sosial di institusi pendidikan, dan tujuan kajian tindakannya adalah untuk memperbaiki amalan harian. Kajian tindakan ini dilakukan secara sistematik melalui praktis mereka sendiri dan dengan cara melakukan refleksi terhadap kesan-kesan tindakan tersebut. Terdapat empat tahap dalam kajian tindakan iaitu perancangan, pelaksanaan/tindakan, pemerhatian dan membuat refleksi.


Kurt Lewin 1952, (dalam Mok Soon Sang, 2010) pula menyatakan bahawa penyelidikan tindakan dihuraikan sebagai proses lingkaran dalam beberapa tahap yang berkaitan. Setiap tahap mengandungi empat langkah utama yang berbentuk lingkaran, bermula dengan perancangan, diikuti dengan tindakan, pemerhatian dan refleksi. Pusingan penyelidikan pada tahap pertama ini boleh disambung dan diteruskan untuk lingkaran seterusnya.

Disebabkan kajian ini adalah kajian berbentuk kajian tindakan, ia tidak boleh lari daripada menggunakan tahap dan langkah yang sama juga seperti yang dinyatakan oleh tokoh dan penulis-penulis ini. Segala tindakan yang dilaksanakan adalah berpandukan kepada keempat-empat langkah dalam model kajian tindakan yang di pelopori oleh Kurt Lewin sahaja dan bukan daripada model-model kajian tindakan yang lain .

DAPATAN KAJIAN



Rajah 3 Nilai min bagi data soal selidik untuk pusingan 1 dan 2



Rajah 4 Gred markah keseluruhan murid

Hasil kajian yang dijalankan menunjukkan terdapat beberapa respons positif yang ditunjukkan oleh peserta kajian ini. Respons positif daripada peserta kajian ini adalah berminat, seronok dan memahami tentang perkaitan antara lagu dan karya yang akan dihasilkan oleh murid pada hari tersebut. Respons-respons positif ini ditunjukkan melalui riak muka, penglibatan aktif mereka semasa pengajaran dan pembelajaran serta karya yang mereka hasilkan.

Melalui pelaksanaan aktiviti nyanyian lagu kanak-kanak juga, pelbagai respons peserta terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dapat dikenal pasti seperti berminat, seronok dan dapat mengetahui perkaitan antara lagu dan tajuk yang diajar oleh guru. Ini dibuktikan daripada dapatan daripada borang soal selidik yang telah dianalisis oleh penyelidik. Berlaku peningkatan pencapaian min bagi pelaksanaan aktiviti nyanyian lagu kanak-kanak ini bagi pusingan pertama dan kedua. Hal ini menunjukkan pelaksanaan aktiviti nyanyian lagu kanak-kanak ini dapat menggalakkan respons positif murid terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

Seterusnya, respons - respons positif peserta juga dapat dikenalpasti melalui pemerhatian yang dilaksanakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Respon ini dapat dikenal pasti melalui dapatan pemerhatian oleh guru Pendidikan Seni Visual yang telah dicatat dalam borang pemerhatian. Respons-respons ini adalah seperti senyum, bersemangat, seronok, dan aktif semasa aktiviti ini dijalankan. Antara cadangan yang diisi oleh guru Pendidikan Seni Visual tersebut ialah, supaya penyelidik memasukkan sedikit unsur pergerakan dalam aktiviti nyanyian ini. Selain itu, cadangan lain yang diberikan ialah supaya penyelidik bijak mengaitkan lagu dengan aktiviti yang bakal dijalankan supaya murid berminat untuk belajar dan memahami perkaitan lagu yang diajar dengan tajuk pada hari tersebut. Segala cadangan dan kelemahan yang

dikenalpasti pada pemerhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran pusingan pertama cuba diatasi pada pusingan seterusnya.

Hasil karya murid pula dinilai menggunakan rubrik pemarkahan. Dapatan pemarkahan hasil karya murid ini menunjukkan berlaku peningkatan kepada penghasilan karya oleh murid. Peningkatan ini ialah peningkatan murid mendapat gred B (baik) dan penurunan murid mendapat gred C (memuaskan) dalam pusingan kedua berbanding pusingan sebelumnya. Daripada kajian ini, didapati bahawa murid-murid lebih berminat, suka dan memahami tentang aktiviti yang dilaksanakan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual apabila ia digabungkan dengan aktiviti nyanyian lagu kanak-kanak.

Hasil kajian yang dilaksanakan menunjukkan pelaksanaan aktiviti nyanyian lagu kanak-kanak ini dapat menggalakkan respons positif murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Hal ini ditunjukkan dalam dapatan borang soal selidik, borang pemerhatian dan pemarkahan hasil karya murid.

Dapatan-dapatan kajian yang diperoleh ini adalah selaras dengan falsafah Zoltan Kodaly yang dinyatakan oleh Abdul Latif dan Azhar bin Husin iaitu bahawa:

“Aktiviti muzik melalui nyanyian memberi peluang kepada pelajar menerokai bunyi sepenuhnya dan seterusnya membantu mempertingkatkan penguasaan mereka terhadap pengetahuan dan kemahiran.”

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Daripada refleksi dapatan kajian yang telah dinyatakan di atas, beberapa perkara dapat dirumuskan seperti berikut :

- a) Melalui pelaksanaan aktiviti nyanyian lagu kanak-kanak ini pelbagai respons positif murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dapat dikenal pasti seperti minat, seronok dan mengetahui perkaitan lagu dengan tajuk yang diajar. Nyanyian bukan hanya setakat memberi hiburan dan keseronokan kepada murid-murid, tetapi sebaliknya juga berfungsi sebagai pembentuk kesediaan belajar mereka. Melalui nyanyian juga, murid-murid dapat dibimbing untuk memahami tentang perkaitan lagu yang dinyanyikan dengan aktiviti yang akan diajar oleh guru.
- b) Pelaksanaannya juga dapat menggalakkan penghasilan karya oleh murid. Melalui pelaksanaannya, kesediaan belajar murid dapat diwujudkan apabila murid berasa seronok, berminat dan tahu perkaitan lagu dengan tajuk yang diajar oleh guru. Hal ini seterusnya telah mempengaruhi penghasilan karya oleh murid dan juga menggalakkan murid menghantar hasil karya mereka.

CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

1. Dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan pada mana-mana sekolah, umur, kelas, darjah dan bilangan murid yang lain di Malaysia. Kajian ini boleh di teruskan di sekolah lain pada masa akan datang.
2. Kajian ini juga boleh dilaksanakan untuk murid-murid yang berumur selain daripada umur 9 tahun yakni murid-murid dari umur yang berbeza.
3. Selain itu, kajian ini juga boleh dibuat di kelas tahun 3 yang lain di sekolah ini yakni kelas 3 Merah di sekolah ini.
4. Kajian ini juga boleh dilaksanakan untuk murid-murid yang berada di tahap 1 yang lain yakni murid tahun 1 dan tahun 2.
5. Dicapangkan juga supaya kajian ini dilaksanakan untuk bidang PSV yang lain selain daripada bidang mengenal kraf tradisional dan bidang membentuk dan membuat binaan. Kajian ini boleh diteruskan dengan melaksanakannya untuk 2 bidang lain dalam PSV iaitu bidang membuat corak dan rekaan dan bidang menggambar.

PENUTUP

Pelaksanaan aktiviti nyanyian lagu kanak-kanak ini dapat mewujudkan respons positif peserta kajian terhadap pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah ini. Selain itu, ia juga mempengaruhi penghasilan karya oleh murid. Pelaksanaan aktiviti nyanyian lagu kanak-kanak ini diharap dapat menggalakkan murid meminati mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan seterusnya dapat memartabatkan kedudukan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual yang dianggap "*second class subject*" oleh sebilangan murid.

RUJUKAN

- Chua Y. P. (2006). Kaedah dan statistik penyelidikan buku 1. Kaedah Penyelidikan. Selangor : Mc Graw Hill Sdn. Bhd.
- Mok S. S. (2010). Penyelidikan dalam pendidikan , perancangan dan pelaksanaan penyelidikan tindakan. Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Prof. Madya Dr. Rohani Abdullah, Mohd Sharani Ahmad dan Nani Menon (2003). Panduan kurikulum prasekolah. Pahang : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- _____Pusat Perkembangan Kurikulum KPM. (2001). Aplikasi Teori Kecerdasan pelbagai dalam pengajaran dan pembelajaran. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.

- _____ Pusat Perkembangan Kurikulum KPM. (2002). Huraian Sukatan Pelajaran pendidikan seni visual sekolah rendah. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hj. Abd. Latip b. Idris, Hj. Baharom b. Sabudin, Hj. Zainudin b. Abd. Jalil dan Mohamad b. Hj. Abd Ghani. (2003). Hubungan antara minat dan demografi pelajar dengan pencapaian komsas dalam bahasa melayu di sekolah menengah rendah negeri Melaka. Durian Daun, Melaka : Jawatankuasa Penerbitan dan Percetakan Maktab Perempuan Melayu.
- Hj. Ibrahlim Hassan, Md. Nasir Ibrahim, Mohd Zaihidee Hj. Arshad, Jamilah Omar, Penyelidikan Terpilih UPSI. (2001-2006). Tanjung Malim, Perak: _____ . (2004). Jurnal akademik tahun 2004. Kota Samarahan, Sarawak : Maktab Perguruan Tun Abdul Razak.
- _____. (2001). Jurnal Institut Perguruan Darul Aman. Kedah : Institut Perguruan Darul Aman.
- Ab. Rahman b. Kamaruddin (2004). Nilai-nilai murni dalam lagu kanak-kanak Azah Aziz dan lagu-lagu KBSR. Bangi, Selangor. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- http://www.moe.gov.my/bpk/modul_pnp/modul_psv/04kecerdasan_pelbagai.pdf
- <http://apps.emoe.gov.my/ipba/ResearchPaper/journal/article3.pdf>
- http://www.moe.gov.my/bpk/index.php?option=com_wrapper&Itemid=66

PELAKSANAAN PROGRAM EKONOMI TOKEN BAGI MENGURANGKAN TINGKAH LAKU BERMASALAH DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL

Rebecca Anak Mangkam

Ting Hie Ping

ABSTRAK – Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk melihat bagaimana Program Ekonomi Token dapat mengurangkan tingkah laku bermasalah di kalangan murid kelas Pendidikan Seni Visual dengan lebih berkesan. Kajian ini melibatkan seramai 27 orang murid Tahun 5 Bestari. Empat instrumen telah diguna pakai bagi menjalankan kajian ini iaitu soal selidik, pemerhatian, analisis dokumen dan juga temu bual. Berdasarkan dapatan kajian, penyelidik mendapati bahawa kajian ini sesuai dijalankan di kelas ini dan berjaya dilaksanakan. Sebelum program ini diperkenalkan, guru Pendidikan Seni Visual sememangnya menghadapi permasalahan ini dan cuba untuk mengatasinya. Melalui program ini, murid telah menunjukkan tingkah laku yang diinginkan dan masalah berkaitan dengan kerja seni telah dapat dikurangkan.

ABSTRACT – *The purpose of this research is to observe how the Token Economy program able to reduce behavior problems among the pupils in Visual Arts Education classes more effectively. This research involved 27 Year 5 Bestari pupils'. Four instruments were used to conduct the study which is questionnaire, observation, document analysis and interviews. Based on the findings of the study, researcher found that the study is suitable to conduct in this class and successfully implemented. Before the program was introduced, the Visual Arts teacher's is facing this problem and try to resolve it. Through this program, students have shown the desired behaviors and problems related to the work of art has been reduced.*

Keywords : Ekonomi Token, tingkah laku

Paper Type : Kertas Kajian

PENGENALAN

Dasar Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah untuk membangunkan modal insan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta menghayati nilai-nilai murni. Matlamat KPM adalah untuk memupuk semangat menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi, menerapkan nilai, moral dan sikap positif serta membina disiplin diri di kalangan pelajar. Ini adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menyatakan :

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari

segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

Falsafah Pendidikan Kebangsaan, 1986

FOKUS KAJIAN

Hasil daripada tinjauan dan pengalaman penyelidik sendiri, pengurusan tingkah laku merupakan satu elemen yang penting dalam mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan mencapai objektif pengajaran. Bermula daripada pengurusan tingkah laku maka sesuatu pembelajaran itu dapat dijayakan. Oleh itu, adalah menjadi fokus kajian ini untuk melihat sama ada program ekonomi token sesuai dan boleh dijalankan di dalam kelas Pendidikan Seni Visual. Kajian ini diharapkan dapat membawa perubahan kepada segelintir murid yang dikenalpasti mempunyai kecenderungan menghadapi tingkah laku bermasalah melalui pelaksanaan program ekonomi token ini.

Kajian ini memfokuskan kepada tingkah laku bermasalah murid di dalam kelas Pendidikan Seni Visual iaitu :

- i. Tidak berminat menyiapkan tugas.
- ii. Tidak menghantar tugas.
- iii. Mengganggu rakan-rakan di dalam bilik darjah.
- iv. Tidak berdisiplin dan tidak mempunyai perasaan bertanggungjawab.
- v. Kurang daya tumpuan atau perhatian di dalam bilik darjah.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengurangkan tingkah laku bermasalah murid-murid kelas Pendidikan Seni Visual.
 - i. Murid yang tidak berminat menyiapkan tugas.
 - ii. Murid yang tidak menghantar tugas.
 - iii. Murid yang mengganggu rakan-rakan di dalam bilik darjah
 - iv. Murid yang tidak berdisiplin dan tidak mempunyai perasaan bertanggungjawab.
 - v. Murid yang kurang daya tumpuan atau perhatian di dalam bilik darjah.

SOALAN KAJIAN

1. Adakah penggunaan Program Ekonomi Token dapat mengurangkan tingkah laku bermasalah murid-murid Pendidikan Seni Visual?
 - i. Setakat manakah murid tidak berminat menyiapkan tugas?
 - ii. Setakat manakah murid tidak menghantar tugas?
 - iii. Setakat manakah murid mengganggu rakan-rakan di dalam bilik darjah?
 - iv. Setakat manakah murid tidak berdisiplin dan tidak mempunyai perasaan bertanggungjawab?
 - v. Setakat manakah murid kurang daya tumpuan atau perhatian di dalam bilik darjah?

KUMPULAN SASARAN

Penyelidik telah membuat tinjauan dalam tempoh 2 minggu sebelum menjadikan sesuatu kelas itu sebagai kumpulan sasaran atau peserta kaji (*participant*). Kelas 5 Bestari dipilih untuk dijadikan sebagai kumpulan sasaran setelah mengambil kira beberapa kriteria iaitu kebanyakan murid sukar menyiapkan kerja seni dan menghantar hasil kerja pada masa yang telah ditetapkan selain daripada tingkah laku mereka semasa berada di dalam kelas. Berikut merupakan demografi peserta kajian.

Jadual 1 Demografi Murid

| Maklumat Peribadi | Bilangan | Peratusan (%) |
|-------------------|-----------------|---------------|
| Jantina | Lelaki (17) | 63 % |
| | Perempuan (10) | 37 % |
| Bangsa | Melayu (8) | 30 % |
| | Iban (12) | 44 % |
| | Lain- Lain (7) | 26 % |
| Agama | Islam (9) | 33 % |
| | Kristian (17) | 63 % |
| | Lain – Lain (1) | 4 % |

PROSEDUR TINDAKAN

Penyelidikan ini dijalankan dengan mengambil kira beberapa kriteria iaitu tinjauan masalah dan analisis tinjauan masalah. Berdasarkan pengalaman yang lepas dan tinjauan selama dua minggu maka penyelidik telah menetapkan untuk menjalankan kajian tindakan Pelaksanaan Program Token Ekonomi Bagi Mengurangkan Tingkah Laku Bermasalah Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Program Ekonomi Token merupakan satu sistem pengukuhan secara simbolik. Murid diberi token apabila

menunjukkan tingkah laku yang diinginkan. Program ini dipanggil sebagai sistem ekonomi kerana berasaskan sistem kewangan, iaitu token yang diterima mempunyai nilai ekonomi dan boleh ditukar dengan benda atau aktiviti yang dikenalpasti sebagai pengukuhan kepada murid.

Bagaimana pula ia dilaksanakan? Proses pelaksanaan bermula dengan mengenal pasti tingkah laku murid di dalam kelas yang menjadi sasaran. Dari situ, penyelidik boleh menetapkan peraturan di dalam bilik darjah dan menjelaskan kepada murid - murid bahawa mereka akan diberikan hadiah tertentu (*ganjaran*) bagi sesiapa yang dapat menyiapkan hasil seni dan menghantarnya pada masa yang telah ditetapkan serta mematuhi peraturan - peraturan yang telah dipersetujui di dalam bilik darjah. Murid akan diberikan mata (berdasarkan jenis tingkah laku yang ditunjukkan). Murid juga diberikan tempoh untuk menukarkan token mereka dengan ganjaran yang mereka mahukan.

DAPATAN KAJIAN

Untuk melihat keberkesanan pelaksanaan Program Token Ekonomi ini, berikut merupakan dapatan kajian daripada empat sumber iaitu soal selidik, temu bual, analisis dokumen dan juga pemerhatian.

Jadual 2 Item-item Soal Selidik

| Bil. | Item – Item |
|------|---|
| 1. | Saya suka Program Ekonomi Token. |
| 2. | Saya faham akan tujuan Program Ekonomi Token ini dilaksanakan. |
| 3. | Saya suka akan token dalam bentuk bintang yang diberikan oleh guru saya. |
| 4. | Program Ekonomi Token ini boleh memberikan motivasi kepada saya untuk menyiapkan kerja pada masa yang ditetapkan. |
| 5. | Saya dapat mematuhi arahan guru melalui Program Ekonomi Token. |
| 6. | Program Ekonomi Token membantu saya dalam mendisiplinkan diri semasa berada di dalam kelas. |

Jadual 2 menunjukkan item - item di dalam borang soal selidik. Item 1 hingga item 4 adalah berkaitan dengan keberkesanan pelaksanaan Program Ekonomi Token yang dijalankan manakala item 5 hingga 6 adalah berkaitan dengan sejauh mana Program Ekonomi Token dapat mengurangkan tingkah laku bermasalah di dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

Jadual 3 Dapatan Soal Selidik

| Item | Skala | | |
|------|--------------|-------------|--------|
| | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju |
| 1 | 12% | 8 % | 80 % |
| 2 | 0 % | 20 % | 80 % |
| 3 | 20 % | 8 % | 72 % |
| 4 | 8 % | 28 % | 64 % |
| 5 | 4 % | 24 % | 72 % |
| 6 | 12 % | 32 % | 56 % |

Jadual 3 menunjukkan dapatan soal selidik. Daripada skala 5 poin, dapatan ini dianalisis dan diringkaskan kepada 3 skala iaitu :

| | | |
|--------|-------------|--------------|
| Setuju | Tidak Pasti | Tidak Setuju |
|--------|-------------|--------------|

Berdasarkan kepada Jadual 3, didapati bahawa peratusan adalah lebih tinggi pada skala setuju untuk item 1 hingga 4. Ini menunjukkan bahawa Program Ekonomi Token ini boleh dilaksanakan di dalam kelas Tahun 5 Bestari ini. Bagi item 5 dan 6 pula didapati bahawa peratus tidak pasti adalah agak tinggi namun peratusan bagi skala setuju lebih banyak mengatasi peratusan tidak setuju dan tidak pasti. Ini menunjukkan kebanyakan murid boleh dimotivasikan dan mengawal tingkah laku mereka melalui Program Ekonomi Token ini.

Jadual 4 Peratusan Penghantaran Hasil Kerja Seni

| Skala | Kadang Kala | Kerap | Sangat Kerap |
|-----------|--|--|--|
| Peratusan | $\frac{3}{27} \times 100 \%$ = 11 % | $\frac{7}{27} \times 100 \%$ = 26 % | $\frac{17}{27} \times 100 \%$ = 63% |



Rajah 1 Dapatan Rekod Penghantaran Hasil Kerja Seni

Jadual 4 dan Rajah 1 menunjukkan dapatan kajian melalui analisis dokumen. Berpandukan carta pai di atas, peratusan murid menghantar hasil kerja seni mereka yang paling tinggi adalah sebanyak 63 % iaitu sangat kerap menghantar hasil kerja atau tugas. Ini diikuti oleh murid yang kerap menghantar hasil kerja iaitu sebanyak 26 % dan murid yang kadang - kala menghantar hasil kerja iaitu sebanyak 11 %. Analisis menunjukkan bahawa bilangan murid yang jarang menghantar tugas adalah amat sedikit jika dibandingkan dengan sebelum Program Ekonomi Token ini dilaksanakan. Ini berdasarkan kepada temu bual bersama guru Pendidikan Seni Visual kelas 5 Bestari ini.

Berdasarkan kepada temu bual bersama dengan guru Pendidikan Seni Visual, saya merumuskan bahawa pelaksanaan Program Ekonomi Token ini boleh dilaksanakan dengan berkesan di dalam bilik darjah. Berdasarkan kepada jawapan yang diberikan, beliau bersetuju dengan menyatakan bahawa program ini boleh memotivasikan murid di samping menyeronokkan kerana murid berpeluang membeli barangan yang mereka suka dengan menukarkan token yang mereka peroleh.

Melalui pandangan guru Pendidikan Seni Visual tersebut, didapati bahawa murid – murid kelas ini mempunyai kecenderungan untuk bertindak nakal ; sukar dikawal kerana bising terutamanya dalam kalangan murid-murid lelaki. Demografi murid menunjukkan bahawa 63 % daripada murid di dalam kelas ini adalah lelaki. Manakala bakinya sebanyak 37 % adalah murid perempuan di mana mereka ini tidak membawa banyak masalah dari segi disiplin.

Daripada dapatan temu bual di atas, menunjukkan bahawa Program Ekonomi Token ini boleh dilaksanakan dengan berkesan memandangkan ia telah dapat mengurangkan tingkah laku murid – murid di dalam kelas. Ini disokong juga dengan

dapatan kajian daripada pemerhatian dan rekod penghantaran hasil kerja murid. Menurut Cikgu K, beliau berpendapat bahawa terdapat kelebihan dan juga kelemahan di dalam program ini. Dari segi positif, program ini dapat memotivasikan murid-murid dalam membuat kerja dan lebih fokus bagi menyiapkan kerja mereka. Kelemahannya pula jika murid terbiasa menerima ganjaran ia hendaklah berterusan kerana dikhuatiri ada kemungkinan murid kembali semula kepada sikap lama mereka.

Pemberian gred, bintang, dan ekonomi token bagi tingkah laku yang diingini atau markah demerit bagi salah laku sebenarnya adalah motivasi ekstrinsik dalam bentuk ganjaran, insentif dan dendaan. Walau bagaimanapun harus diingatkan bahawa bukan semua murid-murid boleh dimotivasikan dengan sedemikian cara (Choong, 2008).

Berdasarkan pendapat Cikgu K, beliau berharap agar usaha ini berterusan memandangkan ia berjaya mengurangkan tingkah laku bermasalah murid semenjak Program Ekonomi Token ini diperkenalkan. Beliau juga mencadangkan bahawa lebih elok jika ia dapat dilaksanakan untuk murid-murid daripada kelas lain juga. Berdasarkan pemerhatian oleh penyelidik juga, didapati bahawa hampir murid boleh mengikuti peraturan yang telah dipersetujui di dalam bilik darjah. Di samping itu, murid-murid juga boleh memberikan kerjasama yang baik dan respon ketika sesi bersoal jawab dengan penyelidik.

PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada dapatan daripada keempat-empat instrumen kajian, didapati bahawa Program Ekonomi Token dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan di dalam kelas Tahun 5 Bestari. Semua dapatan data kajian menyokong persoalan kajian. Berdasarkan dapatan kajian secara keseluruhan, didapati bahawa pelaksanaan Program Ekonomi Token adalah berkesan dijalankan di dalam kelas Tahun 5 Bestari. Ini selaras dengan pendapat Hensen & Ellar (1999) yang menyatakan bahawa token ekonomi telah didapati berkesan terhadap hampir semua jenis pelajar iaitu pembelajaran khas, pelajar berbakat, mahasiswa, pelajar sekolah rendah, dan pelajar sekolah menengah. Ini adalah ekoran daripada kefahaman murid mengenai mengapa program ini dijalankan ke atas kelas mereka. Di dalam setiap dapatan hasil kajian daripada empat sumber iaitu soal selidik, rekod penghantaran kerja murid, borang pemerhatian dan juga temu bual menjelaskan bahawa prosedur pelaksanaan program ini telah diikuti dengan baik oleh murid-murid.

Program Ekonomi Token ini juga didapati dapat mengurangkan tingkah laku bermasalah murid. Berdasarkan pemerhatian dan juga analisis rekod penghantaran kerja seni murid, terdapat perubahan tingkah laku secara positif dari kalangan murid - murid atau peserta kajian ini. Berdasarkan jumlah pungutan token oleh murid didapati bahawa murid menunjukkan kesungguhan untuk terlibat secara langsung di dalam pelaksanaan program ini.

Berdasarkan pemerhatian, ramai murid telah pun mengorbankan token mereka dengan membeli barang-barang kesukaan mereka sahaja iaitu gula-gula atau *candies* yang menarik. Apabila ditanya, mereka menjawab bahawa mereka tidak perlu mengeluarkan wang untuk membeli barangan kesukaan mereka sebaliknya hanya menukarkan token yang mereka perolehi sahaja. Temu bual bersama guru Pendidikan Seni juga menyokong dapatan pemerhatian di mana murid menunjukkan perubahan tingkah laku dari segi daya tumpuan, disiplin dan juga kebertanggungjawaban mereka di dalam bilik darjah. Program Ekonomi Token ini telah mendorong mereka untuk mengawal tingkah laku sekaligus membiasakan mereka dengan tingkah laku yang positif. Selain daripada itu, penyelidik juga memastikan bahawa tidak ada murid yang tiada token langsung akibat daripada penarikan token mereka. Sebaliknya penyelidik berusaha memotivasikan murid untuk mematuhi peraturan demi kebaikan mereka sendiri dan juga memudahkan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran. Ini adalah selaras dengan pendapat Zirpoli (2008) dalam buku beliau yang berjudul *Behavior Management – Applications for Teachers*.

Ini adalah sebagai satu usaha berterusan dalam memotivasikan murid di mana mereka tetap diberikan peluang untuk mengumpulkan semula token dengan mencuba menunjukkan tingkah laku yang diinginkan.

PENUTUP

Pelaksanaan Program Ekonomi Token ini merupakan satu usaha ke arah memperbaiki amalan guru di dalam bilik darjah iaitu dengan menggunakan motivasi serta konsep peneguhan di dalam mengurangkan tingkah laku bermasalah murid. Berpandukan kepada dapatan kajian, dikatakan bahawa kajian ini telah berjaya mengurangkan tingkah laku bermasalah murid seperti tidak berminat menyiapkan tugas, tidak menghantar tugas dan juga masalah disiplin di dalam bilik darjah. Kajian menunjukkan bahawa masih terdapat lagi aspek yang perlu diperbaiki dan diberi perhatian. Pelaksanaan program ekonomi token ini hendaklah dilaksanakan secara optimum untuk mendapatkan kesan jangka panjang. Secara tuntasnya, keseluruhan program ini adalah berjaya dan boleh dilaksanakan di dalam kalangan murid Tahun 5 Bestari ini. Ini kerana data-data dapatan kajian menyokong kepada keberkesanan program ini walaupun terdapat sebahagian kecil yang tidak mencapai jangkauan. Namun sebahagian besarnya dikatakan bahawa program ini berjaya dilaksanakan dan dapat mengurangkan tingkah laku bermasalah murid-murid di dalam kelas ini.

RUJUKAN

- Abd Rahim b. Marzuki, ; Amir b. Omar, ; & Rosni bt. Abdullah. (2006). *Pelaksanaan Program Ekonomi Token Dalam Mengurangkan Tingkah Laku Bermasalah Murid Pemulihan Khas – Satu Kajian Kes*,. Jitra : Institut Pengurusan Darulaman.
- Edwards, H. Clifford and Watts, Vivienne. (2008). *Classroom Discipline & Management Second Australasian Edition*,.Australia : John Wiley & Sons Australia, Ltd.
- Henson, T. Kenneth and Ellar, F. Ben. (1999). *Educational Psychology for Effective Teaching*,. America : Wadsworth Publishing Company A Division of International Thomson Publishing Inc.
- Iverson, M. Annette. (2003). *Building Competence in Classroom Management and Disciplin 4th ed.*,. New Jersey : Pearson Education, Inc., Upper Saddle River.
- Kauffman, M. James,; Mostert, P. Mark, ; Trent, C. Stanley, ; & Hallahan, P. Daniel (2002). *Managing Classroom Behavior – A Reflective Case - Based Approach*,. Boston : Pearson Education Company.
- Mok, S. S. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*,. Selangor : Penerbit Multimedia Sdn. Bhd.
- Zirpoli, J. Thomas (2008). *Behavior Management – Applications for Teachers 5th ed.*,. New Jersey : Pearson Education, Inc.,, Upper Saddle River.

PENGUNAAN HASIL KERJA MURID YANG LEPAS DALAM AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH RENDAH

Rozaidi Bin Salim

Gumbang Anak Pura

ABSTRAK - Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk menilai sejauhmanakah keberkesanan penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah dalam mengurangkan beban murid membawa bahan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 40 orang murid dari Tahun 5 Erika. Data dikumpulkan melalui kaedah pemerhatian, borang soal selidik, dan temu bual. Hasil analisis data mendapati bahawa seramai 37 orang murid setuju dengan penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah berkesan dalam mengurangkan beban murid membawa bahan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah. Keputusan kajian menunjukkan bahawa penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah berkesan dalam mengurangkan beban murid membawa bahan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah.

ABSTRACT - Action research was conducted to evaluate the effectiveness of the use of student past work in teaching and learning of Visual Art Education for primary school pupils take to reduce the burden of teaching and learning in visual art education in elementary schools. Respondents in this study consisted of 40 students from Year 5 Erika. Data collected through observation, questionnaires, and interviews. The analysis of data revealed that a total of 37 students agree with the use of the students previous work in teaching and learning of Visual Art Education for primary school to be effective in reducing the burden of bringing material when having an activities of teaching and learning of Visual Art Education for primary school. The results showed that the use of students previous work in teaching and learning of Visual Art Education for primary school pupils to be effective in reducing the burden of bringing the material in activities of teaching and learning of Visual Art Education for primary school.

PENDAHULUAN

Salah satu tumpuan utama Pendidikan Seni Visual yang dinyatakan dalam Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah iaitu interaksi yang kritis dan kreatif dengan alat dan bahan. Aspek ini menjelaskan bahawa proses ini akan memperkembangkan aspek psikomotordan kemahiran asas seni visual berhubung dengan manipulasi alat dan bahan serta teknik-teknik mudah.

Peringkat ini menggalakkan murid membuat penerokaan dan percubaan dalam mempelbagaikan kegiatan kreatif dengan menggunakan alat dan bahan. Proses ini akan memperkembangkan aspek psikomotor dan kemahiran asas seni visual berhubung dengan manipulasi alat dan bahan serta teknik-teknik mudah.

Semasa berinteraksi dengan alat dan bahan murid membuat interpretasi dan menyelaraskan konsepsi visualnya dengan objek yang dilihat. Proses pembelajaran ini amat penting kerana ia memberi peluang kepada murid belajar secara tidak langsung. Murid juga dapat mengenali perubahan yang mereka boleh lakukan dalam penghasilan seni di masa akan datang.

Namun masalah murid tidak membawa bahan sering kali menyebabkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran terganggu. Apabila murid tidak membawa bahan, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran guru tidak dapat mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran pada hari tersebut.

Penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah merupakan salah satu daripada alternatif dalam membantu murid mengurangkan beban mereka dalam aspek penyediaan bahan. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Seni Visual tidak kira sekolah rendah atau menengah lazimnya melibatkan penggunaan alat dan bahan yang pelbagai. Penggunaan pelbagai jenis alat dan bahan akan menggalakkan murid membuat penerokaan dan percubaan dalam mempelbagaikan kegiatan kreatif.

Berdasarkan kajian Mohamad Afiffudin (2009), kajian beliau mendapati bahawa terdapat beberapa pelajar yang menganggap subjek Pendidikan Seni Visual ini adalah leceh dan menyusahkan. Ini kerana dalam tugas pendidikan seni, pelajar dikehendaki membawa alatan dan bahan-bahan untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kos penyediaan alatan dan bahan juga turut menjadi faktor. Malah ada yang beranggapan bahawa wang yang digunakan untuk membeli alatan seni adalah lebih baik digunakan untuk membeli barangan keperluan lain.

Hasil kerja murid yang lepas merupakan hasil kerja yang mereka hasilkan selepas sesuatu pengajaran dan pembelajaran. Hasil kerja murid biasanya akan diserahkan kepada murid selepas sesuatu pengajaran dan pembelajaran. Hasil kerja murid juga turut dipamerkan di dalam bilik darjah mahupun di bilik Pendidikan Seni Visual

Oleh yang demikian, kajian ini akan mengkaji akan respon murid terhadap penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam usaha untuk mengurangkan beban murid dalam aspek penyediaan bahan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah.

Selain itu kajian ini akan mengkaji kelebihan dan kelemahan yang terdapat dalam penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam menangani masalah murid membawa

bahan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah. Di samping itu juga kajian ini membuat beberapa cadangan penambah baikan untuk cadangan kajian seterusnya pada masa akan datang.

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian tindakan ini adalah penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam menangani masalah murid tidak membawa bahan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah. Pemilihan fokus kajian ini adalah berdasarkan beberapa kriteria berikut iaitu kebolehtadbiran, kepentingan, kebolegunaan, kawalan, kolaborasi dan kerelevanan kajian tersebut kepada sekolah.

Mok Soon Sang, (2010) menjelaskan bahawa kebolehtadbiran adalah merujuk kepada sejauh manakah kelicinan proses pengujian dapat dilaksanakan di dalam bilik darjah atau dewan peperiksaan. Aspek penting dalam kebolehtadbiran adalah seperti penyediaan bilik bagi sesuatu pengujian dalam masa yang singkat, pengujian dapat dimulakan tepat mengikut jadual masa, arahan dapat disampaikan dengan jelas kepada setiap responden, pengawasan dapat dijalankan dengan rapi, pengutipan kertas soal selidik dapat diuruskan dengan cara yang sesuai serta pemeriksaan kertas jawapan dapat dijalankan mengikut masa yang ditetapkan.

Berdasarkan kepada huraian di atas, kebolehtadbiran fokus kajian saya dapat dipertingkatkan dengan cara menyediakan bilangan soalan yang berpatutan mengikut peruntukan masa ujiannya, pengedaran dan pengutipan kertas soalan dan kertas jawapan mengikut suatu sistem yang baik iaitu senarai semak murid yang terdapat dalam kumpulan sasaran pengkaji, arahan yang pengkaji berikan diterangkan secara jelas dan ringkas dan kerja menganalisis data saya disesuaikan dengan sistem penganalisisan menggunakan borang analisis data.

Dari segi aspek kepentingan, kepentingan kajian ini adalah untuk mewujudkan satu suasana pembelajaran yang mudah dan tidak membebankan pelajar terutamanya dalam aspek penyediaan bahan untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Kajian ini juga penting dalam memastikan penggunaan bahan dapat dipelbagaikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Disamping itu juga kajian ini amat penting bagi menyelesaikan masalah pengurusan hasil kerja murid yang tidak terurus.

Mohd. Shizam Othman. (2006) menyatakan kebolegunaan ditakrif sebagai tahap di mana pengguna boleh melaksanakan suatu set tugas yang diperlukan. Beliau juga menyatakan bahawa kebolegunaan selalunya ditafsirkan dengan sejauh mana pengguna berpuas hati menggunakan sesuatu sistem tersebut.

Berdasarkan huraian di atas kebolegunaan fokus kajian saya dapat memudahkan murid dalam aspek penyediaan bahan untuk aktiviti pengajaran dan

pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah. Murid dapat menggunakan hasil kerja mereka pada pengajaran dan pembelajaran yang lepas. Selain itu murid juga akan merasa tidak dibebani dengan kos perbelanjaan bahan yang tinggi.

Dari aspek kawalan, fokus kajian ini dikawal oleh tempoh pelaksanaan kajian tindakan iaitu selama 30 hari (sebulan). Memandangkan tempoh pelaksanaan kajian tindakan terlalu singkat, kajian tidak hanya sempat dilakukan sebanyak dua kitaran. Selain itu ruang lingkup kawasan kajian juga terbatas kepada ruang di dalam bilik darjah sahaja sekolah tempat yang dikaji.

Friend dan Bursuck (1996, seperti dinyatakan dalam Affendi Zakaria, 2007) menyatakan bahawa kolaborasi merupakan satu pendekatan yang digunakan oleh ahli professional untuk mencapai target atau objektif yang telah ditetapkan oleh kumpulan atau organisasi. Bagi mencapai maksud tersebut, segala aktiviti yang melibatkan koordinasi dinamik penyelidikan adalah merupakan satu kolaborasi.

Cook dan Friend (1996, seperti dinyatakan dalam Affendi Zakaria, 2007) menyatakan bahawa kolaborasi hanya dapat ditunjukkan sekiranya kesemua ahli kumpulan yang terlibat dalam proses tersebut memberikan sumbangan bagi memenuhi kehendak dan objektif kumpulan.

Berdasarkan kedua-dua pernyataan tersebut, kolaborasi dalam kajian tindakan penyelidik melibatkan pelbagai pihak iaitu pihak sekolah terutamanya, guru panitia, respondendan rakan-rakan kritikal. Setiap pihak mempunyai tujuan kolaborasinya tersendiri dan seterusnya membantu dalam menjawab persoalan kajian tindakan.

Kerelevanan fokus kajian tindakan ini kepada pihak sekolah yang pertamanya adalah pihak sekolah dapat menjimatkan perbelanjaan kos untuk membeli bahan. Seterusnya ruang meja guru yang sebelum ini penuh dengan hasil kerja murid dapat dikurangkan dan pengurusan hasil kerja murid dapat diuruskan dengan baik. Selain itu kajian ini dapat membantu guru-guru untuk menanggapi masalah murid tidak membawa bahan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

Pelaksanaan penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sedikit sebanyak memberi impak kepada kos perbelanjaan murid sekolah tersebut. Jika sebelum ini ada yang pernah menyatakan mereka tidak mempunyai wang untuk membeli buku kerja akademik, maka dengan penggunaan hasil kerja murid yang lepas ini akan membantu menjimatkan wang para murid di sekolah tersebut. Secara tidak langsung dapat membantu guru mata pelajaran yang lain seperti Bahasa Melayu, Matematik untuk menyelesaikan masalah murid tidak mempunyai wang untuk memiliki buku kerja akademik.

OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian adalah seperti berikut :

- a) Menggurkan beban murid dalam aspek penyediaan bahan melalui penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah.
- b) Mengenalpasti kelebihan dan kelemahan penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah.

Soalan kajian adalah seperti berikut:

- a) Adakah penggunaan hasil kerja murid yang lepas mampu mengurangkan beban murid membawa bahan untuk pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual?
- b) Apakah kelebihan dan kelemahan yang terdapat dalam penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah?

KUMPULAN SASARAN

Kajian ini terbatas kepada murid-murid Tahun 5 tahap 2 iaitu Tahun 5 Erika sahaja di sebuah sekolah rendah di sekitar Miri, Sarawak. Kelas ini mempunyai murid seramai 40 orang yang terdiri daripada 27 orang murid lelaki dan 13 orang murid perempuan. Jadual 1 berikut menerangkan secara ringkas demografi peserta.

Jadual 1 Jadual Demografi Peserta

| Ciri-ciri Demografi | Lelaki | Perempuan | Jumlah |
|----------------------------|--------|-----------|--------|
| Jantina | | | |
| Lelaki | 27 | | 27 |
| Perempuan | | 13 | 13 |
| Bangsa | | | |
| Melayu | 11 | 2 | 13 |
| Melanau | 2 | 2 | 4 |
| Iban | 12 | 6 | 18 |
| Kayan | 1 | 1 | 2 |
| Cina | 1 | 1 | 2 |
| Kenyah | - | 1 | 1 |
| Agama | | | |
| Islam | 13 | 4 | 17 |
| Kristian | 15 | 8 | 23 |
| Pendapatan Keluarga | | | |
| RM0 - RM500 | 13 | 4 | 17 |
| RM500 - RM1000 | 7 | 5 | 12 |
| RM1500 - RM2000 | 2 | 1 | 3 |
| RM2500 dan ke atas. | - | 1 | 1 |

PROSEDUR TINDAKAN

Penyelidik menggunakan model penyelidikan Kurt Lewin (1952) yang diubahsuai. Penyelidik menggunakan dua rancang pengajaran harian dalam tindakan kajian tindakan ini. Tindakan yang dilaksanakan adalah melalui sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dalam jangka masa dua minggu untuk dua sesi pengajaran dan pembelajaran (60 minit setiap sesi).

Langkah pertama ialah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada sesi yang pertama kepada murid Tahun 5 Erika. Sesi pengajaran dan pembelajaran yang pertama dilaksanakan untuk menyediakan produk bagi kegunaan pada minggu seterusnya. Hasil kerja murid yang siap (produk) dibawa ke minggu hadapan untuk digunakan pada minggu ke dua iaitu sesi pengajaran dan pembelajaran yang kedua.


Seterusnya ialah melaksanakan proses pengumpulan hasil kerja murid. Setiap hasil kerja murid yang dikumpul dicatatkan nama dan tarikh murid mengantar. Borang pengumpulan hasil kerja murid diwujudkan bagi memastikan semua murid menghantar hasil kerja murid daripada sesi pengajaran dan pembelajaran yang pertama.

Langkah kedua ialah melaksanakan penggunaan hasil kerja murid yang lepas (produk) untuk digunakan sebagai bahan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran pada sesi kedua iaitu pada minggu seterusnya. Di dalam pelaksanaan ini, penyelidik akan meminta murid mengimbas kembali terlebih dahulu berkenaan pengajaran dan pembelajaran sesi pertama. Seterusnya penyelidik akan menerangkan bagaimana hasil

kerja murid yang lepas digunakan sebagai bahan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran pada sesi kedua tersebut.


Berikut merupakan contoh aktiviti penggunaan hasil kerja murid yang lepas sebagai bahan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

- a) Murid akan menghasilkan kolaj “Bungaku” menggunakan daun kering. Murid akan melekatkan daun kering di atas sekeping kertas sehingga membentuk imej bunga.




Contoh Hasil Kerja Murid Pengajaran dan Pembelajaran
Sesi Pertama “Bungaku”.

- b) Hasil kerja murid yang dihasilkan pada pengajaran dan pembelajaran sesi pertama dikumpul dan direkod menggunakan borang pengumpulan hasil kerja murid. Borang ini mengandungi ruangan nama dan tarikh murid menghantar hasil kerja mereka.




Hasil kerja murid yang
lepas.



Digunakan semula
sebagai plat untuk
cetakan liner.

- c) Pada pengajaran dan pembelajaran sesi kedua, hasil kerja murid semasa sesi pertama digunakan sebagai bahan untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran minggu tersebut.



Plat digunakan untuk proses cetakan.



Produk akhir yang dihasilkan "Kertas Warna Bungaku".

CARA PENGUMPULAN DATA

Borang soal selidik.

Selepas selesai pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran kedua, kesemua murid Tahun 5 Erika dikehendaki menandakan borang soal selidik. Borang ini mempunyai empat aspek utama dan setiap satu aspek tersebut mengandungi empat sub item yang memerlukan jawapan berdasarkan skala 1 hingga 5.

Pemerhatian

Pemerhatian dilaksanakan sepanjang pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran minggu ke dua iaitu sesi kedua. Pemerhatian dilakukan oleh penyelidik, rakan kritikal dan guru panitia Pendidikan Seni sekolah yang dikaji. Pemerhatian ini menggunakan borang pemerhatian yang dibina beserta dengan rubrik borang pemarkahan sebagai panduan semasa membuat pemerhatian.

Temu bual

Temubual dilakukan terhadap guru panitia Pendidikan Seni Visual sekolah yang dikaji. Temu dilaksanakan dengan mengajukan soalan yang dirancang. Jumlah soalan yang diajukan adalah sebanyak empat soalan.

CARA MENGANALISIS DATA

Borang Soal Selidik

Soal selidik merupakan sejenis borang yang perlu diisi untuk menilai keberkesanan penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Soal selidik ini akan diberikan kepada peserta dan akan mengisi

borang tersebut mengikut keikhlasan dan pemahaman peserta masing-masing. Soal selidik digunakan untuk mengenalpasti keberkesanan kajian dan mengenalpasti kelebihan dan kelemahan yang terdapat dalam kajian ini.

Pemerhatian

Pemerhatian merupakan satu borang yang perlu diisi oleh tiga orang pemerhati iaitu pengkaji, rakan kritikal dan guru panitia Pendidikan Seni Visual sekolah yang dikaji. Pemerhatian dilaksanakan sepanjang pelaksanaan penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Hasil dapatan ketiga-tiga pemerhati akan dianalisis dengan membuat pengiraan min keseluruhan item pemerhatian.


Temu Bual

Temu bual merupakan satu instrumen yang digunakan memperolehi respon guru panitia Pendidikan Seni Visual sekolah yang dikaji. Instrumen digunakan untuk mengenalpasti keberkesanan penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah. Selain itu instrumen ini juga digunakan untuk mengenal pasti kelebihan dan kelemahan yang terdapat dalam penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Temu bual ini dilaksanakan selepas pengkaji melaksanakan penggunaan hasil kerja murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Hasil temu bual bersama dengan guru panitia Pendidikan Seni Visual sekolah yang dikaji direkod dengan membuat catatan ringkas kata-kata peserta temubual.

DAPATAN KAJIAN

Soal Selidik

Rajah 1 berikut menjelaskan secara ringkas min keputusan keseluruhan soal selidik:



Rajah 1 Min Keputusan Keseluruhan Soal Selidik

Secara keseluruhan, item 1 iaitu mewakili aspek Pengajaran dan pembelajaran guru mendapat skor min 4.7 maka skor tersebut berada pada kedudukan setuju dengan

keberkesanan penyampaian guru dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan hasil kerja murid yang lepas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.


Item 2 mewakili aspek penghasilan produk akhir yang mana mendapat skor 4.6. Skor tersebut menduduki skala 4 iaitu setuju dengan kemampuan mereka meyiapkan produk akhir menggunakan hasil kerja murid yang lepas.

Item 3 pula mewakili aspek penyediaan bahan untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Skor bagi item ini adalah 4.8. Skor ini menduduki skala 4 iaitu setuju dan hampir menduduki skala 5 iaitu sangat bersetuju dengan kemampuan murid dalam aspek penyediaan bahan yang dibantu dengan penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

Seterusnya adalah item 4 iaitu aspek pengetahuan berkaitan pengajaran dan pembelajaran yang lalu. Aspek ini mendapat skor 4.4. aspek ini menduduki skala 4 iaitu setuju dan hampir-hampir menduduki skala ke 3 iaitu kurang pasti dengan kemampuan mereka mengimbas kembali pengajaran dan pembelajaran semasa minggu pertama.

Pemerhatian

Rajah 1.1 berikut merupakan hasil dapatan pemerhatian oleh tiga orang pemerhati iaitu saya, rakan kritikal dan guru panitia Pendidikan Seni Visual sekolah yang dikaji :



Rajah 1.1 Skor Perbandingan Min Pemerhati Dengan Item

Berdasarkan data yang dinyatakan dalam Rajah 8.1 purata bagi penilaian pencapaian keberkesanan penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah bagi setiap item yang diperhatikan.

Berdasarkan data yang dinyatakan dalam Rajah 8.1, purata bagi penilaian pencapaian keberkesanan penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah adalah seperti berikut :

Purata skala pencapaian penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah

$$\begin{aligned} &= \frac{2 \times 3 + 14 \times 4 + 2 \times 5}{6 \text{ item} \times 3 \text{ orang}} \\ &= \frac{72}{18} \\ &= 4 \end{aligned}$$

Purata skala ini menunjukkan bahawa penggunaan hasil kerja murid dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah secara keseluruhannya adalah baik dan masih belum mencapai tahap cemerlang.

Temubual

Berdasarkan analisis data dan dapatan kajian instrumen temu bual bersama guru panitia Pendidikan Seni Visual sekolah yang dikaji, keberkesanan penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah adalah berkesan dalam mengurangkan beban murid membawa bahan.

Perkara tersebut dijelaskan melalui respon guru panitia Pendidikan Seni Visual terhadap soalan 2:

“Dari aspek penyediaan bahan, murid dapat menjimatkan masa, wang, dan tenaga dapat mengurangkan beban berat yang mereka perlu bawa kerana mereka menggunakan hasil kerja mereka yang lepas sebagai bahan gantian kepada bahan sebenar.”

(Respon Guru Panitia Pendidikan Seni Visual : Soalan 2)

Penyataan tersebut menjelaskan bahawa beban murid dapat dikurangkan melalui penggunaan hasil kerja murid yang lepas berikutan masa, wang, tenaga dan beban berat barang yang perlu mereka bawa.

Selain itu guru panitia Pendidikan Seni Visual tersebut juga menjelaskan kelebihan dan kelemahan yang dikenalpasti melalui penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Perkara ini dijelaskan melalui dua pernyataan berikut:

“Di pihak guru, guru dapat mengurangkan masalah murid yang tidak membawa bahan semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Selain itu guru dapat menjimatkan masa untuk proses tertentu dan berpeluang memberikan fokus yang lebih kepada kemahiran yang ingin diajarkan semasa pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya dengan penggunaan hasil kerja murid yang lepas guru dapat mengurus hasil kerja murid yang lepas dengan baik dan tidak membebankan guru untuk menyimpan hasil kerja mereka yang terlalu banyak. Di pihak murid mereka dapat menjimatkan wang, masa, tenaga dan meringankan beban berat barang yang mereka bawa.”

(Respon Guru Panitia Pendidikan Seni Visual : Soalan 3)

“Di pihak guru, guru perlu menyimpan hasil kerja murid selepas pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran minggu pertama. Sepanjang tempoh penyimpanan tersebut kemungkinan terdapat hasil kerja murid yang rosak, tidak siap, tidak kemas, dan lebih teruk lagi jika murid tidak menghantar hasil kerja mereka. Ini akan membantutkan pengajaran dan pembelajaran minggu kedua guru. Di pihak murid mereka, jika mereka tidak dapat menghadiri pengajaran dan pembelajaran pada minggu pertama, murid tersebut tidak akan mempunyai bahan untuk digunakan untuk minggu seterusnya.”

(Respon Guru Panitia Pendidikan Seni Visual : Soalan 4)

Secara keseluruhannya, hasil temu bual bersama guru panitia Pendidikan Seni Visual sekolah yang dikaji menyatakan bahawa penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah mampu untuk mengurangkan beban murid dalam aspek penyediaan bahan.

REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis data dan dapatan kajian instrumen seperti temu bual bersama guru panitia Pendidikan Seni Visual sekolah yang dikaji, pemerhatian pengajaran dan pembelajaran, dan borang soal selidik, keberkesanan penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah adalah berkesan dalam mengurangkan beban murid membawa bahan.

Secara tidak langsung penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dapat menjimatkan masa, wang dan tenaga murid untuk mencari bahan dan menyediakan bahan. Perkara ini menjelaskan bahawa faktor kos penyediaan bahan mempengaruhi kemampuan murid membawa bahan semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual seperti yang dinyatakan dalam kajian Mohd. Afifudin (2009).

Kelebihan yang terdapat melalui pelaksanaan penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual, murid tidak perlu membuang masa untuk pergi ke pasar atau kebandar untuk membeli barang.

Selain itu murid tidak perlu mengeluarkan sejumlah wang yang besar. Jika sebelum ini ada yang beranggapan bahawa mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran yang membebankan dan melecehkan kerana mereka perlu mengeluarkan duit. Melalui pelaksanaan penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual, persepsi mereka terhadap Pendidikan Seni Visual dan seterusnya menarik minat mereka.

Apabila hasil kerja murid digunakan semula dengan cara yang betul ia akan memberikan kesan terhadap murid itu sendiri. Perkara ini selaras dengan pendapat Rabiatal dan Lela (1992) yang menyatakan bahawa setiap bahan mempunyai cara penggunaan dan memberi kesan terhadap kaedah dan teknik pengajaran guru.

Beban berat yang dibawa sebelum ini ditambah dengan bahan-bahan yang diarahkan oleh guru akan menambahkan beban berat barang yang perlu dibawa oleh murid. Dengan penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual, beban berat bahan yang perlu dibawa dapat dikurangkan.

Seterusnya dengan penggunaan hasil kerja murid yang lepas dapat mendedahkan mereka kepada penggunaan semula produk yang dihasilkan menjadi produk yang baru. Secara tidak langsung nilai pelestarian dapat diterapkan. Selaras dengan pendapat Rabiatal dan Lela (1992) yang menyatakan bahawa bahan merupakan satu faktor utama dalam mempelbagaikan rangsangan murid disamping mengalihkan tumpuan murid kepada perkara yang bermakna.

Hasil dapatan dan analisis kajian melalui pemerhatian dan soal selidik, penggunaan hasil kerja murid yang lepas hanya dapat dilaksanakan selama dua minggu sahaja. Kelemahan akan wujud sekiranya penggunaan hasil kerja murid dilaksanakan dalam masa tiga minggu kerana dikhuatiri murid tidak hadir dan salah satu minggu tersebut dan produk yang lepas tidak dapat digunakan.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Cadangan untuk kajian seterusnya dicadangkan agar kajian ini dijalankan terhadap murid Tahun 4 dan Tahun 6. Ini bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan penggunaan hasil kerja murid yang lepas terhadap murid Tahun 4 dan Tahun 6.

Selain itu penyelidik ingin mencadangkan agar kajian penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual

Sekolah Rendah ini dilaksanakan di sekolah luar bandar. Cadangan ini diusulkan berikutan sekolah yang dikaji dalam kajian ini merupakan sekolah di dalam bandar. Tujuan cadangan ini diusulkan adalah untuk meninjau keberkesanan kajian ini di kalangan murid luar bandar yang rata-rata mempunyai latar belakang sosioekonomi yang rendah. Seterusnya penyelidik ingin mencadangkan agar kajian ini dijalankan di sekolah pendalaman. Ini bertujuan untuk menguji keberkesanan penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual terhadap murid-murid pendalaman.

Cadangan seterusnya bagi pelaksanaan aktiviti adalah melaksanakan aktiviti penggunaan hasil kerja murid yang lepas secara berpasangan dan berkumpul. Cadangan ini bertujuan untuk mengesan keberkesanan aktiviti berpasangan dalam penggunaan hasil kerja murid yang lepas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah. Seterusnya sistem merekod penghantaran hasilkan kerja murid yang lepas sebelum digunakan dicadangkan. Ini bertujuan untuk memastikan murid menghantar kerja mereka. Borang pengumpulan hasil kerja murid dicadangkan dalam kajian seterusnya.

RUMUSAN

Setiap individu mempunyai latar belakang sosio ekonomi yang pelbagai. Kepelbagaian ini secara tidak langsung memberi kesan kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru. Penggunaan hasil kerja murid yang lepas merupakan salah satu titik tolak dalam mengurangkan beban murid terutamanya kepada murid yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan mempunyai tanggungan anak yang ramai. Sebagai guru adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk memastikan murid mereka mendapat hak untuk berjaya dalam apa jua yang mereka lalui.

RUJUKAN

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002) *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd. Afiffudin b. Mohd. Takiudin. (2009). *Mengapa pelajar kurang meminati subjek seni*. Tesis tidak diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia.
- Mok Soon Sang. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan perancangan dan pelaksanaan penyelidikan tindakan*: Kuala Lumpur; Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mohd. Shizam Othman. (2006). *Pembangunan aplikasi web menggunakan active server pages*. Johor: Muapakat Jaya Percetakan Sdn. Bhd.

PELAKSANAAN AKTIVITI MEWARNA DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL

Rozziana Binti Ismali

Nelson Tandang Anak Edwin Unting

ABSTRAK – Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk melaksanakan aktiviti mewarna di kalangan murid sekolah rendah Tahun 5 dalam pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Peserta terdiri daripada 27 orang peserta di sebuah sekolah rendah di Miri, Sarawak. Borang soal selidik, borang pemerhatian, temubual dan hasil kerja murid merupakan alat pengumpulan data kajian. Kaedah penganalisan dapatan penyelidikan ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Penyelidikan tindakan mendapati murid berada dalam lingkungan sederhana tinggi dan tinggi dalam aktiviti mewarna. Faktor sikap murid sendiri adalah penyebab kepada kurang mahir semasa peserta mewarna. Faktor guru bukan opsyen juga mempengaruhi asas mewarna peserta. Kesimpulan kajian ini mendapati bahawa kemahiran murid mewarna dipengaruhi media pengajaran, kaedah, pendekatan dan teknik pengajaran guru.

ABSTRACT – Action research was conducted to carry out painting activity among primary school pupils in Years 5 in learning Visual Arts. Participants consisted of 27 pupils from primary school in Miri, Sarawak. Data being collected by questionnaire, observation, interviews and through student work. To analyze the data of this research uses both quantitative and qualitative methods. Their achievement is in the range of moderately high to high. Students' own attitude is the cause of the less skilled in coloring. Non option Visual Art Education teachers also affect the basic painting skills of participants. To conclude this study found that students painting skills was affected by media used, teaching methods, approach and techniques.

PENGENALAN

Pendidikan Seni Visual merupakan satu mata pelajaran yang dapat memberi kebebasan murid untuk menghasilkan sesuatu karya yang lebih kreatif, inovatif dan imaginatif. Dalam sukatan pelajaran Pendidikan Seni Visual terdapat empat bidang kegiatan iaitu menggambar, membuat corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan dan mengenal kraf tradisional. Keempat-empat bidang yang terkandung dalam sukatan pelajaran, penggunaan warna merupakan unsur seni reka yang penting semasa melaksanakan keempat bidang ini. Oleh hal denikian, penyelidik telah memilih untuk melaksanakan tindakan dalam aktiviti mewarna. Pelaksanaan aktiviti mewarna yang akan dilaksanakan meliputi tiga kemahiran iaitu penggunaan media, ton dan campuran warna.

Dalam sukatan pelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah disusun dalam empat bidang kegiatan iaitu menggambar, membuat corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan dan mengenal kraf tradisional. Dalam kajian penyelidik, bidang kegiatan yang telah penyelidik laksanakan ialah bidang menggambar dan membentuk dan

membuat binaan. Bidang yang berbeza dilaksanakan pada dua kitaran untuk mengelakkan kebosanan kepada peserta untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang telah dirancang. Setiap bidang dalam Pendidikan Seni Visual, warna merupakan unsur seni reka yang memainkan peranan yang penting dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan oleh murid-murid. Ini kerana dengan adanya warna, objek atau subjek yang dihasilkan nampak lebih menarik dan cantik. Pengolahan warna kelihatan menarik dan bersesuaian bergantung dengan kreativiti individu seorang murid untuk mengolahnya.

Zakaria (1984 : 22), Ibrahlim (2000) dan Mat Desa (2000 : 68-72) berpendapat mata pelajaran Pendidikan Seni dianggap tidak penting, tidak memberi faedah, membosankan, tiada peperiksaan, maka tidak perlu belajar. Malahan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual kurang meyakinkan. Ini bermakna jika dibiarkan mata pelajaran tersebut mungkin tidak mempunyai nilai dalam kurikulum. Pernyataan ini memberi gambaran kepada penyelidik bahawa mata pelajaran Pendidikan Seni Visual tidak penting dan tidak mendatangkan faedah untuk diikuti. Pendapat daripada tokoh ini memberi gambaran kepada penyelidik bahawa mata pelajaran Pendidikan Seni Visual tidak penting dan tidak memberi faedah kepada murid-murid. Penyelidik juga mendapati peserta kajian penyelidik kurang mahir dengan aspek mewarna yang menjadi fokus kajian penyelidik. Oleh hal demikian, penyelidik telah berkeputusan untuk menjalankan penyelidikan tindakan berkaitan pendedahan aktiviti mewarna dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Pendedahan aktiviti mewarna yang dilaksanakan ialah menerapkan cara mewarna iaitu ton warna, campuran warna dan penggunaan pelbagai media. Penyelidikan tindakan yang dilaksanakan oleh penyelidik dilaksanakan dalam dua kitaran untuk melihat perubahan mewarna mereka semasa menjalankan aktiviti mewarna.

LOKASI KAJIAN

Bandar Miri merupakan lokasi kajian yang dipilih oleh penyelidik. Sekolah yang dipilih merupakan sekolah kebangsaan yang dibantu dan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan. Lokasi kajian juga merupakan sekolah di sebuah perkampungan yang majoritinya penduduk berbangsa kedayan, beragama Islam. Sekolah ini terletak di tengah-tengah perkampungan penduduk yang berbangsa kedayan. Di samping itu juga, terdapat murid yang berbangsa Iban, Cina dan juga kaum bumiputera Sarawak.

DEMOGRAFI PESERTA KAJIAN

Berikut merupakan kumpulan sasaran yang melibatkan penyelidikan tindakan yang dilaksanakan oleh penyelidik. Jadual 1 merupakan jadual demografi peserta penyelidikan tindakan.

Jadual 1 Demografi Peserta Kajian


| Umur | Jantina | | Bangsa | | |
|----------|-----------|----------|--------|----------|-----------|
| 11 Tahun | Lelaki | 13 Orang | Melayu | 24 Orang | Lain-lain |
| 27 Orang | Perempuan | 14 Orang | Iban | 2 Orang | - |
| | | | Cina | 1 Orang | |
| | Jumlah | 27 Orang | Jumlah | 27 Orang | |

Pelaksanaan kajian tindakan ini melibatkan bilangan peserta seramai 27 orang di mana bilangan murid perempuan seramai 14 orang dan 13 orang murid lelaki. Peserta terdiri daripada murid kelas 5 Bestari yang berumur 11 tahun di salah satu sebuah sekolah di bandar Miri, Sarawak.

Prestasi peserta kajian merupakan murid yang mempunyai tahap akademik yang baik dan tahap disiplin yang masih dapat dikawal. Umur peserta kajian merupakan murid-murid yang berumur 11 tahun. Pencapaian akademik murid-murid pada tahap yang baik berdasarkan keputusan Ujian Progresif 1 yang telah peserta lalui. Jadual 1 menunjukkan demografi peserta kajian secara umum.

CARA MENGUMPUL DATA

Semasa penyelidik melaksanakan penyelidikan tindakan sebanyak dua kitaran, penyelidik telah menggunakan borang soal selidik, borang pemerhatian, temubual guru dan hasil kerja murid sebagai bukti murid telah mahir mewarna menggunakan pelbagai media. Di samping itu juga, penyelidik menjalankan refleksi sendiri dan catatan harian berkaitan dengan sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.



Rajah 1 Cara Pengumpulan Data

Soal Selidik

Rasional borang soal selidik digunakan untuk mengumpul data kerana penyelidik ingin mengetahui sejauh manakah penilaian sesi pengajaran dan pembelajaran telah dilaksanakan. Borang soal selidik skala likert dengan binaan lima skala telah diberikan kepada peserta kajian. Terdapat 8 item yang dibina untuk soal selidik skala lima likert. Pada asasnya, skala likert menggunakan 5 skala iaitu 1 sangat tidak setuju, 2 tidak setuju,

3 tidak pasti, 4 setuju, 5 sangat setuju. Soal selidik yang dibina terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A, maklumat peserta dan bahagian B item-item soal selidik. Bahagian A merupakan maklumat ringkas peribadi peserta iaitu jantina dan bangsa. Bahagian B mengandungi butiran item-item soal selidik yang merangkumi aspek aktiviti mewarna Cara menganalisis data yang digunakan oleh penyelidik dengan merujuk kepada Alias Baba (1999) untuk menganalisis dapatan kajian. Menurut Alias Baba (1999), statistik untuk pengukuran penyelidikan dalam pendidikan adalah berdasarkan skala dan tahap berikut :

Jadual 1 Skala dan tahap ukuran analisis data soal selidik

| Skala | Tahap |
|-------------|------------------|
| 1.00 – 2.00 | Rendah |
| 2.01 – 3.00 | Sederhana Rendah |
| 3.01 – 4.00 | Sederhana Tinggi |
| 4.01 – 5.00 | Tinggi |

Jadual 2 merupakan jadual item-item soal selidik yang mengandungi aspek aktiviti mewarna yang dijalankan.

Jadual 2 Item borang soal selidik

| Bil | Item |
|-----|---|
| 1. | Saya mahir membuat penerokaan menggunakan pelbagai media (contoh : pensel warna, warna air, krayon) semasa mewarna. |
| 2. | Saya mahir melaksanakan aktiviti ton warna. |
| 3. | Saya mahir menjalankan aktiviti mewarna dengan bantuan guru |
| 4. | Saya mahir mencampurkan dua warna untuk subjek yang diwarnakan. |
| 5. | Saya mahir mencampurkan warna dengan warna asas (merah, biru dan kuning) |
| 6. | Saya mahir mewarna menggunakan pensel warna. |
| 7. | Saya mahir mencampur dengan pelbagai warna. |

Pemerhatian

Kaedah pemerhatian terhadap hasil kerja murid-murid dijalankan di dalam kelas untuk melihat kemahiran mewarna murid semasa melaksanakan aktiviti Pendidikan Seni Visual. Pemerhatian yang dilakukan oleh guru Pendidikan Seni Visual kelas untuk melihat sendiri amalan peserta di dalam melaksanakan aktiviti. Semasa menjalankan pemerhatian, penyelidik akan berusaha untuk mengesan sejauh manakah amalan pengajaran penyelidik dapat meningkatkan kreativiti mewarna murid-murid. Jadual 3 merupakan item pemerhatian yang digunakan oleh penyelidik semasa menjalankan tindakan.

Jadual 3 Item borang pemerhatian

| Bil. | Perkara / item |
|------|--|
| 1. | Set induksi yang digunakan sesuai dan berjaya menarik perhatian murid. |
| 2. | Semasa proses perkembangan pelajaran dapat membantu murid memahami konsep dengan jelas. |
| 3. | Murid dapat mengaplikasikan teknik mewarna yang diterangkan semasa peringkat perkembangan. |
| 4. | Murid aktif semasa menjalankan aktiviti mewarna. |
| 5. | Murid menunjukkan kreativiti semasa mewarna. |
| 6. | Murid dapat menghasilkan campuran warna daripada pelbagai warna supaya kelihatan subjek sebenar. |

Temubual

Temubual juga dilakukan untuk memantapkan dan menyokong penilaian terhadap hasil kerja peserta. Temubual melibatkan pertemuan penyelidik dan guru untuk tujuan mendapatkan maklumat. Untuk mendapatkan maklumat tersebut, penyelidik perlu menyediakan alat kajian. Alat kajian terdiri daripada soalan-soalan yang disediakan oleh penyelidikan dan diajukan secara lisan. Berdasarkan interpretasi temubual yang telah dibincangkan, maka penyelidik akan menjalankan temubual semi berstruktur supaya dapat memperoleh maklumat dan dikodkan sebagai data untuk bukti dapatan kajian.

Jadual 4 Soalan- soalan temubual

| Bil | Soalan |
|-----|---|
| 1. | Adakah tunjuk cara yang digunakan oleh guru dapat difahami semasa guru memberi penerangan cara mewarna semasa menjalankan aktiviti mewarna? |
| 2. | Apakah masalah semasa menjalankan aktiviti mewarna dalam Pendidikan Seni Visual? |
| 3. | Apakah kelebihan pengajaran dan pembelajaran aktiviti mewarna pada hari ini. |
| 4. | Apakah kelemahan pengajaran dan pembelajaran aktiviti mewarna hari ini? |
| 5. | Apakah cadangan untuk mengatasi masalah yang timbul? |

Hasil Kerja Murid

Refleksi sendiri dibuat adalah untuk mengkaji dan memperbaiki kualiti pengajaran penyelidik. Di samping itu juga, Gambar hasil karya peserta juga dikumpul untuk bukti penyelidikan tindakan penyelidik. Gambar tersebut diambil sebagai bahan bukti penyelidik menjalankan penyelidikan tindakan. Di samping itu juga, penyelidik ingin melihat perubahan kitaran pertama dan kitaran kedua adakah pendedahan aktiviti mewarna dalam

pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual meningkatkan kemahiran mewarna mereka.

DAPATAN KAJIAN

Hasil analisis daripada dapatan kajian, dapatan menunjukkan perancangan yang disediakan oleh penyelidik dapat dicapai dan peserta dapat menguasai pendedahan aktiviti mewarna yang telah ditunjukkan kepada peserta. Keputusan kajian yang telah dilaksanakan oleh penyelidik juga secara langsung mencapai objektif kajian penyelidik iaitu merancang persediaan mengajar dan melaksanakan untuk membantu murid-murid semasa menjankan aktiviti mewarna. Objektif kajian kedua pula ialah, penyelidik dapat membantu murid melaksanakan aktiviti mewarna dengan menggunakan pelbagai media semasa mereka menjalankan aktiviti mewarna dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

Dapatan Soal Selidik

Hasil dapatan menunjukkan peserta dapat mengaplikasikan cara mewarna pada tahap yang baik setelah dilaksanakan dengan aktiviti mewarna semasa tindakan dijalankan. Berdasarkan soal selidik yang telah digunakan penyelidik mendapati keputusan dapatan bahawa peserta dapat mengaplikasikan kemahiran mewarna yang telah ditunjukkan. Peserta dapat menggunakan pelbagai media semasa menjalankan aktiviti mewarna. Bukti-bukti pelaksanaan kajian ini merujuk kepada keputusan dapatan soal selidik yang telah digunakan oleh penyelidik selepas menjalankan tindakan. Hasil daripada keputusan kajian secara tidak langsung dapat membuktikan bahawa objektif kajian penyelidik iaitu membantu murid untuk meningkatkan kemahiran mewarna melalui pelaksanaan aktiviti mewarna yang telah dijalankan ternyata berjaya dengan skor min pada tahap yang tinggi dan sederhana tinggi.

Dapatan Pemerhatian


Dapatan pemerhatian telah dilaksanakan oleh penyelidik sendiri, rakan kritikal dan pakar Pendidikan Seni Visual iaitu guru yang mengajar mata pelajaran tersebut. Berdasarkan dapatan pemerhatian konklusinya dapat menjelaskan bahawa pendedahan aktiviti mewarna murid dapat dilaksanakan dengan kaedah dan pendekatan penyelidik semasa melaksanakan tindakan. Peserta juga dapat mengaplikasikan cara mewarna yang diterangkan oleh penyelidik semasa peringkat perkembangan pengajaran dan pembelajaran. Penglibatan murid juga menunjukkan mereka aktif semasa melaksanakan aktiviti mewarna. Peneguhan positif yang digunakan oleh penyelidik terbukti berkesan apabila peserta dapat melaksanakan aktiviti mewarna dengan baik walaupun terdapat sebilangan peserta yang perlu dibantu sepenuhnya. Terdapat perubahan tingkah laku semasa mereka melaksanakan aktiviti mewarna iaitu mereka aktif dan minat untuk melaksanakan aktiviti mewarna.

Dapatan Temu Bual

Hasil temubual bersama pakar Pendidikan Seni Visual (guru) juga mendapati penyelidik dapat melaksanakan penyelidikan tindakan ini dan ternyata berhasil melalui perubahan tingkah laku murid iaitu mereka minat dan aktif semasa melaksanakan aktiviti mewarna iaitu dalam bidang menggambar dan membentuk dan membuat binaan. Walaupun terdapat kelemahan yang didapati, namun penyelidik dapat melaksanakan tindakan dengan baik dengan menggunakan alternatif yang bersesuaian dengan tahap perkembangan murid-murid.

Dapatan Hasil Kerja Murid

Dapatan hasil kerja murid didapati peningkatan mereka semasa menjalankan aktiviti mewarna dapat dilihat. Kemahiran-kemahiran yang didedahkan semasa aktiviti mewarna dapat diaplikasi semasa proses menjalankan aktiviti mewarna. Dapatan hasil kerja murid membuktikan terdapat perubahan semasa menjalankan aktiviti mewarna yang menggunakan pelbagai media. Rubrik pemarkahan hasil daripada hasil kerja murid dinilai untuk melihat sejauh mana pendedahan aktiviti mewarna dapat meningkatkan kemahiran mewarna mereka. Rubrik pemarkahan dibina untuk dijadikan sebagai rujukan memberi markah kepada murid.



Rajah 2 Graf Peratusan Hasil Kerja Murid

Berdasarkan graf tersebut didapati peratusan murid yang mendapat A, tahap cemerlang adalah 29.6 peratus. Gred B pada tahap sederhana 59.3 peratus. Manakala gred C, iaitu tahap lemah mencatat 11.1 peratus. Peratusan ini merupakan kitaran pertama

penyelidikan tindakan. Kitaran kedua penyelidikan tindakan mendapati peningkatan dalam aktiviti mewarna peserta iaitu 55.5 peratus yang mendapat gred A, manakala gred B menunjukkan peratusan sebanyak 40.7 peratus. Gred C pula mencatat 3.8 peratus. Kitaran pertama dan kitaran kedua penyelidikan tindakan yang telah dilaksanakan penyelidik didapati meningkat. Peningkatan ini berlaku berkemungkinan kaedah dan strategi pengajaran penyelidik yang berbeza dapat merubah peningkatan mewarna para peserta.

PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa peserta kajian sudah mahir mewarna dengan menggunakan pelbagai media seperti pensel warna, campuran warna dan ton warna. Pernyataan ini berdasarkan penyelidikan tindakan penyelidik pada kitaran pertama dan kitaran kedua. Penyelidik mendapati data-data dianalisis oleh Perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) terdapat peningkatan skor dalam min kitaran pertama dan kitaran kedua.

Pada keseluruhannya, kemahiran mewarna peserta kajian menunjukkan peningkatan dan menyukai hasil kerja mewarna mereka walaupun dikritik oleh rakan sebaya. Sebaliknya, jika diberikan tunjuk ajar yang betul peserta berkeyakinan boleh menghasilkan kerja-kerja mewarna yang bermutu. Keadaan ini menunjukkan peserta masih berminat untuk mempertingkatkan kemahiran mewarna bagi memperbaiki kelemahan mereka.

Peserta kajian sebenarnya lebih menyukai aktiviti mewarna secara berkongsi warna dengan rakan-rakan lain. Latihan ini tidak akan membebaskan mereka, malah tidak membimbangkan jika olahan warna tidak menepati kehendak guru. Keadaan ini secara tidak langsung memberi gambaran mereka inginkan kerjasama guru dan rakan semasa aktiviti mewarna dijalankan. Pada masa yang sama juga memberi gambaran berkongsi warna semasa aktiviti mewarna peserta mengharapkan orang lain membawa peralatan mewarna. Jika keadaan ini berterusan ada kalangan peserta tidak akan membawa peralatan mewarna yang diperlukan. Proses pembelajaran juga akan terganggu. Berdasarkan penyelidikan tindakan pertama dan kedua penyelidik, hasil penyelidikan didapati peserta berkemahiran dalam mewarna didapati berada pada tahap sederhana tinggi dan tinggi. Keadaan ini menunjukkan bahawa pendedahan yang cukup diberikan oleh pihak guru.

Hasil penyelidikan menunjukkan peserta kajian mahir mewarna dengan adanya pendedahan, teknik dan kaedah yang digunakan oleh penyelidik semasa melaksanakan tindakan. Oleh itu, usaha untuk meningkatkan kemahiran mewarna murid mestilah dipupuk rasa minat, kerjasama dan kemahiran murid pada peringkat awal lagi.

PENUTUP

Dalam melaksanakan penyelidikan tindakan banyak perkara diperlukan. Menurut Dr. Jamaliah Kamal dalam kertas kerjanya yang bertajuk “Guru Sebagai Penyelidik – Ke arah Pengajaran Berlandaskan Bukti” yang dibentang dalam Seminar Penyelidikan Pendidikan Maktab Perguruan Perlis, penglibatan diri dalam penyelidikan memerlukan 5C yang membawa konotasi makna *commitment, collaboration, concern, consideration and change* (2003, seperti yang dinyatakan dalam Judin Ahmad dan Jaafar Mahmud, 2003)

Penglibatan dalam penyelidikan sememangnya memerlukan komitmen yang tinggi daripada guru yang bertindak sebagai penyelidik. Di samping itu, kerjasama daripada rakan sejawat dan murid-murid juga amat diperlukan bagi melancarkan lagi tindakan yang dijalankan. Walaupun terpaksa mengkaji bersendirian, penyelidik tidak pernah berputus asa dalam mencari maklumat sehinggalah selesai kajian ini dibuat. Setiap penyelidik perlulah akur dengan dapatan yang diperolehi daripada penyelidikan tindakan dan perlu bersedia untuk melakukan perubahan demi kecemerlangan murid-murid. Walaupun banyak kekangan masa yang dihadapi, umpamanya tugasan lain yang terpaksa memerlukan perhatian dan tindakan untuk melunaskannya.

Tindakan selanjutnya selepas ini, mempratikkan apa yang telah dirancang dan meneruskan kajian ini untuk peserta kajian pada tahap satu. Harapan penyelidik pada masa akan datang agar dapat menjalankan kajian murid yang lain pula selain penyelidik akan meneruskan kemahiran mewarna dalam pengajaran dan pembelajaran. Tujuannya, adalah untuk meningkatkan kemahiran dalam pelaksanaan aktiviti mewarna Pendidikan Seni Visual terutamanya.

Pada masa akan datang penyelidikan tindakan ini boleh diteruskan dan dipertimbangkan oleh kementerian kerana penyelidik mendapati pendedahan aktiviti mewarna dapat menyuburkan bakat sedia ada murid. Di samping itu juga, guru yang berkenaan juga boleh meneruskan bidang penyelidikan tindakan ini kerana guru perlu berusaha untuk mempertingkatkan mutu pengajaran Pendidikan Seni Visual dalam aktiviti mewarna. Hasil kajian yang penyelidik jalankan pendedahan aktiviti mewarna ini memberi manfaat yang baik kepada murid dan penyelidik akan meneruskan kemahiran mewarna dalam pelbagai bidang yang terdapat pada Pendidikan Seni Visual. Apa yang penyelidik lakukan untuk kebaikan peserta kajian dan penyelidik dapati mereka dapat menerima cara baru. Walaupun mereka kurang didedahkan dengan kemahiran mewarna ini, namun mereka tetap mencuba dan akhirnya mendapat hasil yang sangat memuaskan. Terdapat juga peserta kajian yang masih keliru dan akan dibimbing berterusan sehingga memperoleh apa yang diharapkan oleh penyelidik.

RUJUKAN

- Abd Aziz Itar. (2010, Ogos 28). *Industri kreatif sumbang 6 billion*. Utusan Malaysia, hlm 24
- Alias Baba. (1999). *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia : Bangi.
- Choong Lean Keow. (2008). *Murid dan alam belajar*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd : Kuala Lumpur.
- Judin Ahmad, Jaafar Mahmud. (2003). *Kajian keberkesanan pendekatan berkumpulan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual*. Jurnal Penyelidikan MPSAH, 28 – 44.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Kasran Haji Mat Jiddin. (2007). *Tinjauan kefahaman warna dalam pembelajaran Pendidikan Seni Visual pelajar-pelajar Tingkatan Dua*. Jurnal Pradigma, 122 - 131
- Kathleen Chee. (2006). *SPM Fokus U Pendidikan Seni Visual*. Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd : Selangor Darul Ehsan.
- Kementerian Pelajaran Malaysia.. (2002). *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual (KBSR) Tahun 1 – 6* : Pusat Perkembangan Kurikulum, Kuala Lumpur.
- Mat Desa Mad Rodzi. (1999). *Prosiding, isu-isu pendidikan negara, Tema : Pendidikan memimpin Abad ke 21, isu Dasar, falsafah dan matlamat Jilid 1* : Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Md. Nasir Ibrahim, Prof Madya Iberahim Hassan. (2003). *Pendidikan Seni untuk maktab & universiti*. Pts Publication Sdn Bhd : Pahang Darul Makmur.
- Mohd Johari Ab. Hamid. (2006). *Asas seni visual*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris : Tanjong Malim.
- Mohd Johari Ab. Hamid. (2004). *Falsafah dan kritikan seni*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris : Tanjong Malim.
- Mok Soon Sang. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan perancangan dan pelaksanaan penyelidikan tindakan* : Penerbit Multimedia : Selangor Darul Ehsan.
- Omardin Ashaari. (1999). *Pengajaran kreatif Untuk pembelajaran aktif* : Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur.

PENGUNAAN SENI BUDAYA KOMUNITI IBAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL BIDANG KRAF TRADISIONAL

Timothy Dylan Ak Frankie

Chua Leong Chee

ABSTRAK – Tujuan kajian adalah melihat penggunaan muzik tradisional Etnik Iban dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual bidang kraf tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran murid. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk memperbaiki amalan praktis guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan melalui pelaksanaan muzik dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Peserta kajian ini terdiri daripada 28 orang murid Tahun 4 dari sebuah sekolah rendah di Bahagian Miri. Data dikumpulkan dengan menggunakan borang senarai semak, penilaian hasil kerja murid, temu bual dan catatan refleksi penyelidik selepas sesi pengajaran dan pembelajaran. Dapatan analisis hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan muzik tradisional dapat mengoptimumkan pengajaran dan pembelajaran serta dapat menarik minat murid untuk turut serta dalam sesi pengajaran dan pembelajaran tersebut.

ABSTRACT – The purpose of this study was to see the use of ethnic Iban traditional music in the teaching and learning of Visual Arts in the field of traditional crafts of teaching and learning of students. In addition, this study also aims to improve teachers' practice during the practical teaching and learning through music in the process of teaching and learning of Visual Arts. Participants in this study were 28 Year 4 pupils from a primary school in Miri Division. Data collected using the checklist, assessment of student's works, interviews and researcher reflection records after teaching and learning. The findings of the analysis results showed that the use of traditional music teaching and learning can be optimized to attract teachers and students to participate in teaching and learning session.

Keyword : Eksplorasi, minat, muzik tradisional.

Paper Type : Research Paper.

PENDAHULUAN

Eksplorasi penggunaan muzik tradisional Etnik Iban dalam pendidikan seni visual Bidang Kraf Tradisional secara tidak langsung akan dapat membantu murid memahami aspek sesuatu budaya yang terdapat di dalam negara kita ini serta dapat menarik minat mereka terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

Seni visual merupakan rekod pencapaian manusia, kerana ia merupakan manifestasi nilai dan kepercayaan manusia yang diinspirasikan atau dijelmakan melalui karya seni atau bentuk-bentuk seni. Penelitian yang kritikal terhadap bentuk-bentuk seni

yang ada di sekeliling kita boleh mendorong kita untuk memahami budaya masa silam, budaya kini dan akan datang. Dengan perkataan lain, ia membuat kita menilai atau mendorong untuk membuat refleksi tentang nilai dan kepercayaan bertali arus dengan perkembangan dan kemajuan sesuatu bangsa. Inilah sebahagian daripada nilai pendidikan yang disumbangkan oleh Pendidikan Seni Visual (Hassan dan Roskang, 2004).

Dengan penggunaan muzik Tradisional Etnik Iban tersebut, adalah diharapkan pemahaman murid-murid mengenai apa itu kraf tradisional mencorak akan menjadi lebih jelas lagi. "Muzik membantu pembelajaran dan pengajaran, muzik juga dapat membina identiti individu serta identiti budaya bangsa" (Nick Page, 1995). Secara tidak langsung, ianya akan memudahkan sesi pengajaran yang dijalankan oleh penyelidik. Selain daripada dapat menambahkan pemahaman murid-murid, ianya juga diharap dapat menarik minat serta perhatian murid terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran yang dirancang. Menurut Linde (1999), penggunaan muzik dalam sesi pengajaran dapat mempertingkatkan daya pemahaman serta minat murid dalam mengikuti aktiviti pengajaran yang dijalankan.

FOKUS KAJIAN

Dalam kajian tindakan yang penyelidik jalankan, penyelidik menggunakan sebuah muzik Tradisional Etnik Iban, iaitu " Ngajat Tampi(Tarian Wanita Iban)". Ngajat Tampi ini merupakan salah satu daripada jenis muzik Tradisional Etnik Iban. Muzik ini lebih kepada mengetengahkan alunan bunyi paluan daripada peralatan-peralatan tradisional seperti, gendang, "**engkerumong**", (iaitu sejenis alat paluan yang mempunyai banyak piring untuk dipukul dalam menghasilkan bunyi yang berbeza), dan **tawak**, (iaitu sejenis gong masyarakat Iban). Penyelidik menggunakan komputer riba untuk memainkan muzik tradisional tersebut. Muzik tradisional Etnik Iban tersebut akan dimainkan sepanjang masa pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung. Walau bagaimanapun, nada muzik akan direndahkan apabila penyelidik sedang membuat penerangan mengenai aktiviti seni yang akan dijalankan bersama murid.

Merujuk kepada Kamus Dewan, eksplorasi bermaksud, **penjelajahan ke lapangan untuk mencari sesuatu**. Maksud tersebut telah jelas menekankan bahawa eksplorasi penggunaan muzik Tradisional Etnik Iban membawa maksud penerokaan sesuatu yang baru terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual kepada guru dan murid-murid secara amnya. Tujuan penerokaan tersebut juga adalah untuk melihat kelebihan serta kelemahan sesi pengajaran Pendidikan Seni Visual apabila penyelidik membuat eksplorasi penggunaan muzik Tradisional Etnik Iban dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk :

- i. mengeksplorasikan penggunaan muzik tradisional Etnik Iban dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual bidang Kraf Tradisional,
- ii. memperbaiki amalan praktis guru melalui pelaksanaan muzik tradisional Etnik Iban dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah berhasrat untuk menjawab beberapa persoalan kajian yang telah dikemukakan iaitu :

- i. apakah reaksi murid terhadap penggunaan muzik tradisional Etnik Iban dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual bidang kraf tradisional?
- ii. apakah kelebihan dan kelemahan pelaksanaan muzik tradisional Etnik Iban dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual?

KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran dalam kajian ini telah melibatkan sebanyak 28 orang peserta daripada Kelas 4B dari sebuah sekolah di Bandar Miri. Selain itu, kajian ini juga telah melibatkan seorang guru Pendidikan Seni Visual yang mengajar di sekolah tersebut.

Jadual 1 Demografi Peserta


| KELAS 4B | LELAKI | PEREMPUAN | PERATUS |
|----------------|--------|-----------|---------|
| JANTINA | 18 | 10 | 100% |
| BANGSA | | | |
| Iban | 6 | 4 | 35.7% |
| Melayu | 2 | 4 | 21.4% |
| Cina | 5 | 1 | 21.4% |
| Kelabit | 3 | 0 | 10.7% |
| Kenyah | 0 | 1 | 3.57% |
| Kayan | 1 | 1 | 7.14% |

Jadual 1 menunjukkan demografi bagi peserta kelas 4B. Peserta kajian terdiri daripada 18 (64.3%) orang lelaki dan 10 (35.7%) orang perempuan. Daripada 28 orang peserta tersebut, 10 (35.7%) adalah terdiri daripada kaum Iban, 6 (21.4%) kaum Melayu, 6 (21.4%) kaum Cina, 3 (10.7%) kaum Kelabit, 1 (3.5%) kaum Kenyah, dan 2 (7.14%) kaum Kayan. Prestasi pencapaian akademik peserta Tahun 4B ini adalah pada peringkat sederhana.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Beberapa langkah telah diambil oleh penyelidik dalam melaksanakan kajian ini. Antaranya ialah seperti tinjauan masalah bagi memastikan masalah yang dihadapi oleh penyelidik dalam pengajaran dan pembelajaran sehingga menjejaskan prestasi guru dan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kemudian penyelidik telah menganalisis masalah yang dihadapi dan diikuti oleh tindakan serta perancangan pelaksanaan yang akan dilakukan.

Dalam membuat pelaporan langkah-langkah tindakan, penyelidik telah menggunakan model daripada Kurt Lewin untuk menjalankan kajian. Penyelidik menjalankan sebanyak dua pusingan berdasarkan pelaporan langkah-langkah tindakan yang diambil melalui model Kurt Lewin. Selain itu juga, penyelidik mengadaptasi proses penyelidikan tindakan model Kurt Lewin seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1



Rajah 1 Model Kajian Tindakan Kurt Lewin

CARA PENGUMPULAN DATA

Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada kaedah pengumpulan data secara kualitatif dan kuantitatif. Bagi data kualitatif, kaedah pengumpulan data adalah secara temubual dan catatan refleksi penyelidik. Bagi data kuantitatif pula, kaedah pengumpulan data adalah secara borang senarai semak murid dan penilaian hasil kerja murid.

i. Temubual

Temubual dijalankan bersama dengan guru pembimbing dan juga rakan kritikal. Penyelidik telah menyediakan beberapa soalan yang berkaitan dengan kajian penyelidikan yang telah dijalankan oleh penyelidik.

ii. Catatan Refleksi Penyelidik

Catatan refleksi penyelidik dijalankan sebaik sahaja sesi pengajaran dan pembelajaran selesai dijalankan. Penyelidik akan mencatatkan segala kelebihan serta kelemahan yang wujud dalam setiap langkah pengajaran bermula daripada set induksi hingga langkah penutup. Cadangan penambahbaikan untuk mengatasi kelemahan juga turut dibina dalam catatan refleksi penyelidik tersebut.

iii. Penilaian Hasil Kerja Murid

Hasil kerja murid telah dinilai berdasarkan kepada rubrik pemarkahan. Rubrik pemarkahan tersebut dibina sebagai panduan kepada penyelidik untuk menyemak hasil karya murid. Sistem pemarkahan yang terdapat dalam borang boleh dijadikan sebagai maklumat data kuantitatif. Aspek yang diperhatikan terbahagi kepada tiga bahagian iaitu asas seni reka, persembahan dan juga sikap dan sahsiah. Rubrik pemarkahan tersebut dibina berdasarkan kepada rubrik pemarkahan yang pernah dibina oleh Riza Mohammad.

iv. Borang Senarai Semak Murid

Penyelidik telah menggunakan borang senarai semak murid yang telah diedarkan kepada murid untuk mendapatkan data. Kajian ini telah menggunakan instrumen soal selidik yang dibina berdasarkan kepada model yang telah dibina oleh Mok Soon Sang. Terdapat lima perkara yang diukur melalui inventori ini iaitu a) kreativiti, b) minat, c) kefahaman, d) ketenangan. Murid perlu menjawab sebanyak 7 soalan berdasarkan Skala Likert lima-poin yang diberi nilai 1 hingga 5 iaitu : 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Kurang Setuju Kurang , 4 = Setuju, dan 5 = Sangat Setuju.

DAPATAN KAJIAN

i. Dapatan Kajian Temubual


Hasil daripada temubual bersama dengan guru Pendidikan Seni (juga selaku Guru Pembimbing), penyelidik bersama dengan guru tersebut telah merumuskan bahawa penggunaan muzik tradisional dalam pengajaran Pendidikan Seni telah berjaya mengoptimumkan sesi pengajaran dan pembelajaran yang telah penyelidik jalankan. Melalui temubual tersebut juga, penyelidik telah mengetahui beberapa kekuatan hasil daripada penggunaan muzik tradisional seperti berjaya menambahkan kefahaman murid seterusnya membuatkan mereka berminat terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan.

ii. Dapatan Catatan Refleksi Guru

Melalui catatan refleksi yang dibuat sepanjang sesi pengajaran, penyelidik mendapati hasil yang yang diperolehi adalah bersifat positif. Peserta menunjukkan kefahaman serta minat terhadap bidang kraf tradisional yang dijalankan oleh penyelidik. Melalui catatan refleksi tersebut juga, penyelidik dapat mengetahui akan kelebihan serta kelemahan setiap aspek semasa sesi pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan.

Catatan refleksi dibuat oleh penyelidik sebaik sahaja sesi pengajaran dan pembelajaran selesai dijalankan. Setiap langkah yang dijalankan dalam sesi pengajaran bermula daripada langkah set induksi sehinggalah kepada langkah penutup sentiasa diperhatikan dan kemudiannya dicatatkan. Catatan yang dibuat adalah merangkumi kelebihan sesi pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan, kelemahan yang wujud dan cadangan penambahbaikan hasil pengajaran dan pembelajaran.

iii. Dapatan Penilaian Hasil Kerja Peserta



Rajah 2 Min Penilaian Hasil Kerja Peserta


Rajah 2 menunjukkan min penilaian hasil kerja peserta dalam enam aspek yang dinilai oleh penyelidik berdasarkan rubrik pemarkahan yang telah dibina. Berdasarkan rajah di atas, terdapat enam aspek yang dinilai iaitu rupa dan bentuk, warna, gubahan, kreativiti, kekemasan serta sikap dan sahsiah. Terdapat 6 item yang dinilai berdasarkan kepada penilaian hasil kerja tersebut. Item tersebut adalah seperti:

- i. Rupa dan Bentuk
- ii. Warna
- iii. Gubahan
- iv. Kreativiti
- v. Kekemasan

vi. Sikap dan Sahsia

Hasil daripada min penilaian hasil kerja peserta tersebut, penyelidik mendapati hampir semua peserta dapat menghasilkan motif corak dan rekaan motif tradisional Etnik Iban dengan penggunaan teknik lipatan dan guntingan. Selain itu, melalui kedua-dua pusingan yang telah dijalankan juga, penyelidik mendapati tidak banyak perbezaan min hasil penilaian hasil kerja peserta yang dapat dilihat di antara keenam-enam item yang telah diuji.

iv. Dapatan Borang Senarai Semak Peserta



Rajah 3 Min Penggunaan Muzik Tradisional Etnik Iban

Rajah 3 menunjukkan min penggunaan penggunaan muzik tradisional Etnik Iban dalam aspek yang dinilai berdasarkan item senarai semak yang telah dibina. Berdasarkan rajah di atas, terdapat empat aspek yang dinilai iaitu minat, kreativiti, ketenangan dan kefahaman. Melalui rajah 3, peserta dapat meluahkan idea serta kreativiti mereka semasa menghasilkan karya seni. Peserta juga berminat dengan aktiviti yang dijalankan oleh penyelidik iaitu membuat motif corak mudah tradisional Etnik Iban dengan menggunakan teknik lipatan dan guntingan.

Disamping itu, dapatan kajian juga menunjukkan peserta mempunyai ketenangan ketika menghasilkan karya. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa peserta dapat meningkatkan kefahaman mereka melalui penggunaan muzik tradisional Etnik Iban semasa menjalankan aktiviti membuat motif corak mudah motif tradisional Etnik Iban.

RUMUSAN

Penyelidik telah menjalankan kajian mengenai eksplorasi penggunaan muzik tradisional etnik Iban dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual bidang kraf tradisional. Dalam setiap pengajaran dan pembelajaran pendidikan Seni Visual bidang kraf tradisional, penyelidik sentiasa menyelitkan penggunaan muzik tradisional. Hal ini adalah kerana penyelidik berpendapat bahawa muzik tradisional Etnik Iban tersebut mempunyai kesinambungan daripada bidang kraf tradisional yang ingin diajarkan.

Menjawab persoalan kajian yang telah dibuat sebelum ini tentang bagaimana penggunaan muzik tradisional Etnik Iban dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual, penyelidik mendapati bahawa penggunaan muzik tradisional Etnik Iban tersebut adalah bersifat positif. Penggunaan muzik tradisional tersebut membantu penyelidik dalam menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran lebih menarik kerana ianya dapat menarik minat peserta di samping dapat memberikan kefahaman kepada peserta terhadap bidang kraf tradisional.

Persoalan kedua dalam kajian yang telah dibuat ini ialah mengenai kelebihan dan kekurangan yang mungkin wujud hasil daripada penggunaan muzik tradisional Etnik Iban dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Bagi menjawab persoalan tersebut, penyelidik turut bertanya kepada guru pembimbing untuk mengetahui sendiri pendapat beliau mengenai persoalan tersebut. Dalam kajian yang telah dibuat, wujud banyak kelebihan seperti penggunaan muzik Tradisional Etnik Iban dalam pengajaran dan pembelajaran adalah sesuatu yang agak baru di sekolah tersebut. Justeru, ianya telah membantu banyak peserta yang bukan daripada Etnik Iban untuk mengetahui serta mempelajari budaya bangsa lain selain dari bangsa mereka sendiri. Selain itu, penggunaan muzik tradisional tersebut juga telah berjaya menarik minat peserta dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan oleh penyelidik.

PENUTUP

Adalah dicadangkan bahawa kajian yang akan dijalankan pada masa akan datang meliputi kesemua murid Tahap 2 (Dua), iaitu daripada Darjah 4 hinggalah kepada Darjah 6. Ini akan membolehkan dapatan kajian pada masa akan datang akan bersifat lebih menyeluruh dan dapat mewakili fenomena sebenar sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual, sub bidang kraf tradisional.

Selain itu, turut dicadangkan agar sesi pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan dengan kraf tradisional boleh diserapkan dengan penggunaan muzik tradisional. Bersesuaian dengan tema tradisional yang ingin ditekankan oleh guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, penggunaan muzik tradisional tersebut akan dapat menambahkan kefahaman murid terhadap isi pelajaran yang diajarkan oleh guru. Sebagai contoh, ketika ingin menyampaikan pengajaran yang berkaitan dengan kraf wau bulan,

dicadangkan agar wujudkan pengeksploresian muzik wau bulan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran sedang dijalankan. Ini secara tidak langsung, dapat menambahkan lagi kefahaman murid mengenai kraf tradisional wau bulan.

RUJUKAN

- Ainon Mohd. Abdullah Hassan (2007), *KUASA Berfikir kreatif teknik menyelesaikan masalah secara kreatif*. Selangor Darul Ehsan: Malindo Printers Sdn.Bhd.
- Atan Long (1982). *Pedagogi : Kaedah am mengajar*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Airasian & Gullickson (2006). *Seminar Penyelidikan Pendidikan*.
- Bognan, R.C, (1992). *Qualitative research for education: a introduction to theory and methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Boyle, L. (1999). *Educating the global village. including the young child in the world*. Ohio: Merrill (Prentice Hall).
- Gardner (1993). *Frames of mind*. New York: Basic Book.
- Iberahim Hassan dan Roskang Jailani (2004). *Pendidikan Seni Visual dan Muzik*: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- June Mcfee (1994) *Preparation of art*. New York: Harry N.Abrams, Inc.
- Kamus Dewan *Edisi Ketiga* (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keefe, J.W (1982). *Assessing student learning style: an overview*. Student learning styles and brain behavior, Reston: National Association of Secondary School Principals
- Keefe, J.W. (1979). School application of learning style concept, Student Learning Style: *Diagnosing and prescribing programs*. Hlm 18-25. Reston: National Association of Secondary School Principals.

PENERAPAN NILAI KEBERSIHAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH RENDAH

Triswandi Bin Basri

Zabidi Bin Abdul Wahab

ABSTRAK – Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk memperlihatkan bagaimana penggunaan tong sampah, pemakaian baju PJ dan penggunaan alas meja dalam pengajaran dan pembelajaran seni visual dapat menerapkan nilai murni bagi aspek kebersihan. Penerapan nilai kebersihan ini amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membentuk disiplin serta meningkatkan prestasi murid dalam pembelajaran mata pelajaran yang lain. Hanya 47 orang sahaja responden yang terlibat daripada kelas 4 Dahlia yang akan dipilih untuk mengikuti kajian tindakan ini. Bilangan jantina bagi kelas 4 Dahlia ini tidak seimbang iaitu seramai 28 murid perempuan dan selebihnya 19 orang adalah murid lelaki. Purata umur bagi responden ini ialah 10 tahun. Data-data kajian ini dikumpul melalui borang pemerhatian, soal selidik dan temubual. Hasil kajian menunjukkan nilai murni bagi aspek kebersihan dapat diterapkan di dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dengan menggunakan tiga item yang dirancang.

ABSTRACT – This action research was conducted to show how to use trash container, wearing sports clothes such as PJ t-shirt and tablecloth in teaching and learning of visual arts can instill values of hygiene. Implementation of hygiene is very important in teaching and learning. It can develop discipline and improve students' achievement in learning other subjects. Only 47 respondents from year four class are selected to participate in this action research. The gender allocation for this class is not equally divided. Out of 47 respondents, only 19 are boys, while 28 are girls. The average age of respondents is 10 years old. The data collected through observation, questionnaires and interviews. The finding showed that values of hygiene can be applied in the teaching and learning of Visual Art Education by using three suggested items.

Keywords : Kebersihan, tong sampah, baju PJ, alas meja

Paper Type : Research Paper

PENGENALAN

Penerapan pendidikan dalam nilai kebersihan mampu membentuk sahsiah dan amalan tingkahlaku yang positif. Persekitaran bilik darjah yang bersih dan kondusif pula penting dalam menjalankan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran murid seawal usia kanak-kanak. Hal ini banyak mempengaruhi dalam melancarkan sesuatu aktiviti pembelajaran. Menurut Sharifah Alwiah Alsagoff (1986), persekitaran fizikal bilik darjah yang baik akan dapat meningkatkan kuasa serta sumber pengajaran guru.

Pengajaran dalam situasi formal seperti di dalam bilik darjah melibatkan guru, murid, bahan-bahan pembelajaran dan pengajaran, dan suasana atau iklim bilik darjah. Selain itu, berbagai-bagai pemboleh ubah atau faktor, sama ada luaran ataupun dalaman pada guru dan murid-murid mempengaruhi prestasi dan mutu pembelajaran murid-murid.

Oleh itu, penyelidik telah memilih untuk menjalankan kajian tindakan penerapan nilai kebersihan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Ini adalah untuk meningkatkan amalan kebersihan supaya menjadi satu amalan yang mencerminkan kepribadian diri mereka suatu hari kelak.

Di samping itu juga, kajian ini mengkaji bagaimana pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dapat menerapkan nilai murni bagi aspek kebersihan yang boleh dilaksanakan oleh guru bagi menerapkan nilai kebersihan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Ini kerana melalui hasil pemerhatian penyelidik, guru haruslah mempunyai kaedah tersendiri dalam menerapkan unsur nilai murni ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian penyelidikan ini melibatkan penerapan nilai kebersihan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Penyelidik berpendapat bahawa penggunaan tong sampah dalam bilik darjah dapat menerapkan nilai kebersihan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Aspek kedua pula berkaitan dengan pemakaian baju PJ (baju t-shirt yang digunakan untuk aktiviti Pendidikan Jasmani) dalam bilik darjah dapat menerapkan nilai kebersihan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Manakala penggunaan alas meja dalam bilik darjah juga dianggap dapat menerapkan nilai kebersihan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Secara tidak langsung penerapan amalan ini akan dapat meningkatkan sahsiah dan tingkah laku murid-murid serta dapat melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran yang telah dirancang. Penerapan nilai kebersihan ini amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membentuk disiplin serta meningkatkan prestasi murid dalam pembelajaran mata pelajaran yang lain. Objektif khusus kajian ini ialah :

1. Menghuraikan bagaimanakah penggunaan tong sampah dalam bilik darjah dapat menerapkan nilai kebersihan bagi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.
2. Menghuraikan bagaimanakah pemakaian baju PJ dalam bilik darjah dapat menerapkan nilai kebersihan bagi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.
3. Menghuraikan bagaimanakah penggunaan alas meja dalam bilik darjah dapat menerapkan nilai kebersihan bagi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

PERSOALAN KAJIAN

Soalan-soalan bagi kajian ini adalah :

1. Adakah penggunaan tong sampah dalam bilik darjah dapat menerapkan nilai kebersihan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual?
2. Adakah pemakaian baju PJ dalam bilik darjah dapat menerapkan nilai kebersihan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual?
3. Adakah penggunaan alas meja dalam bilik darjah dapat menerapkan nilai kebersihan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual?

LOKASI KAJIAN

Kajian ini telah dilaksanakan di sebuah sekolah rendah di bahagian Miri. Pemilihan sekolah adalah dipilih secara rawak kerana masa yang diperuntukkan untuk menjalankan kajian adalah terhad. Populasi murid sekolah ini lebih kurang 1000 – 1300 orang murid yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Sekolah ini menjalankan dua sesi persekolahan dan mempunyai 18 bilik darjah serta dua prasekolah. Namun hanya 47 orang sahaja responden daripada kelas 4 Dahlia yang akan dipilih untuk mengikuti kajian tindakan ini.

DEMOGRAFI PESERTA KAJIAN

Jadual 1 Peratusan Bilangan Responden Mengikut Jantina.

| Jantina | Bilangan (orang) | Peratusan (%) |
|-----------|------------------|---------------|
| Lelaki | 28 | 60 |
| Perempuan | 19 | 40 |
| Jumlah | 47 | 100 |

Bilangan jantina bagi kelas 4 Dahlia ini tidak seimbang iaitu seramai 28 murid perempuan dan selebihnya 19 orang adalah murid lelaki. Purata umur bagi responden ini ialah 10 tahun. Kesemua responden yang terlibat adalah mempunyai tahap pencapaian akademik yang berbeza. Bagi pencapaian ko-kurikulum pula tidak semua responden yang terlibat dengan aktif dalam sukan. Terdapat antara mereka hanya lebih menumpukan kepada persatuan dan unit beruniform sahaja.

Dari aspek latar belakang keluarga, responden ini mempunyai pelbagai latar belakang keluarga yang berbeza-beza. Ada sebahagian daripada ibu bapa mereka mempunyai pekerjaan yang tetap dan hidup mewah. Manakala sebahagian yang lain pula ibu bapa mereka berlatar belakang kehidupan yang sederhana dan tidak mempunyai pekerjaan dan pendapatan yang stabil.

Di samping itu, cara hidup dan adat resam mereka juga berbeza kerana terdapat pelbagai kaum di dalam kelas tersebut misalnya melayu, iban, melanau dan kayan. Kepelbagaian kaum semestinya akan menunjukkan setiap responden mempunyai kepercayaan dan amalan yang tersendiri.

Selain itu, terdapat dua orang responden yang mengalami masalah penglihatan iaitu rabun. Keupayaan dua orang responden ini tidak sama dengan keupayaan responden lain yang memiliki penglihatan yang normal. Oleh itu, pemilihan kumpulan sasaran ini sangat sesuai bagi menjalankan kajian tindakan ini kerana masing-masing antara responden mempunyai banyak perbezaan sama ada dari latar belakang, keturunan, keupayaan, kecerdasan dan kepercayaan.

REKA BENTUK KAJIAN

Pelaksanaan tindakan kajian ini mengikut *Model Kurt Lewin*. Masalah yang dikaji dalam tahap pertama akan disambung dan diteruskan di dalam tahap kedua, tahap ketiga dan seterusnya. Setiap tahap mengandungi empat langkah utama yang berbentuk lingkaran, bermula dengan perancangan, diikuti dengan tindakan, pemerhatian dan refleksi.

Dengan cara yang sedemikian, sesuatu lingkaran tiga tahap adalah dibentuk untuk digunakan dalam proses kajian. Mengikut tindakan yang dijalankan, penyelidikan tindakan ini bermula daripada peringkat tinjauan dengan mengenal pasti isu-isu serta idea-idea untuk menentukan tema kajian.

Peringkat perancangan membolehkan penyelidik-penyelidik menumpukan pemerhatian mereka terhadap aktiviti dan amalan yang diperlukan serta menentukan tindakan khusus untuk memperbaiki kerja dalam hubungan dengan orang lain.

Peringkat pelaksanaan (tindakan) dan pemerhatian adalah peringkat melaksanakan rancangan dan pemerhatian berdasarkan rangka aktiviti yang ditentukan dalam peringkat perancangan. Peringkat ini meliputi pembinaan jadual pelaksanaan, penentuan cara data dikumpul, tugas dan tanggungjawab seperti pemerhatian, penganalisis dan pelapor hasil dapatan. Manakala peringkat refleksi merangkumi aspek-aspek seperti menganalisis, menginterpretasi dan membuat kesimpulan.

INSTRUMEN KAJIAN

1. Borang Soal Selidik

Perancangan cara mengumpul data yang akan dibuat seperti pemerhatian, soal selidik dan temubual. Borang soal selidik adalah berpandukan daripada jenis soal selidik skala

kadar yang dipetik dari buku siri pengajian professional, Mok Soon Sang (2010). Bagaimanapun soalan-soalan tersebut akan diubahsuai semula mengikut kesesuaian objektif kajian.

Bagi mengisi borang soal selidik, pelajar adalah merupakan responden yang dikehendaki untuk mengisi beberapa soalan soal selidik tersebut. Responden disoal berkenaan sejauhmanakah tiga item tersebut membantu mereka dalam menerapkan amalan nilai kebersihan di dalam diri mereka.

Maklum balas daripada responden berdasarkan borang soal selidik ini merupakan jawapan kepada persoalan bagaimana penggunaan tong sampah, pemakaian baju PJ dan penggunaan alas meja dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dapat menerapkan nilai murni bagi aspek kebersihan. Adakah ketiga-tiga item tersebut membantu dalam menerapkan nilai kebersihan di kalangan responden. Borang soal selidik ini menggunakan skala likert 5 mata untuk memudahkan pengumpulan data daripada responden.

2. Borang Pemerhatian

Selain itu, kaedah pemerhatian dijalankan di dalam kelas untuk memastikan bagaimana pengajaran dan pembelajaran seni visual dapat menerapkan nilai murni bagi aspek kebersihan. Pemerhatian yang dilakukan untuk melihat penerapan nilai kebersihan responden semasa melaksanakan aktiviti Pendidikan Seni Visual.

Dalam menjalankan kajian tindakan ini, borang pemerhatian ini telah digunakan untuk tujuan memerhati penglibatan responden dalam aspek penerapan nilai kebersihan. Borang pemerhatian yang digunakan ini adalah jenis bukan-peserta. Borang pemerhatian ini hanya diisi oleh guru sahaja di mana borang ini diisi pada pusingan pertama dan pusingan kedua semasa kajian tindakan dijalankan.

Skala 1 hingga 5 pada borang pemerhatian menunjukkan skor bilangan responden yang terlibat dalam penggunaan tiga item dalam penerapan nilai kebersihan di dalam bilik darjah semasa aktiviti seni dijalankan. Skala skor bilangan responden tersebut juga lengkap dengan rubrik penilaian untuk dinilai oleh penyelidik.

Penyelidik membuat penilaian pemerhatian berdasarkan daripada penglibatan skor jumlah responden daripada 47 orang di dalam kelas. Oleh itu, jumlah skor yang diperolehi ini akan dinilai berpandukan rubrik pemerhatian bagi melihat amalan nilai kebersihan di kalangan responden yang terlibat. Maklum balas daripada hasil borang pemerhatian yang diisi oleh guru Pendidikan Seni Visual ini merupakan jawapan kepada persoalan bagaimana penggunaan tong sampah, pemakaian baju PJ dan penggunaan alas meja dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dapat menerapkan nilai murni bagi aspek kebersihan. Adakah ketiga-tiga item tersebut membantu dalam menerapkan nilai kebersihan di kalangan responden.

3. Temubual

Selain itu, temubual telah dijalankan di antara penyelidik dengan guru Pendidikan Seni Visual di luar waktu kelas. Temubual yang dijalankan adalah untuk memastikan bagaimana pengajaran dan pembelajaran seni visual dapat menerapkan nilai murni bagi aspek kebersihan. Di samping itu, penyelidik juga ingin melihat adakah pendapat guru-guru menyokong kepada ketiga-tiga persoalan yang menggunakan tiga item tersebut dan cadangan-cadangan mereka.

Penyelidik membuat penilaian melalui temubual berdasarkan daripada cadangan dan pendapat yang telah dikemukakan oleh guru Pendidikan Seni Visual yang telah ditemuramah. Oleh itu, maklum balas daripada hasil temubual yang dibuat daripada guru Pendidikan Seni Visual ini merupakan jawapan kepada persoalan apakah kelebihan dan kelemahan kaedah yang digunakan dalam penerapan nilai kebersihan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Jawapan-jawapan mereka ini akan diperkuatkan lagi berdasarkan pemerhatian yang telah dibuat sebanyak dua pusingan.

DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada dua kitaran yang dibuat, penyelidik berjaya mendapat beberapa analisis dapatan soal selidik, pemerhatian dan temubual yang mampu menjawab tiga persoalan kajian. Dapatan-dapatan kajian adalah seperti yang dinyatakan berikut:

1. Dapatan Soal Selidik

Berdasarkan hasil dapatan soal selidik, pusingan pertama telah menunjukkan skala min 4.13, median 4 dan mod 4 bagi item tong sampah, manakala skala min 4, median 4 dan mod 4 bagi penggunaan pakaian sukan dan skala min 4, median 4 dan mod 4 bagi penggunaan alas meja semasa menjalankan aktiviti seni. Ini menunjukkan responden bersetuju bahawa penggunaan tong sampah, pakaian sukan dan penggunaan alas meja dapat menerapkan amalan nilai kebersihan di kalangan responden dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

Kitaran kedua telah menunjukkan skala min 4.65, skala median 5 dan skala mod 5 bagi item tong sampah, manakala skala min 4.84, skala median 5 dan skala mod 5 bagi penggunaan pakaian sukan dan skala min 4.79, skala median 5 dan skala mod 5 bagi penggunaan alas meja semasa menjalankan aktiviti seni. Ini menunjukkan di mana responden sangat bersetuju bahawa penggunaan tong sampah, pakaian sukan dan penggunaan alas meja dapat menerapkan amalan nilai kebersihan di kalangan responden dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Secara tidak langsung, pengujian penggunaan tiga item tersebut berjaya menerapkan nilai kebersihan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

2. Dapatan Pemerhatian

Bagi hasil dapatan borang pemerhatian pula, guru dikehendaki untuk mengisinya berdasarkan pemerhatian mereka sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Dalam kajian tindakan ini, guru Panitia Pendidikan Seni Visual telah dijadikan sebagai pemerhati bagi melengkapkan borang pemerhatian yang disediakan. Pada peringkat pusingan pertama ini, hasil pemerhatian yang didapati berkenaan dengan penggunaan tong sampah adalah pada tahap baik di kalangan responden. Terdapat di antara 28 orang hingga 38 orang responden sahaja daripada jumlah responden yang menggunakan tong sampah sebagai amalan dalam menjaga nilai kebersihan bilik darjah.

Manakala hasil pemerhatian bagi penggunaan pakaian sukan atau baju PJ adalah pada tahap "baik" sahaja daripada 47 jumlah responden iaitu 28 orang hingga 38 orang responden sahaja. Ini adalah disebabkan oleh tiada pendedahan awal di kalangan responden semasa melakukan aktiviti seni dalam menjaga kebersihan diri. Sekiranya penggunaan baju sukan atau baju PJ dijadikan satu amalan dalam setiap kali pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual, secara tidak langsung responden akan bersedia menggunakannya tanpa arahan daripada guru. Persediaan ini merupakan salah satu daripada amalan mereka dalam penerapan nilai kebersihan diri.

Seterusnya hasil pemerhatian bagi penggunaan alas meja juga berada pada tahap "sederhana". Terdapat separuh daripada responden yang peka dalam menjaga kebersihan bilik darjah iaitu 19 orang hingga 29 orang sahaja. Hal ini disebabkan tiada pendedahan berterusan di kalangan responden sebelum ini semasa menjalankan aktiviti seni di dalam bilik darjah. Mereka agak kurang mempraktikkan amalan nilai kebersihan dalam bilik darjah dan hanya menyedarinya dari aspek teori moral sahaja.

Bagi hasil dapatan borang pemerhatian kitaran yang kedua, guru atau rakan kritikal dikehendaki untuk mengisinya berdasarkan pemerhatian mereka pada kali kedua sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Pada peringkat kitaran kedua ini, hasil pemerhatian penggunaan tong sampah didapati pada tahap cemerlang di kalangan responden. Hampir 100% responden iaitu antara 39 orang hingga 47 orang responden yang menggunakan tong sampah sebagai amalan dalam menjaga nilai kebersihan bilik darjah.

Manakala hasil pemerhatian bagi penggunaan pakaian sukan atau baju PJ pada tahap baik iaitu antara 28 orang hingga 38 orang responden daripada 47 jumlah responden. Oleh itu 25% responden yang tidak menggunakan pakaian sukan atau baju PJ adalah disebabkan responden tidak membawa dengan alasan pada hari tersebut tiada mata pelajaran Pendidikan Jasmani dijalankan. Namun demikian kesedaran nilai kebersihan telah pun wujud dalam setiap responden semasa melakukan aktiviti seni dalam menjaga kebersihan diri. Perubahan sikap dan tingkah laku ini akan membantu

dalam menerapkan nilai kebersihan diri. Persediaan ini merupakan salah satu daripada amalan mereka dalam penerapan nilai kebersihan diri.

Seterusnya hasil pemerhatian bagi penggunaan alas meja juga pada tahap cemerlang. Hampir keseluruhan responden menitikberatkan nilai kebersihan dalam bilik darjah semasa menjalankan aktiviti seni. Hal ini disebabkan telah wujud kesedaran amalan nilai kebersihan di kalangan responden dalam mengekalkan kebersihan bilik darjah masing-masing.

3. Dapatan Temubual

Hasil daripada dapatan temubual selepas membuat dua kitaran kajian tindakan, guru-guru Pendidikan Seni Visual telah memberi respon bahawa penggunaan tong sampah di dalam bilik darjah sangat sesuai semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Mereka berpendapat bahawa penyediaan tong sampah di dalam bilik darjah dapat mengawal pergerakan pelajar keluar masuk daripada bilik darjah sesuka hati di samping dapat menerapkan nilai kebersihan.

Bagi penggunaan pakaian sukan atau baju PJ pula, guru-guru Pendidikan Seni Visual pula menyokong sepenuhnya berkenaan penggunaan pemakaian tersebut. Mereka menyatakan bahawa kebiasaannya penggunaan pakaian seragam sekolah banyak mendatangkan masalah semasa menjalankan aktiviti seni. Misalnya baju sekolah yang digunakan menjadi kotor dan tidak dapat dibersihkan dengan bersih apabila terkena kotoran daripada warna air. Apabila menggunakan baju sukan, secara tidak langsung pelajar dapat mengekalkan kebersihan diri dengan menjaga kebersihan pakaian sekolah masing-masing.

Manakala penggunaan alas meja juga membantu dalam menerapkan nilai kebersihan di dalam bilik darjah. Tanpa penggunaan alas meja semasa menjalankan aktiviti seni bilik darjah sememangnya agak kotor hingga mengganggu perjalanan mata pelajaran lain untuk mengemas dan membersihkan bilik darjah. Oleh itu hasil daripada temubual yang dibuat, guru Pendidikan Seni Visual telah mendapat respon yang sangat baik daripada guru-guru lain tentang persediaan bilik darjah yang bersih dan kondusif.

Dalam pada itu, hasil daripada temubual yang dibuat telah mencadangkan bahawa penerapan nilai kebersihan ini bukan sahaja dibuat untuk pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sahaja. Malah boleh diketengahkan untuk mata pelajaran lain seperti Sains dan Kemahiran Hidup. Hal ini adalah kerana mata pelajaran tersebut banyak menjalankan aktiviti luar, kajian eksperimen dan pertukangan.

PERBINCANGAN

Berdasarkan rumusan dapatan soal selidik telah menunjukkan responden sangat bersetuju bahawa penggunaan tong sampah, pakaian sukan dan penggunaan alas meja dapat menerapkan amalan nilai kebersihan di kalangan responden dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Dapatan kajian ini telah berjaya menjawab menjawab ketiga-tiga persoalan kajian dalam menerapkan nilai murni bagi aspek kebersihan. Secara tidak langsung, pengujian penggunaan tiga item tersebut berjaya menerapkan nilai kebersihan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

Hasil pemerhatian yang didapati berkenaan dengan penggunaan tong sampah adalah pada tahap baik di kalangan responden. Terdapat di antara 28 orang hingga 38 orang responden sahaja daripada jumlah responden yang menggunakan tong sampah sebagai amalan dalam menjaga nilai kebersihan bilik darjah. Namun demikian, terdapat catatan yang ditunjukkan oleh guru Pendidikan Seni Visual iaitu selaku pemerhati telah memberi komen bahawa penggunaan tong sampah diluar bilik darjah mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Ini adalah kerana responden sangat bebas bergerak keluar dan masuk kelas dengan alasan membuang sampah hingga mengganggu responden yang lain.

Selain itu, pemerhatian berdasarkan tiga orang pemerhati bagi penggunaan pakaian sukan atau baju PJ adalah pada tahap "baik" iaitu daripada 47 jumlah responden iaitu 28 orang hingga 38 orang responden sahaja. Ini adalah disebabkan murid mementingkan nilai kebersihan diri dan keselesaan semasa melakukan aktiviti seni. Sekiranya penggunaan baju sukan atau baju PJ dijadikan satu amalan dalam setiap kali pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual, secara tidak langsung responden akan bersedia menggunakannya tanpa arahan daripada guru. Persediaan ini merupakan salah satu daripada amalan mereka dalam penerapan nilai kebersihan diri.

Seterusnya hasil pemerhatian bagi penggunaan alas meja juga pada tahap cemerlang. Hal ini disebabkan telah wujud kesedaran amalan nilai kebersihan di kalangan responden dalam mengekalkan kebersihan bilik darjah masing-masing.

Namun demikian kesedaran nilai kebersihan telah pun wujud dalam setiap responden semasa melakukan aktiviti seni dalam menjaga kebersihan diri. Perhatian dan tindakan sebagai seorang guru amat penting dalam menggerakkan tingkah laku positif kanak-kanak. Ini selaras dengan pendapat Omar (1991) bahawa kebelakangan ini, penerapan amalan nilai-nilai murni dalam pendidikan semakin kurang diberi perhatian.

Perubahan sikap dan tingkah laku ini akan membantu dalam menerapkan nilai kebersihan diri. Persediaan ini merupakan salah satu daripada amalan mereka dalam penerapan nilai kebersihan diri. Hal ini disebabkan telah wujud kesedaran amalan nilai kebersihan di kalangan responden dalam mengekalkan kebersihan bilik darjah masing-

masing. Ini selaras dengan penegasan yang dibuat oleh Tajul Ariffin (1993) yang menyatakan bahawa semua mata pelajaran berperanan memperkukuh dan memperkasakan proses pengajaran serta penerapan nilai-nilai murni di sekolah.

Hasil daripada dapatan kajian melalui soal selidik, pemerhatian dan temubual telah berjaya menjawab persoalan kajian. Respon yang didapati menunjukkan bahawa penerapan nilai kebersihan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual banyak membantu dalam perubahan dan kesedaran tingkah laku di kalangan responden yang terlibat. Ini telah dibuktikan dengan menganalisis data kepada min, medium dan mod di mana telah menunjukkan dapatan keputusan kajian positif.

PENUTUP

Berdasarkan kepada hasil dapatan yang diperoleh dalam kajian tindakan ini, penggunaan tiga item dalam menerapkan nilai murni bagi aspek kebersihan haruslah dititikberatkan sepanjang menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Hal ini termasuklah lokasi penyimpanan tong sampah yang bersesuaian dengan iklim bilik darjah, baju PJ dan penggunaan surat khabar sebagai alas meja. Misalnya, penggunaan tong sampah diluar bilik darjah mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, satu tempat yang strategik harus ditetapkan dalam perancangan pelaksanaan.

Pemilihan item dalam menerapkan nilai murni bagi aspek kebersihan haruslah bertepatan dengan perlakuan yang dilakukan seharian responden agar ianya dapat menjadi satu amalan dalam menjaga kebersihan. Item-item ini boleh dijadikan sebagai kayu pengukur untuk responden membentuk sahsiah dan tingkah laku yang baik. Oleh itu, penyelidik mestilah bijak mencari beberapa pendekatan yang boleh diterima oleh responden sebagai amalan tingkah laku yang positif.

Bagi cadangan di masa akan datang, penyelidik mencadangkan bahawa penerapan nilai kebersihan ini bukan sahaja dibuat untuk pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sahaja. Malah boleh diketengahkan untuk mata pelajaran lain seperti Sains dan Kemahiran Hidup. Hal ini adalah kerana mata pelajaran tersebut banyak menjalankan aktiviti luar, kajian eksperimen dan pertukangan.

RUJUKAN

- IPG KPM. (2010). Panduan Penyediaan Laporan Penyelidikan Tindakan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- McKernan, J. (1996). Curriculum action research: A handbook of methods and resources for the reflective practitioner. Guildford: Biddles Ltd.
- Mohd Majid Konteng. (1990). Kaedah Penyelidikan Pendidikan, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mok Soon Sang (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, Puchong Selangor, Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Nor Azizah Salleh. (1992). *Cooperative learning in Malaysia*, Penang, Paper presented at Regional Seminar of Education.
- Nor Azizah Salleh. (2001). *Penerapan Nilai Murni Melalui Pembelajaran Koperatif Dalam Sains*, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia UKM Bangi Selangor Darul Ehsan, Jurnal Pendidikan 27 (2001) 47-57.
- Omar Mohd Hashim. (1991). Pengisian misi pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1986). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, Puchong, Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Sufean Hussin, Edisi Kedua (1995). *Pengajaran Nilai Dalam Kurikulum*, Shah Alam Selangor, Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Tajul Ariffin Nordin. (1993). *Perspektif falsafah dan pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENGGUNAAN TEKNIK PENCERITAAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH RENDAH

Zulfikar Fariz Bin Ahmad

Selina Liew Phaik Guat

ABSTRAK – Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji keberkesanan penggunaan teknik penceritaan dalam meningkatkan minat dalam matapelajaran Pendidikan Seni Visual di kalangan murid tahun tahap 1. Kajian ini juga mengkaji tahap kefahaman serta kreativiti murid di dalam pengajaran yang menggunakan teknik ini. 42 Orang murid tahun 3 telah dipilih sebagai repondan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif dan instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik, pemerhatian dan temu bual. Penyelidik telah mendapati beberapa aspek yang ada dalam teknik penceritaan sebagai bahan pengantara yang mendorong murid meminati pengajaran dan pembelajaran ini. Berdasarkan tinjauan awal penyelidik, didapati guru Pendidikan Seni Visual hanya menggunakan pengajaran dan pembelajaran yang biasa sehingga boleh menyebabkan murid yang berada semasa pengajaran dan pembelajaran tersebut mudah berasa bosan dan tidak meminati matapelajaran ini. Kesan dari sikap bosan dan tidak meminati matapelajaran ini, masalah-masalah disiplin yang biasa berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran matapelajaran ini akan di kalangan murid. Penyelidik telah menggunakan teknik penceritaan dalam pengajaran dan pembelajaran matapelajaran ini untuk memberikan kelainan serta keseronokan kepada murid. Dengan ini, masalah disiplin murid akan dapat dikurangkan dan minat murid terhadap matapelajaran ini dapat dipertingkatkan. Hasil kajian mendapati teknik penceritaan ini dapat menarik minat serta kefahaman dan kreativiti dalam kalangan murid seterusnya membentuk pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual yang berkesan dan menyeronokan murid.

ABSTRACT – This study is to identify the effectiveness of storytelling to enhance interest in Visual Art Education among the students in level 1. This study also reviews the level of understanding and creativity among the students when using this technique. In the learning process that uses this method, 42 students in level 1, year 3 were chosen as participants. This study uses quantitative and qualitative methods which include questionnaires, observations and interviews. Researchers have found that some aspects in storytelling acts a like media that can arouse students' interest in learning. Based on surveys, Visual Arts teachers who have been using the normal teaching and learning results in boredom among students and have no interest in the subject. These problems can lead to common disciplines issues in the learning of this subject. The researcher found out that the storytelling technique can provide variety and excitement to the students learning this subject. Besides, discipline problems is reduced and at the same time, students' interest can be aroused. The study has found out that storytelling can arouse students' interest, understanding and creativity and making teaching and learning of of Visual Art Education subject more effective and fun for the students.

PENGENALAN

Kajian tindakan ini menjelaskan tentang penggunaan teknik penceritaan dalam struktur pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual bagi murid tahap satu tahun 3 di sekolah rendah. Teknik penceritaan ini adalah bertujuan untuk menarik minat murid dalam menumpukan perhatian sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran seterusnya menggalakkan suasana yang kondusif di dalam bilik darjah. Pengajaran yang menekankan aspek minat merupakan satu sesi pengajaran dan pembelajaran yang boleh mengelakkan beberapa sikap negatif murid di dalam bilik darjah.

Syarifah Alawiah (1983) mendefinisikan minat sebagai daya penggerak bagi seseorang untuk memberi perhatian dalam apa sahaja kegiatan yang dilakukan olehnya. Hurlock (1993) menjelaskan bahawa minat adalah sumber motivasi yang mendorong seseorang untuk melakukan apa yang ingin dilakukan ketika bebas memilih. Ketika seseorang menilai bahawa sesuatu akan bermanfaat, maka ia akan menjadi berminat, kemudian hal tersebut akan mendatangkan kepuasan. Ketika kepuasan menurun maka minatnya juga akan menurun. Minat tidak bersifat kekal tetapi minat bersifat sementara atau dapat berubah-ubah. Ini jelas sekali ini menyatakan bahawa minat adalah elemen paling penting dalam pembentukan suasana pengajaran dan pembelajaran yang baik dan kondusif.

Menurut Abdul Ghani Abdullah (2007) pencetusan minat murid untuk belajar dengan berkesan adalah melalui aspek guru sebagai pencerita yang dramatik ataupun tukang cerita moden. Ini menunjukkan terdapat peningkatan minat jika guru mengadakan pengajaran dan pembelajaran teknik penceritaan di dalam bilik darjah. Teknik bercerita sememangnya boleh diaplikasikan oleh guru-guru di sekolah, kerana ia boleh menarik minat murid melalui perkongsian ilmu di dalam bilik darjah. Jonassen (2002), menyatakan teknik penceritaan merupakan satu proses perkongsian ilmu pengetahuan yang tepat. Perkongsian ilmu dalam pembelajaran amat penting bagi murid mendapatkan percambahan idea dalam sesuatu bidang yang mereka usahakan. Selain itu, Menurut David Booth dan Larry Swart (2004) pula, gaya penceritaan semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan oleh guru boleh memberi kefahaman baru dan perkongsian idea di kalangan murid yang terlibat. Ini boleh menggalakkan percambahan imaginasi murid dengan membayangkan situasi cerita yang disampaikan Dengan adanya kefahaman dan perkongsian idea ini murid akan dapat membentuk daya imaginasi dengan membayangkan situasi yang ada di dalam cerita yang disampaikan dan mengaplikasikannya dalam bidang kerja yang diarahkan oleh guru.

Justeru itu, adalah penting bagi penyelidik melihat keberkesanan penggunaan teknik penceritaan dalam menarik minat murid semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual berlangsung.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan penggunaan teknik penceritaan untuk menarik minat, kefahaman serta penguasaan murid dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Penyelidik berpendapat teknik ini boleh menarik minat murid serta kefahaman dan penguasaannya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Minat, kefahaman dan kreativiti akan diselidik melalui borang soal selidik yang telah diolah dan seterusnya diberikan kepada responden. Soalan-soalan yang dikemukakan tidak terlalu membebankan murid dan mudah untuk responden menjawabnya. Penyelidik juga berpendapat penggunaan teknik ini juga boleh memberi peningkatan dalam hasil karya murid di dalam bilik darjah. Antara aspek yang diperhati dalam peningkatan hasil ini adalah ketepatan masa, kekemasan, ketepatan rupa dan bentuk dan kreativiti dalam gubahan. Penarikan minat ini amat penting untuk mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif dan teratur. Objektif kajian ini ialah :

1. Menarik minat murid terhadap pembelajaran melalui pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dengan pengaplikasian teknik penceritaan di salah sebuah sekolah di Bandar, Miri.
2. Menggalakkan perubahan positif dalam penghasilan karya murid dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual menerusi teknik penceritaan.

PERSOALAN KAJIAN

Soalan-soalan bagi kajian ini adalah :

1. Adakah teknik penceritaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan seni visual sekolah rendah dapat membantu meningkatkan minat serta pemahaman dan kreativiti murid?
2. Adakah terdapat perubahan positif dalam penghasilan karya murid melalui aplikasi pengajaran teknik penceritaan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual?

LOKASI KAJIAN

Kajian penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mempertingkatkan minat murid dalam pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan teknik penceritaan untuk pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah yang bertempat di kawasan bandar. Kajian ini dilaksanakan selama 3 bulan di salah sebuah sekolah yang berada di kawasan Permai Jaya, Miri.

DEMOGRAFI PESERTA KAJIAN

Jadual 1 Bilangan murid dari aspek jantina, bangsa dan agama

| Jantina | Bangsa | | | Agama | | |
|-----------|--------|------------|-----------|-------|----------|-----------|
| | Melayu | Bumiputera | Lain-lain | Islam | Kristian | Lain-lain |
| Lelaki | 2 | 14 | 0 | 2 | 14 | 0 |
| Perempuan | 7 | 14 | 3 | 7 | 15 | 2 |


Kumpulan sasaran untuk penyelidikan ini adalah murid Tahun 3 Cekal di salah sebuah sekolah di kawasan Bandar Miri. Murid di dalam kelas ini agak aktif apabila melakukan aktiviti tetapi merupakan kelas yang bermasalah dari segi sikap mahupun pencapaiannya. Sasaran penyelidik adalah secara menyeluruh di dalam kelas ini iaitu seramai 42 orang murid. Seramai 16 orang murid lelaki dan 26 orang murid perempuan dipantau dan diperhatikan secara terperinci tentang minat dan kelakuannya dalam penerapan teknik penceritaan dalam Pendidikan Seni Visual. Dari aspek bangsa pula, kelas ini mempunyai 28 orang murid Bumiputera, 9 orang murid Melayu dan 3 orang murid berbangsa Cina. Dari aspek agama pula, hanya 9 orang murid sahaja yang beragama Islam, 29 orang beragama Kristian dan 2 lain-lain.

REKA BENTUK KAJIAN

Secara keseluruhannya, penyelidik menggunakan rancangan pengajaran harian yang telah diterapkan dengan penggunaan teknik penceritaan. Penyelidik menggunakan tiga jenis instrumen untuk menilai murid dalam pengajaran dan pembelajaran iaitu soal selidik di kalangan murid, temu bual dengan guru, dan pemerhatian peningkatan hasil karya murid.

Kajian tindakan ini akan diadakan di salah sebuah sekolah rendah di Bandar Miri. Ia akan melibatkan murid tahap 1 Tahun 3 untuk mendapatkan data-data penting tentang penerapan teknik penceritaan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Kajian ini akan melibatkan dua kitaran untuk mendapatkan data yang sah di kalangan murid. Bagi kitaran yang pertama, penyelidik menguji tahap minat murid dengan teknik penceritaan yang menggunakan bahan audio sebagai pengantaraannya. Manakala kitaran yang kedua, penyelidik menggunakan diri sendiri sebagai pencerita untuk menguji tahap minat murid.

Secara keseluruhannya, setiap kajian hendaklah mempunyai perancangan sebelum kajian ini dijalankan. Berikut adalah rajah perancangan kajian ini berdasarkan kitaran Kurt Lewin.



Rajah 1 Kitaran pelaksanaan penyelidik (kitaran Kurt Lewin)

DAPATAN KAJIAN

Penyelidik menggunakan pelbagai jenis instrumen untuk mencari bukti bahawa apakah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknik penceritaan benar-benar mempengaruhi minat murid dalam pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

Intrumen yang digunakan adalah soal selidik yang melibatkan penentuan minat serta kefahaman dan daya kreativiti murid sebagai tambahan aspek di dalam pengajaran yang dilakukan. Yang kedua adalah pemerhatian, ianya dibuat berdasarkan aspek rekod prestasi melalui penghasilan karya murid yang diisi oleh 3 orang pemerhati berdasarkan pemerhatian di dalam bilik darjah dan dari aspek pengajaran dan pembelajaran. Dan yang terakhir adalah temubual, di mana penyelidik menemu bual guru panitia pendidikan seni visual yang masuk semasa pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknik penceritaan. Temu bual adalah bertujuan untuk mengukuhkan lagi dapatan instrument soal selidik yang akan menjawab persoalan satu.

Analisis soal selidik dibuat berdasarkan tiga aspek perkembangan murid di dalam bilik darjah iaitu aspek minat, kefahaman dan kreativiti. Skala bagi instrumen ini dibahagi kepada 5 mata untuk memudahkan pengumpulan data yang diisi oleh responden. Dalam kitaran yang pertama ini penyelidik menggunakan penyampaian penceritaan menggunakan bahan audio. Pada keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan murid selesa dan seronok dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini dengan dapatan keseluruhan min sebanyak 3.8 hasil pengiraan ketiga-tiga aspek yang diselidik dan sekaligus memberi

penyataan skor yang cemerlang dalam borang soal selidik ini. Berikut adalah jadual skor min kitaran yang pertama.

Jadual 2 Min penggunaan teknik penceritaan dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan seni visual (kitaran pertama)


| Item | Minat | Kefahaman | Kreativiti | Skor Min | |
|------------------------|------------|------------|------------|--------------|-----------------|
| | | | | Cemerlang | 3.7 -5.0 |
| | | | | Sederhana | 2.3 – 3.69 |
| Min | 3.9 | 3.7 | 3.8 | Lemah | 1 – 2.29 |
| Min Keseluruhan | 3.8 | | | | |

Kitaran yang kedua pula, penyelidik menggunakan teknik penceritaan yang mengutamakan verbal sendiri dalam pengajaran dan pembelajaran seterusnya. Penyelidik menggunakan diri sendiri sebagai pencerita untuk mengelakkan kelemahan pada kitaran yang pertama. Setelah mendapatkan min keseluruhan dalam kitaran kedua ini, didapati terdapat perubahan ketara ini di mana murid semakin menyukai dan meminati teknik penceritaan ini dengan skala minnya sebanyak 4.5 yang merujuk kepada tahap cemerlang pada skor min dan peningkatan sebanyak 14% secara keseluruhannya berbanding kitaran pertama. Berikut adalah jadual skor min kitaran yang kedua.

Jadual 3 Min penggunaan teknik penceritaan dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan seni visual (kitaran kedua)

| Item | Minat | Kefahaman | Kreativiti | Skor Min | |
|------------------------|-------------|------------|------------|--------------|-----------------|
| | | | | Cemerlang | 3.7 -5.0 |
| | | | | Sederhana | 2.3 – 3.69 |
| Min | 4.75 | 4.3 | 4.4 | Lemah | 1 – 2.29 |
| Min keseluruhan | 4.5 | | | | |

Pada keseluruhannya, walaupun terdapat perubahan min yang ketara pada kitaran yang kedua berbanding min kitaran yang pertama tetapi kedua-dua min berjaya mencapai skor yang cemerlang dalam pernyataan skor min. Berikut adalah carta graf perubahan aspek minat,kefahaman dan kreativiti bagi kiraran yang pertama dan kedua bagi pengajaran peringkat yang kedua.



Rajah 2 Menunjukkan perubahan min kitaran pertama dan kedua

Rajah 2 menunjukkan perubahan peningkatan min dalam kitaran pertama dan kedua. Dalam rajah ini, min perubahan kitaran kedua sangat ketara peningkatannya. Ini memberikan implikasi murid lebih meminati dan memahami teknik penceritaan pada keseluruhannya berdasarkan dapatan kedua-dua kitaran.

Pemerhatian merupakan salah satu cara untuk memperolehi data dalam kajian ini. Aspek yang diberi perhatian adalah perolehan ini adalah penilaian prestasi hasil karya murid di dalam bilik darjah dan aspek pengajaran dan pembelajaran. Hasil karya ini boleh ditingkatkan kualiti melalui perhatian murid di dalam bilik darjah melalui teknik penceritaan ini. Pemerhatian ini dilakukan oleh 3 orang pemerhati iaitu penyelidik sendiri, guru pembimbing dan guru panitia pendidikan seni visual. Pemerhatian ini membahagikan murid kepada 3 tahap iaitu lemah, sederhana dan cemerlang. Setiap pembahagian tahap ini, terdapat bilangan murid yang dibahagikan mengikut keselarasan ini. Pemerhatian ini memerhati 4 aspek iaitu ketepatan masa, kekemasan, kreativiti dan ketepatan rupa dan bentuk dalam penghasilan karya murid. Pemerhatian ini dilakukan pada keseluruhan bilik darjah dan bukan secara individu.

Hasil dari pengiraan dari ketiga-tiga pemerhati keputusan bagi kitaran yang pertama ini adalah di tahap yang sederhana di mana hanya 15 – 28 orang sahaja murid menguasai pengajaran dan pembelajaran ini. Berikut adalah jadual yang telah diisi dengan hasil pemerhatian ketiga-tiga pemerhati bagi kitaran yang pertama.

Jadual 4 Pemerhatian kitaran yang pertama

| Item | 0-14 Orang | 15-28 Orang | 29-42 Orang | Skala Skor | |
|---------------------------|---------------|----------------|----------------|---------------|-----------|
| Ketepatan masa | | 1 | 2 | | |
| Kekemasan | 1 | 2 | | 1 | Lemah |
| Kreativiti dalam gubahan | 1 | 2 | | 2 | Sederhana |
| Ketepatan rupa dan bentuk | | 1 | 2 | 3 | Cemerlang |

Jumlah (26)
 $\frac{26}{4} = 2.16$ dibundarkan menjadi 2 iaitu tahap yang sederhana
 Item (4) x Pemerhati (3)

Bagi kitaran yang kedua pula, penyelidik telah menukar cara penyampaian teknik penceritaan di dalam bilik darjah. Pada kitaran yang kedua, terdapat perubahan yang amat memberangsangkan dari keempat-empat aspek hasil karya yang diketengahkan. Hasil dari pengiraan dari ketiga-tiga pemerhati keputusan bagi kitaran yang kedua ini adalah di tahap yang cemerlang dan lebih baik berbanding kitaran yang pertama. Berikut adalah jadual pemerhatian yang telah mendapat kiraan dari ketiga-tiga pemerhati.

Jadual 5 Pemerhatian kitaran yang kedua

| Item | 0-14 Orang | 15-28 Orang | 29-42 Orang | Skala Skor | |
|---------------------------|---------------|----------------|----------------|---------------|-----------|
| Ketepatan masa | | | 3 | | |
| Kekemasan | | 1 | 2 | 1 | Lemah |
| Kreativiti dalam gubahan | 1 | 1 | 1 | 2 | Sederhana |
| Ketepatan rupa dan bentuk | | | 3 | 3 | Cemerlang |

Jumlah (32)
 $\frac{32}{4} = 2.6$ dibundarkan menjadi 3 iaitu tahap yang cemerlang
 Item (4) x Pemerhati (3)

Pemerolehan data yang seterusnya dalam kajian ini ialah melalui temu bual antara penyelidik dan guru panitia Pendidikan Seni Visual di sekolah yang dikaji. Bentuk soalan yang dikemukakan dalam temu bual ini adalah soalan yang terbuka dan ia dikemukakan selepas pengajaran dan pembelajaran penyelidik selesai. Soalan-soalan yang dikemukakan kepada guru tersebut adalah berdasarkan kepada pengajaran dan pembelajaran dan cerita yang disampaikan kepada murid.

Hasil jawapan pada kitaran pertama, didapati pengajaran dan pembelajaran ini memberikan sedikit kesan negatif terhadap murid yang menjalani proses ini contohnya guru sukar menegur murid apabila cerita dimainkan. Ada di kalangan murid mengambil kesempatan apabila cerita dimainkan dan tidak menghiraukan apa yang dibincangkan oleh guru. Dengan adanya jawapan dari guru ini didapati pengajaran dan pembelajaran

bercerita yang menggunakan bahan audio kurang efektif. Ini disebabkan pelbagai masalah timbul semasa pengajaran dan pembelajaran teknik penceritaan menggunakan bahan audio ini dijalankan. Oleh itu untuk pengajaran dan pembelajaran kitaran yang kedua, penyelidik akan memperbaiki pengajaran dan pembelajaran dengan bertindak sebagai pencerita dalam penceritaan dan tidak lagi menggunakan bantuan bahan audio.

Hasil jawapan yang diberikan oleh guru tersebut menunjukkan kesan positif pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknik penceritaan ini. Contoh kesan positif yang dikemukakan ialah guru dapat menarik perhatian murid dan dapat mengawal keadaan bilik darjah dengan baik. Melalui pengajaran dan pembelajaran ini, murid dapat dikawal dan murid berminat untuk mendengar cerita yang disampaikan.

PERBINCANGAN

Pada keseluruhannya, dapatan kajian ini menjurus pada dapatan yang positif. Ini dibuktikan dalam dapatan yang dikemukakan dalam kajian ini. Secara tidak langsung dapatan ini telah menjawab soalan mengenai penyelidikan ini.

Soalan yang pertama adalah pertanyaan sama ada teknik penceritaan ini boleh membantu meningkatkan minat secara keseluruhannya serta meningkatkan penguasaan dan pemahaman murid. Hasil dari dapatan soal selidik dan temu bual dalam kedua-dua kitaran, di dapati teknik ini boleh membantu murid meningkatkan minat mereka terhadap pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan. Melalui instrumen soal selidik yang telah diisi oleh 42 orang murid ataupun responden, didapati min keseluruhan dari aspek minat murid pada kedua-dua terdapat perubahan yang positif terhadap pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknik penceritaan sebagai alat untuk menarik minat murid. Berdasarkan temu bual juga, pengajaran dan pembelajaran juga telah dipersetujui dan disokong oleh guru panitia yang telah masuk ke dalam untuk memerhati pengajaran dan pembelajaran penyelidik. Ini sekaligus juga telah menjawab persoalan tentang peningkatan minat murid.

Persoalan kedua adalah pertanyaan adakah terdapat perubahan positif dalam penghasilan karya murid melalui aplikasi pengajaran teknik penceritaan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Melalui pemerhatian penghasilan hasil karya yang dilakukan oleh penyelidik, guru pembimbing dan guru panitia pendidikan seni visual, memang terdapat perubahan positif dalam hasil karya murid melalui aplikasi pengajaran teknik penceritaan ini contohnya seperti ketepatan rupa dan bentuk objek yang dihasilkan, kekemasan dalam melakukan hasil karya dan lain-lain. Beberapa aspek dalam pemerhatian ini ada kaitannya dengan pernyataan minat murid dalam pengajaran ini seterusnya mendorong murid melakukan hasil karya yang baik.

Oleh itu, melalui pemerhatian ini ia telah menjawab persoalan yang kedua ini iaitu wujudnya perubahan murid semasa menjalani proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknik penceritaan ini.

PENUTUP

Kesemua aktiviti yang dirancang telah berjalan dengan lancar. Melalui tiga instrumen yang telah digunakan, jelas terbukti murid tertarik dengan gaya pengajaran dan pembelajaran yang menerapkan teknik penceritaan sebagai medium pengantaraan proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian data dari aspek minat, kefahaman serta kreativiti murid telah menemui jawapan yang positif baik dari penerimaan sehingga ke penghasilan karya murid terhadap gaya pengajaran dan pembelajaran ini.

Untuk memberikan keesahan pada kajian ini, kajian lanjutan harus dijalankan oleh penyelidik mahupun individu lain. Antara kajian lanjutan yang dicadangkan adalah ianya harus diteruskan untuk murid-murid yang ada di sekolah lain untuk mendapatkan kesahihan secara generalisasi, dilakukan terhadap murid tahap 2 dan dijalankan pada mata pelajaran yang lain selain dari mata pelajaran yang dikaji dalam kajian ini.

Secara keseluruhannya, dapatan yang dibuat ke atas pengajaran dan pembelajaran pendidikan seni visual yang menggunakan teknik bercerita ia memberikan kesan positif dan berjaya mengurangkan masalah-masalah yang menjadi kebiasaan murid di dalam bilik darjah.

RUJUKAN

- Abdul Ghani Abdullah Phd, Abd. Rahman abd. Aziz, Abdul Rashid Mohamed Phd, 2007. *Humor dalam pengajaran*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd. m/s 62-67
- Mok Soon Sang (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, Puchong Selangor, Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Jonassen, D.H. and Hernandez-Serrano, J. 2002. *Case-based reasoning and instructional design: using stories to support problem-solving*. *Educational technology: research and development*, jilid 50, no. 2, pp 65–77
- David Booth and Larry Swartz 2004. *Literacy Techniques for building successful readers and writers 2nd Edition*. Pembroke Publishers Limited. pp 55-56
- Garis Panduan Kursus Penyelidikan Tindakan Untuk Maktab/Institut Perguruan Malaysia. Sub Unit Penyelidikan Unit dasar, Perancangan Dan Pembangunan Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia, Mei 2010
- Dewan bahasa dan pustaka 2007, Kamus Dewan Edisi Keempat, jilid 4
- Pegertian minat oleh tokoh-tokoh penting. Dicapai pada 3 Mac 2010 dari <http://mathedu-unila.blogspot.com/2009/10/pengertian-minat.html>

KONSTRUKTIVISME DALAM PENDIDIKAN SENI VISUAL (BIDANG MEMBENTUK DAN MEMBUAT BINAAN)

Zuriatina Bt Johari

Ting Hie Ping

ABSTRAK – Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk menggalakkan murid supaya berminat dan berfikir dengan lebih kreatif dalam Pendidikan Seni Visual melalui pembelajaran secara konstruktivisme yang memfokuskan ciri inkuiri penemuan. Peserta yang terlibat adalah murid dari Tahap 1, iaitu kelas Tahun 3 seramai 20 orang. Kajian ini menggunakan empat instrumen untuk mendapatkan data iaitu borang soal selidik, borang pemerhatian, temubual dan rubrik pemerhatian. Penyelidik telah mengenalpasti tentang pembelajaran murid-murid semasa aktiviti membuat model dalam Pendidikan Seni Visual. Berdasarkan tinjauan awal penyelidik, didapati bahawa ramai guru Pendidikan Seni Visual hanya memberi arahan atau memberi tajuk tertentu kepada murid-murid tanpa menggunakan pendekatan pembelajaran yang sesuai. Murid-murid terpaksa mengikut contoh yang ditunjukkan oleh guru tanpa ada ruang untuk mereka melakukan penerokaan idea. Jadi murid-murid berasa terkongkong lantas tidak berminat untuk mengikuti pengajaran. Kreativiti murid-murid juga tersekat. Penyelidik telah merancang untuk melaksanakan pembelajaran secara konstruktivisme dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dalam bidang membentuk dan membuat binaan. Melalui dapatan kajian, pembelajaran secara konstruktivisme ini menampakkan kesesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

ABSTRACT – *This research is intended to encourage students to be interested and think creatively in visual art education through constructivism approach, focusing on inquiry findings. Participants involved are 20 students from Year 3 class. This research used three instruments to obtain data such as questionnaires, observation and interviews. Researchers have identified the learning styles based on how students learned during Visual Art Education activities. Pupils are forced by the example shown by teachers without giving any space for them to explore ideas. Hence, students are confined and thus showing no interest in pursuing the activity. Limitation in student's creativity also occurs. Researcher had planned to implement constructivism in learning through Visual Arts Education specifically during building model activity. Through this research, constructivism approach seems appropriate in the teaching and learning of Visual Art Education.*

Keywords : *Konstruktivisme, kreativiti, minat, Pendidikan Seni Visual.*

Paper Type : *Research Paper*

PENGENALAN

Kementerian Pendidikan berhasrat untuk menjadikan murid-murid sebagai seorang individu yang mempunyai keyakinan diri dan dapat menyatakan idea mereka secara terbuka. Hasrat ini dapat dicapai melalui pembelajaran di dalam Pendidikan Seni Visual

dimana telah dinyatakan bahawa mata pelajaran Pendidikan Seni Visual bertujuan membolehkan pelajar menyedari, memahami dan menghargai peranan seni sebagai satu keperluan dalam urusan hidup, hubungannya dengan kejadian alam, kaitannya dengan perkembangan sains dan teknologi, aplikasi seni dalam industri rekaan dan pembuatan. (Mohd. Johari, 2004).

Untuk mencapai hasrat ini, guru seharusnya peka dengan gaya pengajaran dan cara pembelajaran yang digunakan di dalam kelas. Sesungguhnya, gaya pengajaran Pendidikan Seni Visual sewajarnya lebih menyeronokkan dan tidak terlalu menekan murid-murid seperti mata pelajaran teras yang lain. Semasa melakukan aktiviti seni visual, murid-murid akan menggunakan imaginasi mereka dan belajar sendiri melalui penerokaan untuk menghasilkan sesuatu. Di sinilah guru perlu memainkan peranan dalam menggalakkan murid-murid untuk melakukan inkuiri penemuan semasa menghasilkan karya. Apabila murid-murid berasa tidak terkongkong, mereka secara tidak langsung akan lebih bersedia dan melibatkan diri secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran.

Melalui artikel *The Challenge of Sustaining a Constructivist Classroom Culture* (Windschitl, 1999 seperti dinyatakan dalam Abbeduto, 2004) dinyatakan bahawa konstruktivisme adalah kepercayaan bahawa murid secara aktif mencipta, membuat interpretasi dan menyusun atur pengetahuan dengan cara mereka sendiri. Untuk mewujudkan budaya konstruktivis dalam sekolah, sekumpulan guru yang komited perlulah mendalami konstruktivisme secara sistematik untuk memahami prinsip dan limitasinya.

Melalui pembacaan, penyelidik mendapati bahawa pendekatan konstruktivisme dapat diaplikasikan untuk mengajar murid-murid dalam aktiviti Pendidikan Seni Visual. Ini kerana konstruktivisme merupakan teori pembelajaran yang melibatkan pelajar sebagai pembina pengetahuan, bukannya penerima pengetahuan (Noriati, Boon P. Y, Sharifah Fakhriah, 2009). Ia melibatkan murid secara menyeluruh dan kebanyakan idea datangnya dari murid-murid sendiri. Melalui pembelajaran secara konstruktivisme, penyelidik boleh bersoal jawab dengan murid-murid mengenai apakah alat dan bahan lain yang sesuai digunakan untuk aktiviti membina model rumah.

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian penyelidik ialah untuk melihat bagaimana penggunaan pembelajaran secara konstruktivisme dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dapat menggalakkan murid untuk lebih berminat dan menjadi lebih kreatif semasa pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana antara ciri-ciri yang terdapat dalam pembelajaran secara konstruktivisme ialah menggalakkan proses inkuiri melalui kajian dan eksperimen, serta menggalakkan dan menerima daya usaha dan autonomi murid (PPK, 2001). Dalam kajian ini, penyelidik ingin memberi tumpuan kepada Bidang Membentuk dan Membuat Binaan kerana bidang ini memerlukan murid untuk berfikir secara kreatif dalam membina sesuatu, seperti model.

Penyelidik akan menggunakan pembelajaran secara konstruktivisme dalam pengajaran aktiviti seni visual membuat model rumah.

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat beberapa objektif untuk kajian ini iaitu:

1. Menggalakkan murid untuk lebih berminat melakukan aktiviti semasa pembelajaran Pendidikan Seni Visual.
2. Menggalakkan murid berfikir dengan lebih kreatif melalui inkuiri penemuan semasa pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

SOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif ini, terdapat beberapa persoalan yang perlu dijawab melalui kajian tindakan ini iaitu:

1. Adakah pendekatan konstruktivisme dapat untuk menggalakkan murid lebih berminat melakukan aktiviti semasa pembelajaran Pendidikan Seni Visual?
2. Adakah pendekatan konstruktivisme dapat menggalakkan murid untuk berfikir secara kreatif melalui inkuiri penemuan semasa pembelajaran Pendidikan Seni Visual?

KUMPULAN SASARAN

Penyelidik telah memilih murid-murid Tahun 3 Kreatif di salah sebuah sekolah di kawasan Miri sebagai peserta kajian. Dalam kajian ini, seramai 20 orang murid telah terlibat dan mereka dikehendaki untuk mengisi borang soal selidik semasa penyelidik menjalankan kajian. Jadual 1 menunjukkan profil latar belakang peserta.

Jadual 1 Profil latar belakang peserta

| Perkara | | Bilangan (orang) |
|---------|-----------|------------------|
| Jantina | Lelaki | 12 |
| | Perempuan | 8 |
| Bangsa | Melayu | 12 |
| | Iban | 6 |
| | Cina | 0 |
| | Lain-lain | 2 |

PROSEDUR KAJIAN

Penyelidik telah menggunakan model Kurt Lewin untuk menjalankan prosedur kajian. Kajian ini dijalankan dalam dua kitaran, di mana kitaran pertama melibatkan prosedur seperti perancangan, tindakan, pemerhatian, dan refleksi. Instrumen pemerhatian dan penilaian hasil kerja digunakan dalam kitaran ini. Manakala kitaran kedua pula melibatkan prosedur yang sama seperti kitaran satu. Instrumen yang digunakan pula ialah pemerhatian, soal selidik, temu bual dan penilaian hasil kerja

TEORI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MELALUI PENDEKATAN KONSTRUKTIVISME

Konstruktivisme adalah teori mengenai pengetahuan dan pembelajaran: ia menerangkan mengenai apa itu 'mengetahui' dan bagaimana seseorang itu 'dapat mengetahui'. Walaupun konstruktivisme bukanlah satu teori pengajaran, ia mencadangkan untuk mengambil pendekatan yang berbeza kepada untuk pengajaran yang biasa digunakan di sekolah.

Pembelajaran secara konstruktivisme turut diaplikasikan dalam mata pelajaran lain seperti sains, matematik, dan bahasa (Fosnot, 2005). Rata-ratanya kesimpulan yang dibuat adalah sama, iaitu pembelajaran secara konstruktivisme telah membantu guru untuk mengajar dan menggalakkan murid-murid untuk terlibat secara aktif semasa sesi soal jawab. Murid-murid juga digalakkan untuk membuat inkuiri untuk mendapatkan hasil penemuan dan proses penerokaan ini akan memberikan mereka suatu pengalaman yang berharga. Pengalaman ini seterusnya dapat digunakan untuk meningkatkan lagi mutu pembelajaran mereka untuk masa akan datang.

Di dalam buku Pembelajaran Secara Konstruktivisme oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, terdapat beberapa ciri pembelajaran secara konstruktivisme. Antaranya ialah menggalakkan proses inkuiri murid melalui kajian dan eksperimen. Saintis menggunakan proses inkuiri untuk menjana dan mengesahkan sesuatu pengetahuan (Brown, Fauvel, & Finnegan, 1981 seperti yang dinyatakan dalam Edgen & Kauchak, 1988). Inkuiri juga boleh timbul ke atas perkara yang bersifat sendiri. Sebagai contoh, murid-murid mendapati warna berubah apabila dicampurkan – ini telah menjadi satu proses inkuiri penemuan. Dalam peringkat bilik darjah, inkuiri merupakan strategi pengajaran yang direka untuk mengajar murid-murid bagaimana untuk mengatasi persoalan dan masalah yang timbul dalam pelbagai isi pembelajaran. Lantaran itu, inkuiri ini dapat digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Seni Visual melalui penyooalan dan penyelesaian masalah oleh murid-murid mengenai kaedah dan teknik yang ingin mereka lakukan ketika menghasilkan model rumah.

REKABENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tindakan di mana penyelidik telah melakukan dua kitaran untuk mendapatkan dapatan. Untuk menjalankan kajian ini, set instrumen berbentuk soal selidik, pemerhatian, temu bual dan rubrik pemarkahan telah digunakan untuk mengumpul data yang dikehendaki. Ia telah mendapat pengesahan pakar rujuk dan seterusnya penyelidik telah menjalankan kajian ke atas 20 orang murid Tahun 3.

DAPATAN KAJIAN

Respon murid yang diisi di dalam borang soal selidik dirumuskan menjadi peratusan untuk melihat apakah skala yang paling tinggi peratusannya. Keputusan untuk borang soal selidik ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Rumusan analisis borang soal selidik

| Item | Skor (%) | | |
|--|--------------|-------------|--------|
| | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju |
| 1. Saya suka melakukan aktiviti seni melalui proses penerokaan. | 20 | 5 | 75 |
| 2. Saya memahami penerangan yang diberikan oleh guru bahawa saya boleh menggunakan idea saya sendiri untuk menghasilkan model. | 0 | 20 | 80 |
| 3. Saya lebih bersemangat untuk melakukan aktiviti apabila guru memberi kebebasan kepada saya untuk membina model. | 15 | 25 | 60 |
| 4. Saya menjadi lebih berminat kepada aktiviti Pendidikan Seni Visual apabila guru memberi kebebasan untuk membina model. | 10 | 15 | 75 |
| 5. Saya dapat menggunakan pelbagai idea apabila guru memberi kebebasan untuk membina model. | 10 | 10 | 80 |
| 6. Saya boleh menggunakan pengalaman saya di luar kelas apabila guru memberi kebebasan untuk membina model. | 15 | 10 | 75 |
| 7. Saya tidak pasti bagaimana untuk bermula apabila guru memberikan kebebasan untuk membina model. | 45 | 25 | 30 |

Berdasarkan rumusan tersebut, ia telah menunjukkan perbezaan yang signifikan antara murid yang bersetuju dan tidak bersetuju dengan item yang diajukan oleh penyelidik. Ini membuktikan bahawa murid menyukai pembelajaran secara konstruktivisme kerana mereka boleh meneroka idea-idea mereka untuk menghasilkan model rumah.


Jadual 3: Perkara yang diperhatikan

| Bil | Perkara |
|-----|--|
| 1. | Membawa alat dan bahan selain daripada yang dipesan oleh guru. |
| 2. | Memahami penerangan guru dengan baik. |
| 3. | Dapat menghasilkan karya tanpa bantuan guru. |
| 4. | Memberikan respon yang positif (menunjukkan minat) semasa guru mengajar. |
| 5. | Sering bertanya kepada guru mengenai kerja yang dilakukan. |

Di samping itu, data pemerhatian juga menyokong dapatan soal selidik di mana sepanjang pemerhatian penyelidik sewaktu menggunakan pendekatan konstruktivisme, murid-murid kelihatan bersemangat dan berminat untuk melibatkan diri di dalam perbincangan bersama guru. Murid-murid juga dapat menerima arahan guru dengan baik. Di samping itu, penyelidik dapat melihat bagaimana murid-murid sentiasa mencadangkan idea dan juga bertukar-tukar pendapat semasa sesi soal jawab dilakukan. Ini dapat dijadikan sebagai petunjuk bahawa murid-murid berminat dengan aktiviti yang dijalankan oleh penyelidik. Murid-murid juga kelihatan tidak tertekan semasa menghasilkan model rumah dan pelbagai idea dibincangkan. Ini menunjukkan kreativiti murid berkembang semasa menghasilkan model rumah mereka.

Melalui temu bual bersama guru Pendidikan Seni Visual yang membuat pemerhatian sewaktu penyelidik mengajar, beliau menyatakan bahawa beliau dapat melihat perubahan pada murid-murid sewaktu penyelidik menggunakan pendekatan konstruktivisme. Walaupun pada mulanya, murid-murid masih belum dapat mengikut pengajaran guru kerana masih menyesuaikan diri dengan pendekatan yang digunakan, tetapi kemudiannya murid-murid kelihatan aktif dan ceria sewaktu menghasilkan model rumah. Murid-murid juga kelihatan bersemangat untuk memulakan pembelajaran. Di sini jelas menunjukkan bahawa pembelajaran secara konstruktivisme yang digunakan oleh penyelidik merangsang minat murid untuk melakukan aktiviti.

Selain daripada pemerhatian dan soal selidik, peningkatan markah dalam komponen kreativiti digunakan untuk menjawab soalan kajian yang kedua. Markah untuk komponen kreativiti tersebut dalam dilihat dalam rajah di bawah :



Rajah 1 Markah Komponen Kreativiti Bagi Pusingan 1 dan Pusingan 2

Melalui rajah ini, dapat kita lihat markah kreativiti murid meningkat pada pusingan ke dua kajian. Ini menjawab persoalan kajian iaitu pendekatan konstruktivisme dapat menggalakkan murid untuk berfikir dengan lebih kreatif lagi dan ia ditunjukkan dalam hasil karya murid. Murid-murid telah melakukan inkuiri teknik dan meneroka penggunaan alat dan bahan semasa menghasilkan karya. Mereka menggunakan idea mereka sendiri yang diperoleh semasa sesi perbincangan dengan guru dan rakan-rakan. Melalui inkuiri, idea mereka bertambah dan daya kreativiti murid-murid meningkat.

PERBINCANGAN

Bagi soalan pertama, ia dapat dijawab melalui dapatan kajian melalui borang soal selidik dan juga pemerhatian penyelidik. Selain itu, ia juga disokong oleh guru Pendidikan Seni Visual melalui soalan temu bual yang dikemukakan. Murid-murid dilihat semakin berminat untuk melakukan aktiviti apabila penyelidik menggunakan pendekatan konstruktivisme. Sesi soal jawab mendapat respon yang lebih baik dan juga murid-murid bersemangat menyatakan idea masing-masing kepada guru.

Untuk soalan kedua pula, ia dapat dijawab melalui dapatan kajian yang menggunakan pemerhatian, soal selidik dan juga markah murid. Murid-murid menampakkan peningkatan dalam daya kreativiti mereka semasa menghasilkan model rumah dengan menggunakan idea yang pelbagai dalam penghasilan karya.

Peningkatan markah kreativiti ini telah menyokong dapatan pemerhatian dan juga soal selidik dalam menjawab soalan kedua.

Walaupun soalan kajian dapat dijawab, ini tidak bermakna penggunaan pendekatan konstruktivisme ini telah berjaya seratus peratus dalam pendidikan. Biarpun ia menunjukkan kejayaan apabila digunakan dalam aktiviti membuat model dalam Pendidikan Seni, namun ada banyak lagi perkara yang harus diperbaiki dan ditingkatkan. Sebagai contoh, para guru seharusnya didedahkan dengan kaedah yang betul jika ingin menggunakan pendekatan konstruktivisme. Ia tidak dapat dijalankan secara terus. Kesan pendekatan ini tidak akan terjadi dalam masa yang singkat. Ia mengambil masa untuk guru dan murid menyesuaikan diri dengan pendekatan ini. Guru harus mengambil kira tahap pembelajaran murid kerana masih ada murid yang lemah dalam pembelajaran dan ini akan menyukarkan mereka untuk menerima sesuatu yang baru.

Walaupun pendekatan konstruktivisme ini dapat dijalankan ke atas murid-murid Tahun 3 SK S, ini tidak bermakna keputusan kajian ini dapat diaplikasikan kepada semua murid Tahun 3. Keputusan ini hanyalah tertakluk pada kumpulan sasaran bagi penyelidikan ini sahaja.

PENUTUP

Guru Pendidikan Seni Visual dapat meningkatkan mutu pengajaran dan amalan mereka sekiranya mereka peka dengan keperluan murid-murid dalam membuat penerokaan untuk memperkembangkan bakat dan daya kreativiti mereka. Guru-guru Pendidikan Seni di sekolah tidak seharusnya memandang mata pelajaran ini sebagai satu mata pelajaran yang tidak penting maka ia boleh digantikan dengan mata pelajaran lain (Mohd. Johari, 2004). Pihak pentadbir sekolah juga hendaklah memberi sokongan untuk mata pelajaran ini. Kurangkan penggunaan masa Pendidikan Seni Visual untuk menggantikan mata pelajaran lain yang dianggap lebih penting.

Melalui kajian ini juga, penyelidik mendapati bahawa pengetahuan guru-guru veteran di sekolah mengenai pendekatan konstruktivisme masih cetek. Untuk itu, penyelidik mencadangkan agar lebih banyak kajian mengenai konstruktivisme dalam Pendidikan Seni Visual dijalankan. Pendedahan mengenai pendekatan pembelajaran juga amatlah digalakkan terutamanya kepada guru-guru yang ada di sekolah.

Peratusan yang tinggi dalam analisis soal selidik menunjukkan bahawa murid-murid inginkan kelainan dalam pengajaran dan pembelajaran seni visual. Perkara ini harus diambil kira oleh guru ketika menjalankan aktiviti agar objektif pengajaran dapat dicapai sekaligus membantu murid-murid belajar dalam suasana yang menyenangkan.

RUJUKAN

- Abbeduto, K. (2004). *Taking sides. clashing views on controversial. issues in educational psychology: third edition*. Connecticut: McGraw-Hill/ Dushkin.
- Audet, R.H. & Jordan, L.K. (2005). *Intergrating inquiry across the curriculum*. California: Corwin Press.
- Azrizan bt. Abu Bakar. (2009). Konstruktivisme dalam konteks pengajaran dan pembelajaran masa kini. *Al Mizan Jurnal Akademik* 1(1), 121 – 136
- Boon P. Y., Noriati A. Rashid, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2009). *Murid dan alam belajar*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar.
- Cornish, M. M & Cantor, P. A. (2008). Thinking about thinking: it's not just for philosophers: using metacognitive journals to teach dan learn about konstruktivisme. *Journal of Early Childhood Education* 29(4), 326 -339.
- Eggen. P. D. & Kauchak, D. P. (1988). *Strategies for teachers: teaching content and thinking skills*. New Jersey: Prentice Hall.
- Fosnot, C. T . (2005). *Constructivisme: theory, perspectives, and practice. Second practice*. New York: Teachers College, Columbia University.
- Ganesan Shanmugavelu. (2009). Falsafah kaedah inkuri dan proses pelaksanaannya dalam mata pelajaran sejarah. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* 1, 107 – 118.
- Mohd. Johari Ab. Hamid. (2004). *Pendidikan seni visual dan musik*. Perak Darul Ridzuan: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Oldfather, P. & West, J., White, J. & Wilmarth, J. (1999). *Learning through children's eyes. Sosial constructivism and the desire to learn*. Washington DC: American Psychological Assosiation.
- Poon, C. Y. (2003). *Kurikulum yang dihasratkan dan kurikulum yang dilaksanakan:kajian kes terhadap pengajaran penyelesaian masalah matematik KBSM*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Pembelajaran secara konstruktivisme*. Kementerian Pendidikan Malaysia.